Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

**PENGLIBATAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEUSAHAWANAN DI NEGERI KEDAH TAHUN 2005-2014: KAJIAN KES DI DAERAH PADANG TERAP, KEDAH**

**KAMARUL AZMAN KHAMIS**
**94496**

Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2016**

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
*(College of Law, Government and International Studies)*
**Universiti Utara Malaysia**

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
*(Certification of thesis / dissertation)*

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
*(We, the undersigned, certify that)*

KAMARUL AZMAN BIN KHAMIS (94496)

calon untuk Ijazah
*(candidate for the degree of)* Ph.D

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
*(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):*

**PENGLIBATAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEUSAHAWANAN NEGERI KEDAH 2005-2014 : KAJIAN KES DI DAERAH PADANG TERAP, KEDAH**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
*(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).*

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada 28 April 2016
*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: April 28, 2016*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pengerusi Viva *(Chairman for Viva)* | : | ASSOC. PROF. DR. AHMAD BASHAWIR HJ ABDUL GHANI | Tandatangan *(Signature)* | |
| Pemeriksa Luar *(External Examiner)* | : | ASSOC. PROF. DR. SIVAMURUGAN PANDIAN | Tandatangan *(Signature)* | |
| Pemeriksa Luar (External Examiner) | : | ASSOC. PROF. DR. MOHD SAZILI SHAHIBI | Tandatangan *(Signature)* | |

Tarikh: 28 April 2016
Date

Universiti Utara Malaysia

Nama Pelajar
*(Name of Student)* : KAMARUL AZMAN BIN KHAMIS (94496)

Tajuk Tesis
*(Title of the Thesis)* : PENGLIBATAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEUSAHAWANAN NEGERI KEDAH 2005-2014 : KAJIAN KES DI DAERAH PADANG TERAP, KEDAH

Program Pengajian
*(Programme of Study)* : Ph.D

Penyelia Pertama
(First Supervisor) : DR. MOHAMAD AINUDDIN ISKANDAR LEE ABDULLAH

Tandatangan
*(Signature)*

Penyelia Kedua
(Second Supervisor) : DR. RUSDI OMAR

Tandatangan
*(Signature)*

Universiti Utara Malaysia

**KANDUNGAN** **Halaman**


| | |
|---|---|
| Pengakuan | ii |
| Penghargaan | iii-iv |
| Abstrak | v |
| Abstract | vi |
| Kandungan | vii-xiv |
| Senarai Rajah, Jadual dan Graf | xv-xvi |
| Senarai Singkatan | xvii |


Universiti Utara Malaysia

# PENGAKUAN

Dengan ini saya mengakui bahawa penghasilan tesis Ph.D ini adalah merupakan kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Universiti Utara Malaysia

18 Februari 2016 Kamarul Azman Bin Khamis (94496)

**PENGHARGAAN**

*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang* saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang menganugerahkan kekuatan kudrat, ketabahan dan kesabaran sehingga dapat menyiapkan tesis Ph.D. Dalam kesempatan yang terbatas ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada insan-insan yang telah memberikan dorongan dan semangat yang tidak berbelah bagi dalam masa perjuangan menyiapkan tesis.

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai kepada para penyelia tesis, Yang Berusaha Prof Madya Dr. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah selaku penyelia utama yang banyak memberi tunjuk ajar, dorongan dan sokongan di dalam membantu tanpa kenal erti perit getir dan putus asa di dalam menyiapkan tesis ini dan Yang Berusaha Prof Madya Dr. Rosdi Bin Omar selaku penyelia kedua yang penuh dedikasi dan sabar memberi tunjuk ajar bimbingan serta panduan intelektual tanpa jemu sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

Ucapan teristimewa juga di tujukan khas kepada Prof Dato Seri Dr Mustaffa Ishak selaku Naib Canselor UUM, Prof Madya Dr Bashawir, Dekan SOIS, Prof Dr. Sivamurugan Pandian selaku penel pemeriksa, Prof Madya Dr. Sazili Shahibi, Prof Dr, Kamarul Nizam, Dr. Sivagesparan, Prof Madya Dr. Fairol Halim, En Afifi yang banyak membantu ditujukan khas juga buat isteri tercinta Azhani Ali yang sentiasa menjadi pencetus inspirasi, pembakar semangat serta iringan berkat doa yang menjadi tunjang kepada kekuatan ketika saat mengharungi rintangan kesukaran. Kepada anak-anak pengikat kasih keluarga Muhd. Daniel Ashraf yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dan semangat untuk berjuang dalam menyiapkan tesis, ibu ayah Khamis Bin Jusoh dn Zaiton Talib, Ali Ismail dan Azizah Yusop. Tidak lupa juga kepada keluarga tercinta yang memberi dorongan dan iringan doa, kepada Yang Berbahagia Dato seri Ghazali Ibrahim, Yang Berhormat Dato Seri Mahadzir Khalid, Yang Berhormat Puan Kamanoriah, En Zulkifli Ismail yang tak putus – putus memberi semangat dan motivasi agar terus berjaya, saudara Jasnizam Husni, Musabaqoh Ismail, Mohd Zulkifli Ismail, Mohd Zulkifli Ahmad, Faizal Mustaffa, Abang Chon, cikgu Zai dan Bang Mat yang banyak memberi sokongan dan dokongan ahli keluarga semua, tanpa bantuan anda semua dengan keizininan Allah S.W.T mana mungkin tesis ini dapat di siapkan.

UUM Universiti Utara Malaysia

Ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan, ilham mahupun berkongsi buah fikiran terutamanya Prof Dr. Kamarul Nizam, Dr. Che Aziz, Dr. Nadzariah, Dr. Kamarul Zaman, Dr Norafidah Rohana Yusof, Prof Madya Dr. Asan Ali Ghulam Hassan dan saudara Azmi. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberi semangat. Di samping itu, terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kakitangan Pace Tuan Masri, Eswandi, Kak Ida, Pn Husnul khatimah, Ira juga membantu dalam mendapatkan bahan-bahan tesis. Tidak lupa juga kepada kakitangan di Arkib Negara, Jalan Duta dan Kak Yan di Arkib Negara Cawangan Alor Star. Kakitangan di Jabatan Pengajian Lanjutan, Jabatan Pendaftar Universiti Utara Malaysia, Sekalung penghargaan kepada individu-individu yang turut membantu terutamanya Cikgu Azizan, Cr. Lokman, Cikgu Shah Jahan Naseer, Pn Hanisah, Cikgu Norhan, Cikgu Non, tidak lupa juga GPMS Kebangsaan dan GPMS kedah yang banyak membantu dari segi sumber maklumat dan bahan Tuan Jais Abdul Karim, Tuan Zamberi, Cikgu Helmi, Pn Ainul Tn haji Syamsul Bahar Abd Rani, Tn Hazimin jamaluddin, Cikgu Razeff, Cikgu Salahuddin, Pn Rosmadiela, Tuan Helmi Khamidun. Penghargaan turut ditujukan kepada saudara En. Rosli atau (Bang Li), En Fitri Abd Rahman, Abut, Mahadi, Kak Nor Fatimah, staff School Ghazali Shafie dan SOIS yang turut membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan amnya kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan khususnya kepada Universiti Utara Malaysia yang banyak membantu pengajian saya melanjutkan Ph.D di Universiti Utara Malaysia. Tanpa bantuan semua yang ada apalah erti perjuangan ini..

**Kamarul Azman Bin Khamis**

32 A, Kampung Lubok Merbau Pedu.
06300 Kuala Nerang Kedah

Universiti Utara Malaysia

# ABSTRAK

*Gabungan Pelajar Malaysia Semenanjung (GPMS) merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang memainkan peranan dalam membantu agenda anak-anak Bumiputera Melayu, khususnya dalam aspek pendidikan dan keusahawanan. GPMS sentiasa membantu pihak sekolah dalam mencapai kelestarian pembangunan pendidikan sentiasa berada pada tahap yang baik. Permasalahan dalam kajian adalah melihat keberkesanan program pembangunan pendidikan dan keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar Bumiputera Melayu luar bandar khususnya di Daerah Padang Terap, Kedah. Kajian ini meneroka dan menelusuri program motivasi kesedaran dalam kalangan pelajar sekaligus melahirkan pelajar yang berdaya saing. Kajian ini juga bertujuan menilai peranan GPMS dalam program pembangunan pelajar sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014. Kajian ini mengkaji dan menilai sejauh manakah kemampuan agenda GPMS mengasah bakat kepimpinan pelajar, membantu meningkatkan pencapaian sekolah serta memupuk peluang keusahawanan dalam kalangan pelajar Melayu di sekolah menengah. Di samping itu kajian ini juga melihat aspek kerjasama GPMS dengan pihak sekolah dalam pembangunan pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam berasaskan temu bual dan kajian kepustakaan dan kajian dokumen. Hasil kajian menunjukkan pelbagai reaksi positif daripada pihak sekolah mahupun tenaga pengajar dan masyarakat termasuk tokoh usahawan dan pimpinan tertinggi di Padang Terap. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa keberkesanan program GPMS dalam melahirkan tokoh- tokoh yang dapat menjadi sumber inspirasi dan model kepada pelajar-pelajar mahupun masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan kapasiti yang diterapkan dalam GPMS berjaya melahirkan generasi Bumiputera Melayu luar bandar yang berupaya bersaing dan sentiasa memastikan pendidikan Bumiputera Melayu sentiasa diperjuangkan sebagai wadah utama penubuhan GPMS di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Keusahawan, Pembangunan Kapasiti

Universiti Utara Malaysia

# *ABSTRACT*

*The Association of Peninsular Malaysia Students (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)) is a non-governmental organization that helps Bumiputera Malay students, particularly in education and entrepreneurship. GPMS assists schools to always maintain the sustainable development of education at a good level. This study focuses on the effectiveness of the education and entrepreneurship development program among Bumiputera students especially in the rural Malay area in Padang Terap in the state of Kedah. This study explores the motivation awareness program among the students to produce more competitive students. The study also aims at evaluating the role of the GPMS in the development program of secondary school students in Padang Terap from 2005-2014. It examines and evaluates the extent to which the GPMS agenda could hone students' leadership skills, help improve school achievement and foster entrepreneurial opportunities among Malay students in secondary schools, besides observing the cooperation between GPMS and the schools in the development of education. This study used a qualitative approach through in-depth interviews, literature review and document analysis. The findings show many positive reactions from the school, the teachers and the community leaders including entrepreneurs and top management in Padang Terap. The study also shows the effectiveness of the GPMS program in producing leaders that can be sources of inspiration and models to the students or the public. The results show that the capacity development adopted by GPMS is successful in generating rural Malay Bumiputeras who are able to compete and it also always champions Malay Bumiputeras' education as the main reason for the establishment of the GPMS in Malaysia.*

Universiti Utara Malaysia

**KEY WORDS:** Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Education Development, Entpreneurship, Capacity Development

**KANDUNGAN**


| | | Halaman |
|---|---|---|
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | 1 |
| 1.1 | Sejarah Penubuhan GPMS | 1 |
| 1.2 | Penyataan masalah | 20 |
| 1.3 | Persoalan kajian | 29 |
| 1.4 | Objektif kajian | 29 |
| 1.5 | Skop kajian | 30 |
| 1.6 | Kepentingan kajian | 31 |
| 1.7 | Batasan Kajian | 31 |
| 1.8 | Definasi operasional | 32 |
| | 1.8.1 GPMS sebagai penubuhan sukarela | 34 |
| | 1.8.2 Pembangunan kapasiti | 34 |
| | 1.8.3 Pendekatan pembangunan kapasiti | 38 |
| | 1.8.4 Instrumental teori modal insan | 39 |
| | 1.8.5 Pembangunan masyarakat | 42 |
| **BAB 2** | **ULASAN KARYA** | 50 |
| 2.1 | Pendahuluan | 50 |
| 2.2 | Hubungan Pencapaian Akademik dan Kemiskinan | 50 |
| 2.2.1 | Definisi Salah Laku Disiplin | 51 |


Universiti Utara Malaysia

2.2.2 Masalah Disiplin Berat 52

2.2.3 Masalah Disiplin Sederhana 53

2.2.4 Masalah Disiplin Ringan 53

2.2.4 Salah laku Displin dan Tahapnya 54

2.2.5 Masalah Disiplin dan Faktor-faktornya 55

2.2.6 Masalah Disiplin dan Kesannya 59

2.3 Hubungan Pendidikan Dengan Pembangunan Modal Insan Serta Kerjaya 61

2.4 Sekolah luar bandar 63

**BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN** 66

3.1 Pendahuluan 66

3.2 Rekabentuk Kajian 66

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 67

3.4 Kaedah Pengumpulan Data 68

3.4.1 Kaedah Temubual 69

3.4.2 Fokus Kumpulan 69

3.4.3 Pendekatan kualitatif 69

Universiti Utara Malaysia

3.4.4 Pendekatan Kajian Kes 74

3.4.5 Persampelan 75

3.5 Kaedah kajian 75

3.5.1 Kaedah temu bual mendalam 77

3.5.2 Kumpulan Berfokus 78

3.5.3 Analisis kandungan 79

3.6 Merekodkan data 80

3.6.1 Merekod temu bual mendalam dan kumpulan berfokus 80

**BAB EMPAT GPMS DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2005-2014.** 82

4.0 Pengenalan 82

4.1 Program Pembangunan Pendidikan GPMS di Kedah 82

4.2 GPMS Cawangan Padang Terap 83

4.3 Tokoh-tokoh GPMS Dalam Program Pembangunan Pendidikan GPMS Di Padang Terap 86

4.4 Strategi Program Pendidikan GPMS di Padang Terap 87

4.5 Strategi Mendapatkan Dana Program GPMS 90

4.6 Program-program Pembangunan Pendidikan GPMS Di Padang Terap 2005-2014 91

Universiti Utara Malaysia

4.6.1 Program Pendidikan Percuma-Tuisyen Percuma 91

4.6.2 Program Motivasi 94

4.7 Program Sahsiah Diri 106

4.7.1 Ikon Pelajar Melayu 109

4.7.2 Dana Wang Saku (DWS) 109

4.7.3 Motivasi Keibubapaan 110

4.7.4 Modul Program Pendidikan Percuma GPMS 111

4.8 Trend dan pola disipin dan pencapaian akademik 2005-2014. 117

4.8.1 Jumlah Salah Laku Disiplin SMK Di Daerah Padang Terap 2005-2014 117

4.8.2 Trend Salah Laku Disiplin Pelajar di SMK Daerah Padang Terap 119

4.8.3 Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar Mengikut Sekolah 121

4.8.4 Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2014 121

4.8.5 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di SMK Padang Terap 2005-2014 128

4.8.6 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di SMK Naka 2005-2014 134

4.8.7 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di 141

Universiti Utara Malaysia

SMK Kuala Nerang 2005-2014
4.8.8 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di 147
SMK Felda Lubok Merbau 2005-2014
4.8.9 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di 153
SMK Dato' Syed Ahmad 2005-2014
4.9 Pencapaian Akademik SMK Daerah Padang Terap 160
2005-2014
4.9.1 Peratus Lulus SMK Daerah Padang Terap 160
2007-2009, 2010-2014
4.9.2 Purata Gred (GP) SMK Daerah Padang Terap 161
2007-2009, 2010-2014
4.10 Trend Pencapaian Akademik (Purata Lulus dan GP) 163
Pelajar Mengikut Sekolah
4.10.1 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 163
Pelajar SMK Dato' Syed Ahmad 2007-2014
4.10.2 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 167
Pelajar SMK Padang Terap 2007-2014
4.10.3 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 170
Pelajar SMK Lubok Merbau 2007-2014
4.10.4 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 173
Pelajar SMK Pedu 2007-2014
4.10.5 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 175

Universiti Utara Malaysia

Pelajar SMK Kuala Nerang 2007-2014
4.10.6 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 179
Pelajar SMK Naka 2007-2014
4.11 Rumusan 182

**BAB LIMA GPMS DALAM PROGRAM-PROGRAM KERJASAMA DENGAN PIHAK SEKOLAH 2005-2014** **183**

5.1 Pendahuluan 183
5.2 Tujuan Program Kerjasama 184
5.3 Kerjasama Pihak Sekolah dengan GPMS 185
Responden 1 185
Responden 2 186
Responden 3 186
Responden 4 186
Responden 5 187
Responden 6 187

5.4. Program-program Kerjasama 188
5.4.1 Program Bicara Duta GPMS 188
5.4.2 Program Sumbangan Bantuan Persekolahan 189
5.4.3 Program-program Berbentuk Keagamaan 190

Universiti Utara Malaysia

5.4.4 Program-program Berbentuk Kesihatan 192

5.4.5 Program Berbentuk Sukan dan Riadah 194

5.4.6 Program Kemerdekaan 195

5.4.7 Program-Program Sosial 197

5.5 Rumusan 198

**BAB ENAM GPMS DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PELAJAR 2005-2014.** 199

6.1 Pendahuluan 199

6.2 Tujuan Aktiviti Pembangunan Kepimpinan Pelajar 199

6.3 Aktiviti-aktiviti Pembangunan Kepimpinan 201

6.3.1 Aktivititi Yang Dianjurkan 201

6.3.2 Penggunaan Modul Kepimpinan 205

6.4 Ikon Kepimpinan GPMS 216

6.5 Gaya Kepimpinan Ikutan 217

6.6 Tokoh-tokoh Pemimpin Tempatan Dilahirkan 218

6.7 Keberkesanan Aktiviti Pembangunan Kepimpinan Pelajar 218

6.8 Rumusan 222

Universiti Utara Malaysia

**BAB TUJUH GPMS DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KERJAYA PELAJAR 2005-2014** 223

7.1 Pendahuluan 223

7.1.1 Kepimpinan keusahawanan 223

7.2 Program Pembangunan Keusahawanan 228

7.2.1 Program Kerjaya Pelajar 230

7.2.2 Program – program keusahawanan 233

7.3 Keberkesanan Aktiviti Pembangunan Ekonomi dan Kerjaya Pelajar 239

7.4 Rumusan 243

**BAB LAPAN RUMUSAN** 244

8.1 Pendahuluan 244

8.2 Kejayaan GPMS 244

8.3 Kekekuatan, Kelemahan, Cabaran dan Ancaman GPMS 248

RUJUKAN 250

Lampiran 270

Tokoh 270

Aktiviti GPMS 279

Laporan Tahunan 344

Universiti Utara Malaysia

## SENARAI PETA, RAJAH, JADUAL DAN GRAF


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Rajah 1 | Kumpulan Berfokus | 78 |
| Rajah 1 | Analisis kandungan | 79 |
| Rajah 1 | Merekodkan data | 80 |
| Jadual 2 | Merekod temu bual mendalam dan kumpulan berfokus | 80 |
| Jadual 3 | Trend dan pola disipin dan pencapaian akademik 2005-2014. | 117 |
| Jadual 4 | Jumlah Salah Laku Disiplin SMK Di Daerah Padang Terap 2005-2014 | 117 |
| Graf 1 | Trend Salah Laku Disiplin Pelajar di SMK Daerah Padang Terap | 119 |
| Jadual 5 | Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar Mengikut Sekolah | 121 |
| Jadual 6 | Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2014 | 121 |
| Jadual 7 | Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di SMK Padang Terap 2005-2014 | 128 |
| Graf 2 | Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di SMK Naka 2005-2014 | 134 |
| Graf 3 | Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di SMK Kuala Nerang 2005-2014 | 141 |
| Graf 4 | Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di | 147 |


Universiti Utara Malaysia

SMK Felda Lubok Merbau 2005-2014

Graf 5 Jumlah Kes dan Trend Salah Disiplin di 153

SMK Dato' Syed Ahmad 2005-2014

Graf 6 Pencapaian Akademik SMK Daerah Padang Terap 160

2005-2014

Graf 7 Peratus Lulus SMK Daerah Padang Terap 160

2007-2009, 2010-2014

Graf 8 Purata Gred (GP) SMK Daerah Padang Terap 161

2007-2009, 2010-2014

Jadual 8 Trend Pencapaian Akademik (Purata Lulus dan GP) 163

Pelajar Mengikut Sekolah

Jadual 9 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 163

Pelajar SMK Dato' Syed Ahmad 2007-2014

Jadual 10 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 167

Pelajar SMK Padang Terap 2007-2014

Graf 9 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 170

Pelajar SMK Lubok Merbau 2007-2014

Rajah 2 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 173

Pelajar SMK Pedu 2007-2014

Rajah 3 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 175

Pelajar SMK Kuala Nerang 2007-2014

Rajah 4 Trend Pencapaian (Peratus Lulus dan GP) 179

Pelajar SMK Naka 2007-2014

Universiti Utara Malaysia

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| GPMS | = | Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung |
| MAYC | = | Persatuan Kelab- Kelab Belia Malaysia |
| ABIM | = | Angkatan Belia Islam Malaysia |
| NGO | = | Agensi Bukan Kerajaan |
| JKM | = | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| PPD | = | Pejabat Pelajaran Daerah |
| IPD | = | Ibu Pejabat Daerah |
| SMK | = | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| GP | = | Gred Purata |
| MARA | = | Majlis Amanah Rakyat |
| KEDA | = | Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah |
| PMR | = | Penilaian Menengah Rendah |
| SPM | = | Sijil Pelajaran Malaysia |
| RISDA | = | Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah |
| KBSR | = | Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah |
| KNSM | = | Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah |

Universiti Utara Malaysia

# BAB SATU

# PENDAHULUAN

## 1.1 SEJARAH PENUBUHAN GPMS

Kemunduran bangsa Melayu dalam bidang ekonomi, sosial, dan politik menjadi pendorong yang kuat ke arah penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada 14 dan 15 Ogos 1948. Atas hasrat untuk mengatasi kemunduran tersebut maka berkumpul beberapa orang Pelajar Melayu Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura untuk menaja penubuhan badan pelajar Melayu peringkat kebangsaan yang bertujuan menggabungkan badan pelajar yang sedia wujud ketika itu.

Kesedaran orang Melayu khususnya dalam kalangan pelajar tentang kemunduran dalam tiga (3) lapangan hidup tersebut bermula sejak awal tahun 1900 lagi. Sekitar tahun 1906 percubaan radikal untuk merubah cara fikir dan nilai-nilai hidup yang dianggap merugikan orang Melayu seperti halangan kepada anak gadis untuk bersekolah dan sikap yang tidak menggalakkan anak-anak muda yang terdidik di Timur Tengah. Tokoh pelajar yang terkemuka ialah Syed Al Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Salim Al-Kalali.

Dalam bidang ekonomi pula, pemikir muda iaitu Zainal Abidin Ahmad (Za'aba) menulis rencana khas tentang kemiskinan orang Melayu yang tersiar dalam Al Ikhwan 16 Mac 1927. Manakala dalam bidang politik telah bangkit pula angkatan pelajar dari Sultan Idris Training College (SITC) yang bekerja keras untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Melalui

asuhan semangat dari guru muda seperti Abdul Hadi Hassan dan Harun Aminurashid, pelajar tersebut yang diketuai Ibrahim Haji Yaacob meneroka perjuangan siasah secara kolektif.

Walau bagaimanapun, semua tuntutan dan perjuangan tersebut menjadi semakin berkesan hanya setelah tamatnya Perang Dunia Kedua. Ketika itu timbul kesedaran nasionalisme menjadi gerakan sosial (social force) sebagai akibat daripada penyebaran idea tentang kemerdekaan dan pembangunan. Kemenangan Jepun dalam peperangan tersebut dan hasrat Inggeris untuk menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara jajahan melalui konsep "Kesatuan Malaya" menyuburkan secara spontan peribadi Melayu yang mementingkan rasa ketuanan di negara sendiri.

Sebenarnya GPMS telah pun melalui empat peringkat masa iaitu dengan penubuhan beberapa kumpulan pelajar Melayu yang dengan sedar meningkatkan kualiti pelajaran dan pendidikan orang Melayu. Peringkat Pertama ialah pada tahun 1937 di mana tertubuhnya *"Malay Boys League"* di *Penang Free School*; Kedua, pada tahun 1945 dengan tertubuhnya "Kesatuan Penuntut Melayu *Victoria Institution*"; Ketiga, pada tahun 1947 iaitu dengan tertubuhnya "Kesatuan Penuntut Melayu Selangor"; dan Keempat, pada tahun 1948 apabila tertubuhnya "Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)".

Universiti Utara Malaysia

***MALAY BOYS LEAGUE 1937***

*Penang Free School* adalah sekolah yang pertama didirikan di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1816. Sejak dari tahun tersebut hingga tahun 1937 pelajar Melayu sentiasa ketinggalan dalam hal persekolahan. Pada setiap tahun hanya pelajar bukan Melayu menduduki tempat tertinggi dalam setiap peperiksaan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, tradisi kejayaan pelajar bukan Melayu dapat dipecahkan oleh seorang pelajar Melayu, Abdul Wahab Mohamed Ariff setelah beliau berjaya menjadi Pelajar terbaik dalam peperiksaan *Senior Cambridge* pada tahun 1937 dan dianugerahkan *Penang Free School Centenery Gold Medal* pada tahun 1938. Kejayaan tersebut merupakan rekod kejayaan pertama dicapai oleh seorang pelajar Melayu.

Kejayaan Abdul Wahab Mohamed Ariff menakjubkan teman sebangsanya. Sebagai akibat dari peristiwa tersebut beliau diminta oleh teman-temannya menunjukkan teknik untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan. (Abdul Wahab Ariff adalah penuntut terbaik dalam peperiksaan*Standard VI, VII, Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge*). Beliau menyahut seruan teman-temannya dan memberikan bimbingan pelajaran kepada mereka. Memandangkan teman-teman terlalu bergantung harapan yang tinggi kepadanya, maka pada tahun 1937 Abdul Wahab Ariff mengambil inisiatif menubuhkan *Malay Boys League* yang bertujuan menyediakan dan melahirkan lebih ramai pelajar Melayu yang berjaya mendapat pingat emas. Beliau dipilih sebagai Kapten Liga tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Beberapa ketika setelah penubuhan liga, Abdul Wahab diminta oleh guru besarnya untuk membubarkan Liga yang dipimpinnya dan dalam keadaan yang terpaksa, Abdul Wahab Ariff mematuhi arahan tersebut meskipun luahannya,

*'.....in my blood I still felt much concerned for the educationalbetterment of my fellow Malay students.' meskipun begitu, '....Outside school I managed to organize another Malay Student League which was more of an educational and social organization.'*

Begitulah Abdul Wahab Ariff anak muda yang ketika itu berumur 18 tahun berjaya merintis penubuhan perkumpulan pelajar yang menjalankan usaha sendirian untuk meninggikan kualiti pelajaran dan pendidikan teman-temannya. Usahanya terpaksa dimatikan pada tahun 1939 apabila beliau dipilih melanjutkan pelajaran di *King VII College of Medicine*, Singapura.

Universiti Utara Malaysia

**KESATUAN PENUNTUT MELAYU *VICTORIA INSTITUTION* 1945**

Penggunaan Bahasa Inggeris dan pemusatan sekolah di bandar menjadi ciri utama dalam sistem persekolahan menengah dan tinggi kolonial Inggeris di Tanah Melayu. Sebagai akibat daripada keadaan ini terdapatnya kelompok pelajar Melayu yang amat kecil pada kedua-dua peringkat persekolahan tersebut.

| Tahun | Penuntut Lelaki | Penuntut Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 1938 | - | - | 3,511 |
| 1946 | 6,535 | 1,168 | 7,703 |
| 1947 | 7,839 | 1,770 | 9,609 |
| 1948 | 8,535 | 2,589 | 11,124 |
| 1949 | 9,992 | 3,475 | 13,467 |
| 1950 | 11,727 | 4,186 | 15,913 |

**Jadual 1.1** : Penuntut Melayu di Sekolah Inggeris Kerajaan dan Bantuan Kerajaan, 1935 Hingga 1950 di Negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu(Tidak Termasuk Singapura).

*(Sumber: Laporan Jawatankuasa Pelajaran Melayu 1951 cetakan Kerajaan)*

UUM Universiti Utara Malaysia

Kekurangan pelajar Melayu pada peringkat sekolah Menengah jelas terlihat dalam jadual tersebut. Pada tahun 1947 misalnya, daripada jumlah keseluruhan orang Melayu dan bilangannya 2,162,031 hanya seramai 9,609 orang yang terdidik pada peringkat menengah sedangkan pada masa yang sama dari jumlah penduduk Cina 1,184,534 seramai 30,107 orang bersekolah menengah manakala jumlah penduduk India daripada jumlah keseluruhan 530,638 yang sampai ke peringkat persekolahan menengah ialah seramai 14,080 orang. Kekurangan pelajar Melayu di sekolah menengah amat dirasakan apabila sekolah dibuka kembali selepas Perang Dunia Kedua. Pada waktu itu ramai penuntut Melayu terpaksa berhenti sebagai akibat daripada kesempitan hidup dan umur yang sudah melewati had yang dibolehkan untuk bersekolah. Kekurangan ini berlaku di *Victoria Institution* Kuala Lumpur pada tahun 1945 yang hanya menempatkan seramai

11 orang pelajar Melayu yang dapat melanjutkan pelajaran pada peringkat *School Ceritificate*. '…apabila kami lihat sekeliling hanya ada 10 orang Pelajar Melayu, kami mula tertanya-tanya sesama sendiri. Sebelum perang boleh dikatakan ramai anak bangsa kita yang sama-sama belajar. Kami pun bersama-sama mengambil inisiatif menyelidik sebab-sebab terjadinya keadaan tersebut…'

Kajian mereka memperlihatkan bahawa kemiskinan, tempat tinggal dan kepemimpinan menjadi sebab utama pelajar Melayu tidak meneruskan pengajian mereka. Setelah mengetahui latar belakang yang mengakibatkan kekurangan pelajar Melayu, para pelajar tersebut menubuhkan badan pelajar yang bergerak dalam kawasan sekolah yang diberi nama Kesatuan Penuntut Melayu *Victoria Institution* yang bertujuan membantu pelajar Melayu yang memerlukan bantuan. Beberapa ketika setelah penubuhannya, kegiatan pelajar tersebut meluas ke kawasan luar sekolah iaitu di sekolah lain di sekitar Kuala Lumpur. Hal ini berlaku setelah tiga bulan ia berjalan apabila pelajar Melayu di sekolah lain menyatakan keinginan untuk bersama memperjuangkan nasib rakan-rakan mereka. Hasil dari keadaan ini maka Kesatuan yang ditubuhkan pada 20 November 1945 bertukar menjadi Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Kuala Lumpur. Hal ini berlaku pada 11 Februari 1946.

Universiti Utara Malaysia

## KESATUAN PERSURATAN PENUNTUT MELAYU SELANGOR 1947

Pergerakan penuntut Melayu di Victoria Institution berkembang di beberapa buah sekolah lain di sekitar Kuala Lumpur. Pergerakan pelajar tersebut kemudiannya meluas ke daerah-daerah lain di Selangor seperti Klang dan Kajang. Melihat kepada perkembangan ini, timbul hasrat dalam kalangan beberapa orang pelajar Melayu di daerah tersebut untuk menyalurkan tenaga mereka dalam badan yang lebih besar yang bertujuan untuk menyelaraskan kegiatan dan menjamin kemajuan pergerakan mereka. Hasrat pelajar tersebut menjadi kenyataan apabila pada awal tahun 1947, badan pelajar peringkat negeri Selangor telah ditubuhkan. Badan tersebut diberi nama Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor.

Antara perintis penubuhan badan pelajar tersebut ialah Mohamed Mohd Nor, Wan Sulaiman Pawanteh, Asraf Haji Abdul Wahab, Siti Hasmah Mohd Ali, Radziah Ali, Anne Abdul Majid, Harun Sulaiman, Nyaros Othman, Abdul Hamid Haji Yahya, Shukor Ayob, Wan Ariffin Pawanteh, Wan Mahmud Pawanteh dan Wan Hassan Pawanteh. 7 Tujuan utama penubuhan Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor ialah:

1. Mencegah pemberhentian penuntut Melayu daripada sekolah Inggeris sebelum tamat pelajaran mereka. Pemberhentian ini terjadi kerana kesempitan hidup atau mereka berumahtangga pada kadar umur yang masih muda.

2. Menubuhkan tabung derma pelajaran untuk membantu penuntut yang ada cita-cita untuk meneruskan pelajaran tetapi tidak ada keupayaan. Tabung derma ini ialah, “Badan Derma Pelajaran Melayu Kuala Lumpur”.

Universiti Utara Malaysia

3. Menggalakkan penuntut belajar bersungguh-sungguh dan memberi didikan kepada mereka yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan kelas bimbingan.

Apabila berbicara tentang Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor, terdapat dua perkara yang perlu ditonjolkan. Pertama, sumbangan badan tersebut kepada pergerakan pelajar tanah air. Kedua, tekanan sosial yang ditanggung pada peringkat awal penubuhannya. Berkaitan dengan hal pertama ini, KPPMS adalah badan penuntut pertama muncul di Tanah Melayu. Badan tersebut membantu menubuhkan beberapa kesatuan pelajar di tempat lain seperti Kesatuan Penuntut Melayu Pahang yang turut bersama dalam usaha menubuhkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Berkaitan dengan hal yang kedua, Kesatuan ini mengalami dua peristiwa pahit. Pertama, pergerakannya pada peringkat awal telah dicurigai oleh Pejabat Pelajaran, Pejabat Polis dan ibu bapa pelajar tersebut. Mereka bimbang jika ahli Kesatuan menjadi alat dan dipengaruhi oleh badan siasah yang pada waktu itu tumbuh seperti cendawan di musim hujan.

Universiti Utara Malaysia

Kedua, timbul anggapan dan tuduhan daripada masyarakat bahawa Kesatuan ini ditubuhkan hanya untuk mengadakan aktiviti bercorak sosial kerana mengadakan pesta ria dalam usaha Kesatuan mencari wang untuk mengisi Tabung Derma Pelajaran Melayu.

## GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG 1948

Syed Hussain Al Attas dalam bukunya, *The Intellectuals and Developing Societies* menulis:

*"Intellectuals thrive, when societies undergo a crisis, when something great is at stake. The intellectuals came on the scene in their countries when they needed reform and a conceptual articulation of nationalism."*

Pernyataan Al-Attas tepat untuk memaparkan sejarah penubuhan GPMS. Ketetapan tersebut disebabkan suasana yang sedang dihadapi oleh bangsa Melayu ketika itu lantaran kurangnya pelajar Melayu pada peringkat pengajian tinggi. Sebagai akibat daripada keadaan inilah maka isu utama yang menjadi pokok perbincangan selepas Perang Dunia Kedua ialah cara mengatasi masalah tersebut yang sudah dianggap sebagai krisis kebangsaan yang mesti diatasi. Seiring dengan hal tersebut, hasrat untuk meramaikan pelajar Melayu dalam pusat pengajian tinggi menjadi *social goal* dalam kalangan masyarakat Melayu.

Aminuddin Baki, pelajar Universiti Malaya Singapura dalam tulisannya mengungkapkan :

'Memandang pada pentingnya universiti itu bukan sahaja menjadi tempat mempelajari ilmu pengetahuan tinggi tetapi juga sebagai tempat membentuk corak Melayu pada masa hadapan dan tempat asuhan pemimpin-pemimpinnya, maka tak dapat tidak jika bangsa kita ingin hidup maju dan mulia, maka terpaksalah bilangan penuntut kita diperbanyakkan lagi. Bangsa kita kekurangan doktor, peguam, ahli ikhtisas, dan kekurangan dalam segala-galanya. Kepada universiti itulah seharusnya kita mengarah pandangan berat memperbaiki keadaan kitayang serba serbi kekurangan ini'.

Pada pertengahan tahun 1948, Abdul Wahab Ariff, Presiden Persatuan Mahasiswa Islam Kolej Raffles dan Perubatan Singapura dalam ucapan tahunannya menegaskan,

'.....*The Malay community was at present under represented at the upper educational levels. The Federation means nothing much to the present generation of Malay. Out of 2,200,000 Malays in the whole Malaya there are 25 Malay students out of 312 in the Medical College, 33 out of 300 in Raffles College and of 200 Malayan students in the United Kingdom, there are only 38 Malays…*'

Oleh sebab kesedaran bahawa semangat yang meluap-luap sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan belajar daripada peristiwa penentangan orang Melayu terhadap *Malayan Union* yang menyebabkan orang Melayu bersatu dan menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu, maka timbullah cadangan dalam kalangan pelajar Melayu untuk menggabungkan semua Kesatuan Penuntut Melayu negeri-negeri dan badan pelajar di maktab ke dalam gabungan pelajar peringkat kebangsaan.

Cadangan ini sebenarnya bermula setelah Abdul Wahab Ariff menyampaikan ucapan tahunannya dalam jamuan anjuran Persatuan Pelajar Islam Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura di Hotel Adelphi. Beliau menggesa agar ditubuhkan badan pelajar Melayu yang dapat menyatukan seluruh badan pelajar di Tanah Melayu, berharap agar badan itu nanti dapat berusaha meninggikan kualiti pelajaran pelajar Melayu. Antara mereka yang hadir ialah Aminuddin Baki pelajar tahun pertama Maktab Raffles yang berasal dari Chemor Perak.

Universiti Utara Malaysia

Sewaktu pertemuan antara Aminuddin dengan Abd Wahab Ariff, Aminuddin menyatakan kegembiraannya mendengar hasrat Abd Wahab Ariff untuk menggabungkan badan pelajar Melayu ke dalam satu gabungan. Aminuddin menyebut tentang usaha awalnya yang gagal untuk menggabungkan beberapa buah badan pelajar Melayu ke dalam Kesatuan di Malaya.

Aminuddin meminta Abd Wahab Ariff meneruskan hasrat untuk menggabungkan badan pelajar Melayu dan memainkan peranan utama. Pada pendapat Aminuddin, Abd Wahab Ariff paling sesuai untuk menjalankan usaha melahirkan sebuah badan gabungan peringkat kebangsaan. Keyakinan itu berdasarkan kedudukan Abd Wahab yang ketika itu sebagai Presiden Persatuan Pelajar Islam Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura. Kedudukan ini tentunya dapat mempengaruhi pelajar Melayu di seluruh tanah air. Abdul Wahab menghubungi teman semaktabnya dan mendapati bahawa cadangan untuk menubuhkan badan pelajar Melayu peringkat kebangsaan mendapat sambutan yang baik. Hasil daripada usaha itu terbentuklah Jawatakuasa Penaja yang berusaha merancang diadakan Kongres Penuntut Melayu SeMalaya di Kuala Lumpur.

Anggota Jawatankuasa Penaja yang dilantik adalah pelajar Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura yang terdiri daripada Abd Wahab Mohamed Arif sebagai Pengerusi, Aminuddin Baki sebagai Setiausaha, Ahmad Ridhuan Hj Zainuddin sebagai Penolong Setiausaha, Abdullah Majidsebagai Bendahari, Siti Hasmah Mohd Ali sebagai wakil Pemudi. Ahli Jawatakuasa terdiri daripada Mohamad Nor Marahakim, Wan Sulaiman Pak Wan Teh dan Abdul Rahim Ishak.

Universiti Utara Malaysia

Ahli Jawatankuasa Penaja tersebut mengadakan mesyuarat untuk membincangkan beberapa perkara tentang kongres dan penubuhan gabungan pelajar. Tarikh 14 dan 15 Ogos 1948 dipilih sebagai tarikh untuk mengadakan kongres dan penubuhan badan pelajar tersebut. Jawatankuasa tersebut bersetuju agar kongres diadakan di Kuala Lumpur. Persatuan *Penuntut Muslim Technical College*, Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kongres tersebut. Jemputan menghadiri kongres dihantar kepada semua badan pelajar di negeri Selangor, Pahang dan Perak serta badan-badan pelajar di Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang. Kongres Penuntut Melayu Malaya diadakan selama dua hari iaitu pada hari Sabtu dan Ahad, 14 dan 15 Ogos 1948 yang dipengerusikan oleh Aminuddin Baki.

Tujuh buah badan pelajar menghadiri kongres tersebut. Badan-badan tersebut adalah Persatuan Penuntut Muslimin Technical College, Kuala Lumpur, Persatuan Penuntut Melayu Maktab Pertanian Serdang, Perhimpunan Pelajar-pelajar Melayu Insaf, Perak (PERMI), Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Pahang (KPMP), Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor (KPPMS), Kesatuan Persuratan penuntut Melayu Selangor Cawangan Kuala Lumpur dan Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor cawangan Kajang.

Persidangan tersebut membincangkan dan meluluskan rangka Perlembagaan, panji-panji dan mengesahkan Surat Ikrar penubuhan badan pelajar yang diberi nama Gabungan Penuntut-Penuntut Melayu Semenanjung (GPMS).

Mukadimah panji-panji dan surat ikrar penubuhan adalah seperti berikut:

**KAMI**, Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang dijemput oleh Jawatankuasa Sementara GPMS untuk menghadiri persidangan penubuhan GPMS di Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948,



Universiti Utara Malaysia

**SEDAR** atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

**SEDAR** akan kemunduran kami di alam pengetahuan.

**SEDAR** akan kewajipan kami untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa.

**SEDAR** bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu di tangan kami.

Berpendapat bahawa Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung wajiblah didirikan dengan tujuan, menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu di segenap lapisan.

GPMS yang ditubuhkan pada 14 dan 15 Ogos 1948 adalah bertitik tolak dari kelemahan dan ketinggalan bangsa Melayu dalam tiga bidang utama iaitu merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik. Kemunduran dalam tiga lapangan ini menjadi pendorong yang kuat ke arah penubuhan GPMS. Atas kesedaran untuk memperbaiki nasib bangsa Melayu, muncul pejuang-pejuang Melayu di kalangan Pelajar Melayu Semenanjung dan Maktab Perubatan Singapura menaja penubuhan badan pelajar Melayu di peringkat kebangsaan. Antara tokoh-tokoh ini adalah Zainal Abidin Ahmad atau Za'aba, Syed Al Hadi, Syed Salim Al-Kalali dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Zaa'ba berjuang dalam memberi kesedaran tentang kemiskinan orang Melayu melalui terbitan-terbitan seperti Al Ikhwan.

Universiti Utara Malaysia

Sementara tokoh-tokoh seperti Syed Al Hadi, Syed Salim Al-Kalali dan Sheikh Tahir Jalaluddin berjuang dalam memberi kesedaran kepada orang Melayu mengenai peri pentingnya pendidikan dan perubahan cara hidup berfikir dan nilai-nilai hidup orang Melayu yang menghalang kepada kaum perempuan untuk bersekolah dan tidak menggalakkan anak-anak untuk mendapatkan pendidikan di Timur Tengah. (GPMS, 2012: 22)

Di Tanah Melayu dalam tahun 1940-an hanya terdapat segelintir pelajar Melayu yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat menengah dan tinggi. Ini adalah disebabkan oleh penggunaan Bahasa Inggeris dan pemusatan sekolah di kawasan bandar. Pada tahun 1947 contohnya daripada jumlah keseluruhan orang Melayu yang bilangannya berjumlah 2,162,031 orang, hanya seramai 9,609 orang sahaja yang terdidik pada peringkat sekolah menengah sedangkan dari jumlah penduduk berbangsa Cina 1,184,534 orang seramai 30,107 orang bersekolah di peringkat menengah manakala jumlah penduduk berbangsa India yang yang hanya berjumlah 530,638 seramai 14,080 orang yang besekolah di peringkat sekolah menengah.

Universiti Utara Malaysia

Kekurangan pelajar Melayu di peringkat sekolah menengah ini menjadi pendorong kepada penubuhan kesatuan-kesatuan penuntut Melayu seperti Kesatuan Penuntut Melayu *Victoria Institution* dan Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor. Seterusnya untuk mengukuhkan lagi persatuan Melayu, mahasiswa-mahasiswa dari ‘Raffles College’ dan Kolej Perubatan King Edward, Singapura telah bertindak mengadakan konvensyen dan menubuhkan Jawatankuasa Sementara GPMS. Mereka terdiri dari Aminuddin Baki, Siti Hasmah Mohd Ali, Wan Sulaiman Pa’wanteh, Abdul Wahab Ariff, Abdullah Majid dan Mohd Nor Marahakim. (ibid: 20)

Penubuhan GPMS melalui empat peringkat utama iaitu peringkat di mana tertubuhnya *Malay Boys League* di Penang Free School pada tahun 1937. Kedua, peringkat Kesatuan Penuntut Melayu Victoria Institution pada tahun 1945. Ketiga, peringkat Kesatuan Penuntut Melayu Selangor pada tahun 1947. Keempat, peringkat tertubuhnya GPMS pada tahun 1948. Tertubuhnya GPMS adalah didasarkan oleh faktor kesedaran anak Melayu untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dalam beberapa perkara. Contohnya pertama, kesedaran untuk bersatu tenaga di kalangan pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Kedua, kesedaran tentang ketinggalan dalam ilmu pengetahuan di kalangan anak Melayu. Ketiga, kesedaran dalam tanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan bangsa Melayu. Keempat, kesedaran tentang kemajuan orang Melayu samada maju atau mundur, kaya atau miskin terletak di tangan GPMS:

Cabaran dan rintangan GPMS akan beralih mengikut zaman dan keadaan, tetapi nawaitu dan matlamat perjuangan tetap tak akan berubah iaitu "untuk melihat anak bangsa berada di tahap pendidikan yang tinggi"[1]. Objektif penubuhan GPMS adalah seperti berikut; pertama, memelihara kesucian agama Islam serta menjaga kebudayaan dan kesenian Melayu. Kedua, memelihara dan memperjuangkan hak-hak dan kepentingan pelajar Melayu. Ketiga, mengadakan kerjasama dengan pertubuhan pelajar atau bekas pelajar atau pertubuhan lain yang berdaftar di bawah mana undang-undang termasuk Akta Pertubuhan 196 di dalam negara atau luar negara yang boleh membawa manfaat kepada matlamat dan tujuan GPMS. Keempat, mengadakan *networking* antara pelajar dan bekas pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kelima, menganjurkan aktiviti- aktiviti berbentuk pendidikan yang boleh membentuk sahsiah

[1] Ucapan Datuk Seri Reezal Merican, ucapan dasar presiden yang disampaikan sempena persidangan agung tahunan ke-55 Dewan Seri Budiman kampus induk UiTM Shah Alam.

Universiti Utara Malaysia

diri pelajar sebagai persediaan untuk menjadi pelapis pemimpin. Antara aktiviti-aktiviti seperti ceramah dan diskusi, seminar dan latihan, kesukanan, kebudayaan dan keagamaan, kaunseling dan motivasi. Aktiviti ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang, berilmu, beriman dan bertakwa. Keenam, mengadakan usahasama dengan pihak kerajaan untuk menjayakan Dasar Pendidikan Negara melalui program-program pembangunan pendidikan. Ketujuh, memupuk semangat berpersatuan di kalangan pelajar sekolah sebagai persediaan untuk melahirkan generasi pemimpin. Kelapan, GPMS sebagai badan penasihat untuk ahli-ahli yang memerlukan bimbingan dalam masalah yang berkaitan dengan pendidikan.

GPMS menetapkan tiga hala tuju yang diangkat sebagai falsafah perjuangannya. Hala tuju GPMS yang pertama adalah memberi fokus yang lebih kepada perjuangan pendidikan Melayu dan menjaga kepentingan orang Melayu secara amnya tanpa mengamalkan politik kepartian. Hala tuju yang kedua ialah memastikan golongan belia mampu memimpin dan berkaliber dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran bangsa Melayu dalam pelbagai bidang. Hala tuju yang ketiga adalah memperkasakan cawangan GPMS di seluruh negara melalui pelbagai program dan insentif yang diusahakan oleh kepimpinan GMPS kebangsaan dan negeri (Jais Abdul Karim 2009).

Universiti Utara Malaysia

Menurut Ezaruddin Abd. Rahman (2010), walaupun GPMS telah ditubuhkan lebih dari 60 tahun, tetapi perjuangan GPMS tidak pernah padam. GPMS terus berusaha dan berusaha untuk membangunkan pendidikan anak-anak Melayu. Perjuangan GPMS bermula dari aktiviti kelas bimbingan pada tahun 1950-an, kemudiannya meneroka aktiviti-aktiviti baru sehinggalah kepada Projek Gerakan Obor. Seterusnya GPMS telah menganjurkan pelbagai program seperti Perhimpunan 'Sedaq', Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia, Kem Singa GPMS, Wacana 153, Dana

Wang Saku, Perhimpunan Melayu, Karnival Usahawan ICT dan pelbagai program lagi. Perlaksanaan pelbagai program dan aktiviti ini membuktikan bahawa GPMS terus mengaum.

Kepimpinan GPMS pada hari ini berdepan dengan empat tanggungjawab utama, iaitu mengatasi kemerosotan minat belajar, menangani ketidakseimbangan pencapaian akademik, menyelesaikan masalah keruntuhan akhlak pelajar dan mengubah pandangan negetif pelajar terhadap kerajaan. Selain cabaran dalam pendidikan, GPMS juga berhadapan dengan cabaran modenisasi, cabaran ekonomi dan sosial yang mendadak. Walau apapun permasalahan yang melanda pelajar, khasnya peningkatan dalam masalah displin pelajar dan hala tuju pelajar di masa hadapan, dengan peranan yang dimainkan oleh GPMS melalui aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar dan usaha-usaha mengatasi masalah disiplin, ia mampu mengurangkan julat peratus masalah disiplin pelajar dan mengurangkan julat peratus remaja yang tidak bekerjaya.

GPMS yang memperjuangkan nasib anak-anak Bumiputera Melayu khususnya dalam pembangunan pendidikan sentiasa melakukan pelbagai aktiviti dengan harapan dapat mempertingkatkan mutu pencapaian akademik anak-anak Melayu di sekolah. Di samping itu, GMPS berperanan dalam memberi motivasi dan mengasah daya kepimpinan serta memperkasa agenda Melayu dalam usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera Melayu berkecimpung dalam dunia perniagaan dan keusahawanan apabila mereka telah tamat belajar di sekolah.

Aktiviti-aktiviti dan program yang disusun oleh GPMS adalah bertujuan untuk memastikan agar anak-anak Bumiputera Melayu mendapat sokongan dalam bentuk khidmat nasihat dan bimbingan oleh para pelatih dan tenaga pegajar sukarela dari GPMS yang berasaskan prinsip dan perjuangan memperkasa agenda pendidikan dan agenda Melayu Bumiputera khususnya kepada

Universiti Utara Malaysia

anak-anak yang berada di kawasan luar bandar. Anak-anak Melayu di kawasan luar bandar sering dikaitkan dengan masalah keciciran, masalah disiplin berikutan himpitan masalah kemiskinan. Justeru itu, kajian tesis ini penting dalam usaha menilai peranan GPMS dalam merencanakan matlamat pembangunan pendidikan dan agenda Melayu khususnya melahirkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) tercapai.

**PERBANDINGAN GPMS DENGAN NGO-NGO MAYC, BELIA 4B DAN SERANTAU**

Objektif utama penubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Sri Idaman adalah untuk memantau aktiviti remaja dan belia di kawasan ini serta dapat mengadakan aktiviti-aktiviti riadah, kemasyarakatan dan aktiviti sosial yang boleh disertai oleh remaja dan belia di Kampung Idaman.  Menjadikan pertubuhan Gerakan Belia 4B ini sebagai platform generasi muda untuk membentuk genarasi yang berwawasan. Membentuk generasi yang berketrampilan dan berdikari serta membentuk jati diri yang unggul sebagai pemimpin pelapis.Menjadikan pertubuhan ini sebagai pusat latihan melahirkan generasi yang berkarisma dan dapat menangani gejala-gejala sosial.

Bagi ngo ABIM pula Ustaz Razali Nawawi (Prof. Dr.) telah dipilih sebagai Presiden pertama. Muktamar juga telah memilih Sdr Anwar Ibrahim sebagai Setiausaha Agung. Semenjak itu, ABIM telah menjayakan kegiatannya dengan jaya. Era awal pergerakannya dicorakkan oleh usaha bagi mempertegaskan idealisme dan cita-cita perjuangan. Pelbagai kegiatan direncanakan bagi menjelaskan identiti ABIM sebagai sebuah pertubuhan belia dan gerakan Islam yang

berteraskan prinsip dakwah dan tarbiyyah sebagai asas pendekatan pergerakannya. Cita-cita utama ABIM ialah bagi menyumbang secara proaktif pembinaan sebuah masyarakat Islam yang mampu menjadi teras terhadap proses pembinaan negara bangsa Malaysia yang utuh di dalam pelbagai aspek kehidupan.

Bagi mencapai cita-cita tersebut, ABIM telah menumpu banyak usaha membangun kerangka faham masyarakat terhadap agama Islamsebagai satu bentuk cara hidup yang menyeluruh serta mempertegaskan prinsip-prinsip masyarakat madani di dalam segala aspek kemasyarakatan, perundangan dan kenegararaan. Pada tahun 1974, telah berlaku peralihan kepimpinan ABIM.

Manakala MAYC pula berteraskan misi iaitu Meningkatkan memantangan berfikir ahli-ahli belia melalui program-program pendidikan dan latihan secara teratur dan berterusan melahirkan generasi belia celik ilmu dan memahami sejarah negara, kearah memperkukuhkan perpaduan serta keharmonian dengan berpaksikan rukun negara. menanam semangat daya usaha, pemikiran sihat dan memperjuangkan hak, hasrat atau cita-cita belia.Menanam sifat-sifat rohaniah dan jasmaniah belia yang seimbang.Merancang , melaksana dan menilai program dan aktiviti untuk pembangunan ahli dan masyarakat.Bekerjasama dengan Kerajaan dan agensi lain di dalam rancangan – rancangan yang berfaedah untuk belia.

Hal ini jelas memperlihatkan GPMS adalah satu- satunya ngo yang memperjuangkan pendidikan secara mutlak di mana wadah visinya iaitu Belajar terus Belajar dan Singa perjuangan bangsa melalui pendidikan jika di buat perbandingan dengan ngo-ngo lain.

Universiti Utara Malaysia

## 1.2 PENYATA MASALAH

Masalah keciciran pelajaran dalam kalangan pelajar luar bandar khususnya melibatkan majoriti pelajar Bumiputera Melayu sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan, tidak berada di lingkaran *mainstream*, masalah kekurangan guru, masalah disipin yang juga dikaitkan dengan punca yang membawa kepada masalah kemerosotan pencapaian di sekolah-sekolah luar bandar. Dalam melihat isu dan permasalahan kemerosotan pencapaian di sekolah, isu disiplin pelajar sekolah khususnya para pelajar Melayu kembali mencengkam institusi persekolahan negara. Masalah itu bukan sekadar mengundang kerisauan malah menimbulkan persoalan apakah tindak tanduk berkenaan ibarat bom jangka[2]. Isu disiplin pelajar sekolah bukanlah satu isu yang baru. Setiap tahun isu ini berbangkit dan diperbincangkan oleh masyarakat sama ada di media-media massa, media elektronik ataupun media-media sosial. Isu remaja tiada hala tuju, memilih kerja tidak bersesuaian, menganggur, melepak, merempit dan terlibat dengan gejala sosial juga seringkali didengar apabila tamatnya pelajaran khasnya pelajar sekolah menengah yang kurang cemerlang dan tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam atau ke Institut-institut Kemahiran atau ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Mengikut pandangan Azizi Yahaya et. al (2007) pelajar yang kurang pendedahan kepada aktiviti dan pengetahuan tentang kerjaya semasa pengajian akan menghadapi masalah dalam pekerjaan dan pemilihan kerjaya apabila tamat persekolahan kelak. Menurut Azizi Yahaya, antara masalah yang akan dihadapi oleh lepasan sekolah adalah masalah dalam memilih pekerjaan dan kerjaya yang sesuai. Pemilihan pekerjaan dan kerjaya yang tidak sesuai akan memberi kesan negatif

[2] Ihsan Noorzali (2013). Lepas tekanan di sekolah. *Harian Metro*, 9 Jun

kepada remaja seperti mengalami tekanan dan bosan untuk bekerja serta kerap kali bertukar kerja dan tempat kerja. Ini akan merugikan remaja dan keluarga.

Pelajar adalah aset penting kepada negara pada masa hadapan kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara dan melaksanakan program-program pembangunan bagi mencapai Wawasan 2020[3]. Namun begitu, apa yang membimbangkan masa kini adalah salah laku (masalah displin yang melibatkan pelajar sekolah menengah) bertambah walaupun undang-undang peraturan displin wujud di setiap sekolah. Pelbagai cerita tentang kes yang melibatkan salah laku (masalah disiplin) pelajar telah didengar samada di sekolah mahupun di luar sekolah. Contohnya kes seorang (1) pelajar Tingkatan Empat, Mohamad Farid Ibrahim dari Taman Desa Anggerik, Senawang, Negeri Sembilan telah dibelasah hingga mati mengejutkan masyarakat. Mangsa dari Sekolah Menengah Agama Datuk Klana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan dikatakan telah dibelasah oleh empat belas (14) orang pelajar senior di asrama sekolah itu. Mangsa mengalami kecederaan parah di kepala, usus dan hati[4].

Universiti Utara Malaysia

Seterusnya kes tangkapan khalwat melibatkan tiga (3) pelajar perempuan Tingkatan Tiga di Kampung Gong Tengah Kuala Besut, Terengganu. Pelajar ini ditangkap khalwat bersama dua lelaki di sebuah rumah selepas ponteng sekolah [5], kes tangkapan membabitkan seorang (1) pelajar lelaki berusia 14 tahun di Kangar, Perlis kerana dituduh merogol seorang remaja perempuan berusia 17 tahun[6], kes sepuluh (10) orang pelajar Tingkatan Lima di Alor Setar

---

[3] Portal 1klik (2014). Disiplin Pelajar sekolah semakin merosot (atas talian). *http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pendidikan/5668-disiplin-sekolah-semakin-merosot.html (*12 Ogos 2014)

[4] Pelajar mati dibelasah-14 penuntut tingkatan lima sekolah agama di Seremban direman. *Utusan Malaysia* 30 Mac 2004, hal: 1

[5] Pelajar sanggup ponteng sekolah ditangkap khalwat. *Sinar Harian* 31 Mac 2012

[6] Pelajar 14 tahun rogol remaja perempuan ditahan (2012). *Utusan Malaysia* 27 Disember, hal: 4

Kedah membelasah seorang guru disiplin sehingga cedera[7] telah mengundang rasa bimbang ibu bapa.Di samping itu, kes tiga orang pelajar perempuan Tingkatan Empat yang menuntut di sekolah menengah di Asajaya Kota Samarahan, Sawarak membelasah seorang pelajar perempuan Tingkatan Tiga di sekolah itu[8], kes seorang pelajar perempuan Tingkatan Empat ditahan polis untuk membantu siasatan berhubung penemuan mayat bayi lelaki dalam tandas di Klinik Kesihatan Butterworth, Pulau Pinang[9] juga telah menimbulkan rasa terkejut orang ramai. Kes-kes ini merupakan sebilangan kecil sahaja kes yang melibatkan salah laku pelajar, terdapat beratus lagi kes yang melibatkan pelajar sekolah.

Peningkatan dalam kes-kes yang melibatkan displin sekolah khasnya di sekolah-sekolah menengah di Malaysia telah mencetuskan kebimbangan di kalangan masyarakat. Masing-masing mencari punca atau penyebab kepada peningkatan itu. Contohnya kes yang melibatkan pelajar ponteng sekolah. Kes pelajar ponteng sekolah telah mencatatkan pertambahan yang serius berbanding kes-kes disiplin yang lain. Kes ponteng sekolah ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan'[10]. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dan pihak-pihak lain yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah disiplin dan salah laku pelajar. Namun begitu permasalahan ini masih gagal diatasi dan mencetuskan kebimbangan di kalangan ibubapa, guru-guru, pihak sekolah, masyarakat dan kerajaan khasnya dalam kes-kes yang melibatkan salah laku pelajar. Kes-kes yang melibatkan pelajar sekolah seperti lumba haram, peras ugut dan terlibat

[7] Guru disiplin cedera dibelasah 10 pelajar. *Berita Harian* 14 September 2012

[8] Md Azrin Rosly (2014). 3 pelajar perempuan mengaku belasah rakan. *Utusan Malaysia* 24 Jun, hal: 9

[9] Pelajar ditahan kes penemuan mayat bayi dalam pam tandas. *Utusan Malaysia* 8 Mei 2014, hal: 13

[10] Portal 1klik (2014). Disiplin Pelajar sekolah semakin merosot (atas talian). *http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pendidikan/5668-disiplin-sekolah-semakin-merosot.html (*12 Ogos 2014)

dalam kongsi gelap acap kali didedahkan di media-media massa samada media cetak ataupun elektronik[11].

Selain terlibat dengan salah laku displin sekolah dan salah laku kesalahan ringan, pelajar sekolah juga terlibat dengan salah laku jenayah. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), pembabitan pelajar sekolah dalam salah laku jenayah telah meningkat pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Perangkaan PDRM pada tahun 2012 memaparkan hanya sejumlah 368 pelajar terbabit dengan kesalahan jenayah, bagaimanapun jumlah ini bertambah kepada 542 pelajar pada tahun 2013 dengan kadar pertambahan sebanyak 47 peratus.

Universiti Utara Malaysia

Perangkaan juga menunjukkan peningkatan dalam kes pembunuhan dalam tahun 2013 iaitu dari 10 kes pada tahun 2012 kepada 12 kes pada tahun 2013. Ini menunjukkan peningkatan lebih dari 20 peratus. Selain itu, kes rogol yang membabitkan pelajar sekolah juga menunjukkan pertambahan. Pada tahun 2012 kes pelajar terbabit dengan kesalahan merogol adalah 113 kes. Jumlah ini meningkat kepada 218 pada tahun 2013. Kes jenayah pelajar yang mendatangkan kecederaan kepada orang lain juga mencatatkan pertambahan yang agak ketara. Pada tahun 2012 kes ini hanya melibatkan 244 orang sahaja bagaimanapun ia meningkat secara mendadak pada tahun 2013 kepada 700 kes[12]. Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan atau NGO's, GPMS

[11] Asmah Suboh et. al (2011). Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan. *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1, 77-93

[12] Kegiatan jenayah di kalangan pelajar sekolah membimbangkan. *Berita Harian* 29 Mac 2014

mempunyai peranan yang penting dalam usaha membantu pihak sekolah dalam menangani masalah keciciran dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar Melayu.

Masalah melibatkan golongan remaja Bumiputera Melayu umpama tiada hala tuju, memilih kerja tidak bersesuaian, menganggur, melepak, merempit dan terlibat dengan gejala sosial selepas tamat persekolahan telah menimbulkan dilema hala tuju remaja di masa hadapan. Selepas tamat persekolahan, pelajar atau remaja akan berhadapan pula dengan alam pekerjaan. Bagi pelajar yang cemerlang akademiknya ia tidak bermasalah untuk mencari pekerjaan yang sesuai tetapi bagi pelajar yang tidak cemerlang akademiknya dan tersekat di peringkat menengah sahaja ia akan berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam mencari pekerjaan.

Universiti Utara Malaysia

Atas dasar itu, program-program dan latihan-latihan kerjaya khasnya latihan yang berkaitan dengan bidang keusahawan dan perniagaan adalah penting kepada pelajar. Menurut Fadale (1974) kesedaran terhadap kerjaya adalah penting dan ianya perlu diterapkan sebelum tamat persekolahan lagi bagi menanamkan pelajar dengan kesedaran tentang kerjaya. Menurut Fadale kesedaran tentang kerjaya merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman tentang pemilihan kerjaya dengan kebolehan diri, pemilihan kerjaya dengan pencapaian akademik dan pemilihan kerjaya dengan kemahiran diri. Ia juga berhubung dalam hal pemilihan jenis-jenis pekerjaan dan faedah-faedah yang diperolehi dari pemilihan pekerjaan itu.

Sementara itu, menurut Rohany (2003) permasalahan dalam pemilihan kerjaya biasanya dihadapi oleh lepasan pelajar sekolah menengah. Lepasan sekolah menengah kerap kali berhadapan dengan masalah kurangnya kematangan dalam kerjaya seperti tiada maklumat tentang kerjaya, tiada maklumat tentang kebolehan dan kemahiran diri, ketidakpastian untuk memilih bidang kerjaya dan ketidakbolehan untuk merancang dan menyelesaikan masalah berhubung kerjaya. Dalam proses milih kerjaya, remaja amat memerlukan maklumat dan bimbingan untuk memilih bidang kerjaya yang sesuai. Ini kerana lepasan sekolah menengah mempunyai maklumat yang amat terbatas berkaitan dengan dunia pekerjaan. Mereka perlukan bimbangan dan motivasi yang cukup bagi membantu mereka memilih pekerjaan yang benar-benar bersesuaian dan memberi kepuasan kepada diri mereka (Ammad Rashid dan Ramlan 2008).

Oleh hal demikian, selaku sebuah badan bukan kerajaan yang bertanggungjawab dalam memastikan disiplin anak-anak Melayu perlu ditangani dan pencapaian akademik berada pada tahap yang baik, GPMS terus memandang serius permasalahan yang timbul di kalangan pelajar dan remaja pada hari ini. Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menjadi punca kepada permasalahan ini. Antaranya adalah disebabkan oleh faktor persekitaran iaitu persekitaran keluarga dan persekitaran sekolah.

Di negeri Kedah, pelajar-pelajar Bumiputera Melayu merupakan kumpulan pelajar majoriti dibandingkan dengan pelajar-pelajar bukan Melayu. Dalam melihat pecapaian pendidikan mengikut daerah, didapati negeri Kedah turut menghadapi masalah sosial yang agak ketara di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan yang dianggap sebagai pedalaman Kedah. Umpamanya; daerah-daerah seperti Yan, Baling, Padang Terap dilihat agak jauh ketinggalan

Universiti Utara Malaysia

dalam pencapaian sosio-ekonomi mengikut daerah sekiranya dibandingkan dengan daerah-daerah lain yang dianggap maju seperti Kota Setar, Langkawi dan daerah Kubang Pasu.

Kawasan di daerah Padang Terap dilihat antara yang menghadapi masalah terutamanya aspek pembangunan dan keciciran sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan daerah lain. Berdasarkan **Jadual 1**, statistik menunjukan bahawa jumlah penerima bantuan untuk pelbagai golongan miskin adalah sebanyak 791 kes dan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM 1,664,370.00 bagi tahun 2008.

UUM Universiti Utara Malaysia

**JADUAL 1: STATISTIK PENERIMA BANTUAN DAERAH PADANG TERAP TAHUN 2008**

| Bil | Jenis Bantuan | Jumlah Kes | Jumlah Bantuan(RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Bantuan AM | 316 | 347,270.00 |
| 2 | Bantuan Kanak-Kanak | 257 | 664,750.00 |
| 3 | Bantuan Orang Tua | 69 | 206400.00 |
| 4 | Elaun Pekerja Cacat | 112 | 368400.00 |
| 5 | Bantuan Anak Pelihara | 1 | 750.00 |
| 6 | Bantuan Penjagaan Pesakit KronikTerlantar/ OKU Terlantar | 36 | 76800.00 |
| 7 | Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja | 0 | 0 |
| | **JUMLAH** | **791** | **1,664,370.00** |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah

Hala tuju pendidikan menjadi fokus utama dalam perjuangan GPMS terutama di kawasan luar bandar. Sebagai sebuah badan bukan kerajaan, GPMS mahu memartabatkan pendidikan anak-anak Melayu melalui program pendidikan yang berupaya melahirkan cerdik pandai dan teknokrat Melayu. Ini secara tidak langsung akan membina 'Tamadun Islam' (Jais Abdul Karim 2013). Persoalannya, mengapakah pendidikan anak Melayu masih jauh ketinggalan di kawasan luar bandar khususnya di Kedah.

Permasalahan kajian dalam kajian tesis ini adalah menilai sejauhmana GPMS sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) masih berpegang teguh kepada prinsip-prinsip asas memperjuangkan wadah dan suara anak-anak Bumiputera Melayu dalam masa kini. GPMS bergandingan dengan kerajaan dalam usaha melahirkan anak-anak Melayu yang boleh bersaing dalam bidang akademik mahupun mewujudkan sebuah MPPB. GPMS yang terus berperanan dalam membantu membangunkan keupayaan pelajar Bumiputera Melayu terutama dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam bidang akademik, di samping melihat sejauhmanakah keupayaan GPMS dalam merintis peluang kepada para pelajar Bumiputera Melayu untuk berkecimpung dalam dunia keusahawanan selepas mereka tamat sekolah khususnya di Daerah Padang Terap, Kedah.

Kajian ini lebih menjurus kepada aspek konsep pembangunan kapasiti manusia menerusi pertubuhan bukan kerajaan yang sukarela dalam membantu para pelajar di luar bandar dalam meningkatkan tahap pencapaian pendidikan mereka.

Universiti Utara Malaysia

Dalam hal ini, pembangunan kapasiti dilihat sebagai satu pendekatan yang lazimnya membantu kepada aspek-aspek kebajikan, kesukarelaan di negara-negara duni ketiga, ia biasa diaplikasikan dalam konteks negara membangun. NGO yang ada menawarkan bantuan kebajikan, kemanusiaan, pendidikan dan kesihatan. Namun, pembangunan kapasiti juga menjadi satu konsep alternatif dalam ilmu sains sosial dalam melihat peranan institusi dan organisasi dalam membantu kerajaan dalam membangunkan keupayaan individu sama ada dalam bidang pendidikan, kerjaya atau apa-apa yang boleh menaikan pencapaian golongan sasar.

## 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mengutarakan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah peranan GPMS dalam program pembangunan pelajar sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014?
2. Sejauhmanakah peranan usahasama GPMS dalam membangunkan pendidikan dengan sekolah-sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014?
3. Sejauhmanakah peranan GPMS dalam melahirkan pemimpin Bumiputera khususnya di daerah Padang Terap sejak 2005-2014?
4. Apakah peranan GPMS dalam memupuk peluang keusahawanan dalam kalangan pelajar Melayu di sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014?

## 1.4 Objektif Kajian

1. Menilai peranan GPMS dalam program pembangunan pelajar sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014.
2. Menilai peranan usahasama GPMS dalam membangunkan pendidikan dengan sekolah-sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014.
3. Menilai GPMS dalam melahirkan pemimpin Bumiputera khususnya di daerah Padang Terap sejak 2005-2014.
4. Menilai peranan GPMS dalam memupuk peluang keusahawan dalam kalangan pelajar Melayu di sekolah menengah di daerah Padang Terap sejak 2005-2014.

Universiti Utara Malaysia

## 1.5 Skop kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar sekolah menengah dan GPMS dalam pengumpulan maklumat dan perbincangan. Oleh kerana skop kajian terlalu luas maka  kajian ini hanya memfokuskan kepada empat topik utama sahaja iaitu GPMS dalam mengatasi masalah displin pelajar, program GPMS dalam pembangunan pelajar, peranan GPMS dalam usaha sama dengan sekolah dan hala tuju GPMS dalam memperjuangkan agenda Melayu khususnya melahirkan golongan MPPB masa kini. Kawasan kajian yang dipilih pula ialah Daerah Padang Terap. Padang Terap merupakan di antara kawasan yang termiskin di Kedah di samping Derah Sik dan Baling. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa ketidakseimbangan ekonomi atau kemiskinan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.  Kajian ini dilaksanakan ke atas sekolah-sekolah menengah yang berada dalam daerah Padang Terap, Kedah, kajian ini hanya memilih empat golongan utama dalam kajian iaitu pemimpin GPMS Kedah, usahawan, Guru-guru dan pelajar-pelajar. Kajian telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Data pula telah dikumpulkan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dan menggunakan kaedah temu bual mendalam berasaskan protokol temu bual semi berstruktur. Data kajian akan dianalisis dengan menggunakan teknik asas dalam pendekatan kualitatif.

Universiti Utara Malaysia

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian pembangunan pendidikan dalam kalangan pelajar Bumiputera Melayu secara tidak langsung mengenalpasti sejauhmana peranan dan sumbangan GPMS dalam membangunkan pelajar di Malaysia. Keputusan kajian ini nanti akan memaparkan secara terperinci dan mengesahkan mengenai halatuju GPMS dalam program pembangunan pelajar. Ia akan merumuskan apakah perjuangan GPMS selari dengan matlamat asal penubuhan GPMS iaitu memperkasa pendidikan negara dan melahirkan pelapis pemimpin negara. Selain itu, kajian ini juga akan memaparkan peranan GPMS dalam melahirkan tokoh-tojoh korporat yang berjaya dalam sosio ekonomi khasnya dalam peniagaan. Selain dari itu, kajian ini juga akan satu mencadangkan satu modul pendidikan kepada GPMS dan pihak berkaitan agar dapat mengatur program-program pendidikan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dengan lebih berkesan. Kajian ini juga akan mencadangkan satu modul keusahawan kepada GPMS agar GPMS dapat mengatur program-program keusahawanan kepada pelajar-pelajar sekolah.Kajian ini penting kerana ia merupakan satu kajian yang baru dalam meneliti peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam memperkasa pembangunan pendidikan dan pembangunan pelajar.

Universiti Utara Malaysia

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian adalah berdasarkan maklumbalas yang diperolehi daripada tembual dan fokus kumpulan. Temubual dilakukan terhadap pelajar, guru, usahawan dan pemimpin GPMS untuk memperolehi data primer utama. Oleh yang demikian respon daripada mereka amatlah penting. Walaubagaimapaun maklumat yang diperolehi agak terbatas kerana ia menyentuh isu sensitif

dan maklumat kerahsiaan. Selain itu kajian ini juga dibatasi dengan kekangan masa dan kewangan.

## 1.8 Definasi operasional

### Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's)

Dalam meneliti perkembangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia, ia menunjukan kepesatan yan ketara dan sekaligus menguatkan gerakan masyarakat sivil dan menyokong pembaharuan di negara ini, dengan menganjurkan dan menggerakkan strata sosial dan menambahkan peranan institusi demokrasi (Gerard, 1998: 9). Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik, agama, dan budaya latar belakang menawarkan peluang untuk menunjukkan bagaimana faktor-faktor ini akan sentiasa berinteraksi dan membentuk pandangan yang berbeza dalam kalangan masyarakat awam. Setelah lebih lima dekad kemerdekaan Malaysia, ia tidak dinafikan bahawa sifat heterogen penduduk dan kecenderungan membentuk persepsi isu politik yang kadangkala berubah menjadi isu perkauman adalah ciri penting dalam konteks sosio-politik Malaysia (Zakaria, 1989: 351) . Malaysia mempunyai ciri-ciri asas parlimen dan sistem kerajaan yang dimodelkan berpandukan dari sistem Westminster dengan pilihan raya pelbagai parti, sistem pengasingan kuasa meliputi eksekutif, perundangan dan kehakiman sebagaimana termaktub dalam perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan dengan cara yang telah diguna pakai untuk mencapai keseimbangan antara masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Ciri-ciri utama dalam Perlembagaan Persekutuan meletakan pemisahan kuasa dengan eksekutif menjadi sebahagian daripada badan perundangan dan badan kehakiman yang bebas.

Universiti Utara Malaysia

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, konsep masyarakat sivil telah menjadi wacana politik sejajar dengan pembangunan negara, ia relevan dalam menambahbaik sistem dan kualiti tadbir urus negara dengan membawa kepada penyertaan awam yang berkesan, dan seterusnya memberi kesan kepada perkembangan dan kemampanan demokrasi yang sihat di negara (Lee, 2004: vii). Dalam menelusuri perkembangan NGO di Malaysia, Menurut Diamond, Linz dan Lipset (1989: xvi), tiga komponen penting dalam demokrasi yang ideal adalah mewujudkan persaingan politik yang banyak, tahap penyertaan politik yang tinggi dan hak-hak sivil dan politik adalah lebih dijamin. Sistem demokrasi Westminster yang diamalkan di Malaysia sebahagiannya juga dirujuk sebagai "soft-autoritarian " (Gordon, 1996: 103-117), atau "semi-demokrasi" (William, 1993: 183-205). Sejak 1955, kerajaan Barisan Nasional (BN) telah menjadi kerajaan mendominasi parti gabungan sahaja. Gabungan ini terdiri terutamanya daripada parti tersebut yang mewakili kumpulan etnik utama di Malaysia: Melayu, Cina dan India. Kerajaan di bawah BN menggabungkan unsur-unsur demokrasi dengan syarat yang ketat terhadap hak-hak individu. Seperti yang dikatakan oleh Meredith dan Saliha (2003: walaupun kebebasan relatif untuk membentuk parti politik, aktiviti parti pembangkang sering dikekang oleh persekitaran undang-undang secara keseluruhan.

### 1.8.1 GPMS sebagai pertubuhan sukarela

Pertubuhan sukarela merupakan sebuah organisasi sektor ketiga. Ia berperanan sebagai tulang belakang kepada pembangunan negara. Keanggotaan ahli-ahli dalam pertubuhan ini terdiri dari sebahagian besar dari pekerja sukarela dari organisasi lain dan ia dikendalikan oleh pekerja tetap yang bekerja sepenuh masa. Keanggotaan ahli sukarela sememangnya berasaskan kesanggupan

ahli-ahli tersebut menjalankan tugas secara sukarela. Pentadbiran pertubuhan khidmat kesukarelaan diwujudkan bertujuan memberikan khidmat kepimpinan, mewujudkan struktur dan berfungsi yang memberikan kemudahan untuk menggerakkan penggunaan sumber manusia bersama-sama sumber-sumber. GPMS adalah sebuah NGO di Malaysia yang memperjuangkan pendidikan Melayu. Perjuangan pendidikan Melayu meliputi menjaga hak-hak pelajar-pelajar Melayu, mengemukakan permintaan pelajar Melayu dan memperbaiki kelemahan-kelemahan pelajar Melayu (Jais Abdul Karim 2012).

### 1.8.2 Pembangunan kapasiti

Konsep 'pembangunan kapasiti' mula menjadi perhatian dalam aspek pembangunan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan ia merupakan suatu strategi yang penting dalam pembangunan termasuk dalam sektor pendidikan. Dalam perancangan dan pengurusan pendidikan, pembangunan kapasiti bermaksud memberi tumpuan pembangunan kapasiti dalam usaha membantu mengukuh dan membantu kerajaan dalam pembangunan modal insan. Ia meliputi semua peringkat sama ada individu dan institusi. Pembangunan kapasiti yang dilaksanakan oleh agensi bukan kerajaan (NGO) bertindak dalam pembangunan mampan secara umum dan  mencapai pendidikan untuk semua khususnya. Dalam sektor awam seperti kesihatan dan pendidikan, organisasi pembangunan bukan kerajaan (NGO) telah berkongsi peranan penyedia perkhidmatan utama sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia sering berperanan membantu kerajaan terutama di kawasan luar bandar, NGO secara tradisinya mengambil peranan dalam usaha untuk mengurangkan jurang pendidikan yang melebar di kawasan luar bandar.

Dalam konteks ini, strategi dan aktiviti-aktiviti mereka adalah dari kepentingan dalam setakat yang memberi kesan kepada pembangunan kapasiti kerajaan dalam sektor pendidikan.

Pembangunan kapasiti yang berteraskan pembangunan pendidikan dianggap penting dalam proses pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi.(Baker, 2007: 9). Pihak badan bukan kerajaan atau NGO sering bekerjasama dengan kerajaan dalam meningkatkan kapasiti dan menjadikan institusi NGO bertindak balas terhadap keperluan dan hak-hak orang ramai, dengan mengukuhkan komitmen kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan dan peluang untuk semua lapisan masyarakat. (MacAbbey, 2007: 3)

Kajian oleh sarjana barat mendapati perkongsian bersama antara kerajaan dan badan bukan kerajaan secara amnya kurang dipraktikan dalam sektor pendidikan. Umpamanya; kajian Rodriguez-Carmona (2004: 355) melihat yang mungkin menunjukkan bahawa pembangunan akademik oleh NGO adalah kurang dan lebih menumpu kepada tadbir urus global seperti alam sekitar, kesihatan, hak-hak kebebasan dalam pendemokrasian dan pembangunan ekonomi.

Secara tradisinya, NGO mempunyai kecenderungan untuk memberi tumpuan kepada kawasan mereka sendiri - masyarakat sivil - di luar domain di negeri ini. Selama tahun kebelakangan ini, bagaimanapun, "NGO semakin cuba berorientasikan pembangunan untuk terlibat memberi sumbangan kepada masyarakat awam, terutama dalam melobi berhubung dengan kedua-dua pihak berkuasa politik tempatan dan pusat " (Degnbol-Martinussen dan Engberg-Pedersen, 1999: 143). Agenda bantuan pelbagai hala menggalakkan paradigma pembangunan kapasiti dan permintaan NGO untuk memberi lebih tumpuan kepada mempunyai kesan di peringkat

kebangsaan Kebanyakan NGO melihat diri mereka sebagai pemangkin kepada pembangunan kapasiti dalam menyokong proses yang bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan negara membangun.(Gordijn, 2006: 14). NGO boleh menyesuaikan dan mengembangkan tindakan mereka dengan menggunakan pengetahuan mereka melalui aktiviti-aktiviti seperti latihan, perkongsian maklumat, perundingan. (Uvin et. al 2000: 1414-1417).

Pembangunan kapasiti adalah proses di mana masyarakat atau organisasi perubahan peraturan, institusi dan standard tingkah laku, meningkatkan tahap modal sosial dan meningkatkan keupayaan untuk bertindak balas, menyesuaikan diri dan memberi mereka disiplin ke atasa dalam amalan pengurusan dan sistem, yang membolehkan organisasi untuk memperoleh sumber dan menggunakannya secara berkesan "( Horton et al, 2003: 41).

Menurut kajian Boman, Forsberg dan Peck, 2005: 29, kelestarian merujuk kepada "kapasiti dipertingkatkan sektor pendidikan", diikuti dengan "Keupayaan yang lebih organisasi rakan kongsi untuk menjalankan projek pendidikan". Pertama sekali, bagaimanapun, kemampanan ditafsirkan sebagai "pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar / peserta dalam pengajaran semasa projek-projek", menekankan fokus utama NGO mengenai pembangunan pendidikan. Strategi NGO yang komited untuk pembangunan kapasiti memberi menfaat berpandukan kepada skala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka dan meningkatkan kemampanan NGO yang terbabit.Keupayaan atau kapasiti, merujuk kepada kebolehan atau peluang seseorang individu mempunyai dalam miliknya atau dia yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat dihajatkan atau membuat pilihan dalam kehidupan. Menurut (Todaro dan Smith, 2015), keupayaan dilihat sebagai kebebasan seseorang dalam mengolah, memimpin terhadap matlamat yang mereka

mahukan. Keupayaan  juga memberi maksud kemungkinan atau peluang untuk berfungsi; manakala keupayaan memberi pilihan lebih terbuka kepada seseorang untuk melakukan pilihan untuk terus maju ke hadapan. (Crocker, 1995: 16). Pembangunan kapasiti memerlukan hujah normatif teras bahawa perkiraan sosial harus bertujuan untuk mengembangkan keupayaan, kebebasan mereka untuk melaksanakan atau mencapai perbuatan yang bernilai untuk diri mereka. (Sen 1985: 203; Sen 1992: 30; Sen, 1999).

Namun, kapasiti yang dimiliki sebenarnya boleh dipertingkatkan mengikut cara yang sesuai dan tepat. Ia perlu dipandu dan tidak diberikan kebabasan tanpa pengawasan. Kebebasan adalah "pelbagai pilihan seseorang mempunyai dalam memutuskan apa yang hidup untuk memimpin" (Drèze dan Sen 1995: 0,10).  Haq (1995) merumuskan 'pembangunan manusia' sebagai pembangunan yang akhirnya menzahirkan nilai-nilai pada seseorang individu. Oleh itu "pembangunan boleh dilihat sebagai proses mengembangkan kebebasan sebenar yang orang menikmati" (Sen 1999: 3)

Universiti Utara Malaysia

### 1.8.3 Pendekatan Pembangunan Kapasiti

Pendekatan pembangunan manusia sebaliknya pembangunan kapasiti atau modal insan diperjuangkan oleh Amartya Sen adalah secara teori merupakan satu cabang teori demokrasi sosial yang telah dibangunkan pada era 80-an untuk mengatasi model sedia ada dalam usaha menilai pembangunan manusia.

Alkire (2008) menegaskan bahawa pendekatan keupayaan telah diilhamkan oleh kerja-kerja perintis Sen dalam ekonomi kebajikan, pendidikan, pilihan sosial, kemiskinan, dan pembangunan ekonomi. Dalam hal ini, Pereira (2013) menyatakan bahawa "pembangunan pendekatan keupayaan atau pembangunan kapasiti telah mendapat manfaat daripada sumbangan teori falsafah dan ahli ekonomi yang berkembang dan mengukuhkan pandangan asal Sen, manakala ia telah menjadi satu panduan normatif untuk agensi-agensi kerajaan yang digunakan untuk mereka bentuk sesuai dasar sosial. " Ia adalah satu rangka kerja normatif untuk penilaian kebajikan, pembangunan yang amat unik kerana ia sangat sensitif kepada kepelbagaian interpersonal manusia (kepekaan terhadap kelemahan) dan bertujuan untuk integrasi rasional moral dalam penjelasan sosial isu-isu mengenai keadilan, kemiskinan, dan pembangunan.

Oleh itu pendekatan keupayaan berakar umbi dalam "individualisme etika" yang memegang pandangan bahawa apa yang paling penting adalah apa yang berlaku kepada setiap individu sejak penilaian kolektif membawa kecenderungan menghadap ketidaksamaan sedia ada atau yang berpotensi dalam kumpulan. (Robeyns 2005: 107, 2008: 90).

Robeyns (2005) mentakrifkan pendekatan keupayaan sebagai "rangka kerja normatif luas untuk penilaian dan penilaian kesejahteraan dan sosial urusan individu, reka bentuk dasar dan cadangan mengenai perubahan sosial dalam masyarakat" manakala Gasper (2009) menyatakan bahawa ia adalah menyeluruh yang berorientasikan manusia melalui pendekatan analisis dan dasar.

Sen (1999: 75), menyatakan bahawa pendekatan keupayaan meliputi pembangunan pengembangan kemampuan manusia seperti pengetahuan, kesihatan, alam sekitar fizikal yang bersih, dan kebebasan politik, dan tidak memaksimumkan utiliti atau proksinya, Keupayaan

merujuk kepada pelbagai pilihan dari apa yang individu boleh menjadi atau tidak; bahawa seseorang boleh mencapai reflektif dalam 'kebebasan substantif dia menikmati untuk membawa jenis kehidupan dia mempunyai sebab untuk nilai' semua dalam erti kebimbangan ontologi untuk apa yang penting dan perlu bagi manusia kesejahteraan. (Nuno, 2016; Sen, 1992: 40; 1999: 87).

### 1.8.4 Instrumental Teori Modal Insan

Pertama, konsep 'modal' adalah dibebani dengan pelbagai definisi dan tafsiran. Sebagai contoh, Lin (2001: 3) mendefinisikan modal sebagai "pelaburan sumber dengan pulangan yang dijangka di pasaran" tetapi definisi ini tidak memeluk semua aspek-aspek lain yang mana modal telah dikenal pasti seperti, semula jadi, yang dihasilkan dan manusia dan Moore et al., 2006; Goodwin, 2003; Dhakal 2011; Roseland, 2000).

Terdapat juga wujud lain-lain bentuk modal seperti modal budaya, modal ekonomi dan modal simbolik. (Bourdieu, 1986). Bagi satu lagi konsep modal insan yang terdiri daripada semua sifat-sifat yang berguna dengan yang individu dikurniakan dan telah ditakrifkan dengan pelbagai, antaranya; Coff, (2002) mengenal pasti istilah "modal insan" sebagai pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang terkandung dalam orang; manakala Goldin (2016) menerangkan istilah sebagai "saham kemahiran yang tenaga buruh mempunyai." Fisher et al. (2003) di pihak mereka menunjukkan bahawa modal insan adalah kunci untuk kebolehpasaran individu dan meningkatkan kapasiti pendapatan.

Almendarez, (2013) berpendapat bahawa teori modal insan meneroka bagaimana pendidikan mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan pekerja dengan meningkatkan tahap stok

Universiti Utara Malaysia

kognitif keupayaan manusia produktif dari segi ekonomi, yang merupakan hasil daripada kebolehan dan pelaburan terhadap aset manusia.

Van (2007), kemajuan modal insan menjadi sangat popular dalam penyelidikan sejarah berikutan kebangkitan teori pertumbuhan dalam tahun 1950-an; dan kebangkitan penyokong teori modal insan seperti Becker (1964) dan Schultz (1961) di kalangan orang lain yang meletakkan idea pelaburan dalam kapasiti manusia teras pembangunan ekonomi. Van (2007) selanjutnya menyatakan bahawa konsep modal insan timbul daripada liputan yang rendah yang disediakan oleh sisik seperti modal fizikal yang semata-mata tidak cukup untuk menjelaskan pertumbuhan dalam jangka masa panjang dalam menghadapi beberapa petunjuk sosial seperti pendidikan dan kehidupan jangka; faktor-faktor seperti kos membesarkan anak-anak, kos kesihatan, antara lain.

Universiti Utara Malaysia

Oleh itu, teori modal insan atau model modal insan merujuk kepada asas analisis neoklasik pasaran buruh, pendidikan dan pertumbuhan ekonomi; semua mewakili penjelasan daripada tanggapan akal bahawa fungsi sekolah adalah untuk menyediakan pelajar dengan maklumat dan kemahiran yang akan menjadi berharga di kemudian hari kerana dengan pelaburan lain yang serupa. (Quiggin (1999) menambah bahawa dalam "versi sempit model modal insan, pengetahuan dan kemahiran dinilai instrumentally, sejauh mana mereka menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan dengan itu, perkara-perkara lain adalah sama, kepada pendapatan yang lebih tinggi".

Schultz (1961) melihat sumber intrinsik pada manusia termasuk pengetahuan, kemahiran (mengetahui bagaimana untuk melakukan apa yang hendak dilakukan), dan sikap (demonstrasi tingkah laku kecenderungan baik ketika melakukan apa yang akan selesaikan). Oleh itu, adalah jelas bahawa kapasiti pembangunan insan melalui pendidikan menekankan kepentingan kemahiran pendidikan untuk mencapai matlamat ekonomi individu dan kejayaan.

### 1.8.5 **Pembangunan masyarakat**

Pembangunan masyarakat adalah satu proses yang berterusan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Ia adalah mengenai penambahbaikan berterusan oleh rakyat sendiri untuk membawa perubahan dalam kehidupan mereka dan meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk rakyat. Kira-kira lima dekad yang lalu, pembangunan masyarakat telah dianggap sebagai program, proses, kaedah dan pergerakan (Sanders, 1958). Selama ini, perspektif pembangunan masyarakat pemahaman tidak berubah sangat. Sehingga hari ini, secara umum, pembangunan masyarakat dilihat sebagai proses menyediakan usaha bersepadu untuk membangunkan masyarakat dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti hidup ahli-ahlinya. Pembangunan masyarakat biasanya mempunyai tiga elemen utama: ( a) ahli komuniti ' kesejahteraan atau kebajikan yang melibatkan kedua-dua sara bahan dan aspek-aspek bukan ekonomi hidup seperti kesihatan dan pendidikan; (b ) Pembangunan sumber, yang melibatkan peningkatan pengeluaran dan kecekapan; dan (c) pembangunan organisasi, yang melibatkan penyelenggaraan dan pembentukan struktur sosial dan ekonomi di mana anggota masyarakat boleh menyalurkan tenaga mereka untuk kebaikan kehidupan masyarakat. (Baker, 1989:48).

Universiti Utara Malaysia

Matlamat utama pembangunan masyarakat adalah untuk membangunkan keupayaan dan potensi ahli menjejaskan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka melalui memaksimumkan penggunaan sumber-sumber untuk memberi manfaat kepada mereka dari segi sosial dan ekonomi. Ini hanya boleh dicapai melalui pengurusan yang berkesan bagi program pembangunan masyarakat serta mempunyai profesional yang sangat komited dan terlatih bukan sahaja dalam bidang teknikal tetapi juga dalam pembinaan keupayaan masyarakat.

Pembangunan masyarakat adalah satu proses yang membawa kepada perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuk sosial, ekonomi, budaya dan juga alam sekitar. Ia adalah mengenai penambahbaikan berterusan, pertama dengan bantuan agen perubahan dan kemudian, oleh rakyat sendiri untuk membawa perubahan dalam kehidupan mereka, yang akhirnya meningkatkan kualiti hidup mereka. Oleh itu, tumpuan proses pembangunan komuniti adalah penglibatan rakyat (kemudian daripada perkataan 'masyarakat' akan digunakan) di mana ahli-ahli masyarakat datang bersama-sama untuk mengambil tindakan secara kolektif untuk memenuhi matlamat mereka kongsi (s) atau untuk menjana penyelesaian mengatasi masalah yang dikongsi bersama. Rubin dan Rubin (2001), "Pembangunan masyarakat berlaku apabila orang mengeratkan hubungan dalam kawasan kejiranan mereka, membina rangkaian sosial, dan membentuk organisasi mereka sendiri untuk menyediakan kapasiti jangka panjang untuk menyelesaikan masalah". Ahli-ahli masyarakat yang mempunyai keupayaan untuk melakukan sesuatu untuk meningkatkan kualiti hidup mereka digambarkan sebagai mempunyai keupayaan untuk berfikir, untuk membuat keputusan, merancang dan mengambil tindakan dalam menentukan kehidupan mereka. Oleh itu, dalam apa-apa program pembangunan masyarakat kedua-dua ekonomi dan pertumbuhan individu perlu diberi perhatian yang sama bagi

Universiti Utara Malaysia

memastikan bahawa proses pembangunan komuniti mencapai keseimbangan yang sewajarnya kesinambungan dan kelestarian.

Skop proses pembangunan masyarakat boleh berbeza dari satu inisiatif komuniti mudah dalam kumpulan kecil untuk sebuah kompleks atau lebih besar inisiatif yang melibatkan jumlah yang lebih besar daripada ahli komuniti. Tanpa mengira bilangan peserta dalam inisiatif, ciri-ciri asas pembangunan masyarakat adalah penganjur masyarakat. Rakyat perlu mengatur diri mereka sebelum tindakan boleh diambil. Penganjur masyarakat adalah tentang membangunkan instrumen demokrasi di mana ahli-ahli masyarakat boleh membuat keputusan atau membuat pengaruh yang memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Dalam keadaan biasa hasil daripada penganjuran masyarakat adalah suatu bentuk usaha kumpulan. Kumpulan itu boleh menjadi tidak rasmi atau formal dengan atau tanpa struktur rasmi kepimpinan. Dari masa ke masa, Kumpulan ini berkembang serentak dengan perkembangan keyakinan, kebolehan, kemahiran, pengetahuan, pengalaman ahli-ahli kumpulan dan sebagainya. Pendek kata, pembangunan masyarakat adalah satu proses di peringkat akar umbi melalui penyertaan di mana ahli-ahli masyarakat menjadi lebih cekap, bertanggungjawab, memaklumkan, peka dan sensitif tentang persekitaran hidup mereka. Persekitaran ekonomi, politik dan sosial adalah 'ruang' dan 'peluang' untuk ahli-ahli masyarakat untuk membangunkan, memperkukuh dan meningkatkan keupayaan dan potensi mereka. Proses pembangunan masyarakat bukan proses evolusi. Proses ini perlu dirancang untuk mencapai hasil yang berkesan. Meletakkan usaha ke dalam proses yang penting. Usaha ini boleh datang daripada ahli masyarakat dan juga daripada ejen perubahan. Dalam pengertian ini, proses pembangunan

masyarakat memerlukan bukan sahaja untuk membangunkan kapasiti masyarakat tetapi juga keupayaan agen perubahan dan juga untuk menangani isu dan masalah, untuk mencari ruang dan peluang, untuk memenuhi keperluan dan memperbaiki keadaan atau perkhidmatan tertentu. Sebelum menghuraikan pembinaan kapasiti masyarakat jangka , mari kita cuba untuk memahami perkataan ' keupayaan '. Secara umumnya, ' keupayaan ' boleh dirujuk sebagai ' kebolehan melakukan atau ' kuasa 'untuk membuat perkara yang berlaku . Dalam konteks pembangunan masyarakat, komponen utama kapasiti untuk memanfaatkan proses pembangunan komuniti adalah keupayaan fizikal ( infrastruktur dan sumber ketara) , kapasiti ekonomi (dana, kredit, geran - sumber kewangan) , menyokong kapasiti ( dasar kerajaan dan amalan ), dan akhir sekali , keupayaan masyarakat. Kapasiti masyarakat adalah hasil daripada satu proses interaktif yang dinamik pengetahuan, sikap, kemahiran.

Setiap individu mempunyai beberapa jumlah keupayaan, kapasiti iaitu. Nombor agregat individu yang tinggal di kawasan penempatan sebagai satu komuniti, terdapat kapasiti masyarakat yang berpotensi. Tertanam dalam kapasiti masyarakat adalah modal insan dan modal sosial. Kedua-duanya adalah aset masyarakat. Bekas boleh termasuk apa-apa pencapaian, kemahiran, tingkah laku dipelajari atau pengalaman seseorang mendapat seperti memudahkan kumpulan, mengambil bahagian dalam masalah proses atau keupayaan untuk bercakap dengan fasih menyelesaikan. Yang terakhir adalah mengenai kerjasama di antara rakyat. Putnam (1993) dilihat modal sosial terdiri daripada rangkaian sosial dan norma yang memberi kesan kepada produktiviti masyarakat. Modal sosial meningkatkan dan membolehkan penyelarasan dan kerjasama antara individu bagi faedah bersama daripada ahli komuniti. Manfaat tersebut adalah hasil wajar yang akhirnya meningkatkan anggota masyarakat kesejahteraan. Dari definisi di atas dan penjelasan, seseorang

itu boleh membuat kesimpulan bahawa kapasiti masyarakat boleh maju, dan bahawa proses ini dikenali sebagai pembinaan keupayaan masyarakat. Pembinaan keupayaan masyarakat adalah mengenai mewujudkan masyarakat yang sihat. Masyarakat yang sihat dalam erti kata yang luas adalah masyarakat berdikari, masyarakat reaktif dan proaktif, masyarakat yang berilmu, yakin dan responsif. Masyarakat yang sihat adalah sentiasa mengetahui hak-hak mereka, tahu bagaimana untuk menjalankan dan menjaganya, manakala dari semasa ke semasa ahli-ahli yang sanggup meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Masyarakat yang sihat sentiasa percaya bahawa mereka (ahli) boleh membuat perubahan dengan mengambil beberapa tindakan secara kolektif. Oleh itu, masyarakat yang sihat mempunyai keupayaan untuk melaksanakan keupayaan dan potensi mereka sebagai keupayaan manusia. Pembinaan keupayaan masyarakat adalah usaha yang didorong oleh masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan keadaan hidup mereka, ekonomi dan sosial dengan meningkatkan dan bersenam keupayaan peribadi, kumpulan atau masyarakat.

Universiti Utara Malaysia

Falsafah dasar pembinaan keupayaan masyarakat adalah bahawa ahli-ahli masyarakat mempunyai atau boleh memperoleh keupayaan untuk mengawal dan mengurus kehidupan mereka sendiri dalam mana ahli-ahli masyarakat mempunyai 'kuasa' untuk membentuk proses pembangunan. Ia juga dipercayai bahawa keupayaan masyarakat dan keupayaan boleh diperbaiki dari masa ke masa. Oleh itu, pembinaan keupayaan masyarakat bukan perusahaan 'one-off' dalam proses pembangunan masyarakat. Sebaliknya, kapasiti individu, kapasiti kumpulan dan juga di tingkat atas, keupayaan masyarakat boleh dipertingkatkan, terkumpul dan maju.

Prinsip utama pembinaan keupayaan masyarakat memberi penekanan kepada pengukuhan kebolehan sedia ada ahli komuniti. Prinsip ini menghargai dan menerima masyarakat seperti itu, dan pada masa yang sama percaya bahawa keupayaan mereka boleh dipertingkatkan dan dibangunkan pada masa depan. Satu petunjuk yang minimum pembinaan keupayaan adalah bahawa ahli-ahli masyarakat telah menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti berterusan dengan alasan seperti untuk mencapai apa yang mereka atau untuk menyelesaikan masalah.  Ini menunjukkan bahawa ahli-ahli masyarakat yang sanggup untuk menjadi sebahagian daripada program. Dalam keadaan itu, terdapat ruang untuk penambahbaikan di mana keupayaan mereka boleh dimajukan lagi. Memupuk keupayaan adalah elemen penting dan penting dalam proses pembangunan masyarakat. Apabila kapasiti masyarakat bertambah, ia membawa kepada kuasa rakyat. Di sini, konsep pemberdayaan rakyat adalah amat berkaitan dengan kebolehan dan potensi rakyat untuk membuat sesuatu yang berlaku yang memberi manfaat kepada mereka. Rakyat atau pemberdayaan masyarakat adalah mengenai keupayaan orang. Bersenam keupayaan mereka melalui mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan dan dimulakan oleh mereka atau dibantu oleh agen perubahan, sebagai contoh, boleh meningkatkan kuasa masyarakat.

Produk akhir masyarakat yang diberi kuasa adalah peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan. Pada asasnya, terdapat empat sumber asas keupayaan masyarakat. Mereka adalah pengetahuan, sikap, kemahiran dan amalan. Keempat-empat elemen ini merupakan 'blok binaan' kapasiti manusia. Elemen paling penting adalah pengetahuan. Pengetahuan dalam bentuk yang paling mudah adalah maklumat. Ia adalah antara yang mudah kepada kompleks yang lebih, seperti ilmu pengetahuan. Secara umumnya, dalam masyarakat bermaklumat tahap kesedaran di kalangan ahli-ahli mereka adalah lebih tinggi. Individu yang mempunyai pengetahuan tertentu lebih sedar

dan mempunyai pengertian yang lebih baik mengenai keadaan atau isu yang berkaitan dengan kehidupan mereka, yang kemudian mempengaruhi kepercayaan mereka terhadap sesuatu. Kepercayaan, maka, membina sikap. Biasanya, orang-orang yang lebih dilengkapi dengan pengetahuan dan lebih sedar tentang isu-isu atau situasi tertentu akan menggambarkan sikap positif. Sikap positif kemudiannya dimanifestasikan dalam amalan (atau tindakan) seperti menunjukkan minat, responsif, secara sukarela terlibat dan bersedia untuk mengambil tanggungjawab. Dengan pengetahuan dan sikap yang positif, ia menggalakkan ahli-ahli masyarakat untuk mengambil bahagian dalam menjalankan aktiviti yang dianjurkan oleh mereka atau dimulakan oleh pihak lain.

Melalui yang mengambil bahagian, ahli-ahli masyarakat dapat menggunakan kemahiran mereka, dan pada masa yang sama mendapat pengalaman baru dan pengetahuan serta memajukan kemahiran mereka, yang boleh membawa kepada amalan baru. Pada akhirnya, keupayaan dan kapasiti rakyat meningkat dan secara langsung juga tahap memperkasakan mereka. Pada ketika ini, masyarakat dapat mengawal kehidupan mereka, oleh itu kualiti hidup. Untuk meningkatkan keupayaan masyarakat adalah untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan, sikap, kemahiran dan amalan yang akan membolehkan mereka berfungsi dengan berkesan dalam proses pembangunan masyarakat. Dua strategi mungkin yang membolehkan untuk membangunkan dan mengukuhkan kapasiti masyarakat adalah pendidikan pengembangan dan pendekatan pengauditan sosial. Kedua-dua strategi boleh digunakan oleh profesional kesihatan. Ia bukan satu tugas tambahan bagi mereka tetapi sebaliknya boleh tertanam dalam amalan kerja mereka.

Universiti Utara Malaysia

Secara tradisi, pendekatan pendidikan pengembangan telah berkait rapat dengan bidang pertanian dan sebenarnya, ia telah menjadi strategi yang paling penting yang digunakan dalam kerja-kerja pembangunan pertanian dan luar bandar. Walau bagaimanapun, konsep pengembangan dan pendekatan telah menembusi luar sempadan pertanian ke dalam bidang kesihatan pencegahan, pemakanan komuniti, perlindungan alam sekitar, perancangan keluarga dan pembangunan, pendidikan pengguna untuk menamakan beberapa (Rahim, 1995: 2).

Fokus pendidikan pengembangan telah mengenai perubahan dan membuat keputusan. Secara umumnya, pendidikan pengembangan boleh ditakrifkan sebagai satu sistem pendidikan tidak formal yang menyediakan khidmat nasihat menggunakan proses pendidikan untuk membantu para pelanggan dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi berkesan dengan keperluan dan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam konteks sosio-ekonomi mereka sendiri. Sebagai satu sistem pendidikan non-formal, pendidikan pengembangan bertujuan untuk mendorong perubahan tingkah laku secara sukarela di kalangan para pelanggan mereka menerusi penglibatan mereka dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian program-program intervensi yang akan memberi manfaat kepada mereka.

Sebagai perkhidmatan nasihat, pendidikan pengembangan menyebarkan pelbagai maklumat kepada pengetahuan baru dan teknologi, kemahiran dan strategi berdasarkan hasil penyelidikan untuk membantu pelanggan memenuhi keperluan mereka dan menyelesaikan masalah mereka. Sebagai satu proses, pendidikan pengembangan Pautan pelanggan secara berterusan dengan sentiasa berubah dan diuji berasaskan penyelidikan ilmu pengetahuan, teknologi, prosedur dan perspektif yang mungkin demi kepentingan mereka sendiri, dan berpotensi berguna untuk tujuan

mereka sendiri (Boone, 1989: 2). Dalam hal ini, misi pendidikan pengembangan adalah untuk membantu orang untuk membangunkan keupayaan dan potensi mereka untuk mengurus dan menghadapi perubahan dalam persekitaran mereka.

Universiti Utara Malaysia

## BAB DUA

## ULASAN KARYA

### 2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai salah laku dan displin pelajar, faktor berlakunya masalah salah laku, kesan-kesan salah laku, hubungan pencapaian akademik dengan kemiskinan dan kerjaya serta teori-teori berkaitan tingkah laku displin/devian.

### 2.2 Hubungan Pencapaian Akademik dan Kemiskinan

Masalah utama pelajar-pelajar luar bandar adalah berkaitan dengan kemiskinan yang memberi kesan negetif terhadap kemajuan akademik. Kajian-kajian kemiskinan dan pembangunan desa di Malaysia yang melibatkan semua kaum secara keseluruhannya melaporkan bahawa pencapaian akademik pelajar dari kalangan keluarga miskin adalah rendah (Chamhuri 2005). Kajian oleh Hj Muhammed Nata dan Abdullah (2012) menunjukkan pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan pelajar bumiputera disebabkan oleh faktor ketidakseimbangan sosioekonomi atau kemiskinan. Faktor-faktor seperti kemiskinan keluarga, masalah keluarga dan peribadi pelajar memberi kesan kepada pembelajaran pelajar dalam hal-hal yang berkaitan dengan bahasa, angka dan perkembangan minda.

Kajian oleh Ting Len Siong (2003) juga membuktikan bahawa pencapaian akademik pelajar ditentukan oleh persekitaran kekeluargaan. Pelajar yang rendah pencapaian akademiknya

Universiti Utara Malaysia

kebiasaanya datangnya dari keluarga yang miskin bagaimanapun terdapat juga pelajar yang tinggi pencapaian akademiknya datang daripada keluarga miskin.

Kajian oleh Azizi Yahya et. al (2011) mendapati permasalahan tentang pencapaian akademik pelajar bumiputera dikaitkan dengan faktor permasalahan keluarga dan masalah displin pelajar. Permasalahan ini memberi kesan kepada proses belajar terutamanya diperingkat sekolah menengah kerana peringkat sekolah menengah merupakan peringkat yang penting iaitu peringkat persediaan untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian oleh Zakiyah (2011) juga membuktikan bahawa salah satu punca keciciran anak-anak dalam pelajaran adalah disebabkan oleh kemiskinan.

### 2.2.1 Definisi Salah Laku Disiplin

Disiplin adalah satu bentuk latihan pemikiran dan kelakuan yang perlu ada pada setiap insan. Disiplin adalah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan perlu dipatuhi untuk mewujudkan insan yang mulia. Ia juga merupakan satu aspek kehidupan yang wujud dalam masyarakat. Peraturan-peraturan sekolah contohnya bertujuan menanam asas displin di kalangan pelajar sekolah (Abdullah Sani 2004).

Masalah disiplin pelajar yang biasa berlaku di sekolah, telah diklasifikasikan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada tiga (3) kategori iaitu masalah disiplin berat, sederhana dan ringan. Kesalahan disiplin berat dan sederhana yang melibatkan pelajar sekolah kebiasaannya diberitahu kepada pengetahuan ibubapa sementara kesalahan disiplin yang ringan

Universiti Utara Malaysia

hanya direkodkan. Jenis-jenis masalah disiplin yang diklasifikasikan oleh pihak sekolah bagi mengikut kategori seperti berikut:

### 2.2.2 Masalah Disiplin Berat

a) Memiliki / mengedar / meminum minuman keras
b) Berjudi / membeli dan memiliki barang curi
c) Memiliki / melihat / mengedar bahan lucah / kata lucah / tingkah laku lucah atau sumbang
d) Memiliki / menyalahguna / mengedar dadah
e) Mencuri / menipu
f) Ugut / Ragging /Buli
g) Membawa / menggunakan senjata
h) Vandalisme (semua jenis)
i) Memiliki / mengedar / menghisap rokok
j) Membuli/ bergaduh

### 2.2.3 Masalah Disiplin Sederhana

a) Memasuki kawasan larangan/keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran
b) Ponteng sekolah / kelas / perhimpunan
c) Menyimpan rambut panjang ( lelaki )/ Mewarnakan rambut
d) Melanggar peraturan keselamatan jalan raya
e) Menggangu ketenteraman guru/ pihak sekolah/rakan yang lain

### 2.2.4 Masalah Disiplin Ringan

a) Mengotorkan kawasan sekolah

b) Makan dalam kelas

c) Menganggu / mengusik pelajar lain

d) Datang lewat ke sekolah / kelas

e) Tidak membawa buku / alatan

f) Kerja rumah dan tugasan ( tidak siap / tidak buat)

g) Pakaian sekolah / kokurikulum ( tidak kemas / lengkap)

h) Pelajaran ( tidak memberi perhatian / tumpuan dalam kelas)

Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan daripada pandangan dan pendapat yang telah dinyatakan, maka bolehlah ditafsirkan bahawa masalah disiplin sekolah ini merupakan masalah pelajar untuk mengikuti dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Oleh itu tindakan tatatertib atau denda dikenakan sebagai pengajaran dan peringatan kepada mereka agar tidak mengulangi perbuatan dan masalah yang sama di masa-masa akan datang seperti masalah buli, ponteng sekolah, gangsterisme, mencuri, menghisap rokok dan sebagainya.

### 2.2.4 Salah laku Displin dan Tahapnya

Asmah Suboh et. al. (2011) membuat kajian mengenai tiga jenis kesalahan pelajar sekolah iaitu salah laku kenakalan, salah laku fizikal dan salah laku verbal. Dalam salah laku kenakalan, kajian Asmah Suboh et. al. mendapati tindakan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar adalah

kesalahan vandalisme. Kesalahan ini bagaimanapun dilakukan pada tahap yang rendah. Dari segi salah laku fizikal pula, kajian ini menunjukkan kesalahan buli adalah paling banyak dilakukan oleh pelajar dan kesalahan ini berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya bagi kesalahan verbal, kajian memaparkan kesalahan melawan guru adalah kesalahan paling tinggi dilakukan pelajar dan ia juga berada pada tahap sederhana.

Kajian Jamaliah (1998) terhadap pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Mohamed Al-Bukhary Kota Setar, Negeri Kedah Darul Aman menunjukkan bahawa memang terdapat masalah disiplin di kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan masalah disiplin jenis penipuan dan jenis kepentingan masa adalah yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar. Sementera  faktor-faktor seperti umur, jantina, pendapatan keluarga, bilangan adik-beradik dan pengaruh rakan sebaya mempunyai corak hubungan dengan masalah disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan disiplin jika dibandingkan dengan pelajar perempuan, umur tiga belas tahun lebih banyak melakukan masalah disiplin berbanding dengan umur yang lain, mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai dan seterusnya pendapatan keluarga yang kurang daripada RM 600.00 sebulan melakukan lebih banyak masalah disiplin.

Universiti Utara Malaysia

### 2.2.5 Masalah Disiplin dan Faktor-faktornya

Masalah displin dikalangan pelajar-pelajar sekolah adalah berpunca daripada faktor-faktor sekolah, keluarga dan diri pelajar sendiri. Faktor sekolah mengandungi unsur-unsur seperti struktur bilik darjah, interaksi antara guru dan pelajar, pelajar dan pelajar serta unsur persekitaran sekolah. Faktor keluarga meliputi struktur kekeluargaan dan interaksi dikalangan ahli keluarga.

Manakala faktor diri sendiri adalah meliputi perwatakan diri, kesihatan fizikal, latar belakang sosial dan budaya pelajar berkenaan. Di samping itu faktor rakan sebaya juga turut mempengaruhi pelajar (Manivannan Arumugan (2002). Faktor personaliti itu sendiri yang mendorong sesuatu tingkah laku juvana itu sendiri. Menurut Clerkley (1954) masalah tingkah laku remaja bermula dari remaja itu sendiri. Faktor personaliti antara lain adalah penyumbang berlakunya kesalahan.

Menurut Abdul Razak (2003) dalam hal pendidikan anak-anak, ibu bapa memainkan peranan penting. Bagaimanapun, akibat daripada perubahan sosial yang berlaku pada hari ini, ibu bapa lebih mementingkan pekerjaan daripada anak-anak. Ibu bapa lebih suka memberi keselesaan dan kemewahan dari segi kebendaan daripada memberi kasih sayang dan meluangkan masa untuk anak-anak. Ibu bapa lupa bahawa anak-anak juga perlukan kasih sayang dan perhatian dalam menghadapi kehidupan seharian. Sikap ini akan menyebabkan anak-anak rasa terpinggir tanpa kasih sayang dan mereka akan bergaul dengan rakan-rakan sebaya yang bermasalah sehingga membawa kepada pelanggaran disiplin di sekolah.

Universiti Utara Malaysia

Menurut Azizi Yahya. et. al. (2010) nilai kekeluargaan yang kian pudar di kalangan masyarakat hari ini akibat daripada perubahan cara hidup menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pelanggaran disiplin oleh pelajar. Nilai-nilai kekeluargaan semakin pudar dan rapuh apabila anak-anak dibiarkan membesar di tangan orang lain dan tidak mendapat perhatian yang secukupnya. Ini mengganggu proses pembesaran dan perkembangan emosi kanak-kanak.

Kajian Asmah Suboh et. al. (2011) cuba mengaitkan hubungan salah laku dengan gaya keibubabapaan. Keputusan kajian mendapati terdapat pelbagai gaya keibubapaan yang

diamalkan oleh masyarakat umpamanya gaya autoritatif, gaya autotarian gaya permisif dan gaya pengabaian. Gaya autoritatif merupakan gaya yang paling banyak diamalkan oleh ibu bapa diikuti oleh gaya permisif dan gaya pengabaian sementara gaya autotarian paling sedikit diamalkan oleh ibu bapa. Kajian ini mendapati terdapat hubungan berkadar secara langsung di antara gaya keibubapaan dengan pembabitan ibu bapa dalam aktiviti anak-anak mereka di sekolah.

Bowlby (1947) berpendapat ibubapa yang kurang memberi kasih sayang merupakan punca perlakuan devian anak-anak. Kajian beliau keatas 44 orang pencuri mendapati kanak-kanak yang dipisahkan secara fizikal daripada ibubapa mereka selama dua setengah tahun hingga lima tahun secara automatis akan membawa kesan negatif yang tidak dibaiki terutama ke atas pembentukan emosi. Manakala Sutherland (1974) mendapati remaja yang kurang menerima curahan kasih sayang dari ibubapa menjadi budak nakal dua kali ganda daripada mereka yang menerima kasih sayang. Kanak-kanak yang kurang menerima curahan kasih sayang seolah-olah terbiar cenderung kepada perbuatan mengikut naluri mereka.

Universiti Utara Malaysia

Selain faktor keluarga pelakuan kesalahan juvana juga ada kaitan dengan faktor sosioekonomi terutama sosioekonomi keluarga. Menurut Hagel (1996) kadar jenayah adalah tinggi pada keluarga yang datangnya dari kelas bawahan. Ini disebabkan struktur sistem sosioekonomi adalah turut menyumbang berlakunya keadaan sedemikian. Sistem ekonomi kapitalisme yang diamalkan telah menyebabkan pengangguran berlaku, ia mendorong ke arah pendapatan rendah, mewujudkan ketegangan, jenayah dan tingkahlaku devian. Kajian oleh Mat Kilau (1997) ke atas

pelajar sekolah menengah yang ponteng sekolah menunjukkan faktor persekitaran dan faktor masalah disiplin pelajar menyumbang kepada salah laku ponteng sekolah.

Menurut *Teori Differential Association* yang diperkenalkan oleh Edwin H. Sutherland, kenakalan itu adalah suatu tingkah laku yang boleh dipelajari daripada orang lain. Tingkah laku tersebut boleh dipelajari melalui komunikasi dengan orang yang rapat di dalam sesuatu kumpulan secara berterusan dan mengalami perubahan secara beransur-ansur tingkah laku tersebut. Teori Differential Association ini telah menggariskan 9 penyataan sebagai panduan iaitu[13]:

i. Tingkah laku jenayah, seperti tingkah laku yang lain adalah boleh dipelajari daripada orang lain. Iaitu tingkah laku kenakalan ini bukanlah diwarisi tetapi boleh diperolehi dengan mempelajarinya.

ii. Tingkah laku jenayah ini adalah dipelajari melalui penglibatan aktif remaja dengan orang lain melalui proses komunikasi termasuklah secara pertuturan dan bukan pertuturan.

iii. Prinsip mempelajari tingkah laku jenayah ini berlaku di antara ahli-ahli kumpulan yang rapat hubungannya antara individu. Hubungan ini akan memberi pengaruh yang kuat serta pengertian daripada hubungan ini lebih mempengaruhi golongan remaja daripada komunikasi bentuk-bentuk lain seperti wayang gambar dan surat khabar.

---

[13] Bartollas C. (1997). *Juvenile Delinquensy*. Usa: Ally And Bacon

Universiti Utara Malaysia

iv. Tingkah laku jenayah yang diperolehi termasuklah teknik-teknik melakukan jenayah dan juga memperolehi sikap suapaya mengenepikan sifat moral dalam fikirannya.

v. Remaja terdedah dan berhubung dengan kedua-dua masyarakat yang mendefinisikan mematuhi undang-undang sebagai peraturan dan dengan mereka yang mendefiniskan pelanggaran undang-undang sebagi kod yang sah. Ini menjadikan remaja berada dalam konflik budaya.

vi. Seseorang itu menjadi delinkuan disebabkan oleh lebih definisi bersetuju melanggar undang-undang daripada mematuhi undang-undang. Seseorang menjadi delinkuan sebab penglibatan mereka dengan kumpulan dan rakan-rakan yang delikuan lebih daripada kumpulan dan rakan-rakan yang tidak delinkuan.

vii. Kesan kumpulan atau rakan yang delinkuan terhadap remaja adalah bergantung kepada kekerapan hubungan sosial mereka, tempoh masa hubungan, umur semasa hubungan berlaku dan kehebatan interaksi sosial yang berlaku.

viii. Pembelajaran tingkah laku delinkuan ini bukan sahaja terhadap kepada memperolehinya dari orang lain malah ianya melibatkan semua mekanisma seperti pembelajaran displin yang lain juga.

ix. Motif tingkah laku delinkuan ini berbeza daripada tingkah laku kebiasaannya sebab tingkah laku delinkuan ini berasaskan kepada lebihnya definsi delinkuan daripada yang lain

Universiti Utara Malaysia

### 2.2.6 Masalah Disiplin dan Kesannya

Dewasa ini masalah disiplin di sekolah banyak diperkatakan dan sering sahaja menjadi isu perbincangan di media cetak dan elektronik. Salah laku yang melibatkan golongan pelajar belasan tahun kini berada pada peringkat yang membimbangkan dengan bertambahnya bilangan kes yang mendadak. Kebanyakan bentuk jenayah yang dilakukan oleh mereka setaraf dengan jenayah yang dilakukan oleh orang dewasa (Ali Suradin & Eni Eryanti Yusoff 2005). Pergaduhan dan keganasan merupakan antara 'salah laku' yang seringkali dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah. Ia merupakan tindakan devian yang mengambarkan perbuatan salah, kerosakkan akhlak dan kecuaian dalam menjalankan kewajipan ((Manivannan Arumugan (2002).

Pembabitan pelajar sekolah menengah dalam kes-kes yang melanggar peraturan sekolah seperti buli, ponteng sekolah, menghisap rokok, bergaduh dan lain-lain salah laku membimbangkan ibu bapa dan guru-guru. Ini kerana salah laku ini akan merencatkan akademik pelajar. Kajian oleh Zulkifli & Azrinawati (2006) menunjukkan kecermelangan pencapaian akademik pelajar adalah bergantung kepada nilai-nilai displin di kalangan pelajar. Kajian oleh Idris Kadir (1998) pula mendapati motivasi guru untuk mengajar adalah bergantung kepada disiplin murid dan suasana kerja. Jika pelajar bertingkah laku negetif maka guru-guru tidak bersemangat untuk mangajar. Sebaliknya jika pelajar bertingkah laku baik dan memberi perhatian kepada pembelajaran maka guru-guru akan bersemangat untuk mengajar. Begitu juga dengan suasana kerja, jika suasana kerja berada dalam keadaan baik, maka ia mempengaruhi motivasi guru untuk mengajar sebaliknya jika suasana kerja berada dalam keadaan tidak baik maka ia tidak memberi motivasi kepada guru untuk mengajar.

Universiti Utara Malaysia

## 2.3 Hubungan Pendidikan Dengan Pembangunan Modal Insan Serta Kerjaya

Terdapat pelbagai hujah atau pendapat yang mengatakan pembangunan insan dan kerjaya akan terhasil melalui pendidikan. Pendidikan adalah teras kepada pembangunan insan. Pendidikan seharusnya bermula dari peringkat taman asuhan kanak-kanak (taska) lagi (Utusan Malaysia, 3 Julai 2005). Zulkifli Jalil (2006) juga menyokong akan kepentingan pendidikan di peringkat awal kanak-kanak. Menurut Zulkifli pendidikan awal kanak-kanak bermula seawal usia dua setengah tahun. Ini kerana kajian saintifik telah membuktikan bahawa otak manusia telah berfungsi pada awal kanak-kanak.

Pendidikan adalah penting dalam menjana pembangunan modal insan yang seimbang. Pendapat ini disokong Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi. Menurut Dato Seri Abdullah sistem pendidikan dan latihan perlu diperkasakan bagi menyesuaikan dengan hala tuju dasar pembangunan modal insan yang telah memasuki fasa baru dan cabaran baru. Sistem pendidikan dan latihan perlu sesuai bagi memperbaiki kualiti dan penyampaian untuk memastikan ianya terus relevan. Bagi mencapai matlamat ini beberapa strategi boleh dilaksanakan seperti pertama, memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat untuk melahirkan guna tenaga yang produktif. Kedua, menanam budaya minat untuk belajar sepanjang hayat di kalangan masyarakat. Ketiga, menggalakkan majikan-majikan untuk berperanan sebagai pendorong kepada pekerja untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Majikan juga seharusnya menyediakan latihan dan pendidikan kepada pekerja-pekerjanya. Keempat, mempastikan segala dasar yang digubal oleh kerajaan ke arah pembangunan modal insan dilaksanakan secara berkesan dan berjaya untuk mencapai misi nasional (Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006).

Universiti Utara Malaysia

Seterusnya Aloysius Gunadi Brata (2004) mengenengahkan mengenai kepentingan modal manusia kepada pertumbuhan ekonomi di samping faktor pendidikan dan kesihatan sebagai pengukur kejayaannya. Menurut Aloysius Gunadi Brata modal manusia adalah elemen penting dalam proses pertumbuhan ekonomi. Ini kerana modal manusia yang berkualiti akan melahirkan kualiti kerja yang berkualiti dan akan mendorong kepada pertumbuahan ekonomi. Kualiti modal manusia dapat diukur melalui taraf pendidikan dan tahap kesihatan serta faktor-faktor lain. Pendidikan dan kesihatan penduduk misalnya dapat menentukan kemampuan mereka untuk menguruskan faktor-faktor pengeluaran dan juga teknologi bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Melalui pendidikan, teknologi dapat diuruskan secara cekap.

Sementara itu, analisis yang dibuat oleh Joop Hartog (2000) menunjukkan modal manusia dapat dijadikan sebagai alat untuk melihat hubungan di antara pendidikan dan pasaran buruh. Pelaburan ke atas modal manusia dapat dilihat dengan membezakan masyarakat yang mendapat pendidikan tinggi dan pendidikan rendah. Masyarakat yang berpendidikan tinggi mendapat pendapatan yang lebih tinggi dari masyarakat yang berpendidikan rendah. Joop Hartog mengatakan modal manusia dapat diukur dari kelulusan akademik, sekiranya permintaan terhadap buruh lepasan universiti lebih tinggi dari lepasan buruh lepasan sekolah rendah, maka permintaan modal manusia boleh dikatakan telah meningkat.

Dalam konteks pembangunan sesebuah negara, pembangunan manusia yang seimbang khasnya dalam pembinaan akhlak adalah satu jaminan kepada pembangunan ekonomi dan kekuatan politik yang berterusan. Perlaksanaan pelbagai dasar, sistem, program dan perancangan yang berhubung kait dengan pendidikan merupakan usaha-usaha dan komitmen-komitmen kerajaan

Universiti Utara Malaysia

dalam usaha membangunkan generasi masyarakat yang seimbang (Azhar Ahmad & Abd. Halim Tamuri, 2007).

## 2.4 Sekolah luar bandar

Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar memainkan peranan penting dalam membantu negara mendidik rakyatnya. Dalam realiti, bagaimanapun, mereka sering menerima kurang perhatian daripada kerajaan dalam agenda pembaharuan. Ini mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa pejabat pendidikan biasanya terletak di kawasan bandar (Theobald, 2005) dan jauh di pedalaman sekolah luar bandar (Mitra, Dangwal, & Thadani, 2008). Walau bagaimanapun, ini fenomena (iaitu kurangnya perhatian daripada kerajaan), terutama di negara-negara maju (seperti Amerika Syarikat dan Australia), tidak lagi menjadi trend (Howley, 2006). Hari ini, tumpuan pembaharuan pendidikan adalah untuk memulihkan semula sekolah-sekolah luar bandar supaya ia tidak tercicir dari arus perdana (Freeman & Anderman, 2005). Oleh kerana tumpuan yang agak lama diambil oleh pembuat dasar, pertumbuhan dan perkembangan sekolah-sekolah luar bandar untuk membantu sekolah-sekolah luar bandar mempercepatkan perubahan positif (Arnold, 2004).

Di sebalik peningkatan dalam bilangan penyelidikan pendidikan luar bandar, pendidik di seluruh dunia belum mencapai persetujuan tentang pengertian luar bandar (Coladarci, 2007). Para sarjana barat mempunyai tafsiran yang berbeza tentang konsep luar bandar. Herzog dan Pittman (1995), misalnya, hanya menentukan luar bandar sebagai kawasan yang tidak sebahagian dari

sebuah bandar atau kawasan bukan metropolitan. Manakala, Petani (1997) menawarkan satu konsep yang lebih abstrak yang menyatakan bahawa luar bandar adalah bertentangan dengan bandar. Jika bandar diduduki oleh sebilangan besar penduduk, jadi luar bandar adalah satu tempat yang mempunyai sebilangan kecil penduduk. Takrif sekolah luar bandar yang sering digunakan oleh luar bandar penyelidik adalah salah satu yang telah diperkenalkan oleh Johnson (2005).

Di Malaysia, kedudukan adalah lebih baik berbanding era 1970-an kerana banyak pembangunan telah diberikan dalam sektor pendidikan khususnya di luar bandar walaupun ia menghadapi keadaan yang lebih mencabar berkenaan dengan usaha untuk reformasi sekolah luar bandar. Sesetengah sekolah, sebagai contoh, yang terletak di kawasan yang hanya boleh dicapai dengan menggunakan jalan akses yang terhad, atau sistem pengangkutan sungai seperti dalam negeri Sarawak. Keadaan ini sudah pasti memberi kesan kepada sekolah proses pemulihan.

Hasil peneliti beberapa kajian lepas berkenaan penyelidikan yang berkaitan dengan sekolah-sekolah luar bandar di Malaysia, kajian lebih terarah kepada melihat efisiensi kepada pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar seperti Ratnawati dan Ismail (2003), Thiyagarajah (2003), Martin (2005), Palmers dan Atiqah (2008). Kajian lain tertumpu kepada penilaian pencapaian dalam bidang sains dan matematik (Singh, Arba & Teoh, 2010; Bank Dunia, 2010), dan beberapa keratan akhbar yang sebenar menjelaskan isu-isu semasa yang melibatkan sekolah-sekolah luar bandar dan juga laporan daripada kesatuan guru. Dari segi pengajaran bahasa Inggeris, penyelidikan yang dilakukan oleh Ratnawati dan Ismail (2003) yang memberi tumpuan kepada keupayaan di sekolah-sekolah luar bandar.

Penyelidikan Thiyagarajah (2003) adalah mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu di sekolah luar bandar. Martin (2005) dalam kajian beliau menyiasat dua yang berbeza bilik darjah luar bandar yang terletak di kawasan pedalaman di Sarawak di mana mereka pelajar datang dari kumpulan minoriti dalam konteks Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

# BAB TIGA

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai prosedur-prosedur dalam melakukan kajian. Prosedur-prosedur itu seperti penetapan rekabentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan populasi dan sampel kajian  dan kaedah-kaedah untuk mengumpul maklumat dan analisis data kajian. Setiap perkara tersebut dibincangkan secara mendalam bagi memastikan proses dan tatacara pelaksanaan kajian mampu mencapai objektif kajian.

Kajian ini sekolah-sekolah menengah daerah Padang Terap, Kedah. Pemilihan sekolah-sekolah di Padang Terap adalah berpandukan kepada daerah yang dianggap agak ketinggalan dalam pencapaian sosio-ekonomi dan lazimnya masalah disiplin sering berlaku dalam kalangan pelajar Melayu.

Universiti Utara Malaysia

## 3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Berpandukan kepada kaedah kajian ini maklumat kajian akan diperolehi melalui empat kaedah utama iaitu temubual, analisis dokumen, fokus kumpulan dan kajian perpustakaan.

## 3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini mengambil pelajar sekolah menengah di Kedah sebagai populasi kajian. Di Kedah terdapat 189 buah sekolah menengah dengan jumlah pelajar sebanyak 169,145[14] orang. Pemilihan sekolah pula dibuat berdasarkan kepada keterlibatan GPMS di sekolah-sekolah menengah berkenaan dalam tempoh tahun yang di kaji. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh GPMS negeri Kedah setiap tahun sekolah-sekolah akan dikunjungi oleh GPMS dan tumpuan diberikan kepada sekolah-sekolah dari daerah luar bandar dan miskin serta sekolah-sekolah yang bermasaalah dari segi displin pelajar dan program pembangunan pelajar. Salah satu daerah yang menjadi tumpuan GPMS adalah daerah Padang Terap. Di daerah Padang Terap terdapat 6 buah sekolah menengah dengan pelajar berjumlah 5,934. Kajian ini akan menjadikan sekolah dan pelajar di daerah Padang Terap sebagai sampel kajian.

| **Bil. Sekolah** | **Nama Sekolah** | **Bilangan Pelajar** |
|---|---|---|
| 1 | Sek. Men. Kebangsaan Agama Daril Iktisam | 104 |
| 2 | Sek. Men. Kebangsaan Dato' Syed Ahmad | 1,783 |
| 3 | Sek. Men. Kebangsaan Kuala Nerang | 1,921 |
| 4 | Sek. Men. Kebangsaan Naka | 898 |
| 5 | Sek. Men. Kebangsaan Padang Terap | 604 |
| 6 | Sek. Men. Kebangsaan Pedu | 625 |
| 6 | **Jumlah Pelajar** | 5,934 |

Universiti Utara Malaysia

[14] Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (2014). Statistik. (atas talian). *http://jpnkedah.moe.gov.my/index.php/ms/* (8 Februari 2015).

### 3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Dua sumber utama telah menjadi bahan rujukan bagi kajian ini iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder dikutip di perpustakaan dan carian menggunakan laman web (internet). Di antara perpustakaan yang menjadi tempat mencari maklumat ialah Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Perpustakaan Awam Kedah. Tujuan pengumpulan data sekunder adalah untuk membolehkan pengkaji mendapat bahan-bahan yang memberi gambaran kepada subjek yang dikaji dan dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai konsep kajian dan membolehkan pengkaji mendapatkan bahan-bahan yang bersesuaian untuk menyokong subjek kajian ini.

Data sekunder akan dikutip dari jurnal, buku, majalah akhbar dan lain-lain. Manakala data primer dikumpul melalui kaedah temubual dan fokus kumpulan. Pengumpulan data melalui kaedah temubual dibuat ke atas pelajar, guru-guru dan pemimpin GPMS. Data primer juga akan diperolehi dari analisis dokumen-dokumen rasmi GPMS, laporan tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan dan sekolah-sekolah. Fokus kumpulan pula dibuat dengan pemimpin GPMS untuk membincangkan dengan teliti mengenai permasalahan yang berlaku dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.

#### 3.4.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah primer utama untuk mendapatkan maklumat kajian. Temuduga akan dilakukan terhadap pelajar, guru-guru dan pemimpin GPMS. Temubual dengan pelajar, guru-guru dan pemimpin GPMS dibuat bertujuan mengumpul maklumat mengenai

Universiti Utara Malaysia

pelajar dan GPMS. Tiga cara temubual akan digunakan iaitu temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka.

### 3.4.2 Fokus Kumpulan

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, kajian ini akan turut menjalankan fokus kumpulan ataupun perbincangan kumpulan. Fokus kumpulan dibuat dengan mensasarkan pemimpin-pemimpin GPMS dan guru-guru disiplin sekolah untuk duduk bersama dan berbincang mengenai isu disiplin sekolah dan program pembangunan pelajar. Di mana melibatkan seramai 100 orang pelajar secara berpeingkat, tokoh politik, guru-guru dan usahawan yang berjaya.

Universiti Utara Malaysia

### 3.4.3 Pendekatan kualitatif

Kajian ini telah dilaksanakan dengan berasaskan pendekatan kualitatif. Pemilihan ini dibuat kerana penyelidik menyedari kesesuaian antara kepercayaan penyelidik dalam memerhatikan dunia sosial dan kekuatan pendekatan kualitatif untuk memperoleh data bagi mencapai objektif kajian ini.

Gorman dan Clayton (2005) melihat kualitatif sebagai " satu proses siasatan yang menarik dan menerusi kejadian atau fakta secara mendalam dalam menghimpunkan data dari konteks di mana peristiwa berlaku. Creswell (2007) mengakui bahawa penyelidikan kualitatif adalah satu cara untuk memahami individu atau kumpulan sosial manusia; manakala Bengtsson, (2016), menegaskan bahawa kajian kualitatif menyumbang kepada pemahaman tentang keadaan manusia dalam konteks yang berbeza.

Ritchie et al. (2003) pula melihat kaedah kualitatif merupakan kajian yang memberi tumpuan kepada proses yang prihatin terhadap isu-isu seperti pada menjawab 'apa' 'mengapa' dan 'bagaimana' soalan dan bukannya bersandarkan kepada 'berapa banyak'. Analisis data kualitatif cenderung kepada aspek analisis secara mendalam dengan memberi tumpuan kepada menilai hubungan antara pembolehubah terpencil dan memberi tumpuan kepada makna selain daripada fenomena yang boleh diukur. (Patton, 2002: 13; Denzin dan Lincoln, 2000: 8). Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik melaksanakan kajian dengan meneroka setiap objektif kajian dan variabel-variabel kajian dengan bebas tanpa perlu bersandarkan teori atau model. (Mack, et al., 2005). Sebaliknya penyelidik boleh meneroka sedalam yang mungkin maklumat yang diperlukan dan barulah sesebuah teori diperlukan sebagai mengesahkan hasil kajian yang bakal diperoleh kelak. Melalui pendekatan ini juga bentuk tingkah laku dapat diselidiki secara mendalam (Kothari, 2004).

Jika diperhatikan penggunaan pendekatan kualitatif dalam setiap objektif kajian ini, dalam mencapai objektif kajian pertama, iaitu meneroka pengetahuan penagih dadah terhadap undang-undang penyalahgunaan dadah, objektif ini tidak pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik lain sebelum ini. Justeru itu, usaha untuk mendapatkan data ini menjadi satu bentuk penerokaan, iaitu satu proses menyelongkar pelbagai realiti sosial dalam bentuk tindakan yang dilakukan oleh sampel kajian. Berasaskan pendekatan kualitatif juga, penerokaan variabel kajian ini boleh dilakukan penyelidik bagi mendapatkan data yang tidak dipengaruhi oleh teori atau gagasan yang telah dibentuk oleh sarjana lain sebelum ini. Justeru data yang telah diperolehi adalah asli dari sampel kajian. Pendirian dibuat dengan bersandarkan pandangan Mack, et al. (2005) yang

menyatakan elemen operasional setiap variabel dalam kajian kuantitatif mempunyai kelemahan tersebut.

Dalam meneliti kekuatan dan rasional kaedah kualitatif, atara kaedah yang lazim digunakan adalah menerusi kaedah temu bual. Ia relevan untuk kajian ini kerana data yang diperlohi adalah bersifat holistik dan *in-dept* berkenaan isu atau permasalahan yang dikaji. Ia perlu memahami keseluruhan fakta dan ketepatan maklumat daripada para responden bagi mengelakkan sebarang bias dalam kajian. Moustakas, (1994), Merriam, (2009); dan Lodico et al. (2010).

Amin, (2005) pula menegaskan bahawa penyelidikan kualitatif tidak hanya menggalakkan "pemahaman terhadap cara yang sedia ada, tetapi juga melihat cara mereka yang lepas berpandukan kepada pengalaman lepas." Domegan, dan Fleming, (2007); Denzin dan Lincoln, (2003); dan Richardson (1995) berpendapat bahawa kajian terbaik berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan dari segi pengajaran dan pembelajaran manusia adalah menggunakan kaedah kualitatif. Pilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah sebahagian besarnya dimaklumkan oleh fakta bahawa penyelidik memahami persekitaran di mana penyelidikan yang dicadangkan adalah untuk berlaku dan cara-cara mendapatkan sumber apa yang boleh ditandakan sebagai data yang boleh dipercayai.

Pengumpulan data dan analisis instrumen pengumpulan data-data kualitatif umumnya mungkin terbit daripada apa yang orang katakan seperti yang diperolehi daripada temu bual; apa yang mereka lakukan, seperti yang diperolehi dari pemerhatian dan dari apa yang mereka tinggalkan seperti yang diperolehi daripada dokumen atau beberapa artifak kelihatan lain. Data akan

dikumpul daripada dua sumber luas iaitu primer dan data sekunder. Sumber utama melibatkan aspek temu bual dan penglibatan turur serta. Manakala, semakan dokumen sumber-sumber primer biasanya digunakan dalam kajian tafsiran, dan merupakan cara-cara menilai dan memahakedua-dua psikologi dan fizikal kepada para peserta (Merriam, 1988).

Kaedah temubual digunakan untuk mengumpul data utama untuk hampir semua jenis penyelidikan kualitatif dan mereka biasanya dikelaskan kepada temu bual berstruktur, semi-berstruktur dan tidak berstruktur. Jenis yang tidak berstruktur dan separa berstruktur adalah penting untuk membolehkan proses temubual memiliki ruang yang cukup untuk menjawab persoalan dengan lebih terperinci (Myers, 2009).

Gill et al. (2008) mencadangkan bahawa wawancara yang paling sesuai di mana sedikit yang telah diketahui tentang fenomena atau mana pandangan terperinci dikehendaki dari peserta individu dan juga untuk meneroka topik sensitif, di mana peserta mungkin tidak mahu bercakap mengenai isu-isu seperti dalam persekitaran kumpulan. Dalam hal ini, temu bual separa berstruktur itu dicadangkan sebagai teknik temu bual itu kerana matlamat penyelidikan ini adalah untuk memberi jawapan dari perspektif para peserta. Raja (1994) menambah bahawa penggunaan media rakaman elektronik boleh digunakan dalam membantu kepada proses mengumpul data dengan lebih baik. Ia membolehkan para penyelidik dapat merasa lebih mudah dan bebas untuk melakukan sebarang proses pertanyaan soalan kepada para presponden dengan lebih efisien. Rakaman memberi kelebihan kepada penyelidik untuk menguasai perasaan dan membaca apa yang tersirat untuk makna semasa transkripsi data. Oleh itu, kaedah temu bual walaupun dibebani dengan banyak cabaran seperti kos dan penggunaan masa, ia tetap merupakan

Universiti Utara Malaysia

kaedah yang paling bermanfaat dan paling sesuai untuk mendapatkan data mengenai fenomena yang tidak mudah dilihat dan terutamanya untuk mendapat pemahaman lebih mendalam tentang perasaan, fikiran, niat dan pengalaman lalu peserta (Patton, 1990; Mason, 2002;).

Dalam aspek temu bual separa berstruktur mengikut Britten (1999) pula, ia terdiri daripada beberapa soalan utama yang membantu untuk menentukan skop responden, bilangan dan kawasan responden. Ia membolehkan penyelidik untuk menyusun idea atau soalan-soalan dengan lebih terperinci berkenaan fenomena yang dikaji.

### 3.4.4 Pendekatan Kajian Kes

Baxter dan Jack (2008) terlebih dahulu bahawa kualitatif pendekatan kajian kes untuk penyelidikan memudahkan penerokaan satu fenomena dalam konteks dengan menggunakan pelbagai sumber data untuk memastikan bahawa isu itu tidak diterokai melalui hanya satu kanta, tetapi melalui pelbagai kanta untuk membolehkan pelbagai aspek fenomena yang didedahkan dan difahami.

Berikutan penjelasan tersebut di atas, pilihan pendekatan kajian kes berasal dari sifat kajian yang berstruktur untuk mendapatkan bukti melalui pelbagai instrumen.
Satu lagi sebab untuk pilihan kajian kes berasal dari fakta bahawa watak penyelidikan secara terus memenuhi syarat-syarat yang pendekatan penyelidikan kajian kes terpakai seperti yang dinyatakan oleh Yin (1994).

Dalam hal ini Yin meneroka bahawa kaedah kajian kes boleh mendapatkan dalam tetapan berikut:

i.) Apabila persoalan penyelidikan: biasanya untuk menjawab soalan-soalan seperti "bagaimana" atau "mengapa".

ii.) Tahap kawalan ke atas aktiviti tingkah laku: apabila penyiasat mempunyai sedikit / ada kemungkinan untuk mengawal peristiwa-peristiwa.

iii.) Jika fenomena yang dikaji adalah contextualized dalam kehidupan sebenar. (Yin, 1994). kajian kes, menurut Thomas (2011), adalah analisis orang, peristiwa, keputusan, tempoh, projek, dasar, institusi, atau sistem lain yang dipelajari secara menyeluruh oleh satu atau lebih kaedah.

Universiti Utara Malaysia

### 3.4.5 Persampelan

Berkenaan dengan pensampelan kajian, kajian ini telah menggunakan pensampelan jenis bertujuan (*purposive sampling*).Pensampelan bertujuan telah memperincikan ciri-ciri tertentu untuk membolehkan individu dipilih sebagai sampel kajian (Kothari, 2004). Pensampelan bertujuan dipilih kerana penyelidik telah menyenaraikan ciri-ciri yang khusus sampel kajian ini.

## 3.5 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merujuk kepada cara yang digunakan oleh penyelidik untuk memperolehi data kajian (Kothari, 2004). Kaedah kajian adalah dipilih berasaskan kemampuannya untuk mendapatkan data kajian yang diperlukan penyelidik untuk mencapai objektif kajian (Babbie, 2011). Namun, dalam konteks kajian ini, dua perkara yang dipertimbangkan penyelidik, iaitu pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian kes yang dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Pemilihan pendekatan kualitatif memerlukan penyelidik menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif sahaja. Antara kaedah yang boleh dipertimbangkan oleh penyelidik ialah kaedah temu bual, perbincangan kumpulan berfokus( PKB) dan analisis kandungan. Penyelidik mendapati ketiga-tiga kaedah tersebut sesuai digunakan dalam kajian ini. Penggunaan reka bentuk kajian kes dalam kajian ini memerlukan penyelidik mengumpulkan data secara intensif.

Manakala penggunaan kaedah temu bual pula berbeza dengan penggunaan kaedah perbincangan kumpulan berfokus. Meskipun kedua-duanya menggunakan protokol temu bual yang sama, tetapi pengaplikasiannya adalah berbeza-beza. Temu bual mendalam diandaikan mempunyai kelemahan dalam aspek objektiviti kerana mungkin penyelidik akan dipengaruhi sampel kajian atau sebaliknya. Sementara perbincangan kumpulan berfokus diandaikan akan dipengaruhi oleh sampel yang lain ketika temu bual secara berkumpulan dilaksanakan (Todd, Nerlich, McKeown dan Clarke, 2004). Oleh itu, data yang diperolehi kelak diandaikan sukar untuk memperoleh kebolehpercayaan (Andrew dan Halcomb, 2009). Namun, sekiranya dari kaedah yang berbeza tersebut menghasilkan hasil kajian yang sama, persoalan tentang kebolehpercayaan(*reliability)* tidak lagi timbul. Justeru, hasil kajian yang akan diperolehi kelak tidak lagi akan dipersoalkan kebolehpercayaannya.

Universiti Utara Malaysia

Dari sudut pelaksanaan, kaedah temu bual mendalam telah dilaksanakan terlebih dahulu. Setelah selesai, barulah perbincangan kumpulan berfokus dilaksanakan. Susunan ini dibuat setelah penyelidik mempertimbangkan untuk mengelakkan dari berlakunya masalah *bias*. Masalah *bias* diandaikan berlaku sekiranya perbincangan kumpulan berfokus dilaksanakan terlebih dahulu yang mana sampel boleh dipengaruhi oleh sampel yang lain dalam memberi jawapan yang disoal oleh penyelidik (Hesse-Biber, 2010). Sebaliknya, sekiranya temu bual dilaksanakan terlebih dahulu, sampel kajian bebas mengeluarkan pandangan tanpa dipengaruhi oleh sampel yang lain. Oleh itu penyelidik akan memperoleh data yang lebih boleh dipercayai.

### 3.5.1 Kaedah temu bual mendalam

Penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah temu bual mendalam dalam kajian ini memandangkan ianya sesuai dengan penggunaan pendekatan kualitatif dalam kajian ini. Ini kerana, pendekatan kualitatif banyak bergantung pada temu bual untuk mengumpulkan data. Menurut Marvasti, (2004), temu bual mendalam merupakan cara yang terbaik untuk mendapatkan data secara mendalam dari sampel kajian. Ianya digunakan untuk mendapat data secara perseorangan antara penyelidik dan sampel kajian tanpa gangguan atau pengaruh pihak ketiga. Lantaran itu, temu bual dapat dilaksanakan dengan membolehkan penyelidik meneroka setiap jawapan yang diberikan oleh informan kajian dan memanjangkannya sehingga berjaya menjawab objektif kajian (Marvasti, 2004).

Universiti Utara Malaysia

Antara penumpuan kaedah temu bual mendalam ialah pemerolehan data yang khusus dan mendalam berasaskan pandangan, perasaan dan perspektif sampel kajian yang mana ia tidak boleh diperhatikan penyelidik, seperti perasaan dan fikiran (Vanderstoep dan Johnston, 2009). Ini termasuklah pengalaman peribadi, pandangan, idea dan persepsi sampel kajian (Maginn, et al., 2008). Kekuatan temu bual mendalam ini sesuai dengan kajian ini kerana kajian ini bersifat penerokaan dan memerlukan penghuraian kepada setiap variabel kajian yang memerlukan penjelasan lanjut oleh sampel kajian.

Bagi melaksanakan temu bual mendalam, penyelidik telah memilih untuk menggunakan protokol temu bual semi berstruktur. Menurut O'Leary (2004), Goulding (2003), Kuis (2006) dan Berg (2007), protokol temu bual semi berstruktur membolehkan penyelidik mengumpul data dengan tersusun namun fleksibel. Ini kerana, protokol temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti antara temu bual berstruktur dan tidak berstruktur.

Universiti Utara Malaysia

Protokol ini sesuai dengan kajian ini kerana ia memandu penyelidik untuk mencapai objektif kajian kerana mempunyai ciri-ciri mengarah. Dalam masa yang sama ia mengandungi elemen fleksibel, iaitu setiap jawapan yang diberikan sampel boleh dikembangkan untuk memperolehi jawapan yang mendalam. Protokol temu bual semi berstruktur bukan sahaja mampu mendapatkan maklumat secara terperinci tetapi juga memberi panduan yang diperlukan untuk menyiasat secara mendalam mengenai isu-isu yang berkaitan semasa proses menjalankan temu bual (Walliman, 2006).

### 3.5.2 Kumpulan Berfokus

Kumpulan berfokus  merupakan satu lagi bentuk temu bual, namun ia dilaksanakan dalam satu kumpulan kecil. Antara kekuatan kumpulan berfokus ialah setiap ahli dalam kumpulan akan saling mengisi kekosongan jawapan atau pandangan yang tidak dapat diberikan oleh sampel yang lain. Malah ia juga boleh mengesahkan lagi setiap jawapan yang diberikan oleh ahli kumpulan yang lain. Penggunaan kumpulan berfokus  dalam kajian adalah sangat tepat kerana ia mampu mengesahkan jawapan yang diberikan oleh sampel kajian dalam kaedah temu bual mendalam. Namun bukan setakat itu sahaja, kumpulan berfokus  membolehkan data berkenaan dengan perkongsian dapat diperoleh dengan lebih baik. Ini kerana, melalui jawapan yang diberikan oleh ahli kumpulan dalam  akan lebih m kumpulan berfokus menunjukkan bagaimana perkongsian wujud dalam kalangan mereka. Menurut Hammersley (1989) bilangan yang ideal adalah perlu jika melibatkan kaedah kumpulan berfokus. Penyelidik menerima pandangan Sherman dan Webb(2005) tersebut kerana ia memudahkan penyelidik untuk mengawal kumpulan kecil tersebut.

Universiti Utara Malaysia

### 3.5.3 Analisis kandungan

Penyelidik juga  menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu dengan meneliti bahan sekunder. Bahan sekunder adalah terdiri daripada laporan-laporan aktiviti-aktiviti GPMS, laporan perundingan dan sebagainya yang mana boleh dipertimbangkan sebagai mempunyai kaitan dengan variabel kajian ini. Penyelidik memandang penting sumber sekunder ini kerana ia dapat mengesahkan lagi data primer kajian ini. Menurut Othman Lebar (2010), analisis kandungan membolehkan penyelidik melihat isu yang dikaji secara lebih luas dan

membandingkannya dengan realiti. Natijahnya, hasil kajian yang dilaporkan penyelidik akan mempunyai nilai dan impak yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak lain.

## 3.6 MEREKODKAN DATA

### 3.6.1 Merekod temu bual mendalam dan kumpulan berfokus

Penggunaan temu bual mendalam memerlukan penyelidik ambil berat yang lebih kepada perekodan data, kerana ia menjadi sumber data yang utama (Sabitha Marican, 2006). Sedar dengan perkara ini, penyelidik telah melaksanakan dua bentuk perekodan data, iaitu catatan pada nota lapangan, dan menggunakan pita rakaman. Berkenaan dengan nota lapangan, menurut Auerbachand dan Silverstein (2004), ia merupakan antara perkara wajib yang perlu dilakukan oleh penyelidik dalam melaksanakan temu bual mendalam.

Universiti Utara Malaysia

Namun, dalam aspek kekangan kajian, penyelidik tidak dapat mencatatkan setiap patah perkataan yang dinyatakan oleh sampel kajian. Oleh itu, penyelidik hanya mencatatkan ringkasan atau inti pati jawapan yang diberikan oleh sampel kajian. Berbeza pula dengan kumpulan berfokus, penyelidik  dibantu oleh pencatat yang mana akan mencatatkan perbualan yang berlangsung. Namun sudah pasti tidak akan mencatat setiap patah perkataan ahli kumpulan. Cuma berbeza dengan catatan temu bual mendalam, pencatat akan turut mencatatkan sumber atau siapa yang memberi respons kepada soalan penyelidik. Sedar dengan kekangan catatan nota lapangan, penyelidik akan merekodkan temu bual dengan mengguna alat rekod. Dengan ini, setiap patah perkataan sampel kajian dapat direkodkan dengan baik. Setiap rekod yang dibuat

dan disimpan dalam komputer dan diberikan nama khusus bagi memastikan penyelidik dapat mengkoordinasi dan menguruskan data dengan sistematik.

Setiap temu bual yang direkodkan dengan menggunakan pita rekod akan ditranskripsikan kembali dengan menggunakan teknik verbatim. Teknik verbatim memerlukan setiap rekod yang dibuat oleh penyelidik perlu tulis kembali dalam bentuk teks, atau dikenali sebagai transkripsi. Penyelidik memilih teknik ini kerana dengan transkripsi tersebut penyelidik tidak akan terlepas setiap patah perkataan yang dinyatakan oleh sampel kajian. Jika merujuk kepada saiz sampel, sampel yang terlibat adalah seramai tujuh. Oleh itu, penyelidik memiliki tujuh transkripsi. Manakala penyelidikan ini memiliki satu transkripsi kumpulan berfokus kerana penyelidikan ini hanya mempunyai satu kumpulan berfokus.

Universiti Utara Malaysia

# BAB EMPAT

# GPMS DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2005-2014

## 4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai program pembangunan yang telah dijalankan oleh GPMS di daerah Padang Terap dari tahun 2005 sehingga tahun 2014. Antara topik yang diperbincangkan dalam bab ini adalah mengenai sejarah program pembangunan pendidikan GPMS, tokoh-tokoh pembangunan pendidikan di Padang Terap dan program-program atau aktiviti-aktiviti pembangunan pendidikan GPMS di sekolah-sekolah menengah kebangsaan daerah Padang Terap.

Universiti Utara Malaysia

## 4.1 Program Pembangunan Pendidikan GPMS di Kedah

GPMS merupakan sebuah persatuan pelajar kebangsaan yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Selepas ditubuhkan GPMS telah melaksanakan kegiatan-kegiatannya melalui program pendidikan dengan tujuan pergerakan badan itu, iaitu "menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar dari segenap lapisan masyarakat"[15]. Di antara kegiatan-kegiatan itu ialah konsep Kelas Bimbingan yang diperkenalkan pada tahun-tahun 1950-an dan seterusnya siri ceramah *Teknik Menjawab Peperiksaan SPM dan STP* dan juga siri

[15] (http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=7269).

ceramah *Bimbingan Kerjaya*. Kegiatan kelas bimbingan mendapat sambutan yang baik daripada pelajar dan masyarakat[16].

Pada tahun1970-an dan 1980-an, GPMS Kedah berusaha membantu pelajar melalui program siri ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan SPM dan SPTM. GPMS juga merintis program baharu iaitu siri Ceramah Bimbingan Kerjaya dan Projek Khemah Kerjaya. Pada tahun 1998 GPMS memberi penekanan kepada kumpulan sasar pelajar yang lemah dan bermasalah dan seterusnya pada tahun 2000, GPMS memperhebatkan aktivitinya dengan melatih 10 orang fasilitator bagi setiap daerah dengan tujuan membimbing dan merancakkan kegiatannya seluruh negara[17].

Universiti Utara Malaysia

## 4.2 GPMS Cawangan Padang Terap

GPMS cawangan Padang Terap dengan rasminya ditubuhkan pada tahun 2008. Sebelum ini segala aktiviti yang dianjurkan oleh GPMS di Padang Terap dijalankan oleh Biro Cawangan Khas dari Ibu Pejabat GPMS negeri Kedah dan Kebangsaan.  GPMS Padang Terap dari tahun 2008 hingga 2010 dipengerusikan oleh Cikgu Lokman Moidin dan setiausahnya Puan Norhanizah Bt. Abdullah. Ahli jawatankuasa (AJK)nya terdiri dari Haris Ibrahim, Cikgu Azizan, Mustafa Said, Aishah Md. Nor, Intan Munirah Mahmud, Sahani Saidin, Nor Suria Othman, Mazlan yusof, Hajar Abdullah, Samjeh Omar, Afidah Ali, Shahrizal Shuib, YB kamanoriah selaku (AJK dan pemeriksa kira-kira di ketika itu.

---

[16] http://gpms.my/sejarah-gpms/gpms-sepintas-lalu/

[17] Ibid

Pada tahun 2010-2012 GPMS Padang Terap dipengerusikan oleh En. Lokman Maidin, setiausaha Mohd Suhaimi  dan AJKnya terdiri dari Kamarul Azman Bin Khamis, Jasnizam Johari, Ustaz Suhaimi,Wan Suhaizi Bin Wan Senu, Fakhrul Razi, Musabaqoh Ismail, Suraya Mad Isa, Zunaini Said, Junaidah Said Mohd Faizal Bin Mustaffa, Mohd Zulkifli Mat Khir dan Shareezam Saad.

Pada tahun 2012-2014 GPMS Padang Terap dipengerusikan oleh Encik Kamarul Azman Bin Khamis dan dibantu oleh 15 AJK yang lain. AJK dan jawatan itu adalah seperti berikut:

| **Bil.** | **Nama AJK** | **Jawatan** |
|---|---|---|
| 1 | Kamarul Azman Bin Khamis | Yang Di-pertua |
| 2 | Jasnizam Johari | Timbalan Yang Di-pertua |
| 3 | Fakhrul Razi | Naib Yang Di-pertua 1 |
| 4 | Musabaqoh Ismail | Naib Yang Di-pertua 2 |
| 5 | Suraya Mad Isa | Naib Yang Di-pertua 3 |
| 6 | Rosli Ibrahim | Setiausaha |
| 7 | Zunaini Said | Bendahari |
| 8 | Mohd Faizal Mustafa | Ketua Penerangan |
| 9 | Nor Azimah Ahmad | Penolong Setiausaha |
| 10 | Miela Alwany Ahmad | AJK |
| 11 | Azmira Ali | AJK |
| 12 | Ayu Amiera Ahmad | AJK |
| 13 | Mohd Azraim | AJK |
| 14 | Muhammad Azwan Ali | AJK |
| 15 | Abd Ghani Ahmad | AJK |
| 16 | Shareezam Saad | AJK |

Universiti Utara Malaysia

Misi GPMS cawangan Padang Terap adalah berkisar dalam hal pembangunan dan pendidikan pelajar serta kebajikan masyarakat setempat. GPMS cawangan Padang Terap didapati menggariskan misinya dalam pembangunan pendidikan di Padang Terap seperti berikut:

i. Menjadikan GPMS Padang Terap sebagai pentas kepada wadah perjuangan pendidikan di daerah Padang Terap

ii. Mengembalikan pemahaman masyarakat umum kepada pentingnya pendidikan

iii. Mengdakan program-program kesedaran masyarakat bagi mewujudkan keperihatianan masyarakat untuk melahirkan modal insan yang beriman, berilmu, beramal solah dan beraklak mulia.

iv. Menjadikan daerah Padang Terap sebagai "daerah pendidikan" dalam melahirkan pelajar cemerlang

v. Menjadikan daerah Padang Terap sebagai "kubu pelajar cemerlang" dengan melahirkan ramai pelajar cemerlang di daerah Padang Terap dan menjadai contoh kepada pelajar lain

vi. Menjadikan GPMS sebagai pusat untuk membentuk fikrah masyarakat yang sedang mengalami dan menghadapi keruntuhan aqidah dan akhlak akibat dari serangan ideologi sekular dan kebendaan.

vii. Membantu dan memfasiliti pengembangan potensi pelajar secara utuh dalam rangka mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

viii. Melahirkan pelajar yang berkeyakinan, berwawasan dan berhemah tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Universiti Utara Malaysia

ix. Melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif ke arah kecemerlangan kurikulum

xi. Melahirkan insan yang dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

### 4.3 Tokoh-tokoh GPMS Dalam Program Pembangunan Pendidikan GPMS Di Padang Terap

Di Padang Terap muncul tokoh-tokoh pendidikan yang menyumbangkan khidmat bakti kepada pembangunan pendidikan di daerah Padang Terap. Tokoh-tokoh itu adalah seperti Cikgu Lokman Maidin, Cikgu Azizan, Pn Norhanizah Abdullah, YB Kamanoriah Ibrahim dan Dato' Ghazali Ibrahim,

Tokoh-tokoh ini didapati memberi khidmat bakti kepada pelajar di daerah Padang Terap dengan mengusahakan kelas-kelas tuisyen, program-program motivasi, sumbangan-sumbangan kewangan dan buku-buku ulangkaji serta pelbagai khidmat bakti yang lain.

Universiti Utara Malaysia

Selain itu, tokoh ini juga menjadi panel pemikir GPMS di Daerah Padang Terap. Tokoh-tokoh ini berperanan untuk: 1) memastikan GPMS berada di atas landasan yang betul dan tegas dalam melaksanakan agendanya; 2) mendapatkan pandangan yang lebih luas dalam melaksanakan agenda GPMS; 3) memberi idea baharu dan kreatif untuk membolehkan GPMS terus relevan; dan 4) mengkritik dan memberi teguran yang membina demi kebaikan dan manfaat ahli-ahli GPMS pada jangka masa panjang.

## 4.4 Strategi Program Pendidikan GPMS di Padang Terap

Strategi program pendidikan GPMS di Padang Terap sentiasa berubah dari masa ke semasa mengikut perubahan dalam persekitaran semasa dan perubahan pucuk pimpinan peringkat cawangan, negeri dan peringkat pusat. Strategi program pendidikan GPMS disemak semula dalam tempoh tiga (3) tahun sekali mengikut keperluan keadaan perubahan persekitaran semasa dan juga perubahan dalam pucuk pimpinan GPMS[18].

Selepas penubuhan GPMS cawangan Padang Terap pada tahun 2008, GPMS telah merangka program pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Padang Terap mengikut strategi yang telah ditetapkan oleh GPMS Kebangsaan. Sehingga tahun 2009 strategi program pendidikan yang dianjurkan oleh GPMS adalah menjurus kepada pencapaian dan kecermelangan pelajar Melayu dari segi akademik. Dalam tahun-tahun ini GPMS cawangan Padang Terap didapati menyenaraikan strategi program pembangunan pendidikan seperti berikut[19]:

i. Penubuhan pelbagai biro-biro dalam GPMS yang menjurus kepada pendidikan.

ii. Menjadikan Ibu Pejabat GPMS cawangan Padang Terap sebagai Pusat Khidmat Pendidikan Pelajar Melayu**.**

iii. Fokus utama terhadap isu pendidikan berkaitan pelajar Melayu melalui kaedah konsultatif dan perbincangan dengan pihak sekolah dan pejabat pendidikan.

---

[18] Laporan

[19] Laporan tahunan GPMS Padang Terap



Universiti Utara Malaysia

iv. Melatih dan melahirkan penceramah yang mahir dalam motivasi yang meberi fokus kepada 5 aspek iaitu 1) Motivasi dan teknik belajar berkesan; 2) Motivasi kepimpinan 3) Motivasi dan petua peperiksaan; 4) Motivasi sukan; dan 5) Motivasi keusahawanan.

v. Menerbitkan majalah dan risalah yang berkaitan dengan pendidikan

vi. Menonjolkan ikon pelajar Melayu sebagai model kehebatan yang boleh dicontohi

vii. Membantu pelajar yang tamat peperiksaan utama di sekolah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

ix. Pendekatan kepada tuisyen percuma

Seterusnya dalam tahun-tahun selepas tahun 2009 strategi GPMS bukan sahaja tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi juga ke arah pencapaian dari segi perpaduan dan sahsiah diri pelajar sejajar dengan matlamat negara yang menumpukan kepada gagasan 1 Malaysia. Berdasarkan kepada matlamat itu strategi yang digariskan oleh GPMS cawangan Padang Terap adalah seperti berikut[20]:

i. Melaksanakan program Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia bagi memberi laluan dan peluang untuk membolehkan GPMS melaksanakan pelbagai program pendidikan di samping mencari dana kewangan.

ii. Meneruskan pendekatan melatih dan melahirkan penceramah yang mahir dalam motivasi

[20] Laporan tahunan

iii. Meneruskan pendekatan ikon Pelajar Melayu sebagai model kehebatan yang boleh dicontohi dengan kerjasama pelbagai agensi terutamanya dengan Program Permata Pintar

iv. Penubuhan Skuad Sukarewan khas

v. Meneruskan pendekatan membantu pelajar yang telah tamat peperiksaan utama di sekolah untuk melanjutkan Pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan lulus dengan jayanya dengan kaedah dan strategi yang tersendiri

vi. Menerbitkan pelbagai majalah dan risalah berkaitan dengan pendidikan

vii. Pendekatan pusat tuisyen berbayar dan tuisyen percuma kepada mereka yang tidak mampu

viii. Memastikan program berdasarkan tema bulanan yang telah ditetapkan oleh GPMS pusat seperti berikut:

Universiti Utara Malaysia

| **Bulan Dianjurkan** | **Aktiviti Program Pendidikan** |
|---|---|
| Januari | Peranan ibu bapa dalam membantu anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan. |
| Februari | Diskusi Cinta Remaja & Kursus Pidato |
| Mac | Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia |
| April | Kempen Membaca & Duta Akademik GPMS |
| Mei | Penghargaan guru dan ibu bapa |
| Jun | Selangkah ke Univeristi – Pemilihan Kerjaya |
| Julai | Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia Peperiksaan |

| | |
|---|---|
| Ogos | Menjiwai Kemerdekaan |
| September | Program Kerohanian menjelang peperiksaan |
| Oktober | Kem Bina Insan – khusus untuk pelajar bermasalah |
| November | Motivasi Kepimpinan Pelajar |
| Disember | Program sukan dan kunjungan ilmiah |

## 4.5 Strategi Mendapatkan Dana Program GPMS

GPMS tidak mendapat suntikan kewangan dari kerajaan negeri ataupun kerajaan pusat bagaimanapun GPMS perlu mendapatkan dana kewangan untuk menggerakkan aktivitinya. Pengumpulan dana dibuat dengan mempergiatkan Yayasan GPMS dan GPMS Holdings Sdn. Bhd. serta anak-anak syarikat yang lain untuk mendapatkan dana bagi membiayai pentadbiran dan aktiviti GPMS. Strategi-strategi mendapatkan dana digerakkan oleh GPMS dikenalpasti seperti berikut[21]:

i. GPMS cawangan bekerjasama dengan kerajaan negeri masing-masing tanpa mengira parti demi kepentingan pelajar Melayu

ii. GPMS Cawangan digalakkan untuk menjalin hubungan akrab dengan pelbagai badan luar seperti PIBG, Majlis Agama Islam negeri masing-masing dan Majlis Daerah.

iii. Penubuhan Skuad Sukarewan khas ditubuh dan digiatkan di setiap cawangan khas

[21] Laporan tahunan GPMS

Universiti Utara Malaysia

iv. Penubuhan pusat tuisyen berbayar

v. Pelancaran skud motivasi berbayar

## 4.6 Program-program Pembangunan Pendidikan GPMS Di Padang Terap 2005-2014

### 4.6.1 Program Pendidikan Percuma-Tuisyen Percuma

Dalam tahun 2005-2009 program pendidikan yang dianjurkan oleh GPMS mengutamakan program pendidikan percuma ataupun tusiyen percuma kepada pelajar Melayu bagi membantu pelajar Melayu dalam pelbagai bidang pelajaran. GPMS didapati menganjurkan tuisyen-tuisyen percuma dengan mensasarkan pelajar-pelajar Melayu dari kalangan anak yatim dan keluarga miskin untuk diberikan tusiyen secara percuma. Sasaran pelajar adalah mereka yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menurut Cikgu Lokman Moidin[22] salah seorang ahli GPMS, beliau mengambil inisiatif dengan menjadikan rumahnya sebagai kelas tuisyen dalam mengajar tuisyen dalam tahun 2008-2009. Pada masa itu tiada kemudahan kelas tuisyen seperti mana hari ini yang terdapat banyak dewan-dewan untuk kegunaan orang ramai. Kelas tuisyen diadakan setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu. Guru-guru dari kalangan ahli GPMS dari luar Padang Terap dijemput sekali sekala meluangkan masa untuk mengajar pelajar-pelajar.

Menurut Cikgu Lokman Moidin selain mengadakan kelas tuiyen percuma di rumah, beliau juga mengunjui sekolah-sekolah apabila dijemput khasnya Sekolah Menengah Dato Syed Ahmad dalam sebulan sekali untuk memberi tuisyen untuk mata pelajar Matematik dan Bahasa Inggeris.

[22] Temubual dengan Cikgu Lokman Maidin pada 5 Mei 2015

Universiti Utara Malaysia

Dalam tahun-tahun 2010-2014 program pendidikan percuma atau tuisyen percuma bagaimanapun telah diberi penambahbaikan oleh GPMS. GPMS didapati tidak hanya memberi tuisyen percuma kepada pelajar miskin dan pelajar Melayu sahaja sebaliknya memberikan khidmat tuisyen untuk kesemua pelajar pelbagai kaum yang memerlukan. Bayaran dikenakan kepada pelajar-pelajar yang berkemampuan dengan kadar yang rendah sementara pelajar miskin dikecualikan dari bayaran. Kelas-kelas tuisyen telah diwujudkan oleh GPMS di pekan-pekan seperti Pekan Kuala Nerang, Pekan Naka, Pekan Padang Sanai dan Felda Lubok Merbau. Kelas-kelas tuiyen ini dinamakan sebagai Kelas Tuisyen 1 Malaysia. Antara objektif kelas tuisyen ini adalah untuk memberi pendidikan kepada pelajar pelbagai kaum disamping menyemai semangat perpaduan kaum dan menjadi sumber pendapatan GPMS. Melalui tusiyen ini pelbagai subjek ditawarkan seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik Ujian Penilaian Sekolah Rendah [UPSR]; Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains Pentaksiran Tingkatan Tiga [PT3]; Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Matematik , Tambahan, Kimia, Fizik, Sejarah, Biologi, Prinsip Akaun untuk Sijil Pelajaran Malaysia [SPM]; Bahasa Melayu, Matematik dan Pengajian Am untuk Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia [STPM][23].

Selain menjalankan kaedah tuisyen di Pusat Tusiyen, GPMS juga mengadakan program tuisyen percuma melalui siri jelajah “Program Masuk Kampung”. Setiap tahun GPMS cawangan Padang Terap akan mengadakan “Program Masuk Kampung” dengan memilih tiga atau empat kampung sebagai kampung angkat. Melalui program ini GPMS akan membawa bersama ahli GPMS di

[23] Temubual

kalangan penuntut universiti. Melalui program ini ahli GPMS akan bermalam bersama keluarga angkat bagi setiap kawasan yang dikunjui sambil memberi tusiyen percuma kepada pelajar-pelajar terutama kepada mereka yang sedang belajar di tingkatan lima dan enam. Contohnya pada 2-5 Julai 2013 program masuk kampung telah diusahakan oleh GPMS Cawangan Padang Terap dengan kerjasama Cawangan Khas dari Universiti Malaysia Terengganu di Felda Bukit Tembaga, daerah Padang Terap untuk mengajar tuisyen kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki SPM dan STPM. Seramai 20 ahli GPMS dari UMT dan 10 ahli GPMS Padang Terap terlibat. Program tersebut berlangsung selama 3 hari dan 30 keluarga. Program ini mensasarkan masyarakat kampung terutama golongan muda terutama pelajar, penguasaan dan pengembangan ilmu. Dalam 3 hari program itu, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti motivasi keibupababapaan, aktiviti sukan dan aktiviti kerohanian serta kenduri sekampung, motivasi bersama pelajar, latihan dalam kumpulan, tuisyen menghadapi peperiksaan, juga sukaneka bersama keluarga angka[24].

Universiti Utara Malaysia

### 4.6.2 Program Motivasi

Program motivasi merupakan salah satu agenda wajib dalam menjalankan aktiviti tahunan GPMS Padang Terap. Program motivasi bermula pada tahun 2008 selepas tertubuhnya cawangan GPMS secara rasmi di Padang Terap. Program motivasi terdiri dari beberapa jenis program motivasi seperti program motivasi akademik, program motivasi kerohanian, program motivasi bina diri,

---

[24] Laporan Tahunan GPMS

Program-program motivasi ini dibincangkan seperti berikut:

### i. Motivasi Akademik

Program motivasi akademik dikenalpasti sebagai usaha berterusan GPMS untuk membantu pelajar ke arah kecermelangan akademik. Melalui program ini pelajar dimotivasikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan melahirkan pemimpin Melayu unggul bagi masa depan negara. Selain itu, program motivasi akdemik juga bertujuan memperkenalkan organisasi GPMS kepada belia dan pelajar sekolah.

Dalam tahun-tahun 2008-2009, program-program akademik yang dianjurkan oleh GPMS di Padang Terap didapati lebih memberi tumpuan utama kepada pencapaian dan kecermelangan akademik pelajar Melayu semata-mata. Program-program akademik pada masa itu dilihat berkisar dengan aktviti seperti berikut[25]:

#### a. Motivasi dan Teknik Belajar Berkesan

Universiti Utara Malaysia

GPMS didapati menganjurkan program motivasi dan teknik belajar berkesan khasnya teknik belajar subjek matematik dan bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Padang Terap. Program motivasi ini didapati kebanyakkannya dibuat dalam bentuk seminar separuh hari.  Objektif program motivasi ini adalah untuk memberi motivasi dan pendedahan mengenai teknik belajar yang berkesan khasnya subjek matematik dan bahasa Inggeris supaya pelajar dapat mengamalkan seterusnya mendapat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.

---

[25] Laporan aktiviti GPMS

Dalam tahun 2008-2009 terdapat dua program motivasi berbentuk seperti ini telah dijalankan oleh GPMS Padang Terap. Satu di jalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu pada 29 Mac 2008 dan satu lagi dianjurkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Syed Ahmad pada 17 Mac 2009. Dalam seminar motivasi di sekolah Menengah Kebangsaan Dato Syed Ahmad didapati seramai 150 orang pelajar telah menyertai program itu yang terdiri dari pelajar-pelajar SPM.

**b. Motivasi Peperiksaan**

Program Motivasi Peperiksaan juga didapati diusahakan oleh GPMS Padang Terap untuk membantu para pelajar menghadapi peperiksaan. Program motivasi ini dijayakan melalui penubuhan Skud Jelajah Motivasi Peperiksaan di Padang Terap. Skud Jelajah Motivasi Peperiksaan merupakan satu usaha GPMS peringkat kebangsaan dengan kerjasama GPMS negeri dan cawangan. Skud Jelajah Motivasi Peperiksaan ini memberi fokus khusus ke arah kecermelangan pelajar Melayu terutama di kawasan luar bandar. Para pelajar yang menjadi peserta dibekalkan dengan teknik menjawab peperiksaan dan senaskah buku latih tubi bagi persediaan menghadapi peperiksaan.

Dalam tahun 2008-2009 didapati tiga program motivasi peperiksaan telah diadakan iaitu pada 2 September 2008 di Sekolah Menengah Padang Terap, 1 September 2009 di Sekolah Menengah Lubok Merbau dan 12 September 2009 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang. Dalam program-program motivasi peperiksaan ini ia memberi fokus kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang contohnya pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Ahli

Dewan Undangan Negeri Kuala Nerang, Datuk Syed Sobri Syed Hashim. Seramai 300 peserta dari sekolah-sekolah menengah di sekitar daerah Padang Terap turut serta seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Dato syed Ahmad, Sekolah Menengah Kebangsaan Naka, Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap, Sekolah Menengah Kebangsaan Lubok Merbau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang. Program motivasi ini disampaikan oleh penceramah terkenal dari GPMS iaitu

**c. Motivasi dan Petua Peperiksaan**

Program motivasi dan petua peperiksaan juga dikenalpasti telah diusahakan oleh GPMS. Menurut Cikgu Lokmon Maidin, program motivasi peperiksaan dan program motivasi dan petua peperiksaan adalah dua program yang agak berbeza. Program motivasi dan petua peperiksaan diadakan di saat saat akhir menjelang peperiksaan di mana pelajar-pelajar akan diberi tips-tips atau soalan-soalan ramalan terutama dalam subjek Bahasa Malaysia penulisan di samping teknik-teknik atau skema-skema menjawab saolan dengan betul. Melalui program ini juga menurut Cikgu Lokman, GPMS mengambil inisiatif bagi membantu pelajar untuk menambah keyakinan mereka untuk mengahadapi peperiksaan. GMPS mahukan pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan menguasai tenkik-teknik menjawab soalan dengan betul.

Universiti Utara Malaysia

Dalam menjayakan program ini menurut cikgu Lokman GPMS akan mengunjui sekolah-sekolah yang terpilih untuk memberi motivasi kepada semua pelajar yang akan menduduki peperiksaan. Contohnya pada 29 September 2008 GPMS cawangan Padang Terap telah menganjurkan satu klinik motivasi dan petua peperiksaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap untuk pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM pada tahun 2008. Dalam klinik ini

seramai 90 pelajar telah diberi tunjuk ajar. Pada 30 September 2009 pula motivasi dan petua peperiksaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Naka.

**d. Program Kerohanian Menjelang Peperiksaan**

Selain program motivasi, GPMS juga didapati menganjurkan program kerohanian menjelang peperiksaan. Sebelum menjelang peperiksaan samada SPM ataupun STPM program kerohanian akan dijalankan oleh GPMS untuk memberi semangat dan keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk menempuh hari peperiksaan. Antara aktiviti yang dijalankan seperti program solat hajat dan majlis bacaan yassin. Pada tahun 2008 dikenalpasti pada 1 Oktober GPMS telah mengadakan maslis bacaan yassin dan solat hajat di Surau Sekolah Menengah Dato Syed Ahmad. Pada tahun 2009 didapati GPMS mengadakan maslis bacaan yassin dan solat hajat di Surau Sekolah Menengah Lubok Merbau.

Selepas tahun 2009, tahun-tahun 2010-2014 program-program motivasi akademik yang dianjurkan oleh GPMS didapati telah berubah dari segi pendekatan dan juga sasaran pelajar. GPMS tidak lagi menghadkan kepada pelajar Melayu sebaliknya terbuka kepada pelajar semua kaum. Ini selaras konsep 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh Pendana Menteri Malaysia ke-6, Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak. Tema-tema program motivasi juga telah berubah dengan wujud nama-nama seperti Motivasi 1 Malaysia dan Motivasi 1Malaysia Peperiksaan. Program-program motivasi ini dibincangkan seperti berikut:

**e. Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia**

Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia lahir daripada aspirasi Pendana Menteri Malaysia ke-6, Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak. Aspirasi ke arah perpaduan ini disahut secara terbuka

Universiti Utara Malaysia

dan komitied oleh semua rakyat Malaysia khususnya GPMS. Walaupun secara khususnya GPMS memperjuangkan pendidikan bangsa Melayu namun demi kemakmuran dan kemajuan negara, GPMS rela bertoleransi dan sedia memberi komitmen terhadap isu-isu berkaitan perpaduan kaum (Majalah GPMS 2010). Skuad jelajah ini kebiasaanya akan diadakan selama 4 hari dalam bulan Mac dengan mengunjungi kesemua sekolah menengah kebangsaan di seluruh Padang Terap. Para penceramah dan krew dilatih secara intensif sebelum memberi motivasi untuk memantapkan kualiti ceramah dan penyampaian modul agar mencapai objektif program. Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia mempunyai beberapa siri dan tema mengikut tahun contohnya seperti berikut:

1. **Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-20 amalan hebat pelajar 1 Malaysia**.

Pada tahun 2010 Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia dikenali sebagai Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-20 amalan hebat pelajar 1 Malaysia. Majlis Perasmian Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia 20 Amalan Pelajar Hebat yang dilancarkan oleh YAB. Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 16 April 2010 di Universiti Malaya. Melalui siri jelajah ini penekanan kepada '20 Amalan Hebat Palajar 1 Malaysia. Setiap dari 20 amalan ini dihurai oleh penceramah secara terperinci agar pelajar dapat memahaminya dengan cara yang praktikal. Setiap sesi ceramah akan dipaparkan dengan video korporat penaja dan lagu 1 Malaysia bagi menghairahkan lagi semangat perpaduan di kalangan masyarakat terutama para pelajar yang belum tercemar dengan sifat prejudis semasa kaum. Selain memupuk jiwa, jati diri dan semangat cintakan ilmu pengetahuan dan inginkan kecermelangan dalam kehidupan mereka. Di penghujung sesi ceramah, para pelajar membuat penilaian terhadap persembahan dan

Universiti Utara Malaysia

penyampaian penceramah menerusi borang penilaian yang dilampirkan di dalam buku 20 Amalan Hebat Pelajar 1 Malaysia. 20 Amalan Hebat Pelajar 1Malaysia adalah seperti berikut:

1. Mengenal dan menghormati mereka yang telah berjaya
2. Berusaha dan belajar dengan lebih bijak
3. Jangan takut menghadapi masalah
4. Kekalkan peribadi terpuji dan kejujuran diri
5. Manfaatkan semua sumber dan kemudahan
6. Bermuafakat dengan rakan-rakan, bertanding dengan diri sendiri
7. Jangan bertangguh lagi
8. Lakukan sesuatu yang lebih baik untuk hasil lebih cemerlang
9. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi
10. Bijak memilih rakan bermain dan belajar
11. Sentiasa bersiap sedia
12. Belajar melalui kegagalan
13. Pemikiran yang tajam
14. Menjaga pemakanan
15. Disiplin diri
16. Amalan berterusan
17. Mempunyai matlamat hidup yang tepat
18. Menjaga emosi
19. Meyakinkan diri semasa mengambil peperiksaan
20. Muhasabah diri, doa dan tawakal

Universiti Utara Malaysia

Melalui pelancaran program Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia ini beberapa 5 siri program motivasi telah dijalankan di sekolah-sekolah daerah Padang Terap. Siri-siri itu seperti pada 2 Mac 2010 di adakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Naka, 13 Mac 2011 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Lubok Merbau, 7 Mac 2012 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Naka, 5 Mac 2013 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Syed Ahmad. Pada 9 Mac 2014 program motivasi ini telah dijalankan oleh GPMS Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu.

**2. Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia Peperiksaan**

Pada tahun 2010 juga Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia Peperiksaan telah ditubuhkan oleh GPMS peringkat kebangsaan. Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia Peperiksaan telah dilancarkan oleh GPMS untuk membantu pelajar dalam menyiapkan diri mereka dalam menimba ilmu dan juga menjana pendapatan GPMS. Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia GPMS telah dilancarkan pada 15hb april 2010 di Auditorim Tun Soffian, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Pendana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia dan juga Ketua Penasihat GPMS

GPMS peringkat cawangan turut serta untuk menjayakannya. Melalui Skuad Jelajah Motivasi 1Malaysia Peperiksaan, GPMS peringkat cawangan Padang Terap telah mengadakan kerjasama dengan Penjabat Pendidikan Daerah Padang Terap dan juga sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah itu untuk mengadakan program motivasi dan petua peperiksaan. Antara objektif program ini adalah seperti berikut:

Universiti Utara Malaysia

1. Mendedahkan kepada para pelajar tentang kaedah dan strategi menghadapi peperiksaan penting demi mencapai kejayan yang cemerlang.

2. Memecahkan minda dan psikologi sempit para pelajar melalui konsep 1Malaysia iaitu keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang diamalkan sejak sekian lama. Di samping membantu menyelesaikan kekeliruan mereka tentang permasalahan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia, menyemai semangat cinta antara satu sama lain di kalangan masyarakat dengan memberi penekanan terhadap penghayatan erti kemerdekaan yang terjalin daripada perpaduan dan melahirkan bangsa Malaysia yang berfikiran terbuka serta ingin memajukan negara secara berganding bahu dan bersama.

3. Memberi motivasi yang khusus kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaaan dengan mendedahkan pelbagai strategi peperiksaan dan membantu menyelsaikan kerungsingan dan permasalahan mereka dengan memberi tips yang sesuai. Melahirkan generasi pelajar yang bersemangat cekal dan jati diri yang kukuh dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran seterusnya bagi mencapai kejayaan yang cemerlang sesuai dengan motto yang diilhamkan oleh YAB Pendana Menteri iaitu " Satu Malaysia, Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan".

4. Memotivasikan para pelajar Melayu yang HALUS (harapan-lulus) dan berpencapaian sederhana di kawasan luar bandar untuk lebih bersedia menghadapi peperiksaan serta mencapai kejayaan yang lebih baik dan cemerlang.

5. Memberi kesedaran kepada para pelajar akan erti perpaduan dan menyatukan masyarakat berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa supaya menjadi rakyat Malaysia yang hidup

UTARA MALAYSIA BUDI BAHASA UUM Universiti Utara Malaysia

dalam kedaan aman, bersefahaman, makmur dan memahami ciri-ciri motivasi serta menghayati konsep 1Malaysia yang menitikberatkan perpaduan antara kaum.

Melalui pelancaran program Skuad Jelajah Motivasi 1 Malaysia Peperiksaan ini program motivasi telah dijalankan di sekolah-sekolah menegah kebangsaan di daerah Padang Terap setiap tahun. Contohnya pada 1 Oktober 2010 di adakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Syed Ahmad, 5 Oktober 2013 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Naka. Pada 9 Oktober 2014 program Motivasi Perdana telah dijalankan oleh GPMS Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Lubok Merbau. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2014 yang terdiri daripada peajar-pelajar sekolah di kawasan Padang Terap. Sasaran pelajar ialah pelajar-pelajar yang berada dalam zon pertengahan iaitu pelajar-pelajar gred B. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Program ini dirasmikan oleh Y.Bhg Dato Haji Badrol Hisham Exco Kerajaan Perumahan tempatan Tenaga Dan Air negeri Kedah. Turut hadir dalam program ini adalah Dato' Hj. Izham Yusoff, Pengarah Urusan Kumpulan Bina Darulaman Berhad, Ybhg Dato Paduka Hj Ghaali Hj Ibrahim Setpol Menteri Kewangan, Shamsul Bahar Abd Rani, Pengerusi GPMS Kedah, , wakil PPD Padang Terap serta para waris pelajar.

**3. Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-Motivasi dan Petua Peperiksaan**

Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-Motivasi dan Petua Peperiksaan juga telah dilancarkan oleh GPMS. Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-Motivasi dan Petua Peperiksaan membuka ruang motivasi kepada para pelajar pelbagai bangsa untuk mendapatkan manfaat yang sama menerusi

Universiti Utara Malaysia

tips, teknik dan petua menghadapi peperiksaan. Para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan biasanya akan terdedah kepada pelbagai tekanan dan kurang kemahiran penting tentang teknik menghadapi peperiksaan sama berbentuk objektif ataupun subjektif untuk menempuh peperiksaan tersebut. Pelbagai masalah akan menyebabkan mereka gagal memberi tumpuan penuh kepada peperiksaan.

Program ini merupakan ilham yang lahir daripada objektif induk 1Malaysia iaitu lahirnya satu genersai cemerlang yang memahami erti nikmat hidup dalam masyarakat majmuk yang bakal memimpin negara pada tahun 2020. Relevennya program ini adalah memotivasikan para pelajar mencipta kejayaan menerusi pendidikan. Kejayaan pelajar seringkali diukur menerusi prestasi dalam peperiksaan. Kejayaan pelajar seringkali diukur menerusi prestasi dalam peperiksaan.

Melalui pelancaran Skud Jelajah Motivasi 1 Malaysia-Motivasi dan Petua Peperiksaan ini 2 siri program motivasi telah dijalankan di sekolah-sekolah menegah kebangsaan di daerah Padang Terap iaitu di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap pada 29 September 2011, dan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu pada 3 Oktober 2012.

Dalam program motivasi ini barisan penceramah program ini terdiri daripada pemimpin muda GPMS yang terlatih dan berkemahiran yang akan membantu para pelajar. Berbekalkan ilmu dan pengalaman yang sedia ada, kepakaran tenaga penceramah GPMS mampu untuk membimbing para pelajar dalam membuat persediaan mengahadpi peperiksaan yang berbentuk kerohanian, fizikal dan mental. Selain tiu, para pelajar juga difahamkan tentang perpaduan di samping

Universiti Utara Malaysia

menghayati konsep 1Malaysia dan mencita kecermelanagan menerusi peperiksaan demi mengubah taraf hidup diri dan keluarga.

**ii. Motivasi Kecermelangan MINDA**

GPMS juga didapati menganjurkan program motivasi yang mengkhususkan kepada kecermelangan minda khususnya kepada pelajar SPM dan STPM. Program ini dijayakan dengan penganjuran Kem Kecermelangan MINDA. Kem kecermelangan MINDA dianjurkan oleh GPMS sekali setiap tahun dengan memilih pelajar-pelajar harapan dari setiap sekolah menegah kebangsaan di Daerah Padang Terap. Antara pengisisan program ini adalah diadakan Eksplorasi Minda[26], tazkirah, Qiamulai, kuliah subuh, tuisyen bahasa inggeris, sejarah, matematik dan ceramah bertajuk pentingnya akhlak yang baik dan persedian menghadapi peperiksaan. Objektif membentu sikap dan minda pelajar sebenar bagi melahirkan generasi pelajar cemerlang dan mempertingkatkan nilai diri (self esteem) dan motivasi pelajar supaya lebih bersedia menghadapi alam pengajian tinggi. Memantapkan sahsiah dan akhlak pelajar supaya menjdai pelajar yang cemerlang bukan hanya intelektual tetapi juga spiritual dan pandai menjaga maruah diri. Melahirkan pelajar yang cemerlang, seimbang dan berketerampilan dari segi jasmani, emosi, rohani di samping intelektual.

Kem kecermelangan minda ini dikenalpasti telah dianjurkan oleh GPMS sebanyak lima kali dalam tempoh 2005-2014

**iii. Kem Pelajar Pintar**

---

[26] Eksplorasi Minda merupakan salah satu aktiviti yang dicatatkan dalam modul kepimpinan GPMS-UUM hal 31-33 dan dibincangkan dalam bab 5 halaman .



Universiti Utara Malaysia

GPMS juga menganjurkan kem pelajar pintar dalam usaha meningkat pencapaian akademik pelajar. Contohnya pada 15 Disember 2011 GPMS telah menganjurkan kem pelajar pintar di SMK Naka.

## 4.7 Program Sahsiah Diri

Menjadi pelajar yang cemerlang tidaklah bermakna hanya dengan menghafal dan menghadamkan isi buku seta ilmu semata-mata. Pelajar yang cemerlang juga harus mempunyai jiwa yang dipunyai oleh masyarakat atau mempunyai jiwa sukarela. Sebelum pelajar itu berada di dalam masyarakat mereka mestilah memupuk diri mereka "dipunyai" oleh masyarakat, menjalinkan komitmen, pendengar yang baik dan agen perubah, inilah yang sepatutnya berada dijiwa pelajar (Jais Abdul Karim 2012). Atas sebab itu, GPMS juga memberi tumpuan kepada program-program berbentuk pembangunan sahsiah diri. Program ini bertujuan mengembalikan semangat juang dan persaingan positif di kalangan pelajar. Penekanan ini diberi untuk membentuk para pelajar yang bersahsiah tinggi di samping menyelesaikan masalah salah laku disiplin pelajar seperti merokok, penteng sekolah, bergaduh dan lain-lain. Program dirancang oleh GPMS seperti berikut:

### i. Menangani Salah laku Disiplin

Salah laku disiplin amat diberi perhatian oleh GPMS. Isu ini penting dan amat wajar diberi perhatian oleh GPMS. Masalah disiplin jika tidak ditangani secara cukup berkesan akan menjadi halangan kepada usaha pembinaan modal insan. Salah laku disiplin bukan isu yang boleh diselesaikan dalam sekelip mata. Ianya memerlukan usaha dan kesungguhan semua pihak.

Universiti Utara Malaysia

Banyak angkubah yang perlu diambil kira (Jais Abdul Karim 2012). Bagi menangani masalah disiplin pelajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Padang Terap GPMS cawangan Padang Terap telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menangani salah laku disiplin pelajar sekolah. Melalui Jawatankuasa ini pelbagai program telah diatur dari tahun 2005-2014 untuk menagani salah laku disiplin pelajar. Antara program yang diatur adalah kaunseling dan Kem Bina Insan. Dalam tahun 2005-2009 pendekatan yang digunakan oleh GPMS adalah melalui pendekatan kaunseling dalam mengangani isu disiplin sementara dalam tahun 2010-2014 pendekatan untuk menyelesaikan masalah disiplin pelajar adalah melalui Kem Bina Insan iaitu sebuah program khusus untuk pelajar bermasalah. GPMS membantu pihak sekolah untuk memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar yang bermasalah khasnya di kalangan pelajar wanita dan salah laku berat. Dalam menjayakan program ini GPMS didapati menghantar pakar kaunseling ke SMK daerah Padang Terap setiap tahun di atas kapasiti di jemput oleh pihak sekolah berkenaan dan kesediaan secara sukarela oleh GPMS Padang Terap. Antara topik kaunseling yang dikenalpasti di ketengahkan oleh pakar kaunseling GPMS adalah berkisar dalam perihal apakah permasalahan yang membawa kepada tingkah laku negetif? Apakah pelajar tahu akan kesalahan itu? Apakah ada usaha untuk berubah? Seterusnya kata-kata nasihat dari pakar kaunseling GPMS.

Sementara itu, melalui program Kem Bina Insan pula pelajar-pelajar yang bermasalah akan dikumpulkan di sebuah tempat dengan tujuan untuk memberi motivasi dan dorongan agar tidak mengulangi kesalahan lalu. Kem bina insan ini memberi fokus kepada pelajar yang bermasalahan yang melanggar peraturan sekolah. Dalam kem bina insan ini pelbagai aktiviti telah diatur untuk diikuti oleh pelajar agar menginsafi perbuatan mereka. Contohnya seperti motivasi meningkat diri, program keagamaan dan program kecerdasan.

Universiti Utara Malaysia

Tiga siri kem bina insan telah diadakan oleh GPMS dari tahun 2010-2014, contohnya pada 2 Oktober 2012 di Dusun Resort Padang Sanai, 5 Oktober 2013 di SMK Lubok merbau dan 3 Oktober 2014 di Terap Inn Kuala Nerang. Kem Bina Insan yang dianjurkan pada 3 Oktober 2014 di Terap Inn Kuala Nerang telah dihadiri oleh 79 pelajar dari SMK-SMK daerah Padang Terap.

**ii. Program Sahsiah Diri Untuk Pelajar Lelaki**

Pelajar Melayu kini bukan sahaja berdepan dengan pencapaian tidak seimbang dengan kaum lain, tetapi juga dengan masalah dan cabaran baharu iaitu pencapaian tidak seimbang antara jantina. Laporan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Tempatan menunjukkan kira-kira 70 peratus pelajar wanita menguasai sebahagian besar tempat di IPTA (Jais Abdul Karim 2012). Fenomena kemerosotan jumlah pelajar lelaki IPTA amat membimbangkan GPMS kerana ketidakseimbangan antara pelajar lelaki dan wanita mendatangkan kesan buruk dari segi sosial. Atas sebab itu GPMS Padang Terap didapati juga mengadakan program khas untuk pelajar lelaki.

### 4.7.1 Ikon Pelajar Melayu

Setiap tahun pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dari keputusan SPM dan STPM tahun sebelumnya akan dilantik sebagai sebagai ikon pelajar Melayu GPMS dalam tahun itu. Pengiktirafan itu bagi membolehkan mereka ini berkongsi petua kejayaan mereka dengan pelajar yang bakal menduduki SPM dan STPM. Pelajar cemerlang ini akan menjelajah ke sekolah-sekolah kebangsaan di Padang Terap bersama GPMS bagi berkongsi petua kejayaan dan

berdialog dengan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan. GPMS juga akan membantu pelajar berkenaan dari segi kewangan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Pada tahun 2013 contohnya GPMS telah melantik pasangan kembar Nor Alisyah Ahmad Musa dan Nor Asiah Ahmad Musa yang memperolehi 8A dalam PMR telah sebagai ikon GPMS.

### 4.7.2 Dana Wang Saku (DWS)

GPMS juga menjalankan program pemberian wang saku kepada pelajar-pelajar miskin di sekitar daerah Padang Terap. GPMS memperhebatkan program turun padang bagi mengesan pelajar Melayu yang menghadapi masalah meneruskan persekolahan akibat kesempitan hidup. GPMS berusaha mencari kes-kes seumpama itu untuk dijadikan anak angkat menerusi program Dana Wang Saku (DWS) GPMS Kedah. Usaha ini merupakan inisiatif GPMS bagi membantu anak bangsa meningkatkan kemajuan pelajaran mereka. Ia selaras dengan peranan GPMS yang ditubuhkan untuk memartabatkan pendidikan orang Melayu selain bertujuan memperluaskan peranan pertubuhan di kalangan masyarakat. Program DWS dilancarkan pada tahun 2009 dengan mengharapkan penglibatan semua pihak termasuk golongan korporat dalam menghulurkan sumbangan bagi menjayakannya. Menerusi program tersebut, GPMS memilih dua pelajar masing-masing dari sekolah rendah dan menengah di daerah Padang Terap untuk dibantu meneruskan pelajaran. GPMS akan bekerjasama dengan guru dan pihak pentadbiran sekolah memantau perkembangan pendidikan pelajar terbabit. Program ini ditingkatkan dari semasa ke semasa agar lebih ramai kanak-kanak dan remaja yang tercicir dalam pelajaran akibat kesusahan hidup dapat dibantu.

Universiti Utara Malaysia

### 4.7.3 Motivasi Keibubapaan

Salah satu faktor yang membawa kejayaan kepada pelajar adalah ibu bapa. Justeru itu GPMS juga mengambil pendekatan untuk memberi motivasi kepada ibu bapa. Antara program-program yang diknealpasti telah dianjurkan oleh GPMS seperti berikut:

i. Seminar Motivasi Keibubapaan: Peranan ibu bapa dalam membantu anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan (7 januari 2013)

ii. Program keibubapaan "Semarak Kasih Suami Isteri" (29 Januari 2014)

Program-program ini bertujuan membantu mebimbing ibu bapa dalam memotivasi anak-anak dalam meningkatkan prestasi pelajaran. Selain itu ia juga bertujuan membangkitkan semangat dan keprihatinan ibu bapa terhadap pendidikan masa depan anak-anak.

Universiti Utara Malaysia

### 4.7.4 Modul Program Pendidikan Percuma GPMS

#### i. Majalah Laporan Tahunan GPMS

GPMS juga didapati menerbitkan Majalah Laporan Tahunan GPMS yang dinamakan Majalah Suara GPMS pada setiap tahun dan pelbagai buku yang berkaitan pendidikan (10 buah buku sebagai penanda aras).

**PENCAPAIAN**

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP

SPM 2014

PERBANDINGAN GRED PYRATA DAN PERATUS SEKOLAH

| BIL | KED GPS DLM NEGERI | KOD SEK | NAMA PUSAT | GPS 2014 | GPS 2013 | BEZA | % 2014 | % 2013 | BEZA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 19 | KEE7017 | SMK DATO SYED AHMAD | 3.54 | 3.56 | 0.02 | 93.95 | 95.97 | -2.02 |
| 2 | 65 | KEA7018 | SMK LUBOK MERBAU | 5.34 | 5.59 | 0.25 | 45.93 | 46.5 | -0.57 |
| 3 | 75 | KEA7017 | SMK PADANG TERAP | 5.44 | 5.08 | -0.36 | 38.31 | 61.16 | -22.85 |
| 4 | 82 | KXX0013 | SM AGAMA DARUL IKTISAM | 5.52 | 6.3 | 0.78 | 56.25 | 44.44 | 11.81 |
| 5 | 89 | KEA7020 | SMK PEDU | 5.57 | 5.47 | -0.10 | 47.62 | 44.65 | -8.03 |
| 6 | 115 | KEA7019 | SMK NAKA | 5.82 | 5.92 | 0.10 | 42.86 | 41.52 | 1.34 |

Universiti Utara Malaysia

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | 150 | KEA7021 | SMK KUALA NERANG | 6.13 | 5.61 | -0.52 | 47.47 | 51.58 | -4.11 |
| **DAERAH** | | | | **5.04** | **5.08** | **0.04** | **59.81** | **60.88** | **-1.07** |

KEDUDUKAN DALAM NEGERI

PERATUS : NO 1 (59.81%)

GPS : NO 3 (5.04)

ANALISA KEPUTUSAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014 DAERAH PADANG TERAP

BIL CALON YANG MEMPEROLEH 5A DAN KE ATAS

| BIL | SEKOLAH | 5A | 6A | 7A | 8A | 9A | 10A | SEMUA A | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SMK DATO SYED AHMAD | 52 | 32 | 17 | 13 | 2 | 1 | 2 | 117 |
| 2 | SMK KUALA NERANG | 3 | | 3 | | | | | 6 |
| 3 | SMK PADANG TERAP | 3 | 1 | 2 | | 2 | | | 8 |
| 4 | SMK PEDU | 3 | 1 | | 1 | | | | 5 |
| 5 | SMK NAKA | 3 | 2 | 1 | | | | | 6 |
| 6 | SMK LUBOK | 3 | 2 | 2 | 4 | | | | 11 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | MERBAU | | | | | | | | |
| 7 | SMA DARIL IKTISAM | 2 | | | | | | | 2 |
| | JUMLAH | 69 | 38 | 25 | 18 | 4 | 1 | 2 | 155 |

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP

PERATUS LULUS DAN GRED PURATA SEMUA MATA PELAJARAN

SEMUA SEKOLAH DAERAH PADANG TERAP

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2014

PERATUS:

| **BIL** | **SEKOLAH** | **2010 %** | **2011 %** | **2012 %** | **2013 %** | **2014 %** | **BEZA 2013-2014** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SMK DATO SYED AHMAD | 89.20 | 88.41 | 85.25 | 95.97(1) | 93.95(1) | -2.02 |
| 2 | SMK PDG TERAP | 45.16 | 51.75 | 54.40 | 61.16(2) | 38.31(7) | -22.85 |
| 3 | SMK LUBOK MEBAU | 31.36 | 52.76 | 34.59 | 46.50(5) | 45.93(5) | -0.57 |
| 4 | SMK PEDU | 44.66 | 37.27 | 23.47 | 55.65(3) | 47.62(4) | -8.03 |
| 5 | SMK KUALA NERANG | 34.89 | 42.54 | 36.42 | 51.58(4) | 47.47(3) | -4.11 |
| 6 | SMK NAKA | 37.68 | 42.95 | 39.72 | 41.52(7) | 42.86(6) | 1.34 |
| 7 | SMA DARIL IKTISAM | 50.00 | 42.86 | 45.00 | 44.44(6) | 56.25(2) | 11.81 |
| | **DAERAH PADANG TERAP** | **50.76** | **55.58** | **51.90** | **60.88** | **59.81** | **-1.07** |

Universiti Utara Malaysia

GRED PURATA SEKOLAH:

| BIL | SEKOLAH | 2010 GPS | 2011 GPS | 2012 GPS | 2013 GPS | 2014 GPS | BEZA 2013-2014 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SMK DATO SYED AHMAD | 3.867 | 3.935 | 3.750 | 3.560(1) | 3.540(1) | 0.02 |
| 2 | SMK PDG TERAP | 6.404 | 6.046 | 5.520 | 5.080(2) | 5.440(3) | -.036 |
| 3 | SMK LUBOK MEBAU | 6.450 | 5.808 | 5.880 | 5.590(4) | 5.340(2) | 0.25 |
| 4 | SMK PEDU | 5.646 | 6.112 | 6.790 | 5.470(3) | 5.570(5) | -0.10 |
| 5 | SMK KUALA NERANG | 6.325 | 6.044 | 6.370 | 5.610(5) | 6.130(7) | -0.52 |
| 6 | SMK NAKA | 6.072 | 6.179 | 6.210 | 5.920(6) | 5.820(6) | 0.10 |
| 7 | SMA DARIL IKTISAM | 6.245 | 6.374 | 6.820 | 6.300(7) | 5.520(4) | 0.78 |
| | **DAERAH PADANG TERAP** | **5.593** | **5.495** | **5.430** | **5.080** | **5.040** | **0.04** |

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP

Universiti Utara Malaysia

PERATUS LULUS DAN GRED PURATA SEMUA MATA PELAJARAN

SEMUA DAERAH DALAM NEGERI KEDAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2014

PERATUS LULUS ANTARA DAERAH DALAM NEGERI KEDAH:

| **BIL** | **SEKOLAH** | **2010 %** | **2011 %** | **2012 %** | **2013 %** | **2014 %** | **BEZA 2013-2014** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KOTA SETAR | 52.67 | 53.46 | 56.93 | 61.17 (2) | 57.20 (3) | -3.97 |
| 2 | **PADANG TERAP** | **50.77** | **55.58** | **51.90** | **60.88(3)** | **59.81 (1)** | **-1.07** |
| 3 | KULIM BANDAR BARU | 50.45 | 50.42 | 52.25 | 57.86 (6) | 56.23 (5) | -1.63 |
| 4 | KUBANG PASU | 50.85 | 53.80 | 57.42 | 62.63 (1) | 58.80 (2) | -3.83 |
| 5 | KUALA MUDA YAN | 50.85 | 50.11 | 52.37 | 58.63 (5) | 55.98 (6) | -2.65 |
| 6 | PENDANG | 48.46 | 46.64 | 52.25 | 59.65 (4) | 56.75 (4) | -2.90 |
| 7 | LANGKAWI | 45.11 | 52.00 | 49.74 | 50.80 (7) | 40.29 (8) | -10.51 |
| 8 | BALING SIK | 45.00 | 42.90 | 43.20 | 47.97 (7) | 41.97 (7) | -6.00 |
|  | **NEGERI KEDAH** | **49.95** | **50.65** | **52.77** | **58.14** | **54.60** | **-3.54** |

Universiti Utara Malaysia

GRED PURATA ANTARA DAERAH DALAM NEGERI KEDAH

| BIL | SEKOLAH | 2010 GP | 2011 GP | 2012 GP | 2013 GP | 2014 GP | BEZA 2013-2014 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KOTA SETAR | 5.031 | 4.950 | 4.830 (1) | 4.830 (1) | 4.970 (2) | -0.14 |
| **2** | **PADANG TERAP** | **5.495** | **5.430** | **5.080 (4)** | **5.080 (4)** | **5.040 (3)** | **0.04** |
| 3 | KULIM BANDAR BARU | 5.354 | 5.340 | 5.030 (3) | 5.030 (3) | 5.240 (5) | -0.21 |
| 4 | KUBANG PASU | 4.986 | 4.860 | 4.650 (2) | 4.650 (2) | 4.870 (1) | -0.22 |
| 5 | KUALA MUDA YAN | 5.375 | 5.310 | 5.100 (5) | 5.100 (5) | 5.200 (4) | -0.10 |
| 6 | PENDANG | 5.426 | 5.440 | 5.290 (6) | 5.290 (6) | 5.310 (6) | -0.02 |
| 7 | LANGKAWI | 5.433 | 5.570 | 5.520 (8) | 5.520 (8) | 6.000 (8) | -0.48 |
| 8 | BALING SIK | 5.487 | 5.560 | 5.440 (7) | 5.440 (7) | 5.550 (7) | -0.11 |
| | **NEGERI KEDAH** | **5.290** | **5.230** | **5.040** | **5.040** | **5.190** | **-0.15** |

**4.8 TREND DAN POLA DISIPIN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK 2005-2014.**

Bab ini membentangkan hasil kajian yang diperolehi mengenai jumlah kes, trend dan pola disiplin serta pencapaian akademik pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di daerah Padang Terap. Jumlah kes, trend dan pola disiplin serta pencapaian akademik pelajar-

pelajar SMK daerah Padang Terap melibatkan enam (6) buah sekolah iaitu SMK Pedu, SMK Padang Terap, SMK Naka, SMK Kuala Nerang, SMK Lubok Merbau dan SMK Dato' Syed Ahmad. Jumlah kes, trend dan pola disiplin serta pencapaian akademik di kategori kepada dua kumpulan mengikut tempoh lima (5) tahun iaitu 2005-2009 dan 2010-2014.

### 4.8.1 Jumlah Salah Laku Disiplin SMK Di Daerah Padang Terap 2005-2014

Kajian ini telah mengenalpasti beberapa salah laku disiplin yang dilakukan oleh pelajar SMK-SMK di daerah Padang Terap. Antaranya seperti merokok, gangguan seksual, melawan guru, penagihan dadah, bergaduh, mencuri, ponteng sekolah, mencuri, berjudi, ponteng sekolah dan kekemasan diri. Salah laku merokok, gangguan seksual, melawan guru, penagihan dadah, bergaduh, mencuri, ponteng sekolah, mencuri dan berjudi dikategorikan sebagai salah laku berat. Ponteng sekolah dikategorikan sebagai salah laku sederhana sementara kekemasan diri dikategorikan sebagai salah laku ringan.

Universiti Utara Malaysia

Secara keseluruhannya keputusan kajian seperti di Jadual 2.1 menunjukkan sebanyak 1,254 pelajar terlibat dengan salah laku disiplin di SMK daerah Padang Terap untuk tempoh 2005-2006. Di antara enam (6) buah sekolah itu, kesalahan disiplin paling banyak dicatatkan oleh SMK Lubok Merbau (353 kes) dan diikuti oleh SMK Padang Terap (300 kes), SMK Naka (299 kes) dan SMK Pedu (159). SMK Dato' Syed Ahmad mencatatkan kes salah laku displin paling rendah dengan 65 kes dan didikuti oleh SMK Kuala Nerang (78 kes).

**Jumlah Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Daerah Padang Terap 2005-2009**

| **Tahun** | **SMK Daerah Padang Terap** | | | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SMK Pedu | SMK Padang Terap | SMK Naka | SMK Kuala Nerang | SMK Lubok Merbau | SMK D. S. Ahmad | |
| 2005 | 38 | 56 | 38 | 20 | 44 | 15 | 211 |
| 2006 | 32 | 59 | 45 | 17 | 66 | 14 | 233 |
| 2007 | 35 | 65 | 62 | 13 | 64 | 12 | 251 |
| 2008 | 25 | 53 | 94 | 15 | 92 | 13 | 292 |
| 2009 | 29 | 67 | 60 | 13 | 87 | 11 | 267 |
| **Jumlah** | **159** | **300** | **299** | **78** | **353** | **65** | **1,254** |

Sumber: Laporan Tatatertib SMK-SMK Daerah Padang Terap

Universiti Utara Malaysia

Sementara itu dari tahun 2010-2014, kes pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin di SMK Padang Terap adalah sebanyak 1,042 kes. SMK Lubok Merbau mencatatkan kes paling banyak iaitu 276 kes dan diikuti oleh SMK Padang Terap (262 kes), SMK Naka (204 kes) dan SMK Pedu (200 kes). SMK Dato' Syed Ahmad Kuala Nerang mencatatkan kes salah laku displin paling rendah iaitu 48 kes dan didikuti oleh SMK Kuala Nerang (52 kes) (Jadual 2.2).

Jadual 2.2

**Jumlah Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Daerah Padang Terap 2010-2014**

| **Tahun** | **SMK Daerah Padang Terap** | | | | | | **Jumla** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SMK Pedu | SMK Padang Terap | SMK Naka | SMK Kuala Nerang | SMK Lubok Merbau | SMK D. S. | |

| | | | | | | Ahmad | **h** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | 39 | 82 | 49 | 12 | 68 | 14 | 264 |
| 2011 | 54 | 56 | 42 | 11 | 52 | 8 | 223 |
| 2012 | 43 | 34 | 40 | 8 | 41 | 10 | 176 |
| 2013 | 40 | 47 | 38 | 12 | 58 | 9 | 204 |
| 2014 | 24 | 43 | 35 | 9 | 57 | 7 | 175 |
| **Jumlah** | **200** | **262** | **204** | **52** | **276** | **48** | **1,042** |

Sumber: Laporan Tatatertib SMK-SMK Daerah Padang Terap

### 4.8.2 Trend Salah Laku Disiplin Pelajar di SMK Daerah Padang Terap

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati trend salah laku disiplin pelajar SMK Padang Terap menunjukkan trend menaik dari tahun 2005-2008, bagaimanapun ia menunjukkan penurunan pada tahun 2009. Pada tahun 2005 kes salah laku disiplin pelajar hanya 211 kes dan jumlah ini meningkat kepada 233 kes pada tahun 2006, 251 kes pada tahun 2007 dan 292 kes pada tahun 2008. Pada tahun 2009 jumlah kes menurun dari 292 kes kepada 267 kes (Rajah 2.1).

Universiti Utara Malaysia




Rajah 2.1

*Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Daerah Padang Terap 2005-2009*

Pada amnya trend salah laku disiplin pelajar SMK Padang Terap dalam tahun 2010-2014 menunjukkan trend menurun dari tahun kesetahun, walaupun berlaku peningkatan pada tahun 2013. Contohnya pada tahun 2009 kes salah laku disiplin berjumlah 264 kes dan jumlah ini menurun kepada 223 kes pada tahun 2006, 2007 (176 kes). Kes disiplin pelajar meningkat pada tahun 2013 kepada 204 kes dan menurun kembali kepada 175 kes pada tahun 2014 (Rajah 2.2).




Rajah 2.2

*Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Daerah Padang Terap 2010-2014*

### 4.8.3 Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar Mengikut Sekolah

Universiti Utara Malaysia

Bahagian ini akan membincangkan mengenai jumlah kes dan trend salah laku pelajar mengikut sekolah.

### 4.8.4 Jumlah Kes dan Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2014

#### i. Jumlah Kes Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009

Kajian mendapati dalam jangkamasa lima (5) lima tahun iaitu dari tahun 2005-2009 terdapat sejumlah 159 kes salah laku disiplin yang dilakukan oleh pelajar-pelajar SMK Pedu. Jika

dibandingkan antara jenis-jenis salah disiplin, salah laku kekemasan diri, merokok dan ponteng sekolah merupakan salah laku disiplin yang paling tinggi atau kerap dilanggari oleh pelajar SMK Pedu. Kekemasan diri mencatatkan jumlah sebanyak 62 kes, merokok 54 kes dan ponteng sekolah 41 kes. Sementara salah laku bergaduh mencatatkan 3 kes (Jadual 2.3).

Jadual 2.3

*Jumlah Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009*

| **Tahun** | **Salah Laku Displin Pelajar** | | | | | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Berat | | | | | | Sederhana | Ringan | |
| | Rokok | Gang Seksual | Lawan Guru | Dadah | Gaduh | Mencuri | Ponteng | Kemasan diri | |
| 2005 | 11 | | | | 3 | | 9 | 15 | 38 |
| 2006 | 10 | | | | | | 10 | 12 | 32 |
| 2007 | 11 | | | | | | 7 | 17 | 35 |
| 2008 | 10 | | | | | | 5 | 11 | 25 |
| 2009 | 12 | | | | | | 10 | 7 | 29 |
| **Jumlah** | **54** | | | | **3** | | **41** | **62** | **159** |

Universiti Utara Malaysia

**ii. Jumlah Kes Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2010-2014**

Dalam jangkamasa lima (5) lima tahun seterusnya iaitu dari tahun 2010-2014 terdapat sejumlah 200 kes salah laku disiplin pelajar di SMK Pedu. Kemasan diri, ponteng sekolah dan merokok juga mencatatkan kes tertinggi iaitu dengan 65 kes, 61 kes dan 59 kes. Kes-kes salah laku

disiplin lain seperti gangguan seksual (13 kes), penyalahgunaan dadah (1 kes) dan mencuri (1 kes) (Jadual 2.4).

Jadual 2.4

*Jumlah Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2010-2014*

| **Tahun** | **Salah Laku Displin Pelajar** | | | | | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Berat | | | | | | Sederhana | Ringan | |
| | Rokok | Gang Seksual | Lawan Guru | Dadah | Gaduh | Mencuri | Ponteng | Kemasan diri | |
| 2010 | 10 | 9 | | | | | 10 | 10 | 39 |
| 2011 | 19 | | | | | | 18 | 17 | 54 |
| 2012 | 10 | | | 1 | | | 10 | 22 | 43 |
| 2013 | 12 | 4 | | | | 1 | 14 | 9 | 40 |
| 2014 | 8 | | | | | | 9 | 7 | 24 |
| **Jumlah** | **59** | **13** | | **1** | | **1** | **61** | **65** | **200** |

Universiti Utara Malaysia

### iii. Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009

Dari tahun 2005-2009 trend salah laku disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu mengalami turun naik, contohnya pada tahun 2005 bilangan salah laku disiplin adalah 38 kes, ia kemudian menurun menjadi 32 kes pada tahun 2006, seterusnya meningkat kembali pada tahun 2007 kepada 35 kes dan menurun kembali pada tahun 2008 menjadi 25 kes, kemudian meningkat kembali pada tahun 2009 kepada 29 kes (Rajah 2.3).




Rajah 2.3

*Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009*

Universiti Utara Malaysia

**iv. Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2010-2014**

Dalam tempoh lima tahun berikutnya (2010-2014) salah laku disiplin pelajar SMK Pedu menampakkan trend menurun selepas tahun 2011. Pada tahun 2010 jumlah salah laku adalah 39 kes. Ia meningkat kepada 54 kes pada tahun 2011. Jumlah ini menurun pada tahun 2012 kepada 43 kes dan 2013 (40 kes) dan 2014 (24 kes) (Rajah 2.4).




Rajah 2.4

*Trend Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2010-2014*

Universiti Utara Malaysia

**v. Trend Kategori Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009**

Trend salah laku disiplin dari segi kategori kesalahan berat dan ringan dalam tahun tahun 2005-2009 mengalami penurunan walaupun berlaku turun naik dalam tahun-tahun itu. Jumlah kes salah laku kesalahan berat bagi tahun 2005 adalah sebanyak 14 kes dan jumlah ini menurun pada tahun 2009 menjadi 12 kes. Bagi kes ringan pula jumlah kes pada tahun 2005 adalah 15 kes dan menurun menjadi 7 kes pada tahun 2009. Bagi salah laku disiplin sederhana ia menunjukkan trend menaik walaupun berlaku penurunan pada tahun 2007 dan 2008. Pada tahun 2005 jumlah kes bagi kesalahan sederhana adalah 9 kes, ia kemudian meningkat menjadi 10 kes pada tahun 2006 dan menurun kepada 7 kes pada tahun 2007 dan 5 kes pada tahun 2008. Pada tahun 2009 ia meningkat kembali kepada 10 kes (Rajah 2.5).




Rajah 2.5

*Trend Kategori Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2005-2009*

Universiti Utara Malaysia

### vi. Trend Kategori Salah Laku Disiplin Pelajar SMK Pedu 2010-2014

Dalam tahun 2010-2014 pula, kategori salah laku disiplin dari segi kesalahan berat menunjukkan trend penurunan walaupun berlaku kenaikkan pada tahun 2013. Sementara salah laku sederhana menunjukkan trend turun naik manakala salah laku ringan menunjukkan trend menaik. Kenyataan ini berdasarkan kepada jumlah kes-kes yang dicatatkan. Jumlah kes salah laku disiplin berat pada tahun 2005 adalah sebanyak 19 kes dan jumlah ini menurun pada tahun 2014 menjadi 7 kes sahaja. Bagi salah laku disiplin sederhana ia menunjukkan trend naik turun dari tahun 2010-2014. Pada tahun 2005 jumlah kes bagi kesalahan sederhana adalah 10 kes, ia

Apapun program yang dianjurkan oleh GPMS Padang Terap, SMK Padang Terap akan menghulurkan bantuan dan beri kerjasama. SMK Padang Terap bukan sekadar menunggu cadangan program dari GPMS sebaliknya turut mencadangkan program-program kepada GPMS. Setakat hari ini GPMS tidak pernah menolak cadangan program dari pihak sekolah, mereka membantu setakat yang mereka mampu. GPMS juga telah memberi pelbagai bantuan kepada sekolah ini, bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar, wang saku kepada pelajar-pelajar malahan turut menderma kepada tabung PIBG untuk tujuan pembangunan pelajar. Pihak sekolah termasuk guru-guru dan pelajar memberi komitmen penuh dalam program-program GPMS.

Responden 3 SMK Naka:

GPMS bukan nama asing bagi SMK Naka. Setiap tahun mesti ada program yang dianjurkan di sekolah ini dengan kerjasama GPMS. Sementara itu, dalam tempoh tiga bulan GPMS akan menghantar pakar kaunseling ke sekolah ini untuk membantu memberi kaunseling kepada pelajar yang bermasalah. Guru-guru sekolah juga diberi ruang untuk mengikuti kursus kaunseling yang dianjurkan oleh GPMS. SMK Naka dan GPMS juga bekerjasama dalam menjayakan program-program besar seperti gotong royong perdana di sekolah ini. GPMS juga membantu SMK Naka untuk menganjurkan program-program di luar sekolah seperti program motivasi dan program kerohanian.

Universiti Utara Malaysia

SMK Kuala Nerang;

SMK Kuala Nerang memberi kerjasama kepada GPMS dalam pelbagai cara. Kalau GPMS minta peserta untuk menyertai program yang mereka anjurkan, pihak sekolah akan hantarkan setakat yang mampu, kalau GPMS mahukan jalankan program di sekolah ini kita juga alu-alukan, apa-apa cadangan dan saranan GPMS juga kita terima. Kita terima GPMS kerana tahu bahawa GPMS mahu membantu pelajar dan sekolah ke arah yang lebih baik. Kerjasama dan hubungan GPMS dengan pihak sekolah tidak pernah putus. GPMS juga memberi pelbagai bentuk sumbangan kepada sekolah ini samada bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar miskin, wang saku kepada pelajar-pelajar miskin malahan turut menderma kepada tabung PIBG untuk tujuan pembangunan pelajar.

Responden 5-SMK Lubok Merbau;

GPMS dan SMK Lubok Merbau ibarat isi dan kuku sentiasa lengkap melengkapi, bantu membantu dan bekerjasama dalam pelbagai bentuk. Bila sekolah sambut hari guru, anugerah cemerlang pihak sekolah akan menjemput GPMS. Sekolah tidak lupa kepaga GPMS dan GPMS tidak lupa kepada sekolah. Contohnya pihak sekolah dan GPMS telah adakan sambutan kemerdekaan secara besar-besaran di Felda Lubok Merbau. Kita jemput beribu orang untuk menyertai program ini. Program ini berjaya kerana komitmen yang tinggi antara GPMS dan pihak sekolah.

Responden6-SMK Dato' Syed Ahmad;

GPMS adalah sebuah NGO yang terbaik, kerap membantu pihak sekolah dalam menjayakan pelbagai program. Kita tidak meminta apa-apa dari GPMS tetapi GPMS yang kerapkali mengulurkan bantuan. Untuk membalas jasa baik, kita akan turut memberi kerjasama jika diminta oleh GPMS untuk menjayakan satu-satu program. Contohnya dalam Sambutan Maulidul Rasul peringkat daerah di

Universiti Utara Malaysia

Pekan Kuala Nerang. Pihak sekolah telah menghantar 100 orang peserta untuk menjayakan program ini.

## 5.4. Program-program Kerjasama

Melalui kerjasama dengan pihak sekolah pelbagai program telah berjaya dianjurkan untuk kebaikan semua pihak samada pelajar, guru-guru, sekolah dan masyarakat setempat. Program-program itu diperbincangkan seperti berikut:

### 5.4.1 Program Bicara Duta GPMS

Setiap tahun GPMS dengan kerjasama pihak sekolah akan membuat satu program berbentuk bicara bersama duta GPMS. Contohnya pada 3 April 2008 di Dewan SMK Dato' Syed Ahmad GPMS telah menganjurkan "Program Bicara Azali Azlan". Azali Azlan merupakan pelajar cemerlang yang mendapat 20A1 dan 1A2 dalam SPM tahun 2007. Program ini dianjurkan oleh GPMS Padang Terap dengan kerjasama GPMS Kebangsaan, SMK Dato' Syed Ahmad, Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan Pelajaran MARA, Jabatan Pelajaran Daerah Padang Terap dan Jabatan Pelajaran Negeri. Objektif program ini adalah untuk: 1) memberi kesedaran, membina dan merangsang sikap pelajar kea rah yang lebih positif; 2) mendengar pengalaman Azali Azlan yang telah membuktikan 'kehebatan' dengan pengorbanan dan usaha bersunguh-sungguh mencapai 21A; 3) meningkatkan motivasi dalaman pelajar untuk berusaha dan cemerlang; 4) memberikan teknik dan tip belajar berkesan untuk membantu pelajar ke arah kecermelangan. Program ini telah dihadiri oleh 200 orang peserta dan dirasmikan oleh Dato Ghazali Ibrahim Penaung GPMS Padang Terap. Antara amanat yang disampaikan oleh Azali adalah meliputi aspek-aspek seperti 1) setiap pelajar perlu mempunyai matlamat hidup dan bercita-cita; 2) setiap pelajar perlu menunaikan kewajipannya kepada kepada Allah dengan

Universiti Utara Malaysia

menyempurnakan ibadat wajib, sunat dan sentiasa berdoa; 3) setiap pelajar perlu taat kepada ibu bapa dan memohon keredhaan dan doa dari mereka sentiasa; 4) setiap pelajar perlu hormat kepada guru dan memohon keredhaan dari mereka; 5) setiap pelajar perlu berkongsi ilmu dengan kawan-kawan dan membantu mereka yang lemah.

### 5.4.2 Program Sumbangan Bantuan Persekolahan

Program sumbangan bantuan persekolah juga didapati kerap dirancangkan oleh GPMS dengan kerjasama SMK di daerah padang Terap. Dari tahun 2005-2014 terdapat 7 kali program seumpama ini telah di lakukan. Contohnya pada 29 Januari 2011 GPMS cawangan daerah Padang Terap dengan kerjasama GPMS Negeri Kedah dan JASA Negeri Kedah serta empat SMK didapati telah mengadakan program Membara 1 Malaysia iaitu sumbangan bantuan persekolahan berbentuk beg sekolah kepada golongan pelajar yang kurang berkeupayaan di empat buah sekolah di Padang Terap. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang miskin dan anak-anak yatim bagi menerima sumbangan tersebut. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK Pedu, SMK Felda Lubok Merbau, SMK Dato Syed Ahmad, dan SMK Kuala Nerang. Selain itu, bantuan kepada pelajar miskin dan yatim berbentuk kelengkapan persekolahan juga diberikan. Contohnya pada 6 Januari 2014 GPMS telah mengenal pasti pelajar-pelajar yang miskin dengan memberikan sumbangan bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar yang disenaraikan miskin di kawasan tersebut. GPMS Kedah bersama-sama GPMS Padang Terap meghulurkan sumbangan berbentuk kelengkapan persekolahan.

Di samping memberi bantuan kepada pelajar miskin GPMS juga mengadakan kunjungan ke atas ibu bapa pelajar yang terlantar sakit dan memberi bantuan. Contohnya pada 23 Mac 2014 GPMS

bersama pihak SMK Pedu telah Keluarga En Musa di Kampung Baru, Naka. Pihak GPMS Kedah yang diketuai oleh Tuan Haji Shamsul Rani bersama rombongan berkunjung ke rumah Keluarga Encik Musa di Kampung Baru, Naka. Dalam kunjungan ini selain bertanya khabar GPMS juga menyampaikan bantuan barangan keperluan dapur dan buku latihan untuk anak Encik Musa iaitu pasangan kembar yang juga pelajar Terbaik PMR 2013. GPMS juga bersetuju untuk mengambil pasangan kembar Encik Musa yang juga pelajar Terbaik PMR 2013 sebagai Ikon Pelajar GPMS kedah.

### 5.4.3 Program-program Berbentuk Keagamaan

GPMS Padang Terap juga didapati kerapkali mengadakan program-program berbentuk keagamaan dengan kerjasama bersama SMK di daerah Padang Terap. Antara program yang dianjurkan adalah Program Sambutan Maulidur Rasul dan Majlis Berbuka Puasa.

#### i. Program Sambutan Maulidur Rasul

Universiti Utara Malaysia

Program Sambutan Maulidur Rasul merupakan acara tahunan GPMS cawangan Padang Terap. Sambutan Maulidur Rasul peringkat daerah seringkali mendapat kerjasama dari pelajar sekolah khasnya SMK Dato' Syed Ahmad dan SMK Kuala Nerang. Sambutan ini diadakan bertujuan untuk memuliakan salah satu tarikh penting dalam kalendar Islam iaitu kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sambutan ini juga bertujuan untuk membentuk akhlak pelajar-pelajar dengan menjadikan Rasullulah sebagai ikutan dan contoh dalam mengharungi perjalanan hidup ini. Objektif program ini adalah 1) menanam rasa cinta yang mendalam kepada Rasullullah; 2) melahirkan kesedaran kepada murid-murid mengenai jasa dan pengorbanan Rasulullah dalam menegakkan kebenaran Islam; 3) memberi pendedahan kepada murid tentang kepentingan

memelihara akhlak dan tingkah laku sebagai seorang Muslim; 4) mengasah bakat murid dalam aktiviti berteraskan Islam; 5) merapatkan silaturrahim antara guru dan murid-murid dalam memartabatkan Pendidikan Islam.

Contohnya pada 8 Februari 2013 Program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah telah diadakan di Pekan Kuala Nerang dengan menjadikan SMK Dato Syed Ahmad, Kuala Nerang sebagai tempat berkumpul. Program ini merupakan program gabungan di antara GPMS dengan kerajasama persatuan-persatuan kokurikulum dari SMK daerah Padang Terap. Antara aktiviti yang dijalankan adalah perarakan maulidur dari pelajar, guru-guru sekolah dan kakitangan kerajaan beserta ceramah Maulidur Rasul.

**ii. Majlis Berbuka Puasa Dan Sumbangan Kebajikan Ramadhan**

GPMS juga didapati menganjurkan majlis berbuka setiap tahun di bulan ramadhan. Majlis ini bertujuan untuk menjalin hubungan persaudaraan dalam kalangan pelajar, guru-guru dan ahli GPMS. Majlis berbuka puasa ini dianjurkan oleh GPMS dengan kerjasama SMK daerah Padang Terap. Majlis berbuka puasa itu didapati disulamkan dengan program sumbangan kebajikan ramdahan kepada pelajar miskin dan anak yatim. Umpamanya pada tahun 20 Ogos 2011 di Dusun Resort Padang Terap, GPMS dengan kerjasama guru-guru sekolah kebangsaan Padang Terap telah menganjurkan majlis berbuka puasa. Seramai 100 orang anak-anak yatim dan miskin dari anak-anak yatim dan miskin Baitul Ehsan, Kampung Perik dan anak-anak yatim dan miskin dari SMK daerah Padang Terap telah hadir dalam program ini. Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk memberi sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik yang terdiri dari anak-anak yatim dan miskin di samping mendekatkan GPMS dengan masyarakat yang kurang

berkemampuan. Ia juga satu wadah untuk mengeratkan lagi silaturrahim yang telah sedia terjalin dengan pelajar, guru-guru, pemimpin dan masyarakat. Majlis yang dihadiri seramai 200 orang jemputan dipenuhi dengan ucapan aluan Y.Bhg Dato' Ghazali bin Ibrahim, seterusnya penyampaian sumbangan oleh GPMS, sumbangan peribadi Y.Bhg Dato' Ghazali bin Ibrahim. Seterusnya majlis ini diakhiri dengan majlis berbuka puasa dan solat maghrib berjemaah.

### 5.4.4 Program-program Berbentuk Kesihatan

Selain program berbentuk keagamaan, GPMS juga membuat program berbentuk kesihatan contohnya Program "Aku Ingin Dunia Sihat" (A.I.D.S) dan Program "Saya Sihat Saya Bebas" (BEBAS). Program ini bertujuan mendidik serta menanam sikap tanggungjawab pelajar-pelajar untuk menjaga kesihatan seterusnya menjadi contoh serta ejen penyampai kepada masyarakat sekeliling.

#### i. Program "Aku Ingin Dunia Sihat" (A.I.D.S)

Universiti Utara Malaysia

Program "Aku Ingin Dunia Sihat" (A.I.D.S) merupakan program yang bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar tentang bahayanya dadah di samping meningkatkan kesedaran mereka tentang penyalahgunaan dadah. Ini ekoran daripada gejala penagihan dadah yang makin parah terutamanya di kalangan remaja. Dadah tidak mengenal batasan usia, agama dan kaum. Tiada ada satu golongan pun yang boleh mendakwa bahawa mereka terkecuali dari gejala ini. Penagihan dadah membawa pelbagai kesan samada merosakkan diri penagih itu sendiri ataupun memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Atas sebab itu, GPMS mengambil inisiatif untuk membendung gejala ini. Dalam menjayakan program ini GPMS mengadakan kerjasama dengan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) dan SMK di daerah Padang Terap. Melalui kerjasama ini program "Aku Ingin Dunia Sihat" (A.I.D.S) telah di jalankan di semua SMK daerah Padang

Terap. Contohnya pada 1 Oktober 2010 program ini telah dijalankan di SMK Lubok Merbau. Melalui program ini pelbagai pengisian telah disediakan seperti ceramah, pameran dan tayangan *slide* dari ADK, pertunjukan anjing pengesan dadah dan dari unit pengesan dadah.

**ii. Program "Saya Sihat Saya Bebas" (BEBAS)**

Di Malaysia selain masalah penagihan dadah, masalah penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, jantung, barah dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya merupakan antara pembunuh nombor satu di Malaysia. Atas faktor itu, GPMS didapati telah menganjurkan program-program untuk memberi kesedaran kepada pelajar dan masyarakat mengenai permasalahan ini. Melalui kerjasama GPMS dengan pihak sekolah dan Pusat Kesihatan Daerah beserta Hospital Kuala Nerang kempen "Saya Sihat Saya Bebas" (BEBAS) telah dianjurkan di SMK Padang Terap dari masa ke semasa. Kempen ini bertujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada pelajar tentang gejala-gejala penyakit dan kesannya kepada manusia.

Universiti Utara Malaysia

### 5.4.5 Program Berbentuk Sukan dan Riadah

GPMS juga didapati menganjurkan program-program berbentuk sukan dan riadah. Antara program-program itu seperti Program Jelajah Warisan Islam Peringkat Antarabangsa Dan Silat Gayong Bersama Sekolah, Program Jelajah Sukarelawan Rakan Muda, Pertandingan Bola Sepak dan Pertandingan Futsal.

Program Jelajah Warisan Islam Peringkat Antarabangsa dan Silat Gayong Bersama SMK Pedu contohnya diadakan pada 16 Januari 2012 oleh GPMS Padang Terap dengan kerjasama SMK

Pedu dan Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia. Jelajah Warisan Islam Melayu dan Gayong dimana ianya merupakan lawatan sambil belajar di tempat-tempat bersejarah di Malaysia, Thailand dan Cambodia. Perasmian program ini telah diadakan di Kompleks Pemikir Melayu Kedah, Alor Setar.

Program Jelajah Sukarelawan Rakan Muda merupakan satu program untuk mendekatkan diri golongan belia yang terdiri dari pelajar sekolah untuk berkongsi pengalaman. Budaya hidup sihat menerusi aktiviti sukan menjadi agenda teras yang dibawa oleh kepimpinan GPMS. Dalam komitmen membudayakan amalan tersebut, GPMS cawangan Padang Terap didapati telah merancangkan pelabagai aktiviti contohnya pertandingan boleh sepak dan futsal. GPMS menganjurkan pertandingan sukan futsal antara guru dan pelajar. Di samping bersukan aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti bagi mengeratkan silaturrahim antara pelajar, guru-guru serta GPMS. Penganjuran aktiviti sukan ini juga merupakan salah satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara pelajar dan guru-guru. Objektif aktiviti sukan ini adalah untuk 1) memberikan ruang kepada setiap pelajar untuk melakukan aktiviti bersama dalam pengisian masa yang terluang; 2) sebagai ruang untuk saling kenal-mengenali dan mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan pelajar, guru dan GPMS; 3) menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan; 4) mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan di kalangan pelajar, guru-guru dan GPMS.

### 5.4.6 Program Kemerdekaan

Universiti Utara Malaysia

Melalui kerjasama GPMS dan pihak sekolah pelbagai program kemerdekaan didapati telah dianjurkan contohnya Malam Merdeka, Konvoi Bermotor Sambutan Kemerdekaan, Tanyangan Perdana Hati Malaya 2010 dan Kayuhan Merdeka 2014.

**i. Malam Merdeka**

Malam merdeka kerap kali dijayakan oleh GPMS Padang Terap dengan kerjasama pihak sekolah, Jabatan-jabatan Kerajaan dan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Nerang. Malam Merdeka kerap kali disambut di Stadium Mini Kuala Nerang. Pada malam 31 Ogos 2013 contohnya GPMS dengan kerjasama, SMK Kuala Nerang dan ahli DUN Kuala Nerang Dato Badrol Hisham Hasim telah menganjurkan Malam Merdeka Raya di Stadium Mini Kuala Nerang. Program ini menyambut kemerdekaan dan menyambut hari raya secara serentak. Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena program ini seperti cabutan bertuah, persembahan tarian dan nyanyian, pidato dan ceramah kemerdekaan.

Universiti Utara Malaysia

**ii. Konvoi Bermotor Sambutan Kemerdekaan**

GPMS dengan kerjasama SMK Padang Terap juga didapati telah menganjurkan Konvoi Bermotor Sambutan Kemerdekaan dalam membakar semangat patriotik di kalangan pelajar SMK. Contohnya pada 9 September 2011 GPMS dengan kerjasama SMK Pedu telah melaksanakan Konvoi Bermotor Kibarkan Bendera Jalur Gemilang dari SMK Pedu ke Pekan Kuala Nerang sempena sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun itu. Dato Ghazali Ibrahim selaku Penaung GPMS dan Pegawai Khas kepada Dato Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak Pendana Menteri Malaysia telah melepaskan konvoi motorsikal tersebut yang terdiri daripada 50 buah motorsikal dan lima buah kereta yang diiringi oleh dua anggota polis bagi memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan mereka ke Pekan Kuala Nerang. Selain dapat membakar

semangat patriotik di kalangan generasi pelajar program ini juga dapat menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia.

**iii. Tanyangan Perdana Hati Malaya 2010**

GPMS juga didapati mengambil inisaitif dalam memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada pelajar dengan menganjurkan Tanyangan Perdana Hati Malaya. Contohnya pada 3 September 2010 malam bertempat di Padang Bola SMK Lubok Merbau, GPMS telah menganjurkan Tanyangan Perdana Hati Malaya. Tanyangan ini secara tidak langsung bertujuan untuk menyuntik semangat patriotik di kalangan pelajar di samping memberi kesedaran kepada merdeka dalam mengenali erti kemerdekaan sebenar.

**iv. Program Kayuhan Merdeka**

Program Kayuhan Merdeka contohnya diadakan pada 23 Ogos 2014 bertempat di SMK Felda Lubok Merbau. Program Kayuhan Merdeka ini telah melibatkan seramai hampir 200 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemai semangat patriotisme dan cinta akan Negara dalam kalangan pelajar-pelajar. Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi GPMS Kedah, Tn. Hj. Shamsul Bahar Bin Abd Rani.

Universiti Utara Malaysia

### 5.4.7 Program-Program Sosial

GPMS juga turut didapati menganjurkan program-program sosial dengan kerjasama SMK di Daerah Padang Terap. Pelbagai program sosial dijalankan seperti Terima Kasih Cikgu (Sempena Hari Guru) dan Skuad Jelajah Motivasi dan Kepenggunaan.

**i. Terima Kasih Cikgu (Sempena Hari Guru)**

Sebagai menghargai peranan guru, GPMS didapati telah melancarkan Pelancaran Sambutan Hari Guru setiap tahun di semua peringkat samada kebangsaan, negeri atau daerah. Pada 18 Mei 2013 contohnya GPMS telah mengadakan aktiviti meraikan para guru di SMK Padang Terap. Matalmat program ini adalah untuk menghargai dan mengenang budi guru-guru yang berkorban keringat mendidik anak bangsa Melayu serta menarik minat para guru untuk bekerjasama dengan GPMS dalam pelbagai program pendidikan.

**ii. Skuad Jelajah Motivasi dan Kepenggunaan**

GPMS juga mengambil inisiatif mewujudkan Skuad Jelajah Motivasi Pendidikan Kepenggunaan 2014 dalam usaha berkongsi ilmu kepenggunaan khususnya kepada pelajar sekolah. Program ini merupakan anjuran GPMS Kebangsaan dan KPDNKK yang dilaksanakan di sekolah sekitar negeri Kedah. GPMS cawangan Padang Terap turut serta dalam program ini. Pengisisan program ini adalah ceramah motivasi dan ceramah tentang kepenggunaan. Secara tidak langsung, program ini juga turut mempromosikan tentang GPMS kepada pelajar-pelajar sekolah. Pelajar sekolah perlu tahu mengenai hak mereka sebagai pengguna.

Universiti Utara Malaysia

### iii. Majlis Makan Malam Perdana GPMS Padang Terap Bersama IKON Pelajar Sekolah

GPMS juga didapati menganjurkan majlis makan malam bersama IKON pelajar sekolah, para-para guru-guru, pelajar sekolah dan ibu bapa dan jemputan. Contohnya pada 21 Mac 2014 di Dewan Kuala Nerang, GPMS majlis makan malam. Perasmian majlis oleh YAB Dato' Seri Ghazali Ibrahim. Seramai lebih daripada 100 tetamu jemputan turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut. Pelancaran tabung dana khas Motivasi Perdana GPMS Kedah dan pelancaran laman sesawang GPMS Kedah merupakan agenda utama majlis tersebut.

## 5.5 Rumusan

Bab ini secara tidak langsung telah menerangkan mengenai kerjasama GPMS dengan pihak sekolah dalam menganjurkan pelbagai program untuk kebaikan pelajar dan sekolah untuk memantapkan sahsiah diri pelajar. Bab seterusnya pula akan membincangkan mengenai peranan GPMS dalam aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar.

# BAB ENAM

# GPMS DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PELAJAR 2005-2014.

## 6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti GPMS dalam membangunkan kepimpinan pelajar sekolah dari tahun 2005-2014. Antara aspek yang diperbincangkan adalah mengenai tujuan aktiviti pembangunan kepimpinan, aktiviti-aktiviti pembangunan kepimpinan yang dianjurkan, penggunaan modul kepimpinan, ikon kepimpinan GPMS, gaya kepimpinan ikutan GPMS, tokoh-tokoh pemimpin dilahirkan dan keberkesanan aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar GPMS.

## 6.2 Tujuan Aktiviti Pembangunan Kepimpinan Pelajar

Pembangunan pelajar dari segi kepimpinan merupakan salah satu strategi dan matlamat penubuhan GPMS. Atas dasar itu, GPMS amat menitikberatkan soal kepimpinan. Pembangunan diri seseorang individu adalah sangat penting bagi memastikan potensi yang dimiliki oleh mereka tidak dipersiakan begitu sahaja. Pembangunan yang dimaksudkan bukan sahaja melibatkan pembangunan lahiriah tetapi juga rohaniah. Hal ini kerana terdapat sesetengah individu yang tidak menyedari potensi diri yang dimiliki oleh mereka dan ada pula yang tidak tahu untuk membangunkan potensi diri yang sedia ada. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah tahap keyakinan diri yang rendah, kurangnya dorongan dan kurangnya kesedaran untuk meningkatkan dan membangunkan potensi diri mereka melalui beberapa aspek antaranya ialah komunikasi dan kepimpinan diri (Modul GPMSUUM).

Universiti Utara Malaysia

Pemikiran orang Melayu banyak dibentuk oleh adat resam dan budaya Melayu itu sendiri yang dilihat menjadi punca ‘kenapa’ kita masih ketinggalan jauh dari sudut pendidikan dan ekonomi. Malah, pada hari ini kuasa politik Melayu juga kian terhakis. Jika orang Melayu masih lagi bersikap “acuh tak acuh”, Melayu kelak hanya tinggal nama sahaja. Lantaran itu, barisan pemimpin muda dalam GPMS ingin turut mempelopori beberapa pemikiran Melayu baharu bagi menggantikan pemikiran Melayu yang sudah dianggap tidak sesuai dalam dunia yang penuh persaingan ini. Pokok pangkalnya, ‘di mana’ kita harus bermula. Ini adalah satu permulaan kepada perkara yang lebih besar pada masa hadapan

(http://gpmsmelaka.blogspot.com/2014_12_01_archive.html).

Kepimpinan pelajar merupakan salah satu segmen penting didalam pembangunan negara. Kepimpinan tersebut mampu mencorak dan menentukan arah negara melalui gerakan dan kegiatan positif yang mereka lakukan. Kepimpinan pelajar sememangnya mampu membuat sumbangan konkrit kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Atas dasar itu, aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar menjadi agenda penting GPMS. Aktiviti-aktiviti GPMS bertujuan menggilap bakat-bakat kepimpinan di kalangan pelajar-pelajar sekolah di samping meningkatkan asas jati diri pelajar.  Dengan menyediakan modul dan kesesuaian modul latihan di dalam kumpulan seperti pulau impian, eksplorasi minda, kuatnya kami, kelebihan dan kelemahan ku dan pemimpin yang berinisiatif, aktviti-aktiviti pembangunan kepimpinan GPMS dilihat berjaya meningalkan impak kepimpinan kepada pelajar.

## 6.3 Aktiviti-aktiviti Pembangunan Kepimpinan

### 6.3.1 Aktivititi Yang Dianjurkan

Pelbagai aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar telah dijalankan oleh GPMS contohnya dalam tempoh tahun 2005-2009 antara aktiviti yang dianjurkan seperti kursus Asas Kepimpinan Muda, Program Fasilitator, Urusetia Muda, Motivasi Kepimpinan Pelajar, Program Legasi Pembimbing Rakan Sebaya Pemimpin Pelajar dan Bicara Bersama Tokoh Pemimpin. Dalam tahun 2010-2014 pula antara aktiviti yang dijalankan seperti Kem Kepimpinan Pelajar, Program Kursus Kepimpinan PraU, Ceramah Kepimpinan, Program Pemimpin Pelajar Berkaliber, Program Memperkasa Bakat Kepimpinan dan Skuad Jelajah Motivasi Kepimpinan 1Malaysia. Aktiviti ini dijelaskan seperti berikut:

**i. Program Legasi Pembimbing Rakan Sebaya Pemimpin Pelajar Sekolah-Sekolah Daerah Padang Terap**

Program Legasi Pembimbing Rakan Sebaya Pemimpin Pelajar merupakan antara aktiviti pembangunan kepimpinan yang dianjurkan oleh GPMS sejak tahun 2008. Contohnya pada 26 April 2008 program ini telah diadakan di Kem Dusun Resort. Pada tahun ini program ini dianjurankan GPMS Padang Terap dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Padang Terap dan Universiti Malaya. Program ini disertai oleh 50 orang pemimpin pelajar dan 40 orang fasilitator dari Universiti Malaya. Program ini berfokuskan kepada aspek kepimpinan pelajar dan jati diri serta tanggungjawab memegang amanah. Pelbagai aktiviti telah diselitkan didalam aktiviti program ini seperti ceramahan motivasi kepimpinan, latihan di dalam kumpulan seperti explorasi minda, pulau impian dan lain-lain lagi.

Universiti Utara Malaysia

### ii. Program Bicara Bersama Tokoh

Bermatlamatkan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman pemimpin-pemimpin yang telah berjaya dan berbakti kepada masyarakat dan daerah Padang Terap, GPMS Padang Terap dengan kerjasama SMK Padang Terap didapati telah menganjurkan Program Bicara Bersama Tokoh. Contohnya GPMS dengan kerjasama SMK Naka telah menganjurkan Program Bicara Bersama Dato' Dr. Affifudin Bin Omar pada 20 Mac 2009 di SMK Naka. Dato' Dr. Affifudin merupakan tokoh masyarakat setempat dan telah menyumbang bakti kepada daerah Padang Terap. Beliau pernah menjadi Ahli Parlimen Padang Terap dari 2004-2008. Dalam program itu, pelajar-pelajar dan guru-guru diberi ruang untuk bersoal jawab dan berkongsi pengalaman dengan Dato' Dr. Affifudin perihal kejayaan-kejayaan beliau dalam bidang politik dan perniagaan.

### iii. Kursus Kepimpinan Pelajar

GPMS Padang Terap juga didapati terlibat dalam penganjuran kursus kepimpinan pelajar. Contohnya pada 23 Disember 2009 GPMS dengan kerjasama SMK Kuala Nerang telah menganjurkan kursus kepimpinan pelajar khas untuk pengawas sekolah, AJK kelab, ketua kelas dan pengawas perpustakaan. Matlamat kursus ini adalah untuk membentuk sikap dan minda pelajar untuk melahirkan pelajar berkepimpinan dan mempertingkatkan nilai diri dan motivasi pelajar untuk menjadi pemimpin di sekolah dan pasa masa hadapan. Kursus ini diadakan di Kem Bina Negara Langkawi dan dihadiri oleh 45 orang pelajar. Dalam kursus ini pelajar didedahkan dengan ceramah-ceramah kepimpinan, ujian kepimpinan dan sukaneka. Fasilitator kursus terdiri dari ahli GPMS dan guru-guru SMK Naka. Para pelajar ini dilatih berdasarkan kepada Modul GPMS dan diberikan tips serta panduan untuk mengatasi pelbagai cabaran dan menjadi pelajar yang hebat.

### iv. Kem Kepimpinan Pelajar

GPMS juga didapati menganjurkan Kem Kepimpinan Pelajar samada tiap-tiap tahun atau selang dua tahun sekali. Aktiviti ini bertujuan melahirkan pemimpin yang kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah serta berfikiran jauh. Contohnya pada 26-28 Disember 2014 GPMS dengan kerjasama SMK Dato Syed Ahmad telah mengadakan kem kepimpinan untuk pemimpin-pemimpin pelajar dan bakal-bakal pengawas di sekolah itu. Seramai 50 pengawas menyertai tersebut kem tersebut yang berlangsung selama 3 hari. Kem tersebut diadakan di Duson Resort Padang Sanai. Antara pengisian program yang berlangsung tiga hari itu adalah ceramah motivasi, bengkel kecerdasan, aktiviti kerohanian serta pembinaan personaliti. Selain daripada aktiviti-aktiviti kepimpinan, para pelajar juga diserapkan dengan aktiviti keagamaan seperti melatih mereka untuk solat secara berjemaah, Qiamullail dan juga disampaikan kuliah setiap kali selepas solat. Ini bagi membentuk peribadi yang seimbang dikalangan para calon pemimpin sekolah dari segi rohani dan jasmani.

Universiti Utara Malaysia

### v. Program Kursus Kepimpinan Pra U

Untuk melahirkan bakat-bakat kepimpinan pada masa hadapan GPMS didapati menganjurkan kursus-kursus kepimpinan untuk pelajar-pelajar tingkatan 6 atau Pra U. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar Tingkatan 6 mengenai kepimpinan yang lebih terserlah pada masa hadapan. Setiap tahun GPMS akan menganjurkan kursus ini dan SMK-SMK di daerah Padang Terap diminta untuk menghantar 20 orang pelajar tingkatan 6 sebagai wakil. Program ini selalunya berlangsung selama 3 hari 2 malam dan berbagai aktiviti dijalankan dalam kursus itu. Contohnya pada 15 Januari 2012 seramai 75 pelajar tingkatan 6 dari SMK, SMK

Pedu, SMK Padang Terap, SMK Naka, SMK Kuala Nerang, SMK Lubok Merbau dan SMK Dato' Syed Ahmad telah menghadiri kursus yang diadakan di Terap In Hotel Kuala Nerang.

**vi. Skuad Jelajah Motivasi Kepimpinan 1Malaysia**

Dalam melahirkan pemimpin di masa hadapan GPMS kebangsaan telah melancarkan Skuad Jelajah Motivasi Kepimpinan 1Malaysia. Ia bertujuan untuk mendedahkan pelajar sekolah dengan ciri-ciri kepimpinan. Pelajar sekolah mesti didedahkan proses kepimpinan dan seterusnya dapat ditonjolkan dalam diri untuk menjadi seorang pemimpin pada masa kini dan masa hadapan. Pelajar-pelajar yang menjadi tumpuan dalam program ini adalah pelajar sekolah menengah yang memegang jawatan-jawatan penting seperti pengawas dan ketua kelas. Program ini merupakan satu pendedahan *foundation* dan diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah dalam membentuk strategi kepimpinan yang efektif dan ianya juga sebagai satu persediaan sebelum menghadapi cabaran serta halangan kepimpinan selepas era persekolahan. Berpandukan kepada matlamat ini GPMS cawangan Padang Terap telah menyambut baik saranan dari GPMS pusat dan mengadakan Skuad Jelajah Motivasi Kepimpinan 1Malaysia di daerah Padang Terap.

### 6.3.2 Penggunaan Modul Kepimpinan

Modul kepimpinan merupakan modul-modul yang telah dihasilkan oleh GPMS untuk memudahkan GPMS dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan kepimpinan. Modul kepimpinan ini akan diikuti oleh semua peringkat GPMS termasuk GPMS cawangan Padang Terap. GPMS telah melancarkan beberapa modul contohnya modul kepimpinan dari GPMSUUM. Modul ini menjadi panduan dan rujukan ketika membuat program motivasi.

Dalam aktiviti pembangunan kepimpinan, 5 latihan di dalam kumpulan dari salah satu modul kepimpinan (Modul GPMSUUM) yang paling kerap diikuti samasa aktiviti dijalankan adalah Pulau Impian, hal: 5-6:, Eksplorasi Minda hal 31-33; Kuatnya Kami 46-47; Kelebihan Dan Kelemahan Ku-47-48; dan Pemimpin Yang Berinisiatif hal: 96-99. Lima latihan itu adalah seperti berikut:

**i. Pulau Impian (Tanah Jajahan Ku)**

**Objektif**

1. Melihat sifat kepimpinan yang ada dalam diri peserta.
2. Menguji kebijaksanaan peserta dalam membangunkan sesuatu perkara ke arah yang lebih cemerlang.
3. Melihat sejauh mana pemikiran dan pengetahuan peserta dalam pembuatan keputusan.

Universiti Utara Malaysia

**Tiga Kemahiran Insaniah Utama**

1. Kebolehan untuk memimpin ahli kumpulan dalam sesuatu projek.
2. Kebolehan untuk merancang dan melaksanakan sesuatu projek.
3. Kebolehan untuk membuat keputusan dalam melaksanakan pekerjaan.

**Masa** : 30-40 Minit

**Lokasi** : Dewan / Kawasan Terbuka

**Peralatan** : Pen Marker, Kertas Mahjong

**Pelaksanaan**

1. Fasilitator akan memberi arahan kepada ahli kumpulan tentang apa yang harus dilakukan di dalam kumpulan.
2. Peserta akan diberi sehelai kertas mahjong bersama pen marker.
3. Kemudian peserta diminta berbincang bersama ahli kumpulan untuk mewujudkan sebuah pulau jajahan.
4. Pulau ini merupakan pulau jajahan kumpulan di mana pembangunan pulau ini akan disusun dan ditentukan oleh ketua dan ahli kumpulan mereka. Sebagai contoh, hospital, kem tentera, sekolah, lapangan terbang, masjid dan lain-lain lagi.
5. Fasilitator akan melihat sejauh mana kerjasama dalam kumpulan dan bagaimana mereka berkongsi idea dalam memajukan pulau jajahan mereka.
6. Fasilitator diminta untuk memerhati tindak tanduk peserta dalam kumpulan.
7. Setelah selesai ahli kumpulan membangunkan pulau jajahan mereka, fasi akan meminta ahli kumpulan membentangkan pulau jajahan mereka itu.
8. Semasa pembentangan, fasilitator akan mewujudkan beberapa pertanyaan dan provokasi bertujuan melihat sejauh mana kemampuan peserta dan ahli kumpulan dalam mengendalikan tekanan dalam diri mereka.

**Falsafah:**

1. Setiap apa yang dilakukan mestilah mempunyai panduan dan perancangan terlebih dahulu.
2. Kerjasama di dalam kumpulan adalah amat penting di samping melantik seorang ketua untuk mengendalikan sesuatu perkara.
3. Apa yang dilakukan mestilah mengikut landasan supaya dapat mencapai matlamat.

Universiti Utara Malaysia

4. Setiap perkara yang dilakukan mestilah mempunyi tujuan dan objektif tertentu.
5. Sebagai seorang manusia kita kena bijak mengendalikan tekanan dan menganggapnya sebagai sesuatu yang positif dan peluang terhadap kemajuan diri pada masa hadapan.

**ii. Eksplorasi Minda**

**Objektif**

1. Memimpin pelajar agar dapat berfikir di luar kotak pemikiran.
2. Memupuk sifat tanggungjawab di dalam diri pelajar.
3. Membentuk semangat kerjasama di dalam kumpulan.

**Tiga Kemahiran Insaniah Utama**

1. Kebolehan untuk memikul amanah yang diberikan.
2. Kebolehan untuk berfikir secara kreatif dan kritis.
3. Kebolehan untuk bekerjasama di dalam kumpulan.

Universiti Utara Malaysia

**Masa** **:** Dicadangkan selama 30 minit

**Alatan** **:** Pen Marker, Kertas Mahjung
Kertas Arahan

**Pelaksanaan:**

1. Aktiviti ini adalah aktiviti di luar dewan
2. Setiap kumpulan akan bersaing bagi melengkapkan misi yang diberikan kepada mereka
3. Setiap kumpulan akan berhadapan dengan 5 checkpoint yang berbeza halangannya.
4. Setiap kumpulan dikehendaki:
    - Menyelesaikan kesemua halangan-halangan tersebut

- Menjaga barang amanah yang diberi sehingga di checkpoint yang terakhir

**Halangan Tersebut Berbentuk :**

**Halangan 1:**

- Pemberian barangan amanah

Fasilitator yang bertindak sebagai pengawal checkpoint 1 akan memberikan barang amanah yang telah dipersetujui bersama. Barang amanah tersebut akan diserahkan kepada setiap kumpulan untuk dijaga sepanjang perjalananan misi mereka.

**Halangan ke-2:**

- Pembentukan Identiti Kumpulan

Pengawal checkpoint ke-2 akan menyerahkan satu tugasan pembentukan identiti kumpulan kepada kumpulan yang berjaya menyelesaikan checkpoint sebelumnya. Kumpulan tersebut akan dibekalkan dengan alatan yang diperlukan untuk membuat logo kumpulan serta trademark bagi misi mereka. Meraka juga diminta untuk mencari apa jua bahan sebagai maskot kumpulan mereka.

**Halangan ke-3:**

- Halangan spider-web

Bagi halangan ini, "*hysical and mental fitness"* kumpulan diuji. Mereka dikehendaki melepasi halangan spider-web untuk ke checkpoint yang seterusnya dengan syarat ahli mereka tidak dibenarkan menyentuh spider-web tersebut.

**Halangan ke-4:**

- *Special Mission*

Universiti Utara Malaysia

Bagi halangan ini, kumpulan akan diberikan satu tugasan khas yang memerlukan kerjasama kumpulan yang tinggi. Tugasan mereka adalah berbentuk masalah dan penyelesaian masalah. Antara bentuk tugasan adalah seperti:

- Kumpulan anda dikehendaki mengadakan kempen anti rokok di kawasan kolej kediaman anda dengan menggunakan kertas a4 yang diperuntukkan. Markah akan dinilai berdasarkan kreativiti kumpulan sepanjang kempen tersebut.
- Kumpulan anda dikehendaki mendapatkan 30 tandatangan bagi menunjukkan sokongan terhadap kempen anti rokok anda.

**Halangan ke-5:**

- Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh

Setelah berjaya menyelesaikan tugasan di checkpoint ke-4, mereka akan diberikan "klu" bagi melengkapkan arahan di checkpoint ke-4. klu tersebut memerlukan kerjasama dari kumpulan lain untuk mendapatkan arahan yang penuh. Ini bermaksud, "klu" yang mereka perolehi bukanlah "klu" yang lengkap sebaliknya memerlukan cantuman "klu" daripada kumpulan yang lain.

Di sini, semangat berpasukan diuji setelah berjaya melalui ujian semangat berkumpulan.

Contohnya:

- Klu 1: Sebelah kanan ku gedung ilmu dan kiri ku pusat pentadbiran
- Klu 2: Di mana sumber asas manusia menjadi perhiasan yang menarik
- Klu 3: Di malam hari,aku mengeluarkan cahaya yang menawan hati
- Klu 4: Kadang-kadang diriku sungguh menawan dan kadang-kadang tidak
- Klu 5: Carilah surat aku janji di mana aku berada

### iii. Kuatnya Kami

**Objektif:**

1. Kekuatan seseorang individu bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi bergantung kepada kekuatan akal fikiran.
2. Kerjasama dan persefahaman adalah sangat penting untuk meringankan sesuatu beban kerja.
3. Strategi yang disusun akan menentukan kejayaan sesuatu misi.

**Tiga Kemahiran Insaniah Utama**

1. Kebolehan untuk berfikir secara kreatif dalam mencapai matlamat.
2. Kebolehan untuk bekerjasama didalam kumpulan.
3. Kebolehan untuk mengatur strategi.

**Masa** : 45 minit
**Bahan :** Tiada bahan diperlukan
**Peserta** : 5 hingga 10 orang

**Pelaksanaan :**

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil
2. Seorang peserta perlu dipilih
3. Ahli kumpulan lain perlu mengangkat peserta yang dipilih dengan hanya menggunakan dua jari sahaja.

**Falsafah :**

1. Kekuatan seseorang bukan bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi bergantung kepada kekuatan fizikal.

Universiti Utara Malaysia

2. Kerjasama dan persefahaman serta kebolehan untuk mengatur strategi adalah sangat penting untuk menyelesaikan sesuatu tugasan.

**iv. Kelebihan Dan Kelemahan Ku**

**Objektif**

1. Dapat mengenalpasti kelemahan diri sendiri.
2. Kelemahan boleh datang dari pelbagai aspek.
3. Menyelesaikan setiap masalah dan menambahbaikkan setiap kelebihan dalam diri.

**Tiga Kemahiran Insaniah Utama**

1. Kebolehan untuk menjadikan kelemahan sebagai satu peluang untuk memajukan diri.
2. Kebolehan untuk menyelesaikan masalah dalam pelbagai aspek.
3. Kebolehan untuk mengenalpasti kelebihan masing-masing.

**Masa :** 60 minit
**Peralatan** : Sehelai kertas A4
**Peserta :** 5 hingga 10 orang

**Pelaksanaan**

1. Peserta akan diberi sehelai kertas A4.
2. Lukiskan kedua-dua belah tangan kiri dan kanan di atas kertas tersebut.
3. Lukis dengan cara menekap tangan di atas kertas A4 tersebut.
4. Setelah selesai, senaraikan segala kelebihan di atas tangan kanan.
5. Senaraikan kelemahan di atas tangan kiri.
6. Mampukah kelebihan mengatasi kelemahan?

**Falsafah**

Universiti Utara Malaysia

1. Mampukah kelebihan mengatasi kelemahan?
2. Jika tidak, berubahlah segera, kurangkan tabiat buruk.
3. Masih ada masa untuk berubah kepada yang lebih baik.

### v. Pemimpin Yang Berinisiatif

**Sasaran**

Sesuai untuk kursus kepimpinan bagi memupuk semangat kepimpinan dalam diri setiap individu.

**Sinopsis**

Dalam modul ini kami cuba mencungkil bakat kepimpinan yang ada dalam diri setiap ahli dalam kelompok dengan menyediakan satu situasi di mana setiap ahli akan berdebat untuk mempertahankan diri dan memperjuangkan nasib untuk menjadi pemimpin. Kami memberikan setiap ahli dengan satu watak yang mempunyai kelebihan dan kekurangan yang biasa wujud dalam masyarakat masa kini. Dengan berpegang kepada watak tersebut, setiap ahli akan mempertahankan diri daripada kritikan orang (ahli) lain dan sebagai seorang pemimpin yang bijak, setiap orang terpaksa mengetengahkan kebolehan yang dimilikinya untuk meyakinkan ahli yang lain yang mereka boleh menjadi pemimpin.

**Objektif**

1. Untuk memupuk semangat kepimpinan dan keyakinan diri yang tinggi dalam setiap ahli kelompok.
2. Memupuk sikap berpegang pada prinsip dan berpendirian teguh.

Universiti Utara Malaysia

3. Untuk melahirkan pemimpin yang benar-benar berkebolehan, berwibawa dan sentiasa memikirkan kebajikan masyarakat.
4. Untuk memupuk sikap menerima kekurangan diri, berusaha memperbaikinya dan tidak mudah mengalah walaupun menerima kritikan.

**Tiga Kemahiran Insaniah Utama**

1. Kebolehan memimpin sesuatu organisasi.
2. Kebolehan menjana keyakinan diri yang mantap
3. Kebolehan membina pendirian diri yang tegas dan teguh

**Pelaksanaan**

Perdebatan sesama ahli.

UUM Universiti Utara Malaysia

**Peralatan**

1) Kertas
2) Pen
3) Laptop/ radio

**Masa**

1 jam

**Pelaksanaan**

1. Fasilitator memulakan perlaksanaan modul dengan mengajak peserta melakukan energizer untuk memanaskan badan dan menyediakan diri peserta ke acara seterusnya iaitu modul kepimpinan ini.
2. Selepas itu, fasilitator menyuruh setiap peserta mengambil tempat duduk masing-masing dan duduk dalam posisi yang dirasakan selesa oleh setiap orang.
3. Fasilitator membuat sesi penghayatan ringkas kepada semua peserta mengenai situasi kampung dan setiap peserta akan mengandaikan diri berada dalam situasi tersebut.
4. Selepas sesi penghayatan itu, peserta diberikan sedikit masa untuk menenangkan diri dan berfikir sejenak tentang apa yang telah diceritakan dalam sesi tersebut.
5. Peserta akan duduk dalan satu bulatan yang agak besar untuk memudahkan setiap ahli berpandangan sesama sendiri dan berinteraksi secara terbuka. Fasilitator akan turut berada dalam lingkungan bulatan dan akan menjadi pemerhati dan sekaligus memutuskan keputusan permainan.
6. Fasilitator menerangkan mengenai corak permainan yang akan dijalankan.
7. Semua ahli adalah masyarakat sebuah kampung yang telah kematian pemimpinnya yang berwibawa. Untuk memilih bakal pengganti kepada ketua kampung tersebut seramai 12 orang telah dicalonkan. Daripada 12 orang ini hanya seorang yang akan memegang watak tersebut dan untuk memilih bakal ketua kampung yang benar-benar layak satu perdebatan telah diadakan di khalayak ramai (buat dalam bentuk penghayatan).
8. Fasilitator akan menyenaraikan 12 watak yang berbeza dan setiap watak tersebut mempunyai kekurangannya yang tersendiri. Antara senarai watak ialah:
   1) Jurutera pemabuk
   2) Arkitek suka makan rasuah

UUM Universiti Utara Malaysia

3) Mahasiswa penganggur berpengalaman

4) Bekas penagih dadah yang telah insaf

5) Bekas banduan yang tidak bersalah

6) Duda/janda kaya tidak beranak

7) Peguam kaki perempuan/lelaki

8) Akauntan yang tidak jujur

9) Penjaja jalanan yang baik hati

10) Anak bekas ketua kampung yang berpendidikan rendah

11) Guru yang makan gaji buta

12) Kontruktur yang panas baran

9. Fasilitator akan menulis setiap watak tersebut di dalam kertas dan dilipat untuk diberikan cabutan kepada setiap ahli.
10. Setiap ahli akan menerima satu watak untuk dipegang.
11. Fasilitator akan memberikan masa 5 minit untuk setiap ahli memikirkan hujah-hujah mereka.

**Falsafah**

1. Tiada insan yang sempurna namun kita harus berusaha untuk menjadi yang terbaik dan memperbaiki kelemahan yang ada.
2. Hidup ini penuh dengan santapan pujian dan kritikan namun kita jangan alpa dengan pujian dan jatuh dengan kritikan. Biarlah pujian menjadikan kita sentiasa berhati-hati dan jadikan kritikan sebagai panduan untuk melangkah lebih tinggi.
3. Kita tidak dapat meramal apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Oleh itu kita harus memperlengkapkan diri untuk menghadapi segala kemungkinan yang berlaku.

Universiti Utara Malaysia

## 5.4 Ikon Kepimpinan GPMS

Dalam membangunkan aktiviti kepimpinan pelajar di SMK Padang Terap, GPMS telah melantik tokoh-tokoh tersohor sebagai ikon GPMS. GPMS pada tahun 2013 contohnya melantik Dr. Shamsul Anuar Ismail pegawai khas kepada Datuk Mukhriz Mahathir sebagai ikon kepimpinan GPMS Padang Terap. Perlantikan ini bertujuan membantu mengukuhkan aspek kepimpinan dan pengurusan dalam pertubuhan disamping memberi motivasi kepada pelajar untuk mengikuti ikon kepimpinan tersebut. Dr. Shamsul Anuar merupakan pensyarah di Universiti Utara Malaysia dan dipinjamkan ke Pejabat Menteri Besar Kedah. Di samping menjadi ahli akademik, bakat kepimpinan beliau terserlah dengan diberi kepercayaan menjawat pelbagai jawatan pentadbiran seperti Felo Residen, Timbalan Pengetua Kolej, Pengarah Pusat Kokurikulum di UUM. Beliau kemudiannya dipinjamkan oleh UUM ke Pejabat Menteri Besar Kedah untuk membantu pentadbiran kerjaan negeri Kedah. Dengan perlantikan Dr Shamsul Anuar, GPMS melibatkan ikon berkenaan dalam kegiatan kepimpinan dan motivasi dengan pelajar sekolah. Dr Shamsul Anuar contohnya di jemput untuk memberi ceramah kepimpinan pada 28 Disember 2014 pada majlis yang diadakan oleh GPMS dan SMK Dato Syed Ahmad di Duson Resort Padang Sanai.

## 5.5 Gaya Kepimpinan Ikutan

Pelajar adalah pemimpin yang sedang dibina perwatakannya. GPMS telah melahirkan ramai pemimpin negara malah bekas Presiden GPMS pernah menjadi Pendana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Atas sebab itu pelajar harus dibentuk menjadi insan yang mampu berubah “dare to change”, insan yang berani mencuba “dare to try” dan seterusnya bersedia menjadi pemimpin “dare to lead” (Jais Abdul Karim 2012).

Universiti Utara Malaysia

GPMS dilihat menjadikan gaya kepimpinan pemimpin GPMS terdahulu sebagai panduan kepimpinan. Ini kerana GPMS dan badan-badan gabungannya telah berjaya melahirkan pemimpin negara dalam pelbagai lapangan. Antaranya dalam bidang politik lahirlah pemimpin termasuk Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (bekas Perdana Menteri Malaysia ke 5), Y.A.Bhg. Tun Musa Hitam (bekas Timbalan Perdana Menteri), Dato' Mohamed Rahmat, Dato' Ali Haji Ahmad, YB Hussein Mahmood, YB Dato' Rosnah Majid (Kedah), YB Dato' Hasan Malek, YB Dato' Suhaimi Ibrahim, YB Dato' Rahman Palil (Selangor), YB Dato' Abdul Rahman Karim (Melaka), YB Dato' Sulaiman Shafie (Perlis), YB Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Sabah), Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dan ramai lagi.

Dalam perkhidmatan awam pula terdapat tokoh seperti Tun Abdullah Ayob, Tan Sri Abdullah Salleh, Tan Sri Ishak Tadin, Tan Sri Ishak Pateh Akhir, Tun Hanif Omar, Tan Sri Rozhan Kuntom, Tan Sri Sallehuddin Mohamed, Tan Sri Alwee Jantan, Tan Sri Kamaruzaman Shariff, Tan Sri Zainal Ariff, Dato' Mohd Nor Ismail, Dato' Mohd Amir Haji Yaakub, Puan Ann Abd. Majeed, Puan Zaharah Mokhtar, Dato' Mariam Majid dan Dato' Sehan Awang Ain.

Universiti Utara Malaysia

Dalam bidang pendidikan pula, muncul tokoh seperti Prof. Dato' Dr. Awang Had Salleh, Prof. Farid M. Onn, Prof. Amir Awang, Prof. Dr. Haji Raja Mokhtaruddin Mohd Dain, Prof. Dr. Syed Hussin Ali, Dato' Prof. Nik Abdul Rashid Majid, Dato' Paduka Dr. Abd Wahab Mohd Ariff, Tan Sri Nordin Kardi, Dato' Sri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Dato' Dr. Firdaus Abdullah, Dato' Dr. Ahmad Faiz Abdul Hamid, Dr. Yahya Md. Hassan, Dr. Siti Hawa Kassim dan Dato' Dr. Sharifuddin Zainudin. Tidak ketinggalan juga dalam bidang penulisan, lahirnya orang-orang GPMS seperti Dato' M. Noor Azam, Sultan Shahril Lembang, Hashim Amir Hamzah dan Dato' Jaafar Abdul Rahim.

## 6.4 Tokoh-tokoh Pemimpin Tempatan Dilahirkan

Berkat usaha-usaha yang diakukan oleh GPMS Padang Terap beberapa pemimpin telah berjaya dilahirkan oleh GPMS Padang Terap. Contohnya YB Kama Noriah. YB Kama Noriah merupakan ahli DUN Pedu dan juga salah seorang dari AJK GPMS kini. YB Kama Noriah melakar sejarah pemimpin Padang Terap apabila menjadi anak watan pertama berucap di Persidangan Agung Umno Malaysia 2007 dan Persidangan Puteri Umno Malaysia 2005. Kepimpinan dan kemunculan YB Kama Noriah hasil didikan dan dorongan dari GPMS khasnya cikgu Lukman Moidin presiden GPMS Padang Terap pada tahun 2008-2010.

## 6.5 Keberkesanan Aktiviti Pembangunan Kepimpinan Pelajar

Universiti Utara Malaysia

Untuk melihat apakah aktiviti- aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar oleh GPMS memberi kesan ke atas pelajar dari segi kepimpinan, seramai 10 responden yang telah mengikut kem kepimpinan pelajar pada 26-28 Disember 2014 telah ditemubual oleh penyelidik dan keputusannya direkodkan seperti berikut:

Responden 1 menyatakan:

> *" Penyertaan saya dalam kem kepimpinan anjuran GPMS sedikit sebanyak menaikkan semangat saya untuk menjadi pemimpin. Penyertaan dalam kem tersebut telah mendedahkan saya dengan aspek-aspek kepimpinan serta cara untuk berhubung dan berkomunikasi dengan lebih berkesan. Kem kempimpinan tersebut juga telah memberi kesedaran kepada saya betapa pentingnya pemimpin*

*samada di sekolah atau di mana mana sahaja. Kalau tiada pemimpin kita akan menjadi huru hara..”*

Responden 2 menyatakan:

> *Pada mulanya saya berbelah bahagi samada untuk menyertai kem ini atau tidak. Tetapi apabila saya menyertainya, ia benar-benar memberi kesan mendalam kepada diri saya. Tidak pernah dalam diri saya terfikir atau terdetik dalam diri saya untuk menjadi pemimpin samada di sekolah atau dalam masyarakat. Apabila menyertai kem ini rasa minat untuk menjadi pemimpin berkobar-kobar. Pemimpin perlu ada untuk meningkatkan anak Melayu dari segi pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.*

Responden 3 menyatakan:

> *Kalau dahulu saya tidak faham mengapa kita sangat-sangat perlukan pemimpin. Apa yang diperlukan oleh pemimpin. Selepas mengikut kem kepimpinan pelajar barulah saya sedar bahawa tugas pemimpin adalah berat dan mencabar dan amat memerlukan kecekapan dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul. Sekurang-kurangnya kini saya tahu apa yang perlu untuk menjadi pemimpin.*

Responden 4 menyatakan:

> *Saya kini bersemangat untuk menjadi pemimpin. Walaupun saya kini hanya pengawas sekolah tetapi saya bercita-cita untuk menjadi pemimpin masyarakat di masa hadapan. Kem kepimpinan pelajar yang saya ikuti pada bulan Disember tahun lepas telah banyak menanam kesedaran kepada saya dalam soal kepimpinan. Ia telah memberi kesan yang tinggi dalam jati diri dan sifat tanggungjawab.*

Responden 5 menyatakan:

Universiti Utara Malaysia

*Selepas mengikuti kem kepimpinan pelajar, saya kerap menyoal diri saya. Sekiranya semua kepimpinan negara yang ada telah pergi siapa agaknya yang akan memimpin negara. Mampukah pelajar-pelajar yang ada sekarang menjadi pemimpin untuk menjadi pengganti dan adakah mereka akan menjadi pemimpin yang baik dan berkebolehan. Kem kempimpinan yang saya ikuti ini telah memberi kesedaran kepada saya betapa pentingnya pemimpin samada di sekolah atau di mana mana sahaja. Kalau tiada pemimpin negara atau pemimpin yang tidak cekap negara akan porak peranda.*

Responden 6 menyatakan:

*Selepas mengikut kem kepimpinan pelajar barulah saya sedar bahawa tugas pemimpin bukanlah sesuatu yang mudah. Ia amat memerlukan kecekapan dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul. Sekurang-kurangnya dengan mengikuti kem kepimpinan pelajar yang dianjurkan oleh GPMS saya mengetahui serba sedikit mengenai aspek-aspek yang perlu ada kepada pemimpin, cara berkomunikasi dan kepimpinan yang berkesan.*

Universiti Utara Malaysia

Responden 7 menyatakan:

*Saya dulu kalau dalam membuat sebarang pekerjaan atau belajar saya lebih suka bersendiri tetapi selepas mengikuti kem kepimpinan pelajar, saya lebih suka belajar secara berkumpulan. Saya dapati belajar atau bekerja secara berkumpulan adalah lebih baik.*

Responden 8 menyatakan:

*Banyak pengalaman dan ilmu yang saya dapat dari mengikuti kem kepimpinan pelajar. Kekuatan seseorang individu bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi bergantung kepada kekuatan akal fikiran. Tidak semua penyelesaian*

*masalah boleh diselesaikan dengan kekuatan fizikal dan ia perlukan strategi yang disusun yang menggunakan akal fikiran.*

Responden 9 menyatakan:

*Banyak perkara yang saya belajar semasa mengikuti kem kepimpinan pelajar. Contohnya bagaimana untuk menjadi pemimpin keratif dan inovatif, cara berkomunikasi dengan berkesan dan cara menyelesaikan masalah. Kem kepimpinan ini juga menyedarkan diri saya tentang jasa pemimpin-pemimpin terdahulu yang telah memerdekakan Malaysia dan ia perlu diteruskan oleh pemimpin-pemimpin pada kini dan akan datang dengan baik, agar Malaysia tidak akan dijajah kembali.*

Responden 10 menyatakan:

*Rasa bersemangat untuk menjadi pemimpin walaupun sekadar pengawas sekolah selepas mengikuti kem kepimpinan pelajar. Kem ini telah memberi saya semangat untuk menjadi pemimpin. Pemimpin bermula dari bawah dari peringkat sekolah, kemudian universiti dan akhirnya menjadi pemimpin mesyarakat dan negara. Saya berazam untuk meneruskan peringkat-peringkat ini dan akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.*

## 6.6 Rumusan

Bab ini telah menerangkan mengenai aktviti pembangunan kepimpinan pelajar yang telah diusahakan oleh GPMS untuk melahirkan bakal pemimpin-pemimpin negara pada masa hadapan. Bab seterusnya akan membincangkan tentang aktiviti pembangunan GPMS dari segi keusahawana



UUM Universiti Utara Malaysia

# BAB TUJUH

# GPMS DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KERJAYA PELAJAR 2005-2014

## 7.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai pembangunan ekonomi dan kerjaya pelajar yang telah diusahakan oleh GPMS di daerah Padang Terap. Dua topik utama yang dibincangkan dalam bab ini iaitu program pembangunan kerjaya pelajar dan program pembangunan keusahawanan.

### 7.1.1 Kepimpinan keusahawanan

Kepimpinan keusahawanan penting dalam usaha mengatasi cabaran dan krisis organisasi semasa (Gupta, MacMillan & Surie, 2004). Kepimpinan usahawan membolehkan pemimpin untuk mengarahkan organisasi mereka dan menyelesaikan masalah melalui langkah-langkah yang berbeza daripada pertumbuhan dan pembangunan organisasi (Chen, 2007; Swiercz & Lydon, 2002). Ia juga mempunyai pengaruh besar ke atas pemimpin terutamanya dalam aspek kecekapan dalam mencipta peluang-peluang baru untuk meningkatkan prestasi organisasi (Okudan & Rzasa, 2006;. Gupta et al, 2004).

Di samping itu, kepimpinan keusahawanan berupaya meningkatkan pelbagai aspek pendidikan khususnya prestasi sekolah (Xaba & Malindi, 2010; Berglund & Holmgren, 2006; Collins, Hannon & Smith, 2004; Eyal & Kark, 2004; Eyal & Inbar, 2003). Kepimpinan keusahawanan telah dititikberatkan dalam usaha melahirkan persekitaran yang menyokong perubahan dan inovasi di sekolah (Park, 2012).

Terdapat kerumitan dan cabaran organisasi yang lebih tinggi untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah awam, perubahan pantas dalam alam sekitar, kekurangan dalam sumber sekolah dan dana semakin meningkat (Xaba & Malindi, 2010; Eyal & Kark, 2004; Eyal & Inbar, 2003). Walau bagaimanapun, terdapat hubungan antara keusahawanan, amalan kepimpinan dan prestasi sekolah dan terutamanya inovasi sekolah (Park, 2012).

Keusahawanan kepimpinan merujuk kepada kecekapan dalam percubaan untuk menentukan kepimpinan keusahawanan melalui tiga pendekatan utama. Pertama, mereka memberi tumpuan kepada ciri-ciri yang wujud yang membezakan keusahawanan pemimpin pemimpin lain. Kedua, mengkaji alam sekitar dan faktor konteks bahawa pemimpin-pemimpin organisasi segera untuk melaksanakan keusahawanan prinsip dan strategi dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka. Ketiga, meneroka proses sosial di mana pemimpin keusahawanan mempengaruhi sekumpulan orang untuk menggubal wawasan mereka (Kempster & Cope, 2010; Gupta et al, 2004.).

Kecekapan peribadi pemimpin keusahawanan memupuk peribadi yang telah ditetapkan bagi pemimpin keusahawanan, proaktif, inovasi dan pengambilan risiko adalah orang-orang paling dinamakan yang menunjukkan orientasi keusahawanan di peringkat peribadi dan organisasi (Chen, 2007; Kuratko, 2007; Gupta et al, 2004.; Covin & Slevin, 1991).

Proaktif dalam mencipta dan menuju ke arah masa depan dan bukannya pasif menunggu untuk terjejas olehnya. Dengan menjadi proaktif, pemimpin keusahawanan tidak hanya meneroka peluang-peluang baru untuk aktiviti keusahawanan, tetapi juga melangkah ke dalam tindakan dan



Universiti Utara Malaysia

memanfaatkan sepenuhnya peluang untuk meningkatkan prestasi organisasi (Kuratko, Hornsby & Goldsby, 2007; Kuratko & Hornsby, 1999). Proaktif mempengaruhi kepemimpinan keusahawanan 'kreativiti, keupayaan mengenalpasti peluang, keinginan dan niat untuk memulakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dan ketekunan dalam mencapai visi mereka (Zampetakis, 2008;. Kuratko et al, 2007; Kickul & Gundry, 2002).

Inovasi adalah keupayaan dan kecenderungan pemimpin keusahawanan untuk berfikir secara kreatif dan membangunkan baru dan idea-idea praktikal yang berhubungan dengan pengiktirafan peluang, penggunaan sumber dan penyelesaian masalah (Chen, 2007; Rae, 2007;. Gupta et al, 2004). Akhir sekali, pemimpin keusahawanan kebanyakannya mempunyai ciri-ciri yang mempunyai kecenderungan untuk yang dikira dan berhemah 'pengambilan risiko'; kesediaan untuk menghadapi ketidaktentuan dan meneroka bidang baru (Chen, 2007; Zhao, Seibert & Hills, 2005; Mueller & Thomas, 2000).

Universiti Utara Malaysia

Kecekapan fungsi adalah keupayaan pemimpin keusahawanan yang memberi kuasa kepada mereka untuk bertindak dengan cara berbeza dari lain-lain jenis pemimpin ( Gupta et al. , 2004). kecekapan ini berkaitan dengan persembahan tugas pemimpin keusahawanan, seperti operasi, kewangan, pemasaran dan sumber manusia ( Swiercz & Lydon , 2002).

Kepimpinan keusahawanan berupaya memberi manfaat untuk pembangunan usahawan dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah, ia terbentuk dalam dua cara; Pertama, keusahawanan, secara umum, dan keusahawanan kepimpinan, khususnya, telah dianggap sebagai cara pemikiran dan gaya hidup yang agak daripada sekadar mewujudkan perniagaan baru (Kuratko, 2007; Klein &

Bullock, 2006; Hytti & O'Gorman, 2004). Dalam pengertian ini, ciri-ciri dan pendekatan keusahawanan boleh digunakan untuk meningkatkan semua aspek pendidikan dan persekolahan, khususnya kepimpinan sekolah melalui mempengaruhi tingkah laku individu dan persembahan tugas mereka (Berglund & Holmgren, 2006).

Ciri-ciri kepimpinan keusahawanan yang dibentuk adalah sebahagian usaha untuk meningkatkan keberkesanan sekolah memudahkan proses inovasi sekolah (Hamzah, Yusof & Abdullah, 2009). Kedua, penyelidikan berterusan memberi tumpuan kepada kelebihan keusahawanan organisasi (Holt, Rutherford & Clohessy, 2007, Kuratko et al, 2007;.. Gupta et al, 2004; Swiercz & Lydon, 2002; Kuratko & Hornsby, 1999) untuk penambahbaikan organisasi sekolah. Dalam konteks ini, inovasi organisasi mencerminkan keupayaan sekolah untuk membangunkan dan melaksanakan idea-idea baru yang membawa kepada perubahan-perubahan kritikal dan penambahbaikan di sekolah (Eyal & Kark, 2004; Eyal & Inbar, 2003). Inovasi sekolah mempunyai tiga komponen utama termasuk keupayaan untuk meneroka peluang-peluang pendidikan yang baru, kecenderungan untuk mengambil tindakan dan mengeksploitasi peluang dan perubahan yang inovasi dilaksanakan buat dalam pencapaian sekolah (Eyal & Inbar, 2003). Oleh itu, ciri-ciri keusahawanan digunakan dalam organisasi sekolah untuk meningkatkan kejayaan mereka dalam menyediakan pengajaran yang berkesan dan memberi peluang baru kepada para pelajar untuk meneroka bidang keusahawanan selepas mereka tamat sekolah.

Kecekapan kepimpinan keusahawanan, seterusnya, pemimpin bantuan sekolah untuk menghadapi kerumitan dan kekangan persekitaran sekolah seperti perubahan cepat, terhad sumber, pelbagai faktor yang mempengaruhi prestasi sekolah dan keperluan mendesak untuk



Universiti Utara Malaysia

menyediakan pelajar yang sangat kompetitif di masa hadapan (Xaba & Malindi, 2010; Morris, Coombes, Schindehutte & Allen, 2007; Eyal & Kark, 2004; Eyal & Inbar, 2003).

Kecekapan ini juga membolehkan pemimpin sekolah untuk membuat perubahan dramatik dan inovasi yang diperlukan di sekolah-sekolah awam dengan melihat di luar status semasa sekolah dan membuka peluang baru untuk penambahbaikan sekolah (Eyal & Kark, 2004). Walaupun pendekatan pertama melihat peranan penting individu dalam menerima pakai tingkah laku keusahawanan, pendekatan kedua menekankan kepentingan keusahawanan elemen dalam organisasi sekolah. Kajian terdahulu pada inovasi dilaksanakan di sekolah-sekolah telah menyediakan bukti empirikal bahawa mereka tidak boleh secara asasnya berubah dan meningkatkan prestasi sekolah (Park, 2012; Eyal & Inbar, 2003). Ini boleh sebahagiannya dikaitkan dengan sekolah kepimpinan yang gagal menyediakan persekitaran yang menyokong untuk perubahan dan inovasi di sekolah (Park, 2012) itu. Justeru itu, selaku sebuah badan NGO yang sentiasa dinamik, GPMS telah mengatur pelbagai strategi dalam membantu pihak sekolah bukan sahaja dalam pembangunan akademik, tetapi ia turut berperanan membantu para pelajar khususnya di luar bandar dalam menanam ciri-ciri kepimpinan keusahawanan agar para pelajar boleh meneroka peluang keusahawanan baru.

## 7.2 Program Pembangunan Keusahawanan

Pembangunan keusahawanan dalam kalangan belia merupakan salah satu dari matlamat penubuhan GPMS Padang Terap. Usaha-usaha membangun ekonomi dan keusahawanan

diterapkan sejak pelajar di bangku sekolah lagi dengan menganjurkan pelbagai program pembangunan ekonomi dan kerjaya untuk pelajar sekolah.

Sebagai sebuah pertubuhan belia yang memperjuangkan aspirasi anak bangsa, GPMS sentiasa berdiri teguh di belakang kerajaan terutamanya dalam memperkasakan pembangunan modal insan ekonomi Bumiputera dan juga pendidikan anak bangsa. Pembangunan ekonomi dan modal insan harus dijadikan agenda nasional dan sebagai agenda utama kerajaan. Malang nasib orang Melayu/bumiputera sekiranya di sebuah negara yang mempunyai penduduk majoriti Melayu/bumiputera tetapi masih ramai lagi yang terpinggir, ketinggalan dan masih lagi diselimuti kemiskinan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai langkah awal telah berjaya merapatkan jurang antara kaum di negara ini. DEB telah berjaya mengubah destini bangsa Melayu dan terbukti ia telah mengubah mentaliti kaum lain terhadap pencapaian orang-orang Melayu. Dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu, GPMS bersedia membantu kerajaan di samping bertindak sebagai gedung melahirkan pemimpin. GPMS boleh dijadikan sebagai medan untuk mengumpul seberapa ramai usahawan Melayu yang bercita-cita dan bersunguh-sungguh menjadi tokoh korporat yang berjaya. Contohnya Yayasan GPMS memainkan peranan dalam menyahut seruan ini (Majalah Suara GPMS 2013). Bagi mewujudkan sebuah Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera (MPPB), GPMS terus menerapkan pelbagai langkah proaktif dalam usaha mencapai hasrat dan wawasan kerajaan.

Dalam rancangan Malaysia kedua (RMD) telah digariskan beberapa panduan untuk menghala kea rah peningkatan penyertaan orang-orang Melayu dalam arena keusahawanan.

Universiti Utara Malaysia

*".. dengan menambah penyertaan orang orang Melayu dan Bumiputera-bumiputera lain dalam kegiatan-kegiatan baru di Bandar-bandar(baru) akan memberi sumbangan untuk membasmi kemiskinan dan menambah lagi peluang-peluang." Walaubagaimanapun, matlamat menambah penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu di dalam semua jenis dan peringkat urusan, supaya dalam satu tempoh keturunan, orang orang Melayu dan kaum Bumiputera yang lain akan mengambil bahagian yang penuh dalam ekonomi Negara. Berhubung dengan itu, kerajaan telah menetapkan bahawa dalam tempoh 20 tahun, orang-orang melayu akan mengurus dan memiliki sekurang-kurangnya 30% dari jumlaj aktiviti-aktiviti perdagangan dan perusahaan dalam semua jenis dan peringkat, Kerajaan juga telah menegaskan bahawa corak pekerjaan dalam semua peringkat pekerjaan dan sector,…haruslah mencerminkan* corak penduduk berbilang kaum.

Rancangan Malaysia Kedua

Universiti Utara Malaysia

Konsep penyertaan Bumiputera khususnya masyarakat Melayu di dalam perniagaan dan perusahaan sebagaimana terkandung dalam DEB tidak terhad kepada pemilikan harta semata-mata tetapi yang penting adalah kewujudan satu masyarakat pengusaha-pengusaha *(entreprenuers)* di kalangan orang-orang Melayu. Sementara itu, Rancangan Malaysia Kedua (RMD) menggalurkan hasrat kerajaan mewujudkan satu masyarakat pengusaha Melayau dalam satu tempoh keturunan melalui pelbagai langkah yang meliputi bantuan kewangan dan latihan, mewujudkan tempat perniagaan yang sesuai di Bandar-bandar, mengadakan usahasama dengan bukan Melayu bagi memperolehi pengetahuan, pengalaman dan pasaran. (Kamarul Ariffin, 1983: 76) Menggalakkan pertubuhan perusahaan-perusahaan kecil dan berusaha menukar sikap orang-orang Melayu terhadap perniagaan dan perusahaan.

Sepanjang perlaksanaan DEB menunjukkan galakan ang diberikan oleh pihak kerajaan dalam usaha 'menaikkan' status ekonomi di kalangan orang-orang Melayu. Pelabagai insentif diadakan demi membantu pencapaian ekonomi terutama di kalangan pengusaha-pengusaha Melayu.

Tambahan, pula banyak agensi di wujudkan oleh kerajaan untuk memberi peluang kepada Bumiputera mendapat pengalaman yang luas serta dapat menjalankan perniagaan sendiri sebagai pengusaha-pengusaha apabila mengumpul modal yang secukupnya. Walau bagaimanapun kemajuan yang ditunjukkan oleh orang-prang Melayu dalam meguasai bidang perniagaan dan perdagangan masih tidak dapat menjadi ukuran kepada pencapaian matlamat kerajaan ang sebenarnya.

GPMS cawangan Padang Terap menyahut cabaran GPMS Pusat dengan merangka pelbagai program pembangunan ekonomi untuk melahirkan usahawan Melayu dan belia yang berkerjaya di daerah Padang Terap.

**7.2.1 Program Kerjaya Pelajar**

Cabaran dan dugaan paling besar pelajar selepas menamatkan persekolahan adalah kerjaya mereka di masa hadapan. Bagi pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi mereka mungkin tidak bermasalah tetapi bagi pelajar yang gagal mereka berada di awang awangan, tidak tahu apa pekerjaan hendak dilakukan. Atas sebab itu, GPMS dengan bantuan SMK di daerah Padang Terap, agensi MARA dan Lembaga Kemajuan Negeri Kedah (KEDA) Padang Terap sentiasa berusaha mengambil berat tentang kerjaya pelajar di masa hadapan. Pelbagai bentuk program telah diusahakan oleh GPMS dengan bantuan MARA dan KEDA bertujuan 1) memberi peluang dan ruang kepada pelajar sekolah untuk memperolehi kemahiran tertentu; 2) membolehkan pelajar memilih kerjaya yang sesuai mengikut minat dan kebolehan; 3) meningkatkan potensi pelajar dan meningkatkan keyakinan diri; 4) pendedahan dengan kerjaya-kerjaya seperti perhotelan, katering makanan, komputer, handphone, perniagaan runcit, ternakan,

hidroponik, bakery dan pastry, perusahaan roti, makanan ringan, jahitan, perusahaan batik, ukiran dan lain-lain. Untuk mendedahkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran dan aktiviti-aktiviti ini pelbagai program kerjaya telah dilakukan seperti karnival kerjaya.

**i. Karnival Kerjaya**

Dalam usaha mendedahkan pelajar dengan pelbagai kerjaya di masa hadapan GPMS dengan kerjasama SMK daerah Padang Terap dan agensi-agensi kerajaan seperti KEDA, MARA, TEKUN, Perbadanan Usahawanan Nasional Berhad (PUNB), CIMB Bank, dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) telah menganjurkan Karnival kerjaya. Dalam program ini pelbagai aktiviti dijalankan seperti pameran, ceramah, gerai jualan dan sukaneka. Melalui program ini pelajar dapat mencuba pengalaman baru dapat mengambil bahagian dalam aktiviti aktiviti yang disediakan malah mereka berpeluang didedahkan dengan aspek-aspek pentadbiran dan pengelolaan sesebuah organisasi. Objektif program adalah untuk 1) memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar dalam bidang keusahawanan dan lain-lain peluang 2) mencungkil bakat-bakat dalam kalangan pelajar sekolah. Di samping itu, ceramah ceramah keusahawanan juga diadakan yang bertujuan mendedahkan pelajar tentang input-input berguna yang diperlukan dalam dunia perniagaan dan pekerjaan dari agensi-agensi kerajaan seperti MARA, PUNB, TEKUN dan CIMB Bank.

Universiti Utara Malaysia

**ii. Modul Kerjaya**

Di samping modul keusahawanan, GPMS Padang Terap dengan kerjasama MARA Padang Terap juga menghasilkan sebuah modul kerjaya untuk diikuti oleh fisilitator dalam program-program yang dijalankan. Modul kerjaya ini dikenali sebagai modul pembangunan diri. Terdapat beberapa isu yang ditekankan dalam modul ini iaitu 1) menilai diri iaitu kaedah SWOT-kekuatan diri,

kelemahan diri, peluang dan ancaman; 2) rancangan pembangunan diri yang meliputi minda keusahawanan, emosi keusahawanan, kemahiran teknikal dan sahsiah keusahawanan; 3) kemahiran generik yang meliputi kemahiran hubungan manusia dan kemahiran individu; 4) jaringan yang dikategorikan kepada dua iaitu individu dan organisasi; 5) konflik meliputi dua iaitu konflik hubungan antara manusia dan konflik tugas serta kaedah mengatasi konflik; 6) wawasan diri; 7) rancangan merealisasikan wawasan.

### 7.2.2 Program-program Keusahawanan

Keusahawanan merupakan antara bidang kerjaya yang sangat penting di Malaysia. Program keusahawanan menjadi program utama dalam program-program pembangunan ekonomi dan kerjaya untuk pelajar di SMK Padang Terap. GPMS Padang Terap menyokong kata-kata Mohd Saifullah Hj Dolmat Ketua Penerangan Gpms Melaka yang berbunyi:

> *Golongan pelajar majoriti yang tidak bijak dalam peperiksaan tidak seharusnya dipinggirkan. Jika dipinggirkan, dibimbangi mereka akan terjebak dengan masalah sosial. Mereka ini mungkin kurang cemerlang dalam peperiksaan tetapi dalam hal-hal lain mereka mungkin lebih cemerlang berbanding yang memperoleh semua A. Setiap insan ada kekuatan tersendiri. Jurusan perniagaan sering di anggap sebagai kelas kedua dan tidak menjamin masa depan. Malangnya di Malaysia, kursus-kursus perniagaan hanya diajar di peringkat universiti. Sewajarnya generasi muda didedahkan dengan asas perniagaan sejak di bangku sekolah lagi. Kalau kita teliti rata-rata ahli-ahli perniagaan yang berjaya telah memulakan perniagaan sejak berumur belasan tahun lagi. Mereka ini tidak dilatih secara formal dan hanya mempelajari selok-belok perniagaan dan keusahawanan melalui pengalaman sendiri. Pengalaman inilah yang amat berguna kepada mereka untuk menjadi usahawan dan ahli korporat yang berjaya dan kaya raya. Namun demikian, terdapat ramai juga yang tidak berjaya dalam perniagaan. Kebanyakan mereka ini mempunyai azam untuk berjaya dalam perniagaan, malangnya mereka tidak diterapkan dengan pelbagai disiplin ilmu perniagaan umpamanya bagaimana untuk mengurus kewangan perniagaan dengan baik. Ambil contoh terdapat ahli-ahli perniagaan yang baru setahun dua berniaga mengggunakan wang keuntungan perniagaan untuk membeli kereta mewah bagi tujuan peribadi. Wang keuntungan ini sepatutnya dilabur semula*

*untuk memperkembangkan lagi perniagaan. Di samping menguasai ilmu pengurusan kewangan, para pelajar juga sewajarnya didedahkan dengan prosedur yang betul untuk menubuhkan perniagaan. Kursus seperti ini akan membolehkan mereka mengetahui apakah jenis perniagaan yang mempunyai prospek yang baik pada masa hadapan. Umpamanya, mereka boleh didedahkan dengan perniagaan tani dan penternakan. Dalam perniagaan tani dan penternakan pula terdapat banyak cabang perniagaan yang boleh didedahkan kepada mereka. Malahan, aspek inovasi dan kreativiti serta teknologi maklumat dan komunikasi sewajarnya ditekankan dalam bidang perniagaan sebegini agar dapat menjana pendapatan lumayan di samping menampung permintaan pasaran tempatan. Ini baru beberapa subjek yang wajib diperkenalkan di sekolah yang berteraskan perniagaan dan keusahawanan. Terdapat banyak lagi kursus yang boleh diajar kepada mereka. Sesi pembelajaran pula bukan setakat teori sahaja tetapi juga mereka sewajarnya didedahkan dengan dunia perniagaan sebenar. Yakinilah, jika sekiranya sekolah sebegini berjaya kelak, ia akan melahirkan lebih ramai lagi ahli perniagaan di kalangan generasi muda pada masa akan datang, bahkan akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat serta memperkasakan lagi keupayaan ekonomi Malaysia. Kita perlu lahirkan lebih ramai jutawan Melayu bagi membuktikan semangat "Hidup Melayu ! " bukan sekadar laungan kosong sahaja.*

Universiti Utara Malaysia

Terdapat pelbagai program keusahawanan telah diusahakan oleh GPMS untuk memperkenalkan pelajar-pelajar SMK dengan bidang keusahawanan. Antaranya seperti Bengkel Asas Kecantikan, Program pembinaan laman Web, Program kerjaya keusahawanan, sehari bersama tokoh usahawan, Karnival usahawan ICT, Ceramah usahawan dan Seminar Kerjaya Keusahawanan. Dalam menjayakan program-program ini, GPMS Padang Terap telah menjalinkan kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Padang Terap dan Majlis Belia Padang Terap.

Program-program ini diperbincangkan seperti berikut:

**i. Bengkel Asas Kecantikan bagi Pelajar Sekolah Daerah Padang Terap**

Dalam usaha untuk menarik minat pelajar dan mendedahkan pelajar SMK dengan aktiviti solekan dan asas kecantikan, GPMS Padang Terap dengan kerjasama Biro HEWA GPMS Kedah

telah menganjurkan bengkel asas kecantikan bersama Mary Kay dan diadakan pada 31 Mei 2014 di Pejabat Belia Daerah Padang Terap. Program ini berfokuskan kepada ilmu kecantikan di samping menarik golongan wanita khasnya pelajar sekolah untuk mendalami ilmu kecantikan dan mendekati GPMS. Kursus ini mendedahkan pelajar untuk mempelajari asas persolekan untuk kegunaan sendiri dan juga untuk tujuan pernigaaan. Dalam kursus ini pelbagai pendedahan telah diberikan seperti pelbagai teknik-teknik persolekan mengikut jenis-jenis kulit dan penjagaan kulit wajah, teknik penggunaan berus, aplikasi praktikal bedak asas, bedak *compact*, pembayang mata, mascara, *eyebrow*, *eyeliner*, *blusher* dan gincu bibir.

**ii.Program Bicara Keusahawanan Bersama Tokoh Usahawan**

Program Bicara Usahawan juga didapati telah dianjurkan oleh GPMS Padang Terap dengan kerjasama SMK Padang Terap. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan inspirasi kepada pelajar-pelajar betapa pentingnya usaha keras dan tanpa putus asa bagi mencapai kejayaan di dalam bidang perniagaan, sebagai tapak permulaan untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang ilmu keusahawanan dan pengurusan perniagaan sebagai dorongan kepada mereka untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan pada masa hadapan. Antara tokoh-tokoh usahawan yang pernah dijemput oleh GPMS Padang Terap seperti Encik Saiful Zaharin bin Zakaria dan Encik Rosli bin Ibrahim tokoh usahawan GPMS.

**iii. Karnival Usahawan Sekolah**

Karnival keusahawanan merupakan acara tahunan yang diadakan khasnya menyambut kemerdekaan atau pun sempena hari sukan-sukan antara sekolah. Menerusi karnival ini para pelajar diberi ruang untuk merasai pengalaman berniaga dan berhadapan dengan masyarakat umum serta cara berniaga sebenar. Dalam mendedahkan pelajar sekolah dengan aktiviti

keusahawanan GPMS dengan kerjasama dengan SMK Padang Terap telah menganjurkan Program Karnival Usahawan Sekolah. Program ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan aktiviti keusahawanan bagi menyemai semangat keusahawanan di kalangan pelajar sekolah di samping memberi pengalaman sebenar mengenai dunia perniagaan. Karnival Usahawan Sekolah contohnya diadakan di Mini Stadium Kuala Nerang pada 1 September 2013 di mana peserta-peserta adalah terdiri dari pelajar dan guru-guru dari SMK Padang Terap. Sebanyak 38 buah gerai jualan telah dibuka oleh pelajar sekolah dengan dibantu oleh guru-guru. Program ini dirasmikan oleh Dato Badrul Hisyam Hashim.

Pelbagai aktiviti dijalankan di Karnival ini seperti pertandingan futsal, gerai jualan oleh pelajar-pelajar, pertandingan mewarna, pertandingan pakaian beragam dan Sukaneka.

**iv. Ceramah Usahawan**

GPMS Padang Terap juga didapati kerapkali menganjurkan ceramah usahawanan dengan kerjasama SMK di daerah Padang Terap. Objektif ceramah adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan memulakan pekerjaan sebagai seorang usahawan. Ceramah ini juga bertujuan menyuntik semangat pelajar untuk menjadi usahawan dan tidak bergantung kepada kerja makan gaji dengan majikan sahaja. Ceramah usahawan contohnya diadakan pada 30 Julai 2014 di SMK Dato Syed Ahmad yang disampaikan oleh agensi TEKUN.

**v. Kem Keusahawan**

GPMS juga didapati berusaha menganjurkan kem keusahawanan untuk SMK di Padang Terap. Pada 21-22 Julai 2011 contohnya GPMS telah menganjurkan program Kem Keusahawanan di

Terap In Hotel Kuala Nerang dan telah disertai oleh seramai 50 orang peserta daripada SMK Dato' Syed Ahmad, SMK Kuala Nerang dan SMK Pedu. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai dunia keusahawanan seperti konsep keusahawanan, persediaan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan serta memberi kefahaman kepada peserta mengenai peluang-peluang perniagaan dan kemungkinannya. Antara aktiviti lain yang menarik dalam program ini adalah aktiviti lasak seperti merentas hutan dan sebagainya yang bertujuan untuk melihat dan berlajar mengenai ciri-ciri usahawan yang kental dan ideal.

### vi. Program Pembinaan Laman Web

UUM Universiti Utara Malaysia

Laman web kini menjadi semakin penting khasnya kepada syarikat-syarikat dan ahli perniagaan. Justeru itu, GPMS telah mengambil inisiatif untuk mendedahkan kepada pelajar SMK khasnya pelajar Tingkatan 6 dengan kursus pembinaan laman web yang mudah dan berkesan. Melalui kursus ini pelajar didedahkan dengan teknik-teknik membina laman web yang meliputi *minisite* Kompozer dan *Dreamweaver Filezilla* dan *Photosshop Sert* dan *Website Template*. Kursus ini contohnya telah diadakan di SMK Dato' Syed Ahmad pada 26-28 Jun 2010 dan dihadiri oleh 70 pelajar tingkatan 6.

### vii. Modul Keusahawanan

Dalam menjayakan program-program keusahawanan di SMK Padang Terap, GPMS Padang Terap dengan kerjasama MARA Padang Terap telah merangka satu modul untuk diikuti oleh penceramah setiap kali mengadakan program keusahawanan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan. Ia dikenali sebagai modul keusahawanan kerjaya pilihan. Dalam modul ini antara isu kandungan adalah mengenai; 1) bidang-bidang berpotensi dalam perniagaan seperti

peruncitan, teknikal, ICT, MLM, pertanian dan komunikasi; 2) maksud keusahawanan; 3) cabaran-cabaran menjadi seorang usahawan yang meliputi tiada pengalaman, tiada modal, tiada sokongan, perasaan rendah diri, dibelenggu hutang, selesa dengan makan gaji dan keusahawanan sebagai pilihan terakhir; 4) mengapa ingin menjadi usahawanan, adakah untuk menjadi boss sendiri, bebas membuat sesuatu yang disukai, mahukan cabaran, mengendalikan kerja mengikut kemampuan sendiri, peluang yang mudah untuk kaya dan tiada syarat kelulusan; 5) peluang-peluang ekonomi yang meliputi keadaan ekonomi, sistem vendor sistem francais dan konsep payung; 6) politik dan dasar kerajaan yang meliputi visi kerajaan menyokong kearah keusahawanan dengan bantuan melalui agensi kerajaan. Sistem sokongan kerajaan meliputi penyelidikan dan kenal pasti projek, pembiayaan kewangan, kemudahan insentif, persatuan perniagaan, kemudahan pasaran, latihan teknikal keusahawanan, khidmat pengurusan dan lokasi perniagaan; 7) persediaan untuk menjadi usahawan cemerlang seperti ciri-ciri perniagaan kini, etika yang perlu ada untuk menyertai program pembangunan usahawanan dan peluang-peluang yang boleh diperolehi melalui program-program kerajaan.

Universiti Utara Malaysia

**viii. Tokoh-tokoh usahawan dilahirkan GPMS**

Berkat usaha GPMS, usahawan-usahawan muda telah berjaya dilahirkan di daerah Padang Terap contohnya Saiful Zaharin bin Zakaria dan Rosli bin Ibrahim. Saiful Zaharin bin Zakaria menubuhkan Dzreen Enterprise yang beralamat di Tingkat 1-3, Kompleks Angsana, 06300 Kuala Nerang Kedah. Dzreen Enterprise telah beroperasi sejak 2011 lagi dan merupakan syarikat anak didik GPMS Padang Terap yang berjaya. Antara skop kerja perniagaan adalah berorientasikan alatan sukan, banner, percetakan, lanskap dan tekstil. Saiful Zaharin bin Zakaria

mendapat didikan dari program latihan anjuran MARA dan GPMS, latihan KEDA dan GPMS, KEMAS dan GPMS serta TEKUN dan GPMS. Latihan-latihan ini telah dihadiri oleh Saiful melalui aktiviti GPMS Padang Terap. Kini banyak aktiviti-aktiviti GPMS yang telah di adakan dan di taja oleh Dzreen Enterprise. Atas khidmat bakti dan latihan yang komprehensis oleh Gpms Padang Terap telah menyerlahkan lagi anak muda ini untuk terus tampil dengan rekaan bannernya dan kreativiti.

Rosli bin Ibrahim pula merupakan usahawan berjaya GPMS Padang Terap hasil daripada latihan dan didikan GPMS melalui program usahasama MARA, TEKUN dan Amanah Ikhtiar. Saudara Rosli berjaya menjadi usahawan yang berjaya di daerah Padang Terap melalui restoran westernnya Rapat Café' melalui masakan seperti beef steak, telor meleleh, chicken chop dan sebagainya. Program program GPMS yang telah dihadiri oleh saudara Rosli melalui usahawan TEKUN dan GPMS serta melalui program insentif melalui peladang iaitu RISDA dan sebagainya telah memantapkan lagi usahawan ini untuk terus bergiat di daerah Padang Terap, khususnya melalui NGO GPMS.

Universiti Utara Malaysia

### 7.3 Keberkesanan Aktiviti Pembangunan Ekonomi dan Kerjaya Pelajar

Bagi menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi dan kerjaya pelajar oleh GPMS, seramai 10 responden yang pernah mengikut kursus atau kem keusahawanan telah ditemubual oleh penyelidik dan keputusannya direkodkan seperti berikut:

Responden 1 menyatakan;

> *Saya tidak pernah terfikir untuk berniaga atau berminat dalam pernaiagaan. Selepas mengikuti kem keuasahawanan rasa minat dan keinginan untuk berniaga wujud dalam diri saya. Kalau dahulu saya tidak faham mengapa ramai yang*

*berminat untuk menjadi usahawan, kini saya sudah faham, ramai jutaan adalah datangnya dari ahli perniagaan. Selepas mengikut kem keusahawanan barulah saya sedar bahawa kerja makan gaji bukanlah satu bidang pekerjaan samata-mata, terdapat banyak lagi bidang yang boleh menjana pendatan dan mempunyai masa hadapan. Saya berazam untuk menjadi usahawan berjaya pada masa hadapan.*

Responden 2 menyatakan:

*Saya dulu kalau orang bertanya tentang cita-cita saya di masa hadapan mesti jawapan yang diberikan adalah makan gaji dengan kerajaan, kerja guru. Selepas mengikuti kursus keusahawanan dan terlibat dengan aktiviti keusahawanan cita-cita saya kini cenderung ke arah terlibat untuk berniaga iaitu berniaga menjual dan membaiki komputer. Saya sedar bahawa kedai menjual dan membaiki computer di sekitar daerah Padang Terap adalah terlalu kecil, sukar untuk juruteknik yang boleh membaiki komputer. Selepas mengikut kem keusahawanan yang dianjurkan oleh GPMS saya kini mula belajar membaiki komputer dengan mengikuti kursus-kursus komupter anjuran pihak swasta.*

Universiti Utara Malaysia

Responden 3 menyatakan:

Selepas mengikut kem keusahawan timbul rasa minat untuk berniaga walaupun sedikit berbanding dahulu langsung tiada. Sekurang-kurangnya dengan mengikuti kem keusahawanan yang dianjurkan oleh GPMS saya mengetahui serba sedikit mengenai aspek-aspek keusahawanan atau perniagaan. Sekiranya saya gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berniaga akan menjadi pekerjaan pilihan saya.

Responden 4 menyatakan:

> *Saya kini bersemangat untuk menjadi usahawanan yang berjaya. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang tokoh usahawan yang berjaya di Padang Terap di masa hadapan. Kem keusahawanan pelajar yang saya ikuti sedikit sebanyak telah menanam kesedaran kepada saya untuk menjadi usahawan. Pendedahan dan ilmu keusahawanan yang diperolehi dari mengikuti kem keusahawanan tidak akan saya sia-siakan dan akan digunakan apabila saya menamatkan pelajaran kelak.*

Responden 5 menyatakan:

> *Ceramah kerjaya yang saya ikuti telah mendedahkan saya dengan pelbagai bidang pekerjaan yang boleh saya ceburi, tidak hanya bekerja dengan orang lain dan kerajaan sahaja. Banyak lagi peluang yang boleh saya ceburi. Saya berazam untuk buka perniagaan sendiri iaitu membuka kilang roti. Saya kini rasakan masa depan saya lebih cerah kerana ada halatuju pekerjaan hendak dicapai berbanding dahulu tidak pasti apa pekerjaan yang hendak dilakukan pada masa hadapan. Ini kerana saya tidak begitu cemerlang dalam pelajaran dan saya merasakan saya mungkin tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Setidak-tidak saya mempunyai cita-cita untuk menceburi pekerjaan keusahawanan.*

Universiti Utara Malaysia

Responden 6 menyatakan:

> *Selepas mengikut kem keusahawanan dan menyertai karnival keusahawanan barulah saya sedar bahawa perniagaan memberi pulangan yang lumayan. Walaupun perniagaan amat meletihkan tetapi ia memadai dengan hasil yang diperolehi. Pendedahan dalam bidang keusahawanan telah menaikkan semangat saya untuk menceburi bidang perniagaan di masa hadapan kelak. Kalau orang lain boleh berjaya dalam bidang perniagaan sehingga menjadi kaya-raya mengapa saya tidak boleh.*

Responden 7 menyatakan:

*Saya tidak berminat dalam dunia perniagaan, tiada keluarga yang saya terlibat dengan perniagaan, bagaimanapun setelah mengikuti kursus keusahawanan yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah dan GPMS saya mengetahui serba sedikit mengenai bidang keusahawanan. Saya masih tidak berani untuk terlibat dengan keusahawanan kerana ia perlu modal dan risiko yang tinggi.*

Responden 8 menyatakan:

*Banyak pengalaman dan ilmu yang saya dapat dari mengikuti kem keusahawanan. Kalau saya tidak berjaya dalam pelajaran saya akan jadikan perniagaan sebagai kerjaya pilihan di masa hadapan. Dengan mengikuti kem keusahawanan saya mengetahui apa itu keusahawanan, cara-cara menjadi usahawan dan risiko-risiko dalam keusahawanan. Kalau orang lain mampu lakukan mengapa saya tidak mampu.*

Responden 9 menyatakan;

Banyak perkara yang saya belajar selepas mengikuti kursus dan kem keusahawanan. Untuk menjadi usahawan apa yang diperlukan adalah pengalaman dan pengetahuan tentang selok belok perniagaan. Kalau kita tidak berjaya dalam pelajaran sekalipun kita masih boleh mencapai kejayaan dalam keusahawanan. Asalkan kita berusaha bersungguh-sungguh. Banyak usahawan yang menjadi jutawan tidak berjaya dalam pelajaran tetapi berjaya dalam perniagaan. Ini menunjukkan di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Apa-apapun saya masih berfikir apakah saya akan menceburi bidang perniagaan di masa hadapan.

Responden 10 menyatakan;

Keluarga saya ramai yang berniaga dan minat saya terhadap berniaga telah ada dari kecil lagi, Cuma perniagaan yang saya impikan pada masa itu sekadar untuk

Universiti Utara Malaysia

membuka kedai runcit. Selepas mengikuti kursus dan program keusahawanan yang dianjurkan oleh GPMS, impian, keazaman dan keyakinan saya terhadap bidang perniagaan semakin tinggi. Saya mengimpikan untuk membuka sebuah pasaraya yang besar di masa hadapan.

## 7.4 Rumusan

Bab ini telah menerangkan mengenai aktviti pembangunan ekonomi dan kerjaya pelajar khasnya dari segi keusahawanan. Bab seterusnya akan membuat kesimpulan dan cadangan.

Universiti Utara Malaysia

# BAB LAPAN

# RUMUSAN

## 8.1 Pendahuluan

Sejak GPMS cawangan Padang Terap dilancarkan pada tahun 2008 pelbagai program dan kejayaan telah ditempa oleh GPMS Padang Terap. Contohnya kejayaan dari segi mengurang salah laku displin pelajar di SMK Padang Terap, kejayaan dari segi melaksanakan program-program pembangunan pendidikan, kejayaan melahirkan tokoh-tokoh kepimpinan dan tokoh-tokoh usahawan berjaya.

## 8.2 Kejayaan GPMS

Belia adalah aset negara yang sangat berharga dan perlu dipelihara dan dididik dengan sempurna. Belia juga merupakan bakal kepada pemimpin masa depan. Sebagai pewaris dan pembina masa depan setiap warga belia perlu melihat peranan yang boleh mereka mainkan dalam membantu negara mencapai hasrat wawasan 2020. Cabaran belia masa kini adalah cukup besar dan mencabar. Kerajaan memandang belia adalah sebagai aset yang boleh digembelingkan untuk membangunkan negara. Belia perlu dididik dan dibimbing supaya mereka kelak menjadi rakyat yang berguna. Oleh itu pertubuhan-pertubuhan yang bercorak sukarela perlu diperbanyakkan agar para belia dapat sama-sama menyumbang tenaga dan juga dapat dihindarkan mereka daripada terjerumus ke lembah yang hina seperti masalah sosial dan terlibat dalam demonstrasi yang sia-sia.

Belia merupakan golongan yang senantiasa aktif dan penuh dengan idea-idea yang baru dan inilah yang diperlukan oleh negara untuk mencapai apa yang direalisasikan selama ini. Oleh itu, amat penting bagi kerajaan untuk membentuk dan melatih mereka untuk menjadi pewaris negara bagi membolehkan mereka berkebolehan, berkemampuan serta memberi sumbangan kepada negara. Mereka inilah yang akan menjadi pemangkin untuk pembangunan negara dan seterusnya akan merealisasikan harapan negara. Bagaimanapun apa yang membimbangkan masa kini adalah masalah sosial yang melibatkan remaja bertambah. Keruntuhan akhlak di kalangan belia remaja semakin menjadi-jadi terutamanya belia remaja Islam Melayu. Seks bebas, mat rempit, pembuangan bayi, penagihan dadah dan sebagainya lagi cukup sinonim dengan anak-anak muda zaman sekarang bahkan remaja bawah umur juga seringkali dikaitkan bersama. Ianya terbukti di dada-dada akhbar yang sentiasa melaporkan berkaitan dengan isu belia remaja ini.

Memperkasakan dan memapankan belia menjadi satu tugas penting untuk mencipta Malaysia yang lebih ke hadapan. Dalam pada masa yang sama, satu usaha bersepadu perlu dirangka dengan lebih baik untuk memperkasakan belia Melayu kerana mereka merupakan kelompok populasi terbesar dalam negara. Dimulakan dengan pendidikan, yang semestinya menjadi salah satu ejen untuk mengubah masyarakat. Atas dasar kepentingan belia sebagai pewaris negara dan permasalahan sosial yang dialami oleh belia ini maka kewujudan GPMS adalah tepat.

Kemunculan GPMS sedikit sebanyak telah berjaya membantu menangani dan mengurangkan masalah disiplin di kalangan pelajar di SMK Padang Terap. Sebelum GPMS ditubuhkan di Padang Terap trend salah laku disiplin pelajar SMK Padang Terap menunjukkan trend menaik dari tahun 2005-2008, bagaimanapun ia menunjukkan penurunan pada tahun 2009 apabila pelbagai program telah diusahakan oleh GPMS dengan kerjasama pihak SMK Padang Terap.

Universiti Utara Malaysia

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh GPMS untuk menangani masalah disiplin pelajar seperti Kem Bina Insan untuk menangani pelajar bermasalah.

Kemunculan GPMS juga sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan membantu pencapaian di kalangan palajar SMK Padang Terap. Selepas penubuhan GPMS pada tahun 2008 pelbagai usaha telah dilakukan oleh GPMS untuk meningkatkan pencapaian pelajar SMK Padang Terap seperti tuisyen percuma, motivasi dan teknik belajar berkesan, motivasi dan petua peperiksaan, teknik menjawab peperiksaan, program kerohanian menjelang peperiksaan, kem pelajar pintar, program sahsiah diri dan lain-lain lagi. Atas usaha itu, berlaku peningkatan dalam tempoh 2010-2014 jika dibandingkan dengan tempoh 2007-2009. Dalam tempoh 2010-2014 peratus lulus pelajar adalah 51.37 naik sedikit jika dibandingkan dalam tempoh 2007-2009 (45.90%).

Berkat usaha-usaha yang diakukan oleh GPMS Padang Terap beberapa pemimpin telah berjaya dilahirkan oleh GPMS Padang Terap. Pelbagai aktiviti pembangunan kepimpinan pelajar telah dijalankan oleh GPMS contohnya seperti kursus Asas Kepimpinan Muda, Program Fasilitator, Urusetia Muda, Motivasi Kepimpinan Pelajar, Program Legasi Pembimbing Rakan Sebaya Pemimpin Pelajar dan Bicara Bersama Tokoh Pemimpin, Kem Kepimpinan Pelajar, Program Kursus Kepimpinan PraU, Ceramah Kepimpinan, Program Pemimpin Pelajar Berkaliber, Program Memperkasa Bakat Kepimpinan dan Skuad Jelajah Motivasi Kepimpinan 1Malaysia.

Terdapat pelbagai program keusahawanan telah diusahakan oleh GPMS untuk memperkenalkan pelajar-pelajar SMK dengan bidang keusahawanan. Antaranya seperti Bengkel Asas Kecantikan, Program pembinaan laman Web, Program kerjaya keusahawanan, sehari bersama tokoh usahawan, Karnival usahawan ICT, Ceramah usahawan dan Seminar Kerjaya Keusahawanan.

Dalam menjayakan program-program ini, GPMS Padang Terap telah menjalinkan kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Padang Terap dan Majlis Belia Padang Terap.

Kejayaan yang ditempa oleh GPMS diiktiraf oleh pemimpin-pemimpin di Malaysia contohnya Dr Mashitah Ibrahim menyatakan GPMS adalah antara contoh pertubuhan terbaik. Menurut Dr Mashitah GPMS menjadi platform dalam mendidik, melatih gerakan perjuangan serta memberi peluang dan pengalaman sehingga melahirkan ramai tokoh, hatta Menteri dan Perdana Menteri. Idealisme, aktivisme dan intelektualisme yang ditanam dan wujud dalam sanubari ratusan ribu pelajar Melayu sejak 1960an menjadikan GPMS antara gerakan pelajar yang paling aktif dan terulung di negara ini. Sebagai sebuah pertubuhan, GPMS terbukti dari segi komitmen perjuangan dan cita-citanya, jelas tangkas dalam menangani isu, permasalahan dan tuntutan semasa dengan menggarap dinamik kemahasiswaan yang bersemangat waja dan bertenaga jitu. Golongan pemimpin dan ahli GPMS lahir daripada generasi merdeka yang bersungguh-sungguh mahu menjadi ejen perubahan. Di atas peranan yang mereka mainkan dan sumbangan cukup besar yang telah mereka berikan kepada pembangunan negara dan kemajuan bangsa Melayu, saya anggap mereka sebagai wira. Ramai yang tahu mungkin ada juga yang tidak sedar bahawa inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan siri jelajah Dialog Nasional Pendidikan Negara berputik daripada Deklarasi Persidangan Agung Tahunan GPMS dua tahun lalu yakni 100 Tuntutan Penambahbaikan Pendidikan Melayu. GPMS jugalah yang mencetus idea sehingga terlaksananya penyediaan biasiswa dan bantuan kewangan serta kelas bimbingan untuk pelajar Melayu, dan kini diterjemahkan sebagai sistem baucar kelas bimbingan.

Kini, GPMS turut menangani isu tabung PTPTN dan pendidikan percuma yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Dr. Mashitah cukup tertarik dengan hasrat dan misi pertubuhan GPMS

Universiti Utara Malaysia

yang mahu melahirkan ahli dan bangsa Melayu yang tinggi inteleknya, hebat empayarnya, kuat jati dirinya dan bijak dari segi komunikasi dan kebolehan berhujah. Kelantangan dan kemampuan pemimpin dan ahli-ahli GPMS mempertahan dan melangsungkan dasar parti dan kerajaan adalah crucial kepada kejayaan bersama. Jelas, sebagai sebuah pertubuhan, GPMS terkedepan dalam menangani isu semasa serta hal-hal yang berkaitan dengan kemajuan dan masa depan pelajar dan belia (Dr Mashitah Ibrahim 6 Julai 2012, Sinar Harian).

### 8.3 Kekekuatan, Kelemahan, Cabaran dan Ancaman GPMS

Setelah sekian lama ditubuhkan, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) kini berpandangan bahawa gerakan itu perlu menentukan semula arah tujuannya dalam menghadapi cabaran alaf baru pada abad ke-21. Ini kerana kegemilangan gerakan tersebut sudah lama 'menyepikan diri' dan seolah-olah kewibawaannya telah hilang ditelan zaman. Selama inipun kegiatan GPMS diakui sepi disebabkan berlaku beberapa kelemahan di sana sini sehingga ia tidak diketuai ramai termasuk generasi muda. Jika suatu ketika dulu ketika kegemilangannya memuncak, GPMS telah berjaya melahirkan pemimpin negara yang ada sekarang dan silih berganti, tetapi kini semua itu hanya tinggal kebanggaan dan sebutan. Apa tidaknya, perjuangan GPMS ketika itu sangat disanjung dan dihormati dalam melahirkan kepimpinan pelajar Melayu terutama memastikan masyarakat Melayu tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Pada masa itu juga, perjuangan GPMS dianggap sealiran dengan pergerakan lain yang mengutamakan pendidikan sebagai usaha untuk mengubah nasib dan masa depan masyarakat Melayu. Tidak hairanlah apabila GPMS melalui usaha awalnya itu berjaya melahirkan kepimpinan golongan pelajar Melayu dan ada antara mereka itu kini masih terus menjadi pemimpin negara.

Universiti Utara Malaysia

Bagaimanapun, perkembangan masa kini berbeza dengan silih bergantinya kepimpinan. Tahun demi tahun, GPMS seolah-olah sudah luput daripada ingatan masyarakat Melayu. Jika ditanya peranan GPMS pada pelajar Melayu dan generasi muda hari ini, mungkin ramai yang hanya mengetahui namanya sahaja atau tidak tahu langsung. Tetapi dari segi sejarah, kejayaan, matlamat dan kewibawaan GPMS itu sendiri, mungkin tidak ramai yang berminat mengetahuinya kerana ia telah lama dilupakan. Oleh itu, usaha perlu dimulakan untuk menyemarakkan kembali semangat waja yang terdapat dalam GPMS. Mungkin pada sebutan bibir perkara ini mudah, tetapi pada hakikatnya ia adalah satu usaha yang sukar (Amir Sarifudin 1998).

UUM
Universiti Utara Malaysia

**RUJUKAN**

142 mat rempit ditahan berusia bawah 15 tahun. (2014). *Berita Harian* 15 Februari

Abdullah Sani Yahaya. (2004).*Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd .

Abdul Razak Abdul Manaf (2003). *Program Pencegahan Keganasan Remaja*. Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial. Sintok: Penerbit UUM

Alkire, S. (2008). *Concepts and Measures of Agency*. OPHI Working Papers from Queen Elizabeth House, University of Oxford.

Almendarez, L. (2013). *Human Capital Theory: Implications for Educational Development in Belize and the Caribbean*. Caribbean Quarterly, Vol. 59, No. 3/4

Aloysius Gunadi Brata (2004). Analisis Hubungan Imbal Balik. Antara Pembangunan Manusia dan Kinerja Ekonomi Daerah Tingkat II di Indonesia. *http://staf.uajy.ac.id/gunadi/articles/HDITKT2.PDF*.

Ali Bin Suradin & Eni Eryanti Yusoff (2005). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*.

Alimuddin Mohd Dom (2011). Pengetua teraju kecermalangan sekolah. *Utusan Malaysia* 1 Ogos

Alimuddin Mohd Dom (2011). Pentingnya Pemimpin dan Kepimpinan. *Utusan Malaysia*, 4 Januari.

Amin, M. E. 2005. *Social Science Research: Conception, Methodology and Analysis*. Kampala: Makerere University Printing Press.

Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan Edisi Kedua.* Tanjung Malim: Quantum.

Amir Hasan Dawi. (1999). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*.Tanjong Malim: Quantum Books.

Anuar Bin Puteh (2001). Perkembangan dan perbentukan remaja menurut perpektif Islam. *Kajian Malaysia* Jld XIX, No.2

Arnold, M. (2004). *Guiding rural schools and districts: A research agenda*. Washington:

McREL.

Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi &Mascilla Hamzah (2011). Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan. *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1, 77-93

Azhar Ahmad & Abd. Halim Tamuri (2007). Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Jurnal Akademik, 2 Januari 2007, p. 1-17. .
*http://jurnalakademik.blogspot.com/2006/08/penghayatan-akhlak-pelajar-sekolah.html*

Azimi H & Turiman S (1996). Isu dan cabaran dalam pembangunan belia. *Kertas Kerja Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan*, 22 Julai

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Juriah Juriah (2010). Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian (atas talian).
*http://eprints.utm.my/10118/1/JURNAL_MASTER.pdf*

Azizi Yahaya & Noordin Yahaya (tanpa tarikh). Belia: Sejauhmanakah Budaya Kesukarelaan Boleh Dipupuk Melalui Persatuan? (atas talian).
*http://eprints.utm.my/5998/1/Aziziyahsukarela3.doc.pdf* (8 Februari 2015)

Azizi, Mohd. Najib dan Noraizah (2007). Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelayaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik. Bangi UTM: Tidak Terbit.

Universiti Utara Malaysia

Azizi Yahaya, Halimah Ma‟alip dan Mohamad Hasan Omar (2011). Permasalahan Yang Mempengaruhi Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputra (Tingkatan 4) di Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, 1-27

Ammad Rashid Rajuddin dan Ramlan Abdul Wahab (2008). Usaha-Usaha Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Felda Daerah Jerantut, Pahang (atas talian). *http://eprints.utm.my/12037/1/Usaha.pdf* (23 Mac 2015).

Bartollas C. (1997). *Juvenile Delinquensy*. Usa: Ally And Bacon

Baker, D.P.; Wiseman, A.W. 2007. "Education for All: global promises, national challenges".

*International Perspectives*

Baker, H.R. (1989), "Extension Linkages with Community Development", in Donald J.Blackburn (ed.). Foundations and Changing Practices in Extension, University of Guelph.

Baxter, P. and Jack, S. (2008*). Qualitative Case Study Methodology: Study Design and Implementation for Novice Researchers.* The Qualitative Report Vol. 13, No 4 December 2008.

Becker, G. S. (1964). *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, With Special Reference to Education*. New York: National Bureau of Economic Research.

Berglund K & Holmgren C 2006. *At the Intersection of Entrepreneurship Education Policy and Practice: On conflicts, tensions and closures*. Paper presented at the 14th Nordic Conference on Small Business Research, 11-13th May, Stockholm.

Tarikh : 13 Mac 2014
Tempat : 12 buah sekolah sekitar negeri Kedah.

Program ini merupakan anjuran GPMS Kebangsaan dan KPDNKK yang dilaksanakan di 12 buah sekolah sekitar negeri Kedah. Pengisisan program ini adalah ceramah motivasi dan ceramah tentang kepenggunaan. Secara tidak langsung, program ini juga turut mempromosikan tentang GPMS kepada pelajar-pelajar sekolah.





**7. Lawatan penilai Anugerah Pertubuhan Belia Peringkat Negeri Kedah**

Tarikh : 17 Mac 2012

Tempat : Kompleks Pemikir Melayu Kedah

GPMS Kedah menerima lawatan daripada panel penilai bagi Anugerah Pertubuhan Belia bagi peringkat Negeri Kedah. GPMS Kedah dinilai berdasarkan skop-skop gerak pertubuhan yang dinilai. Semua kepimpinan GPMS Kedah turut hadir dalam sesi penilaian pertubuhan.









Universiti Utara Malaysia

**8. Sumbangan bantuan keluarga miskin**

Tarikh : 23 Mac 2014

Tempat : Kampung Baru, Naka.

Atas dasar membela dan menjaga kebajikan Pendidikan Orang Melayu, Pihak GPMS Kedah yang diketuai oleh Tuan Haji Shamsul Ranibersama rombongan berkunjung ke rumah Keluarga En Musa di Kampung Baru,Naka..Tuan Haji bertanya khabar dan seterusnya menyampaikan bantuan barangan keperluan dapur dan Buku latihan untuk pasangan kembar yang juga pelajar Terbaik PMR 2013. Tuan Haji bersetuju untuk mengambil pasangan kembar En Musa yang juga pelajar Terbaik PMR 2013 sebagai Ikon Pelajar GPMS kedah.









**9. Kunjungan hormat GPMS UUM bersama GPMS Kedah**

Tarikh : 9 April 2014

Tempat : Dewan Aminuddin Baki, Kompleks Pemikir Melayu Kedah.

Seramai lebih daripada 30 orang aktivis GPMS UUM telah mengadakan lawatan ke Kompleks Pemikir Melayu Kedah iaitu ibu pejabat GPMS Kedah. Program ini berfokuskan kepada sesi perkongsian ilmu dan pengalaman di antara Pengerusi GPMS Kedah dan kepimpinan GPMS UUM.

UUM Universiti Utara Malaysia





**10. Mesyuarat Agung Tahunan GPMS Kedah 2014**

Tarikh : 28 Mac 2014

Tempat : Dewan Aminuddin Baki, Kompleks Pemikir Melayu Kedah.

Mesyuarat Agung Tahunan GPMS Kedah 2014 meruapakan agenda yang wajib dilakukan pada setiap tahun. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua cawangan dan cawangan khas di Kedah. Mesyuarat ini diadakan di Kompleks Pemikir Melayu Kedah. Pelbagai agenda turut diketengahkan bagi memantapkan pentadbiran GPMS Kedah dalam membantu anak-anak Melayu khususnya di negeri Kedah.





**11. Hari Terbuka GPMS Kedah sempena Lawatan Panel Penilai Anugerah Perdana Pertubuhan Belia Negara 2014**

Tarikh : 13 April 2014
Tempat : Kompleks Pemikir Melayu Kedah

GPMS Kedah telah dipilih sebagai finalis pertubuhan belia mewakili negeri Kedah bagi Anugerah Perdana Pertubuhan Belia peringkat Kebangsaan. Ini merupakan pengiktirafan dan kejayaan yang terbesar buat GPMS Kedah. Hari Terbuka GPMS diadakan bagi meraikan panel-panel penilai yang hadir. Antara pengisiannya ialah pameran dari agensi-agensi terpilih, pembentangan program dan aktiviti serta gerak kerja pentadbiran GPMS Kedah. Panel Penilai yang hadir mewakili Kementerian Belia dan Sukan bagi Anugerah Perdana Belia Negara dalam kategori pertubuhan NGO.

UUM
Universiti Utara Malaysia














**12. Program Street Dakwah bersama pelajar sekolah Di Daerah Padang Terap yang di bawa bersama**

Tarikh : 24 April 2014
Tempat : Perkarangan Masjid Zahir

Program Street Dakwah-"Qasidah busking" Anjuran Biro Dakwah dan Kerohanian GPMS Kedah dengan kerjasama Maahad Darul Hasyimie diadakan di hadapan Masjid Zahir di Alor Setar. Tempat tersebut merupakan tempat anak-anak muda berkumpul terutamanya golongan mat rempit. Program ini merupakan salah satu program penghayatan agama untuk menarik perhatian anak-anak muda yang melepak di kawasan tersebut.

UUM
Universiti Utara Malaysia





**13. Perjumpaan bersama wakil-wakil Al Bukhary International University**

Tarikh : 26 April 2014
Tempat : Restoran D'Green, Alor Setar.

Berikutan masalah penutupan institusi pendidikan iaitu AIU di Alor Setar, GPMS Kedah telah mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan pelajar-pelajar AIU bagi membincangkan tentang isu tersebut.



**14. Program Legasi Pembimbing Rakan Sebaya Pemimpin Pelajar Sekolah- Sekolah Daerah Padang Terap**

Tarikh : 26 April 2008
Tempat : Kem Sala

Program ini merupakan program anjuran GPMS Kedah dan Pejabat Pelajaran Daerah Kota Setar Dan Universiti Malaya. Program ini diadakan di Kem Sala yang disertai oleh 60 orang pelajar Kelab PRS dan 40 orang fasilitator dari Universiti Malaya. Program ini berfokuskan kepada aspek kepimpinan pelajar di sekolah.

UUM
Universiti Utara Malaysia





**15. Kunjungan hormat GPMS Kedah dan GPMS Padang terap dengan Rektor KUIN**

Tarikh : 30 April 2014
Tempat : Kolej Universiti Insaniah, Alor Setar

GPMS Kedah telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Rektor Insaniah untuk bertemu dengan Rektor KUIN bagi membincangkan isu-isu berkaitan pendidikan khususnya di Kedah. Perbincangan untuk menubuhkan cawangan khas di KUIN juga telah dipersetujui oleh pihak KUIN. Kunjungan ini merupakan pelan strategik GPMS Kedah dalam meningkatkan mutu pendidikan anak bangsa di negeri Kedah.





**16. Qasidah Street Busking**
Tarikh : 1 Mei 2014
Tempat : Berhadapan Masjid Zahir

Program Street Dakwah 2014 (Mingguan)- "Qasidah Busking" dijalankan setiap minggu di Dataran mini I-City(Hadapan Masjid Zahir). Program ini secara tidak langsung untuk menarik minat golongan belia yang melepak di kawasan tersebut untuk didedahkan dengan penghayatan agama.





Universiti Utara Malaysia

**17. Fiesta Mesra Belia bagi Daerah Padang Terap**
Tarikh : 3 Mei 2012
Tempat : Dataran Kuala Nerang

GPMS Kedah bersama-sama KPTM Alor Setar telah membuka Pasar Percuma dengan memberikan pakaian terpakai secara percuma kepada pengunjung. Pasar Percuma yang telah diadakan di Festival Mesra Belia Daerah Padang Terap mendapat sambutan yang cukup baik daripada masyarakat.









UUM
Universiti Utara Malaysia

**18. Festival Belia Negeri Kedah**
Tarikh : 9 Mei 2014
Tempat : Perkarangan Mini Stadium Daerah Padang Terap

GPMS Negeri Kedah telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Perdana Pertubuhan Belia Terbaik Negeri Kedah bagi tahun 2014. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Aminuddin Bin Omar selaku Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Kedah.





**19. Program Motivasi Pelajar Tahun 6 SK Pedu**
Tarikh : 10 Mei 2008
Tempat : Kem PLKN Dusun Resort Daerah Padang Terap

Program motivasi untuk pelajar-pelajar tahun 6 SK Pedu diadakan di Kem PLKN Dusun Resort, Padang Terap di mana tujuan program ini untuk menyuntik motivasi kepada pelajar-pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan UPSR yang kian tiba.



Universiti Utara Malaysia

**20. Bengkel Asas Kecantikan bagi Pelajar Sekolah Daerah Padang Terap**
Tarikh : 31 Mei 2014
Tempat : Pejabat Belia Daerah Padang Terap

Biro HEWA GPMS Kedah telah menganjurkan bengkel asas kecantikan bersama Mary Kay yang diadakan di Pejabat Belia Daerah Padang Terap. Program ini berfokuskan kepada ilmu kecantikan di samping menarik golongan wanita untuk mendekati GPMS Kedah,



**21. Program Street Dakwah dan pelajar Qasidah Daerah Padang Terap**

Tarikh : 21 Jun 2014

Tempat : Berhadapan Masjid Zahir

Program Qasidah masih diteruskan dalam mendekati anak-anak muda di kawasan sekitar. GPMS Kedah turut menerapkan unsur kerohanian dalam program-program bagi menyemai rasa kecintaan terhadap agama Islam.





Universiti Utara Malaysia

**22. Program Motivasi Pelajar Pra-Universiti Peringkat Daerah Kota Setar dan Pelajar Padang Terap**

Tarikh : 22 Jun 2014

Tempat : SMK Agama Kedah

Program motivasi ini melibatkan 200 orang pelajar daripada sekolah-sekolah sekitar daerah Kota Setar. Program ini diadakan di SMK Agama Kedah. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan STPM. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi dan teknik belajar serta penerangan mengenai PTPTN.








**23. Perjumpaan Pemikir-Pemikir GPMS Kedah dan Mahasiswa Daerah Padang Terap**

Tarikh : 23 Jun 2014

Tempat : Kompleks Pemikir Melayu Kedah

GPMS Kedah telah melantik seramai 11 orang pemikir yang terdiri daripada golongan-golongan professional bagi membantu dalam perjuangan visi dan misi GPMS Kedah. Perjumpaan ini merupakan perjumpaan pertama di antara panel pemikir dan juga dengan kepimpinan GPMS Kedah dalam membincangkan strategi dan hala tuju GPMS Kedah. Perjumpaan ini telah diadakan di Kompleks Pemikir Melayu Kedah.

UUM
Universiti Utara Malaysia



**24. Pelepasan Konvoi Kereta Antik ke Utara dan semua Daerah negeri Kedah**

Tarikh : 28 Jun 2009

Tempat : Berhadapan Kompleks Pemikir Melayu Kedah.

Perasmian konvoi kelab Kereta Antik telah diadakan di Kompleks Pemikir Melayu Kedah dan dirasmikan oleh Saudara Haji Shamsul Bahar Bin Abd Rani. Sebanyak lebih daripada 12 buah kerata yang terlibat dalam konvoi tersebut.





Universiti Utara Malaysia




**25. IFTAR & Zakat GPMS Kedah Dan bersama Pelajar sekolah – ERA**

**Penyampaian Padang Terap**

**EDAR**

Tarikh : 19 Julai 2012

Tempat : Casa Hamda, Darulaman Heights, Jitra Kedah.

Majlis IFTAR dan penyampaian zakat oleh GPMS Kedah dan pelajar pelajar sekolah Daerah Padang Terap juga terlibat dengan kerjasama Era Edar Marketing adalah untuk meraikan anak-anak yatim daripada Rumah Aman Baling dan juga dari Kuala Kedah. Antara pengisian majlis ini ialah pemberian sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim, ceramah Ramadhan yang disampaikan oleh Ustaz Ghadaffi, Pensyarah UUM dan Solat Terawikh bersama-sama tetamu yang hadir. Majlis ini dihadiri lebih daripada 100 orang tetamu jemputan.











Universiti Utara Malaysia

**26.** **Majlis Tautan Ukhwah**
Tarikh : 16 Ogos 2011
Tempat : Dewan Komuniti Daerah Padang Terap

Majlis Tautan Ukhwah ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturrahim dalam kalangan kepimpinan GPMS Kedah dan GPMS Padang Terap bersama Staff sekolah dan pelajar sekolah Daerah Padang Terap. Majlis ini diadakan secara santai dan melibatkan perbincangan secara "hati ke hati" bagi meningkatkan prestasi pencapaian GPMS Kedah untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

**27.** **Kayuhan Merdeka 2014**
Tarikh : 23 Ogos 2014
Tempat : SMK Felda Lubok Merbau

Program Kayuhan Merdeka ini telah melibatkan seramai hampir 200 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemai semangat patriotisme dan cinta akan Negara dalam kalangan pelajar-pelajar. Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi GPMS Kedah, Tn. Hj. Shamsul Bahar Bin Abd Rani.







**28. Bengkel Penulisan Media Kreatif Peringkat Negeri Kedah**
Tarikh : 25 September 2014 – 27 September 2014
Tempat : Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kedah

Bengkel Penulisan Media Kreatif dianjurkan oleh GPMS Kedah bersama-sama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah. Bengkel ini disertai oleh 40 orang belia. Tujuan program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada belia tentang input-input berkaitan penggunaan media terutamanya bagi laman sosial. Para peserta didedahkan dengan undang-undang berkaitan media serta diajar tentang cara-cara penulisan media yang baik. Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi GPMS Kedah, Tn. Hj. Shamsul Bahar Bin Abd Rani.






**Pelancara… Motivasi Perdana GPM… Kedah (Pe… PM) 2014**
07 September …
SMK Dato Sye… dang Terap, Kedah.

Program Motivasi Perdana GPMS Kedah merupakan program perdana yang dijalankan setiap tahun oleh GPMS Kedah. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2014 yang terdiri daripada peajar-pelajar sekolah di kawasan Merbok. Sasaran pelajar ialah pelajar-pelajar yang berada dalam zon pertengahan iaitu pelajar-pelajar gred B. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Seri Mahadir Khalid Timbalan Menteri KETTHA



**29. Program Jelajah Sukarelawan Rakan Muda**
Tarikh : 14 September 2014
Tempat : Sekitar Padang Terap

Universiti Utara Malaysia

Program ini merupakan program kerjasama di antara GPMS Kedah, Kelab Rakan Muda, dan JKKK Kampung Cenderai yang diadakan untuk membantu keluarga-keluarga yang susah dan miskin di sekitar kawasan Kuala Kedah. Sebanyak 15 buah rumah diziarahi oleh Sukarelawan. Barangan seperti Beras,Gula,Tepung,biskut dan Teh turut diberikan kepada rumah yang terpilih.

**30.** **Program Motivasi Perdana GPMS Kedah 2014**
Tarikh : 09 Oktober 2014
Tempat : Dewan SMK Felda Lubok Merbau Pedu.

Program Motivasi Perdana GPMS Kedah merupakan program perdana kedua yang dijalankan di daerah Bandar Baharu. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2014 yang terdiri daripada peajar-pelajar sekolah di kawasan Padang Terap. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Belia Daerah Padang Terap.

Universiti Utara Malaysia





**31.** **Program Motivasi Perdana GPMS Kedah**
Tarikh : 16 Oktober 2014
Tempat : Maktab Mahmud

Program Motivasi Perdana GPMS Kedah daerah Padang Terap merupakan daerah ketiga bagi siri jelajah ini. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2014 yang terdiri daripada peajar-pelajar sekolah di kawasan Padang Terap. Sasaran pelajar ialah pelajar-pelajar yang berada dalam zon pertengahan iaitu pelajar-pelajar gred B. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris.

**32.** **Program Motivasi Perdana GPMS Kedah**

Tarikh : 28 Oktober 2014

Tempat : SMK Daril Iltizam Daerah Padang Terap.

Program Motivasi Perdana GPMS Kedah merupakan program perdana yang dijalankan setiap tahun oleh GPMS Kedah. Program ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2014 yang terdiri daripada peajar-pelajar sekolah di kawasan Padang Terap. Sasaran pelajar ialah pelajar-pelajar yang berada dalam zon pertengahan iaitu pelajar-pelajar gred B. Antara pengisian program ini ialah ceramah motivasi, teknik menjawab SPM Matematik, dan teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Program ini dirasmikan oleh Y.Bhg Dato Haji Badrol Hisham Exco Kerajaan Perumahan tempatan Tenaga Dan Air negeri Kedah. Turut hadir dalam program ini adalah Dato' Hj. Izham Yusoff, Pengarah Urusan Kumpulan Bina Darulaman Berhad, Ybhg Dato Paduka Hj Ghaali Hj Ibrahim Setpol Menteri Kewangan, Shamsul Bahar Abd Rani, Pengerusi GPMS Kedah, , wakil PPD Padang Terap serta para waris pelajar.



**33.** **Malam Hijrah Anak Muda**

Tarikh : 31 Oktober 2014

Tempat : Perkarangan UTC, Alor Setar.

Program ini diadakan bersempena dengan sambutan awal Muharram di mana GPMS Kedah bersama beberapa agensi telah menyertai kacau Bubur Asyura bersama beberapa agensi di negeri Kedah. Pada malamnya pula, diadakan ceramah agama dan persembahan Qasidah daripada Kumpulan Al Mawlid. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk mendekati dan menarik minat anak-anak muda di negeri Kedah dengan aktiviti belia.



UTUSAN MALAYSIA · MUKA 31

Utara

GPMS sokong perkukuh sekolah kebangsaan

SUNGAI PETANI 1 Okt. - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Negeri Kedah menyatakan sokongan terhadap komitmen Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir untuk melakukan apa sahaja bagi mengukuhkan kedudukan sekolah kebangsaan.

Pengerusinya, Shamsul Bahar Abd. Rani berkata,

...

lagi selaras dengan peruntukkan Perlembagaan dan sekolah kebangsaan yang ada di seluruh negara boleh membawa penyatuan rakyat berbagai kaum," katanya






20

KOTA SETAR

Shamsul Bahar (kanan) berjumpa keluarga Mohd Nazri di Kampung Tok Pasai.




## S E K E L U M I T S E J A R A H

**Sekitar tahun 1945 hingga 1946, Aminuddin Baki mula menunjukkan minat terhadap persatuan**

**pelajar. Beliau sangat kagum dengan Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu yang ditubuhkan pada 20 November 1945 di Victoria Institution, Kuala Lumpur walaupun persatuan itu hanya mempunyai 11 orang ahli. Persatuan ini kemudiannya bertukar nama kepada Kesatuan Kesuratan Penuntut-Penuntut Melayu yang ditubuhkan pada 11 Februari 1946, dengan tujuan menyatukan semua persatuan pelajar di Tanah Melayu. Manakala, Aminuddin pula telah dilantik sebagai setiausaha.**

Pada masa yang sama, beliau telah menubuhkan persatuan pelajar di Perak yang dikenali sebagai Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Insaf (PERMI) pada April 1946. Namun begitu penglibatannya hanya sementara kerana pada Oktober 1947, beliau telah diterima sebagai pelajar di Kolej Raffles yang kini merupakan sebahagian daripada Universiti Nasional Singapura sejak 8 Oktober 1949.

UUM
Universiti Utara Malaysia

Di sinilah Aminuddin telah bertemu dengan Abdul Wahab Mohamed Ariff apabila mereka tinggal sebilik. Abdul Wahab pada ketika itu adalah Presiden Persatuan Mahasiswa Islam Kolej Perubatan dan Kolej Raffles, Singapura dan sangat mengambil berat tentang jumlah pelajar-pelajar Melayu di pusat Pengajian Tinggi. Jadi, mereka selalu berbincang mengenai pergerakan pelajar dan akhirnya mereka melahirkan idea menubuhkan *Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung*. Antara mereka yang turut memberi sokongan kepada idea ini ialah Mohd. Nor Marahakim, Abdullah Majid dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.



Bermula dengan persidangan yang membabitkan tujuh kesatuan pelajar di Jalan Tambun, Ipoh, satu konvensyen pelajar Melayu dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu

telah diadakan di Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948. Di sinilah satu ketetapan dibuat untuk bersetuju menubuhkan ***Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung*** atau lebih dikenali dengan singkatan GPMS.

Penubuhan GPMS digerakkan oleh lima orang mahasiswa dari Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward di Singapura (kolej ini kemudiannya menjadi Universiti Malaya, Singapura selepas bergabung dengan Kolej Raffles). Mereka yang bertanggungjawab mengadakan konvensyen dan menubuhkan Jawatankuasa Sementara GPMS dibarisi oleh Aminuddin Baki (Presiden GPMS 1950-1951 dan 1952-1953), Datuk Paduka Prof. Abdul Wahab Mohamed Ariff (Presiden GPMS 1948-1949), Mohd. Nor Marahakim, Abdullah Majid dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

GPMS adalah satu-satunya persatuan pelajar kebangsaan yang pertama ditubuhkan di negara ini hasil dari kesedaran akan pentingnya bidang akademik di kalangan anak-anak Melayu. GPMS memperkenalkan konsep kelas bimbingan sejak tahun 1950-an lagi. Kegiatan kelas bimbingan ini mendapat sambutan yang cukup baik daripada pelajar dan masyarakat pada masa itu. Mulai tahun 1960-an, pertubuhan belia negara ini mula menjadikan kelas bimbingan sebagai aktiviti persatuan.

Dalam tahun 1958, GPMS mula meneroka aktiviti-aktiviti baru dengan mengadakan kursus untuk pelajar. Dalam kursus ini, konsep perkhidmatan masyarakat mula diperkenalkan. Ahli-ahli GPMS khususnya dari Universiti Malaya bergerak mendampingi masyarakat dan meniupkan kesedaran ke dalam diri mereka akan peri pentingnya pelajaran sebagai kunci kemajuan bangsa. Sebagai susulan daripada kejayaan program itu, projek Gerakan Obor pula dipergiatkan. Pada tahun 1971, GPMS melancarkan Operasi Pembangunan Masyarakat di beberapa buah tempat di tanah air.

Universiti Utara Malaysia

Sejak tahun 1970-an, GPMS berusaha membantu pelajar melalui program siri Ceramah Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan SPM Dan STPM. Zaman terus berlalu, GPMS ikut merintis program-program baru seperti Ceramah Motivasi, Seminar Teknik Pembelajaran Secara Berkesan, Seminar Bimbingan Kerjaya, Peluang Melanjutkan Pelajaran, Kem Pendidikan dan Kem Kerjaya. Segala aktiviti yang menjurus kepada pendidikan mencerminkan perjuangan utama dan iltizam GPMS. GPMS sentiasa bekerjasama dengan badan dan organisasi lain yang berusaha meninggikan taraf pendidikan anak-anak bangsa Melayu.

Dalam usianya sudah mencecah 60 tahun, perjuangan GPMS berhasil memperkasakan perjuangan pelajar Melayu yang tidak pernah kunjung padam. GPMS yang mempunyai cawangan dan badan gabungan di seluruh semenanjung berusaha tanpa jemu untuk kecemerlangan pendidikan pelajar-pelajar Melayu demi maruah bangsa dan negara.

Berbekalkan moto *'Belajar Terus Belajar'*, GPMS terus memperjuangkan dan membela nasib pelajar-pelajar Melayu. Mudah-mudahan usaha murni ini demi memartabatkan agama Islam, bangsa Melayu dan bumi Malaysia yang tercinta ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah s.w.t.

Universiti Utara Malaysia

**Mukadimah GPMS**

**Kami pelajar Melayu yang dijemput oleh Jawatankuasa Sementara GPMS untuk menghadiri Persidangan Penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung di Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948.**

**SEDAR** atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar Melayu di semenanjung Tanah Melayu

**SEDAR** akan kemunduran kami di alam pengetahuan

**SEDAR** atas kewajipan kami untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa

**SEDAR** bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu terletak di tangan kami

BERPENDAPAT bahawa GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG wajiblah didirikan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu dari segenap lapisan.

BERIKRAR *"Dengan hati yang suci murni, kami pelajar-pelajar Melayu Semenanjung Tanah Melayu bersatu berdasarkan Keislaman dan Kebangsaan; berjuang dengan berani kerana benar untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa sebagai syarat mencapai kemajuan dan kemuliaan bangsa Melayu"*

**Moto GPMS**

**"BELAJAR TERUS BELAJAR"**

***Sumber : http://gpmsuitm.wordpress.com/sejarah/***

**PROSES PENUBUHAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG [GPMS]**

Sebenarnya GPMS telah pun melalui empat peringkat masa iaitu dengan penubuhan beberapa kumpulan pelajar Melayu yang dengan sedar meningkatkan kualiti pelajaran dan pendidikan orang Melayu.

Peringkat Pertama ialah pada tahun 1937 di mana tertubuhnya "**Malay Boys League**" di **Penang Free School**; Kedua, pada tahun 1945 dengan tertubuhnya "**Kesatuan Penuntut Melayu Victoria Institution**"; Ketiga, pada tahun 1947 iaitu dengan tertubuhnya "**Kesatuan Penuntut Melayu Selangor**"; dan Keempat, pada tahun 1948 apabila tertubuhnya " Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)".

## PERINGKAT PERTAMA

### MALAY BOYS LEAGUE
### (1937)

Penang Free School adalah sekolah yang pertama didirikan di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1816. Sejak dari tahun tersebut hingga tahun 1937 pelajar Melayu sentiasa ketinggalan dalam hal persekolahan. Pada setiap tahun hanya pelajar bukan Melayu menduduki tempat tertinggi dalam setiap peperiksaan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, tradisi kejayaan pelajar bukan Melayu dapat dipecahkan oleh seorang pelajar Melayu, Abdul Wahab Mohamed Ariff setelah beliau berjaya menjadi pelajar terbaik dalam peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1937 dan dianugerahkan Penang Free School Centenery Gold Medal pada tahun 1938. Kejayaan tersebut merupakan rekod kejayaan pertama dicapai oleh seorang pelajar Melayu.

Kejayaan Abdul Wahab Mohamed Ariff menakjubkan teman sebangsanya. Sebagai akibat dari peristiwa tersebut beliau diminta oleh teman-temannya menunjukkan teknik untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan. (Abdul Wahab Ariff adalah penuntut terbaik dalam peperiksaan Standard VI, VII, Junior Cambridge dan Senior Cambridge). Beliau menyahut seruan teman-temannya dan memberikan bimbingan pelajaran kepada mereka.

Memandangkan teman-teman terlalu bergantung harapan yang tinggi kepadanya, maka pada tahun 1937 Abdul Wahab Ariff mengambil inisiatif menubuhkan Malay Boys League yang bertujuan menyediakan dan melahirkan lebih ramai pelajar Melayu yang berjaya mendapat pingat emas. Belia dipilih sebagai Kapten Liga tersebut. Beberapa ketika setelah penubuhan liga, Abdul Wahab diminta oleh guru besarnya untuk membubarkan Liga yang dipimpinnya dan dalam keadaan yang terpaksa, Abdul Wahab Ariff mematuhi arahan tersebut meskipun luahannya,

*'…..in my blood I still felt much concerned for the educational betterment of my fellow Malay students.' meskipun begitu, '….Outside school I managed to organize another Malay Student League which was more of an educational and social organization.'*

Universiti Utara Malaysia

Begitulah Abdul Wahab Ariff anak muda yang ketika itu berumur 18 tahun berjaya merintis penubuhan perkumpulan pelajar yang menjalankan usaha sendirian untuk meninggikan kualiti pelajaran dan pendidikan teman-temannya. Usahanya terpaksa dimatikan pada tahun 1939 apabila beliau dipilih melanjutkan pelajaran di King VII College of Medicine, Singapura.

## PERINGKAT KEDUA

### KESATUAN PENUNTUT MELAYU VICTORIA INSTITUTION (1945)

Penggunaan Bahasa Inggeris dan pemusatan sekolah di bandar menjadi ciri utama dalam sistem persekolahan menengah dan tinggi kolonial Inggeris di Tanah Melayu. Sebagai akibat daripada keadaan ini terdapatnya kelompok pelajar Melayu yang amat kecil pada kedua-dua peringkat persekolahan tersebut.

## PERINGKAT KETIGA

### KESATUAN PENUNTUT MELAYU SELANGOR (1947)

Pergerakan penuntut-penuntut Melayu di Victoria Institution telah berkembang kemudiannya ke beberapa buah sekolah lain di sekitar Kuala Lumpur. Pergerakan pelajar tersebut kemudiannya telah merebak ke daerah-daerah lain di Selangor seperti Klang dan Kajang.

Melihat kepada perkembangan yang semakin meluas, telah timbul hasrat di kalangan beberapa orang pelajar Melayu di daerah tersebut untuk menyatukan tenaga ke dalam satu badan yang lebih besar yang bertujuan bagi menyelaraskan kegiatan dan menjamin kemajuan pergerakan mereka. Hasrat pelajar tersebut telah menjadi satu kenyataan bila pada awal tahun 1947 sebuah badan pelajar peringkat negeri Selangor telah ditubuhkan. Badan tersebut telah diberi nama Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor.

Antara perintis penubuhan badan pelajar tersebut ialah Mohamed Mohd. Nor, Wan Sulaiman Pawanteh, Asraf Haji Abdul Wahab, Siti Hasmah Mohd. Ali, Radziah Ali, Ann Abdul Majid, Hanum Sulaiman, Nyaros Othman, Abdul Hamid Haji Yahya, Shukor Ayob, Wan Ariffin Pawanteh, Wan Mahmud Pawanteh dan Wan Hassan Pawanteh.

Tujuan utama penubuhan Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor tersebut ialah :

a) Mencegah pemberhentian penuntut-penuntut Melayu dari sekolah Inggeris sebelum tamat pelajaran mereka Pemberhentian ini berlaku kerana kesempitan hidup atau berumahtanggadalam kadar umur yang awal.

b) Menubuhkan satu derma pelajaran bagi membantu penuntut-penuntut yang ada cita-

Universiti Utara Malaysia

cita hendak meneruskan pelajaran tetapi tidak ada keupayaan, menubuhkan tabung derma bernama, 'Badan Derma Pelajaran Melayu Kuala Lumpur'.

c) Menggalakkan penuntut-penuntut belajar bersungguh-sungguh dan memberi didikan kepada mereka yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan.

Membicarakan tentang Kesatuan Penuntut Melayu Selangor terdapat dua (2) perkara yang perlu diperlihatkan. Pertama, sumbangan badan tersebut kepada pergerakan pelajar, tanah air ; dan Kedua, tekanan sosial yang ditanggungnya di peringkat awal penubuhannya. Dalam hal pertama ini, KPPMS adalah badan penuntut yang pertama sekali muncul di Tanah Melayu yang mana kemudiannya telah membantu menubuhkan beberapa kesatuan pelajar di tempat-tempat lain seperti Kesatuan Penuntut Melayu Pahang, dan kemudiannya telah turut bersama dalam usaha menubuhkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Mengenai hal Kedua, Kesatuan ini pernah mengalami dua (2) peristiwa pahit. Pertama, pergerakannya di peringkat awal telah dicurigai oleh Pejabat Pelajaran, Pejabat Polis dan para ibu bapa pelajar tersebut di mana mereka beranggapan bahawa ahli-ahli Kesatuan ini telah menjadi alat dan dipengaruhi oleh badan-badan siasah yang pada waktu itu tumbuh seperti cendawan di musim hujan.

Kedua, telah timbul anggapan dan tuduhan daripada masyarakat bahawa Kesatuan ini ditubuhkan hanya untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bercorak sosial kerana telah mengadakan Pesta Ria dalam usaha Kesatuan mencari wang bagi mengisi Tabung Derma Pelajaran Melayu.

*Intellectuals thrive, when societies undergo a crisis, when something great ia at stake. The intellectuals came on the scene in their countries when they needed reform and a conceptual articulation of nationalism.'*

## PERINGKAT KEEMPAT

### GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG(1948)

Syed Hussein Al Attas dalam bukunya, `The Intellectuals and Developing Societies' menulis:

*" Intellectuals thrive, when societies undergo a crisis, when something great is at stake. The intellectuals came on the scene in their countries when they needed reform and a conceptual articulation of nationalism."*

Kenyataan Al Attas tersebut adalah tepat untuk memaparkan sejarah penubuhan GPMS, Ketetapan tersebut adalah disebabkan suasana yang sedang dihadapi oleh bangsa Melayu ketika itu lantaran kurangnya pelajar Melayu di Peringkat pengajian tinggi. Akibat dari

keadaan inilah maka isu utama yang menjadi pokok perbincangan selepas Perang Dunia Kedua ialah bagaimana caranya bagi mengatasi masalah tersebut yang sudah dianggap sebagai satu krisis kebangsaan yang mesti diatasi.

Seiring dengan hal tersebut hasrat untuk meramaikan pelajar Melayu di pusat pengajian tinggi telah menjadi social goal di kalangan masyarakat Melayu. Aminuddin Baki seorang pelajar Universiti Malaya Singapura dalam satu tulisannya menulis :

*"Memandang pada pentingnya universiti itu bukan sahaja menjadi tempat mempelajari ilmu pengetahuan tinggi, tetapi juga sebagai tempat ' membentuk corak Melayu pada masa hadapan dan tempat asuhan pemimpin-pemimpinnya, maka tak dapat tidak jika bangsa kita ingin hidup maju dan mulia, maka terpaksalah bilangan penuntut kita diperbanyakkan lagi. Bangsa kita kekurangan doktor, peguam, ahli ikhtisas dan kekurangan dalam segala-galanya. Kepada universiti itulah seharusnya kita mengarah pandangan berat memperbaiki keadaan kita yang serba serbi kekurangan ini'.*

Pada pertengahan tahun 1948, Abdul Wahab Ariff iaitu Presiden Persatuan Mahasiswa Islam Kolej Raffles dan Perubatan Singapura dalam ucapan tahunannya dengan tegas menyatakan,

*'... The Malay community was at present underrepresented at the upper educational levels. The Federation means nothing much to the present generation of Malay. Out of 2,200,000 Malays in the whole Malaya there are 25 Malay students out of 312 in the Medical College, 33 out of 300 in Raffles College and of 200 Malayan students in the United Kindom, there are only 38 Malays....'*

Menyedari bahawa semangat yang meluap-luap sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah, dan belajar dari peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union di mana orang Melayu telah bersatu dan kemudiannya telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu, maka timbullah fikiran di kalangan para pelajar Melayu itu untuk menggabungkan semua Kesatuan Penuntut Melayu negeri-negeri dan badan-badan pelajar di maktab-maktab ke dalam satu gabungan pelajar peringkat kebangsaan.

Cadangan ini sebenarnya bermula setelah Abdul Wahab Ariff menyampaikan ucapan tahunan dalam satu jamuan yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Islam Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura di Hotel Adetphi yang antara lain telah menggesa agar ditubuhkan sebuah badan pelajar Melayu yang dapat menyatukan seluruh badan pelajar di Tanah Melayu dan diharapkan agar badan tersebut dapat menjalankan usaha meninggikan kualiti pelajaran pelajar-pelajar Melayu. Antara yang hadir di majlis jamuan tersebut ialah seorang pelajar tahun pertama Maktab Raffles yang berasal dari Chemor, Perak iaitu Aminuddin Baki.

Dalam satu pertemuan di antara Aminuddin dengan Abdul Wahab Ariff, Aminuddin telah menyatakan kegembiraannya mendengar hasrat Abdul Wahab Ariff untuk menggabungkan badan-badan pelajar Melayu ke dalam satu badan gabungan. Aminuddin juga telah menyatakan tentang kegagalan beliau dalam usaha awalnya untuk menggabungkan beberapa buah badan pelajar Melayu ke dalam satu Kesatuan di Malaya.

UUM Universiti Utara Malaysia

Pada pertemuan tersebut juga, Aminuddin telah meminta Abdul Wahab Ariff meneruskan hasrat dan cita-citanya untuk menggabungkan badan pelajar Melayu dan memainkan peranan utama dalam usaha tersebut. Pada pendapat Aminuddin, Abdul Wahab Ariff adalah orang yang paling tepat untuk menjalankan usaha ke arah lahirnya sebuah badan gabungan peringkat kebangsaan.

Keyakinan itu berdasarkan pada kedudukan Abdul Wahab Ariff yang ketika itu menjadi Presiden Persatuan Pelajar Islam Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura yang tentunya akan dapat mempengaruhi teman-teman semaktabnya dan kemudian mendapati bahawa fikiran untuk menubuhkan sebuah badan pelajar Melayu peringkat Kebangsaan itu telah mendapat sambutan baik. Hasil dari itu, terbentuklah sebuah Jawatankuasa Penaja yang akan berusaha merancang diadakan satu Kongres Penuntut Melayu Se Malaya di Kuala Lumpur.

Anggota Jawatankuasa Penaja yang dilantik adalah para pelajar Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura yang terdiri daripada Abdul Wahab Ariff sebagai Pengerusi, Aminuddin Baki sebagai Setiausaha, Ahmad Ridhuan Haji Zainuddin sebagai Penolong Setiausaha, Abdullah Majid sebagai Bendahari, Siti Hasmah Mohd. Ali wakil Pemudi. Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada Mohamad Nor Marahakim, Wan Sulaiman Pawanteh-dan Abdul Rahim Ishak.

Ahli Jawatankuasa Penaja tersebut telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan beberapa perkara mengenai kongres dan penubuhan sebuah gabungan pelajar. Tarikh 14 dan 15 Ogos 1948 telah dipilih sebagai tarikh untuk mengadakan kongres dan penubuhan badan pelajar tersebut. Jawatankuasa tersebut juga telah bersetuju bahawa kongres tersebut akan diadakan di Kuala Lumpur dan Persatuan Penuntut Muslim Technical College, Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kongres tersebut. Jemputan untuk menghadiri kongres telah dihantar kepada semua badan pelajar di negeri-negeri seperti Selangor, Pahang dan Perak serta badan-badan pelajar di Maktab Teknik Kuala Lumpur dan Maktab Pertanian Serdang.

Kongres Penuntut Melayu Malaya telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada hari Sabtu dan Ahad, 14 dan 15 Ogos 1948 dengan dipengerusikan oleh Aminuddin Baki. Tujuh (7) buah badan pelajar telah menghadiri kongres tersebut. Badan-badan tersebut adalah Persatuan Penuntut Muslim Technical College Kuala Lumpur, Persatuan Persuratan Penuntut Melayu Maktab Pertanian Serdang, Perhimpunan Pelajar Melayu Insaf Perak, Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Pahang (KPMP), Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor (KPPMS), Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor Cawangan Kuala Lumpur dan Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor Cawangan Kajang.

Persidangan tersebut telah membincang dan kemudiannya meluluskan rangka Perlembagaan, Panji-panji dan juga telah mengesahkan Surat Ikrar penubuhan sebuah badan pelajar yang diberi nama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Universiti Utara Malaysia

Sumber: Laman Web Rasmi GPMS Malaysia (http://gpms.my/sejarah-gpms/sejarah-penubuhan-gpms/)

Blog GPMS UUM (http://gpmsuum.blogspot.com/p/sejarah-gpms_18.html)

Tarikh: 31 December 2013



**Aminuddin Baki** (26 Januari 1926 - 25 Disember 1965) ialah "Bapa Pendidikan Malaysia" serta bekas Ketua Penasihat Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan) yang paling muda ketika berusia 36 tahun. Beliau mempertingkatkan mutu pelajaran di negara ini, termasuk menyusun Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Laporan Pendidikan Razak pada tahun 1956, dan Laporan Abdul Rahman Talib pada tahun 1960. Banyak sekolah dan institusi di Malaysia telah dinamakan sempena namanya.

Universiti Utara Malaysia

## Kehidupan awal

Dilahirkan di sebuah kampung di Chemor, Perak 1926, Aminuddin memulakan pendidikanawalnya di Sekolah Melayu Chemor pada tahun 1932. Selepas lulus peperiksaan darjah lima pada tahun 1936, beliau meneruskan pelajarannya di Sekolah Anderson yang merupakan sekolah Inggeris yang terbaik di Ipoh ketika itu. Beliau tamat persekolahan menengahnya pada tahun 1941.

Pada sekitar tahun 1945, Aminuddin mula menunjukkan minat dalam persatuan pelajar ketika berasa amat kagum dengan *Persatuan Pelajar-pelajar Melayu* yang ditubuhkan pada 20 November 1945 di Institusi Victoria, Kuala Lumpur, walaupun persatuan itu hanya mempunyai 11 orang ahli. Persatuan ini kemudian bertukar nama kepada *Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu* pada 11 Februari 1946, dengan tujuan menyatukan semua persatuan pelajar

di Tanah Melayu. Aminuddin dilantik sebagai setiausaha dan kemudian, menubuhkan*Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Insaf* (PERMI) di Perak pada April 1946. Namun begitu penglibatannya hanya sementara kerana pada Oktober 1947, Aminuddin diterima sebagai pelajar di Kolej Raffles, kini merupakan sebahagian Universiti Nasional Singapura sejak 8 Oktober 1949.

Pada masa ini, UMNO yang telah ditubuhkan bagi menentang penubuhan Malayan Unionmenggalakkan pemimpin-pemimpin persatuan pelajar untuk berusaha ke arah pencapaian matlamat mereka. Oleh itu, Aminuddin dan pemimpin pelajar lain mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah persatuan yang lebih kuat. Tujuh persatuan telah bersidang selama dua hari di Jalan Tambun, Ipoh. Hasil daripada persidangan itu terbentuklah Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada 15 Ogos 1948.

Walau bagaimanapun pada tahun 1949, Aminuddin terpaksa menghentikan kegiatan persatuan pelajarnya kerana ditawarkan ke Universiti Malaya, Singapura. Pada ketika itu, beliau hanya mengikuti perkembangan persatuan dari jauh. Semasa di universiti, Aminuddin berminat mengajar dan untuk menimba pengalaman, beliau mendaftar sebagai guru sambilan di Sekolah Malam Anglo-Melayu. Beliau mengajar di sekolah itu dari tahun 1949 hingga 1951. Pada tahun 1950, beliau bergiat aktif semula dalam GPMS dan dilantik sebagai Yang Dipertua persatuan itu. Dalam tahun yang sama, beliau lulus peperiksaan Sarjana Sastera dan pada tahun berikutnya, memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dengan Kepujian.

*Kerjaya*

Selepas menamatkan pelajarannya pada tahun 1951, Aminuddin kembali ke Perak dan menjadi guru di Sekolah Inggeris Sultan Yusuf di Batu Gajah untuk sebentar waktu dan kemudian, berkhidmat di Sekolah Anderson hingga Julai 1952. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya

dalam bidang pendidikan di Institut Pendidikan, Universiti Londondengan Biasiswa Ratu dan meninggalkan Pulau Pinang menaiki kapal pada 12 Julai 1952. Aminuddin memperoleh Ijazah Sarjana Kaedah-kaedah dalam bidang pendidikan pada bulan Julai 1953. Selepas pulang ke tanah air, beliau ditawarkan jawatan Pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim. Beliau memperkenalkan Sejarah Islam kepada pelajar tetapi tidak termasuk dalam sukatan pelajaran. Pada bulan September 1955, Aminuddin terlibat dalam menyediakan Laporan Pendidikan Razak dan pada tahun 1960, beliau dipilih sebagai ahli jawatankuasa penasihat dalam menyiapkan Laporan Abdul Rahman Talib.

Ketika berusia 36 tahun, Aminuddin dilantik menjadi Ketua Pegawai Pendidikan Selangor pada 1962, dan pada tahun yang sama menjadi Ketua Penasihat Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan). Pada masa yang sama, beliau aktif dalam persatuan dan pertubuhan lain seperti Senat Universiti Malaya, Persatuan Al-Rahman,Persatuan Sejarah Tanah Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau juga mewujudkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Aminuddin menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 1963.

Universiti Utara Malaysia

Beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai perancang pendidik yang bijaksana dan berpandangan jauh di Asia oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)

*Meninggal dunia*

---

Aminuddin Baki meninggal dunia pada 24 Disember 1965 ketika berusia 39 tahun kerana diserang penyakit jantung selepas menunaikan sembahyang.Jawatan terakhir beliau ialah sebagai

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. 'Tabung Pendidikan Aminuddin Baki' telah dilancarkan dan akhbar The Strait Times telah memberi kerjasama berkempen mengutip derma daripada orang ramai. Pejabat Strait Times di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh ditugaskan untuk menerima sumbangan .Menteri Pelajaran ketika itu ialah Mohamed Khir Johari (Tan Sri). [1][2]

### *Pidato Umum Aminuddin Baki*

Jawatan tertinggi beliau ialah Ketua Penasihat Pelajaran. Tan Sri Hamdan Sheikh Tahir menyifatkan beliau sebagai `Bapa Pendidikan Moden Malaysia'. Dalam bidang pendidikan Aminuddin telah mempelopori berbagai aspek pendidikan seperti kurikulum, pentadbiran, aspek bahasa pengantar, falsafah pendidikan negara bahkan semua aspek yang menyentuh masalah pendidikan negara .

### *Sumbangan*

Antara sumbangan Aminuddin Baki termasuk seperti berikut: (i) Memperkenalkan Sejarah Islam kepada guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. (tetapi tidak termasuk dalam sukatan pelajaran) (ii) Melibatkan diri dalam penyediaan Penyata Razak pada tahun 1955. (iii) Menjadi ahli jawatankuasa penasihat dalam menyiapkan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960: (iv) Mewujudkan Sijil rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). (v) Menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia (vi) Sebab itu sekolah aminuddin baki adalah sekolah hebat kerena aminuddin baki menubuhkan lembaga peperiksaan.

UUM Universiti Utara Malaysia

### *Buku berkaitan*

1. Aminuddin Baki :oleh Nurul Syifa : Goodmark Enterprise, 2008.

2. Biografi Aminuddin Baki : arkitek pendidikan negara / Rozeman Abu Hassan. : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
3. Development and the muslims : the third international Islamic geographical reference, 28 August-2 September 1988, Institut Aminuddin Baki, Genting Highland, Malaysia / editor, Kadir H. Din : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.
4. Aminuddin Baki : Tokoh Pendidikan : Pelanduk Publications Sdn Bhd, 1987.

*Lihat juga*

---

- Yayasan Aminuddin Baki
- Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki

*Rujukan*

---

1. Panjat↑ The Straits Times, 15 April 1966, Halaman 8 ; Aminuddin Baki keluarga: Sesuatu rayuan
2. Panjat↑ he Straits Times, 16 April 1966, Halaman 8; Aminuddin Baki Fund

*Pautan luar*

---

- Perpustakaan Negara Malaysia.
- Laman Rasmi Yayasan Aminuddin Baki
- **(Melayu)** Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)

**Dasar Pendidikan Di Malaysia**

Bagi setiap negara yang sudah mencapai kemerdekaan, salah satu aspek penting yang amat dititikberatkan dalam usaha untuk menuju ke arah negara yang maju dan membangun dari

aspek politik, ekonomi dan sosial ialah penekanan terhadap perlaksanaan sistem pendidikan negara.

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara, penting bukan sahaja kerana fungsi kebajikan dan sosialisasinya iaitu di mana kanak –kanak dididik untuk menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta alam sekeliling,tetapi juga bolehdigunakan sebagai wadah untuk menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat iaitu melalui penerapan tentang kefahaman serta nilai – nilai positif untuk perpaduan kaum di kalangan para pelajar. Di Malaysia, dasar pendidikan mempunyai peranan yang amat pentingdalam menentukan hala tuju sistem pendidikan negara yang mana dasar ini dikenali sebagai'Dasar Pendidikan Kebangsaan'

Dasar Pendidikan Kebangsaan mula dilaksanakan di Negara ini dalam tahun 1957.

3 tujuan utama yang terkandung dalam dasar pendidikan

Pertama, tujuan dasar pendidikan diadakan adalah untuk mewujudkan satu sistem pelajaran yang dapat memenuhi keperluan Negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Kedua,untuk menghasilkan pelajar yang

Kedua, berdisiplin serta mematuhi dan menghormati kedua ibu bapa mereka

di mana prinsip ini sejajar dengan dasar dan polisi pendidikan untuk mengadakan proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan efisien dengan keperluan untuk mengelakkan perbelanjaan

awam yang tidak tersusun.

Yang ketiga pula, ianya untuk memastikan agar dasar ini dapat dilaksanakandengan berkesan khususnya dalam menentukan perkembangan sistem pendidikan yang progresif dan bahasa kebangsaan dijadikan sebagai bahasa pengantar yang utama.Integrasi antara kaum pula merupakan isu yang amat diberi perhatian aoleh pihak kerajaan ketika menggubal dasar pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaannya. Laporan Razak 1956 .

LaporanRahmanTalib 1960 telah menggariskan dengan jelas dasar

yang berkaitandengan nilai – nilai integrasi antara kaum ini.

Antara langkah yang telah diambil dalam usaha untuk mengukuhkan dasar pendidikan negara ini ialah dengan menjadikan bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di semua sekolah, menggunakan sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan yang sama di setiap sekolah.

guru – guru yang mengajar di sekolah haruslah dilatih di bawah satu sistem latihan perguruan yang sama. Ketiga – tiga faktor ini merupakan kunci kepada pembentukan arah dan orientasi nilai sistem

pendidikan kebangsaan negara ini. Menerusi perancangan yang sistematik, kurikulum latihan perguruan yang seragam dan amalan – amalan pedagogi di bilik- bilik darjah yang bersesuaian.

sistem pendidikan kebangsaan ini dijangka dapat membentuk ciri- ciri tingkahlaku dan sikappelajar yang

bersesuaian dengan tatasusila masyarakat Malaysia..

Perkembangan sistem pendidikan kebangsaan selepasmerdeka

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami banyak perubahan selepasmencapai kemerdekaan terutamanya di sekitar tahun 1980-an. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979), Rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)mula dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh negara mulai tahun1983. Rancangan KBSR ini menekankan penguasaan terhadap kemahiranasas 3M iaitu membaca , menulis dan mengira.Di samping itu juga, ia juga memberi tumpuan terhadap perkembangan individu secara menyeluruh yangmeliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).

Pada tahun1989, Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

(KBSM) diperkenalkan di semua sekolah menengah KBSM ini

dirancang untuk memperkembangkan potensi individu

daripada aspek JERIS secara menyeluruh dan bersepadudalam usaha

untuk melahirkan pelajar yang berilmu, berakhlak mulia serta berupaya

memberi sumbangan kepada kemajuan kesejahteraan serta pembangunan Negara..

Walaubagaimanapun, faktor utama yang menjadi tunjang ke arah pembentukan

sistem pendidikan negara selepas mencapai

kemerdekaan ialah ‘Perpaduan’.Apabila Tanah Melayu mencapaikemerdekaan daripada penjajah British pada tahun 1957,tugas utamanya ialah untuk menyatukan kembali rakyatnya yang berbilang kaum supaya dapat membina kembali sebuah negara yang aman dan maju serta bebas daripada ancaman konflik antara kaum.

Pada tahun 1959, sebuah Jawatankuasa Penyemak Mata pelajaran telah dibentuk yang dikenali sebagai Laporan Rahman Talib.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Menteri Pelajaran ketika itu, iaitu Abdul Rahman Talib. Tujuan perlantikan jawatankuasa ini untuk mengkaji semula polisi pendidikan

kebangsaan sebagaimana yang telahdicadangkan dalam Laporan Razak yang dibuat pada tahun 1956. Antara cadangan – cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib ialah yang pertama, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di setiap sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil .Antara tindakan – tindakan yang diambil ialah mewajibkan semua muridlulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam , kertas peperiksaan ditulis menggunakan Bahasa Melayu.

Ini bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang

berbilang kaum. Yang kedua, jawatankuasa ini mencadangkan agar umur persekolahan murid – murid dinaikkan daripada 12 tahun ke 15 tahun.Ia bertujuan untuk mengelakkan berlakunya

masalah penggangguran dan masalah sosial sekiranya murid –murid ini berhenti sekolah terlalu awal..

Ketiga pula, memberi bantuan kewangan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (aliran Bahasa Melayu ) dan Sekolah Menengah Jenis

Kebangsaan (aliran Bahasa Inggeris). Mana – mana sekolah yang singkar terhadap

sistem pendidikan kebangsaan,bantuan kewangan terhadap sekolah tersebut akan ditarik balik. Di samping itu, Sekolah Menengah Teknikdan Vokasional telah ditubuhkan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang dan jurusan. Laporan Rahman Talib ini kemudiannya dibentangkan di Parlimen dan diluluskan yang manakemudiannya dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961. Sejak itu,

perkembangan pendidikan kebangsaan selanjutnya adalah berdasarkankepada polisi pendidikan kebangsaan yang tercatat dalam Akta Pelajaran1961 ini.Sistem pendidikan

Universiti Utara Malaysia

negara terus mengalami perubahan di sekitar
tahun1963 hingga 1975 selaras dengan perlaksanaan

rancangan lima tahunMalaysia. Perkembangan sistem pendidikan negara pada tah un

ini boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaituTahap Pertama (1963 -1965),

TahapKedua (1966-1970) dan Tahap Ketiga (1971-1975).

Tahap pertama
merupakan tahap perlaksanaan rancangan sistem pendidikan yang telah dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961. Tahap kedua pula merupakan tahap perlaksanaan rancangan pendidikan di bawah Rancangan MalaysiaPertama. Ia digubal dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah ekonomidan sosial yang timbul dalam tempoh ini. Sistem pendidikan pada tahap ini
bukan hanya berorientasikan kepada pembasmian buta huruf tetapi jugauntuk menca pai matlamat ekonomi negara.

Antara matlamat lain yang ingin dicapai ialah memperkukuhkan sistem pendidikan

kebangsaanbagi memupuk perpaduan sosial, kebudayaan dan politik, menyediakan kemudahan

pendidikan yang lebih bersistematik dan selesa kepada para pelajar, meningkatkan taraf pendidikan di seluruh negara serta melaksanakan pendemokrasian pendidikan tanpa mengira bangsa, kaum mahu pun agama. Pada tahap ini, beberapa buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional telah disediakan bagi melatih pelajar dalam bidang pertukangan, pertanian, sains rumahtangga dan perdagangan disediakan.Perkembangan

sistem pendidikan dalam tahap ketiga pula ialah merupakan pengubahsuaian sistem pelajaran

dan latihan untuk
memenuhikeperluan perkembangan ekonomi serta untuk menghasilkan

lebih ramaipekerja mahir bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sistempendidikan pada tahap ini dirancang supaya memberi sumbangan penting

bagi menggalakkan perpaduan di kalangan rakyat berbilangbangsa. Perubahan – perubahan

Universiti Utara Malaysia

sistem pendidikan ini adalahakibat darikonflik perkauman yang tercetus

pada 13 Mei 1969.Kerajaan Malaysiaterpaksa mengkaji semula matlamat – matlamat pendidikan negara danseterusnya merancang suatu sistem pendidikan yang lebih sesuai denganharapan boleh menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan dap mengelakkan tragedi konflik perkauman itu daripada berulang kembali. Kesinambungan daripada Rancangan Malaysia yang pertama ini , sistem pendidikan negara terus mengalami arus perubahan dan

perkembangan pada Rancangan Malaysia yang kedua (1971-1975). Di bawah Rancangan Malaysia Kedua , rancangan pendidikan Negara ditumpukan pada

tiga bidang yang berikut iaitu yang pertama ,menyatukan sistem pelajaran

bagi menggalakkan perpaduan negara. Yang kedua memperluaskan rancangan pelajaran bagi mencapai keperluan negara mengenai tenaga rakyat dan yang ketiga memperbaiki mutu pelajaran ke arah mecapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden. Antara strategi yang dilaksanakanuntuk mencapai ketiga – tiga hasrat ini ialah yang pertama melaksanakanBahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secaraberperingkat. Kedua, mengurangkan jurang perbezaan dalam memberikanpeluang pelajaran di antara kawasan – kawasan dan

juga antara kaum melalui pembinaan sekolah dan kemudahan yang baru di sekolah luar bandar serta

melaksanakan pendemokrasian pendidikan. Yang ketiga, meningkatkan mutu pelajaran.Dalam usaha

untuk meningkatkan mutu pelajaran antaranya melalui pengurangan

bilangan pelajar yang terkandas dalam peperiksaan awam, membuat penilaian

secara sistematik, memperbaiki sukatan pelajaran serta memperseimbangkan antara

mata pelajaran teras dengan mata pelajaran elektif seperti sains dan teknologi. Pada tahun 1974, kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatakuasa Kabinet untukmengkaji

pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.Jawatankuasa ini telah mengkaji semula matlamat

dan kesan sistem pelajaran termasuk kurikulumnya untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara inidapat dipenuhi. Walaubagaimanapun, perkara yang lebih penting ialah untuk memastikan bahawa sistem pelajaran ini dapat memenuhi matlamat Negara ke arah pembentukan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Antara aspek lain yang dikaji untuk penambah baikkan terhadap sistem pendidikan di negara ini ialah

menyeragamkan sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan di semua sekolah, menjadikan

BahasaMelayu sebagai bahasa kebangsaan, menstrukturkan masa persekolahan, meningkatkan

kecekapan dalam sistem pentadbiran

dan pengurusan serta memasukkan matapelajaran yang baru dalam kurikulum sekolah

iaitu matapelajaran Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam dan Moral serta

memantapkan lagi pembentukan disiplin dikalangan para pelajar.

Pengenalan KBSR dan KBSM

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan agar setaraf dengan negara – negara maju yang lain,

tahun 1986 hingga awal tahun 1991 adalah merupakan tahap terpenting dalam sejarah

pendidikan negara di mana pelbagai perubahan telah dilaksanakan dalam banyak

aspek, di samping berusaha untuk menangani cabaran perkembangan semasa yang mana telah mula mengabaikan nilai kerohanian dan juga nilai murni dalam kehidupanmasyarakat pada waktu tersebut. Perlaksanaan kurikulum baru KBSR dan KBSM adalah susulan daripada perubahan

yang dilakukan oleh LaporanJawatankuasa Kabinet Mengenai Perlaksanaan D asar

Pelajaran yang dikeluarkan pada tahun 1979. Berikutan itu, Kementerian Pendidikan pada ketika

itu telah mengambil langkah drastik dengan melaksanakan perakuanyang terkandung dalam laporan tersebut. Oleh yang demikian, kurikulum diperingkat rendah dan menengah telah dikaji dan digubal semula dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan negara. Oleh yang demikian, segala perubahan dalam kurikulum, cita - cita FPN dan pendekatan yang menekankan kesepaduan

dalam kurikulum menengah perlu difahami olehsemua lapisan masyarakat agar hasrat

murni yang ingin dicapai melaluipendidikan dapat dijayakan dengan berkesan dan sempurna.

Latar belakang Kurikulum Bersepadu SekolahRendah (KBSR)

Penggubalan semula Falsafah Pendidikan Negara yang dahulunya hanyadikenali sebagai Falsafah Pendidikan, menyebabkan berlakunya keperluan untuk mengkaji semula keseluruhan system dalam pendidikan kebangsaan.
Kesinambungan daripada perubahan ini, maka terhasilnya Kurikulum

Bersepadu Sekolah Rendah yang telah dilancarkan sepenuhnya pada tahun1983.

Kurikulum ini digubal bagi memastikan setiap murid diberi peluanguntuk mendap atkan

kemahiran, pengetahuan, nilai, sikap dan amalan kehidupan yang diperlukan. Falsafah KBSR ialah memberi pendidikan yang bercorak pendidikan asas dengan penegasan terhadap kemahiran 3M iaitumembaca, menulis dan mengira. KBSR turut memberi penekanan terhadap

perkembangan individu secara menyeluruh dan seimbang dari aspek JERIS serta pemupukan dan perkembangan bakat seseorang individu itu.

Antara objektif penting pembentukan KBSR yang perlu dicapai pula ialah Yang pertama, murid dapat

Menguasai dan menghargai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai alat

perpaduan dengan baik dan memuaskan.

Yang kedua, murid dapat menguasai kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran bertutur,

Universiti Utara Malaysia

membaca dan menulis dalam bahasa pengantar sekolah rendah iaitu Bahasa Melayu. Seterusnya yang ketiga pula ialah, melalui KBSR, pembinaan sikap dan perlakuan yang baik berpandukan nilai –
nilai kemanusiaan dan kerohanian yang berlandaskan RUKUNNEGARA dapat dipupuk dikalangan murid. Yang keempat, murid dapat
bergaul, menghargai hak dan kebolehan orang lain serta mempunyai semangat kerjasama dan

toleransi.
Kelima, murid dapatmenambahkan ilmu pengetahuan,

kefahaman, minat serta kepekaan terhadap manusia dan alam sekitar. KBSR dibahagikan kepada tiga bidang asas iaitu bidang komunikasi, bidang
kemanusiaan dengan persekitaran

dan bidang perkembangan diri
individu.Bidang komunikasi pada asasnya terdiri

daripada komponen Kemahiran Asas yang mengandungi mata
pelajaran Bahasa iaitu

Bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris serta matapelajaran Matematik.

Bidang Kemanusiaan dan Alam Sekitar pula terbahagi kepada dua komponen iaitu Kerohanian,

Nilai dan Sikap serta Komponen Kemanusiaan dengan Alam.Mata pelajaran yang

mewakili bidang ini ialah matapelajaran Pendidikan
Islam dan Pendidikan

Moral.Bidang yang ketiga pula iaitu bidang
perkembangan diri

Individu terdiri daripada komponen Kesenian dan Reakreasi yang

Mengandungi matapelajaran Muzik, Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani. Berdasarkan

perkara yang berkaitan di atas, maka jelaslah bahawa matlamat pendidikan KBSR di sekolah rendah
untukmemastikan perkembangan murid secara menyeluruh dari aspek

intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai – nilai estetika dan sosial selaras dengan falsafah dan dasar

pendidikan negara iaitu untuk

membangunkan negara dan menyemai perpaduan kaum yang

kukuhserta integrasi nasional melalui sistem pendidikan yang tersusun danbersistematik.

Latar Belakang Kurikulum Bersepadu SekolahMenengah (KBSM)

Matlamat utama pendidikan di Malaysia pada dasarnya adalah menuju kearah penambahan keperluan

tenaga kerja serta mencapai perpaduan rakyat melalui perkembangan individu yang menyeluruh

Oleh itu, untuk menjamin akan wujudnya keseimbangan pembelajaran antara kedua – dua peringkat persekolahan iaitu rendah dan menengah, beberapa perubahan terhadap kurikulum sekolah menengah adalah amat diperlukan. Perubahan kurikulum yang menyeluruh bagi peringkat menengah dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah

Menengah (KBSM) yang mana muladilaksanakan pada tahun 1988

secara berperingkat – peringkat. Matlamat KBSM ini adalah berteraskan kepada perkembangan diri yang disepadukan dengan orientasi kepada masyarakat dan negara.Perkembangan

diri ditujukan kepada kerohanian , pemikiran dan penaakulan, kesejahteraan diri, kemahiran hidup,

reakreasi, daya kreatif dan sikap yang positif. Orientasikepada masyarakat

pula ditujukan kepada kemahiran berinteraksi, politik, perpaduan negara, sosio budaya, ekonomi dan modenisasi. Bahkan KBSM digubal berlandaskan kepada konsep pendidikan

umum yang memberi penegasan kepada pendidikan yang seimbang dan menyeluruh dalam usaha pemupukan nilai dan kemahiran untuk membolehkan seseorang itu menjadiwarganegara yang berguna, bersemangat patriotik, dan Antara objekif – objektif yang terdapat dalam KBSM

Universiti Utara Malaysia

ialah membolehkan pelajar menguasai kemahiran berinteraksi dalam situasi kehidupan sebenar, menekankan

pembelajaran ke arah memahami diri, mengembangkan bakat, serta mempertingkatkan peribadi dan watak, memberi keseimbangan antara ilmu pengetahuan dengan unsur nilai, amalan dan

rekreasi serta memberi penekanan terhadap kemahiranmenyelesaikan masalah dala m situasi kehidupan harian. Unsur – unsur penting yang terkandung dalam KBSM ini ialah yang pertama ‘Unsur ilmu dan kemahiran. Unsur yang kedua pula ialah‘Nilai – nilai murni’ di mana penerapan nilai murni dalam kurikulum ini adalah yang bersifat sejagat yang berteraskan kepada aspek

kerohanian,kemanusiaan dan kewarganegaraan seperti baik hati,

bertoleransi, bekerjasama , rasional dan sebagainya. Gerak kerja kokurikulum seperti aktiviti persatuan , unit beruniform dan permainan adalah unsur ketiga yangt erdapat dalam

KBSM ini. Antara tujuan gerak kerja kokurikulm ini dilaksanaka n adalah untuk memupuk dan mengeratkan hubungan antaramurid, sekolah dan masyarakat, mengisi masa lapang murid dengan aktivitiyang berfaedah, mengamalkan dan mengukuhkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dalam bilik darjah serta memberi peluang untuk memupuk sikap yakin dan berdikari di kalangan para pelajar.

Universiti Utara Malaysia

Perpaduan dan Integrasi Nasional Perpaduan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), membawa maksud“sesuatu perihalan atau proses

penggabungan dan kesepakatan untuk menjadi satu”

.

Integrasi pula bermakna“penggabungan atau pergabungan dua atau lebih beberapa

kaum menjadi satu kesatuan”.

Integrasi Nasional pula membawa maksud “satu proses yang menyatu

padukan pelbagai kelompok etnik dalam masyarakat melalui pengenalan atau pengwujudan satu identiti yang sama ". Di dalam konteks kehidupan masyarakat

Malaysia pada hari ini, pihak kerajaan amat menitikberatkan tentang soal perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum di Negara ini. Ini kerana sebagai sebuah negara yang bebas , merdeka dan berdaulat, unsur perpaduan dikalangan rakyatnya adalah amat penting sekalikerana tanpa perpaduan,sesebuah negara itu akan mudah terdedah kepada pelbagai kelemahan dan juga ancaman anasir – anasir luar yang cuba mengambil kesempatan atau berniat

jahat terhadap kedaulatan Negara ini. Perpaduan rakyat Malaysia adalah satu isu yang amat penting, wajar diberi perhatian dan perlu dititikberatkan di dalam penyusunan pembangunan negara.Dengan ini, kemerdekaan dan kedaulatan Negara dapat dipertahankan dan dikekalkan serta untuk memastikan supaya semua rakyat Malaysia dapat hidup dengan aman , tenteram, damai dan harmoni.

Berikut adalah di antara petikan pendapat tokoh-tokoh yang berkaitandengan perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia .Kenyataan ini dipetik melalui ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

,ketika merasmikan Konvensyen Pendidikan Umno Pulau Pinang di Kepala Batas. Menurut beliau: "

kepimpinan di Sekolah Kebangsaan(SK),hendaklah menghalusi implikasi senario

ke arah polarisasi sebagai satu ancaman kepada perpaduan nasional.

Keyakinan warga Malaysia terhadap SK perlulah dipulihkan dan ditingkatkan.

SK perlu mempelbagaikan kegiatan ko-kurikulum yang melambangkan

kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama,budaya dan bahasa. SK perlu wujudkan persekitaran budayayang mencerminkan

masyarakat Malaysia yang sebenar.SK sepatutnyamerupakan miniature reality sebuah negara Malaysia"

Menurut pendapat Prof. Datuk Wan Hashim ,Pensyarah di Fakulti Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM mengatakan " mereka yang menentang sekolah wawasan adalah mereka yang tidak ingin melihat tercapainya cita-cita kerajaan dan rakyat Malaysia untuk membentuk sebuah negara yang bersatu padu seperti yang tercipta dalam

Wawasan2020 apabila rakyatnya hidup secara aman dan damai di mana tiada lagi fenomena pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi pada 2020 nanti"

Keberkesanan sistem pendidikan KBSR dan KBSMdalam pembentukan Integrasi Nasional di Malaysia

Sememangnya KBSR dan KBSM dirancang untuk mencerminkan keinginan Falsafah dan Matlamat Pendidikan Kebangsaan dalam usahauntuk melahirkan masyarakat Malaysia yang sempurna dan mempunyai keperibadian yang tinggi seperti percaya kepada Tuhan, berakhlak mulia,bertanggungjawab, setia kepada negara, memberi sumbangan kepada kemajuan negara serta mempunyai semangat perpaduan dan integrasinasional yang tinggi antara kaum.Integrasi nasional antara kaum adalah antara aspek penting yang perlu ditekankan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Tanpa semangat perpaduan dan kejelekitan antara kaum, kemajuan dan pembangunan negara pasti akan terjejas danakhirnya akan menyebabkan berlakunya konflik dan perpecahan kaum. Untukmemupuk perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum ini ,prasangka yang bersifat perkauman atau prejudis ini seharusnya dikikis dan dihapuskan daripada diri setiap masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, sikap toleransi harus sentiasa diamalkan. Di samping itu, perbezaan kebudayaan, pendidikan, sosial dan ekonomi tidak harus dibiarkan berlarutan atau menjadi batu penghalang terhadap usaha kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegaranya. Malah, sebagai rakyat Malaysia, kita harus berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan ini untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, harmonis dan sejahtera.

Dalam usaha untuk membina suatu sistem pendidikan yang berdasarkan perpaduan ini, kelima – lima prinsip Rukun Negara perlu diterapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Semua perancangan kurikulum sekolah seperti KBSR dan KBSM adalah mempunyai perkaitandengan prinsip Rukun Negara. Penerapan prinsip Rukun Negara dalam KBSR dan KBSM adalah atas

Universiti Utara Malaysia

kesedaran bahawa sekolah merupakan agen yang boleh menjalankan tugas

penyebaran ilmu pengetahuan dan pembentukan akhlak yang sempurna dalam proses pendidikan serta muriddapat mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka demi mewujudkanperpaduan antara kaum.

Oleh yang demikian, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk aktiviti

kokurikulum harus menekankan unsur integrasi nasional , iaitu kepatuhan terhadap

ideologi RukunNegara. Dalam situasi ini, pemilihan matapelajaran yang terkandung dalamKBSR dan KBSM seperti matapelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Moral ,Sejarah dan Aktiviti Ko-kurikulum adalah sangat penting dalam usaha untuk mencapai cita – cita yang termaktub dalam Rukun Negara.

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar yang menjadi nadipenghubung interaksi sosial antara kaum di negara ini.

Bahasa Melayuadalah lambang kepada pengenalan identiti bangsa Malaysia yang dikongsibersama sejak sekian lama dan ia merupakan aspek utama

Yang menyumbang ke arah pembentukan integrasi nasional di negara ini.

Oleh yang demikian, dalam kurikulum KBSR dan KBSM, kedudukan BahasaMelayu

adalah sangat tinggi nilainya dalam sistem pendidikan di negara ini agar setiap kaum memperoleh

pengetahuan, nilai dan kefahaman yangsaksama dan adil.

Bagi matapelajaran Sejarah yang terkandung dalam KBSM dan matapelajaran Sivik

Kewarganegaraan dalam KBSR, iasecara tidak langsung dapat mengukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan kanak – kanak. Pembentukan semangat kenegaraan

ini adalah sangat penting untuk pembangunan negara di manapara pelajar dapat menyedari pentingnya sikap kenegaraan dalam diri untuk memajukan negara, memupuk perasaan cinta dan bangga

terhadap negara,serta menyedari akan kepentingan bersikap toleransi sebagai

asas kehidupan dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Peneguhan pembentukan sikap kenegaraan di bawah rancangan KBSR dan KBSM ini boleh dilaksankan secara tidak langsung melalui aktiviti berkumpulan di mana murid – murid akan dilatih mengamalkan sikap seperti kerjasama, bertoleransi, hormat menghormati dan juga bertanggungjawab. Sikap – sikap seperti ini adalah penting dalam usaha untuk membentuk integrasi nasional dikalangan pelajar yang berbilang kaum. Melalui aktiviti kokurikulum

KBSRdan KBSM, ianya meliputi aktiviti kelab, persatuan, permainan serta unit beruniform.

Melalui aktiviti – aktiviti yang dijalankan ini, pelajar mendapatpeluang berinteraksi dengan pelbagai kaum, memahami budaya kaum lain, mendisiplinkan diri, serta dapat mengamalkan sikap toleransi dan kerjasamadengan rakan – rakan yang lain. Penerapan nilai – nilai murni ini adalah penting dalam pemupukan individu ke arah mencapai integrasi nasional.

Seterusnya, integrasi nasional dalam KBSR dan KBSM dapatdicapai melalui

“Aktiviti Budaya Sekolah”.Aktiviti budaya sekolah ini merangkumi aktiviti seperti

menyanyikan lagu kebangsaan, lagu sekolah danlagu patriotik secara bersama dalam perhimpunan sekolah, membaca ikrar dalam upacara rasmi seperti hari sukan, mengibarkan bendera kebangsaanpada setiap pagi hari persekolahan dan melaksanakan program Minggu Bahasa Melayu peringkat sekolah. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan aktiviti – aktiviti budaya sekolah yang dijalankan

ini dapat menyumbang kearah pembentukan integrasi nasional melalui

pemupukan semangat patriotisme dan kenegaraandalam kalangan para pelajar

sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah.

Universiti Utara Malaysia

3.2 Penutup

Kesimpulannya, kurikulum KBSR dan KBSM yang terdapat dalam sistem pendidikan di

Negara ini sememangnyamempunyai motif untuk membentuk integrasi

nasional dalam kalangan pelajar walaupun dalamfalsafah pendidikan tidak menyatakan

secara jelas " hendak menyatukan kanak – kanak dari semua kaum di dalam negara ini ", sepertimana yang terkandung dalam Penyata Razak ( 1956 ). Bagaimanapun,

Falsafah Pendidikan Negara yang mengambil kesemua intipati Rukun Negara jelas menunjukkan matlamat pembentukan perpaduan kebangsaan masihberkekalan. Untuk mencapai hasrat ini, adalah dirasakan amat penting KBSRdan KBSM dijuruskan ke arah

membentuk dan mengukuhkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan masyarakat, dasar – dasar negara,
matlamat dan objektifnya serta penegasan terhadap kesedarankebangsaan dan pemupukan integrasi nasional secara menyeluruh danbersepadu.

Universiti Utara Malaysia

RUJUKAN

Prof. Dr.Ansary Ahmad, Prof.Dr. Mansor Fadzil & Dr. John Arul Philips (2007).

HBEF 1103 Sosiologi dan Falsafah Pendidikan Malaysia

. Kuala Lumpur : Meteor Doc.Sdn. Bhd

Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Ahmad & Mazlan Zulkifli (2006). LANH1303Pengajian Malaysia . Kuala Lumpur : Meteor Doc. Sdn.Bhd.Mok Soon Sang (2004).

Pengantar Pendidikan TERAS

. Subang Jaya : PercetakanSentosa Sdn. Bhd.Kamarudin Hj.Husin & Kamarul Azhar (1994). Asas Pendidikan III (Perkembangan &Perlaksanaan Kurikulum). Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn.Bhd.Ee Ah Meng ( 1987).

Pedagogi Untuk Bakal Guru,

Petaling Jaya: Fajar BaktiEe Ah Meng ( 1989 ).

Pedagogi Satu Pengenalan

, Petaling Jaya: Fajar BaktiMok Soon Sang & Lee Shok Mee ( 1986 ),

Kurikulum Baru Sekolah Rendah Tahap1,

Malaysia : Heinemann Sdn.BhdMok Soon Sang (1991). Pendidikan di Malaysia, Subang Jaya : Kumpulan Budiman

**Biodata Aminuddin Baki**

Dilahirkan di sebuah kampung di Chemor, Perak 1926, Aminuddin

memulakan pendidikanawalnya di Sekolah Melayu Chemor pada tahun 1932. Selepas lulus peperiksaan darjah lima pada tahun 1936, beliau meneruskan pelajarannya di Sekolah Anderson yang merupakan sekolah Inggeris yang terbaik di Ipoh ketika itu. Beliau tamat persekolahan menengahnya pada tahun 1941.

Pada sekitar tahun 1945, Aminuddin mula menunjukkan minat dalam persatuan pelajar ketika berasa amat kagum dengan *Persatuan Pelajar-pelajar Melayu* yang ditubuhkan pada 20 November 1945 di Institusi Victoria, Kuala Lumpur, walaupun persatuan itu hanya mempunyai 11 orang ahli. Persatuan ini kemudian bertukar nama kepada *Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu* pada 11 Februari 1946, dengan tujuan menyatukan semua persatuan pelajar di Tanah Melayu. Aminuddin dilantik sebagai setiausaha dan kemudian, menubuhkan*Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Insaf* (PERMI) di Perak pada April 1946. Namun begitu penglibatannya hanya sementara kerana pada Oktober 1947, Aminuddin diterima sebagai pelajar di Kolej Raffles, kini merupakan sebahagian Universiti Nasional Singapura sejak 8 Oktober 1949.

Pada masa ini, UMNO yang telah ditubuhkan bagi menentang penubuhan Malayan Unionmenggalakkan pemimpin-pemimpin persatuan pelajar untuk berusaha ke arah pencapaian matlamat mereka. Oleh itu, Aminuddin dan pemimpin pelajar lain mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah persatuan yang lebih kuat. Tujuh persatuan telah bersidang selama dua hari

di Jalan Tambun, Ipoh. Hasil daripada persidangan itu terbentuklah Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada 15 Ogos 1948.

Walau bagaimanapun pada tahun 1949, Aminuddin terpaksa menghentikan kegiatan persatuan pelajarnya kerana ditawarkan ke Universiti Malaya, Singapura. Pada ketika itu, beliau hanya mengikuti perkembangan persatuan dari jauh. Semasa di universiti, Aminuddin berminat mengajar dan untuk menimba pengalaman, beliau mendaftar sebagai guru sambilan di Sekolah Malam Anglo-Melayu. Beliau mengajar di sekolah itu dari tahun 1949 hingga 1951. Pada tahun 1950, beliau bergiat aktif semula dalam GPMS dan dilantik sebagai Yang Dipertua persatuan itu. Dalam tahun yang sama, beliau lulus peperiksaan Sarjana Sastera dan pada tahun berikutnya, memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dengan  Kepujian.

Universiti Utara Malaysia

**Kerjaya**

Selepas menamatkan pelajarannya pada tahun 1951, Aminuddin kembali ke Perak dan menjadi guru di Sekolah Inggeris Sultan Yusuf di Batu Gajah untuk sebentar waktu dan kemudian, berkhidmat di Sekolah Anderson hingga Julai 1952. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya dalam bidang pendidikan di Institut Pendidikan, Universiti Londondengan Biasiswa Ratu dan meninggalkan Pulau Pinang menaiki kapal pada 12 Julai 1952. Aminuddin memperoleh Ijazah Sarjana Kaedah-kaedah dalam bidang pendidikan pada bulan Julai 1953. Selepas pulang ke tanah air, beliau ditawarkan jawatan Pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim. Beliau memperkenalkan Sejarah Islam kepada pelajar tetapi tidak termasuk dalam sukatan pelajaran. Pada bulan September 1955, Aminuddin terlibat dalam menyediakan Laporan

Pendidikan Razak dan pada tahun 1960, beliau dipilih sebagai ahli jawatankuasa penasihat dalam menyiapkan Laporan Abdul Rahman Talib.

Ketika berusia 36 tahun, Aminuddin dilantik menjadi Ketua Pegawai Pendidikan Selangor pada 1962, dan pada tahun yang sama menjadi Ketua Penasihat Pendidikan Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan). Pada masa yang sama, beliau aktif dalam persatuan dan pertubuhan lain seperti Senat Universiti Malaya, Persatuan Al-Rahman,Persatuan Sejarah Tanah Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau juga mewujudkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Aminuddin menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 1963.

Beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai perancang pendidik yang bijaksana dan berpandangan jauh di Asia oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)

Universiti Utara Malaysia

**Meninggal dunia**

Aminuddin Baki meninggal dunia pada 24 Disember 1965 ketika berusia 39 tahun kerana diserang penyakit jantung selepas menunaikan sembahyang.Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. 'Tabung Pendidikan Aminuddin Baki' telah dilancarkan dan akhbar The Strait Times telah memberi kerjasama berkempen mengutip derma daripada orang

ramai. Pejabat Strait Times di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh ditugaskan untuk menerima sumbangan .Menteri Pelajaran ketika itu ialah Mohamed Khir Johari (Tan Sri).

Pidato Umum Aminuddin Baki

Jawatan tertinggi beliau ialah Ketua Penasihat Pelajaran. Tan Sri Hamdan Sheikh Tahir menyifatkan beliau sebagai `Bapa Pendidikan Moden Malaysia'. Dalam bidang pendidikan Aminuddin telah mempelopori berbagai aspek pendidikan seperti kurikulum, pentadbiran, aspek bahasa pengantar, falsafah pendidikan negara bahkan semua aspek yang menyentuh masalah pendidikan Negara.

Sumbangan

Antara sumbangan Aminuddin Baki termasuk seperti berikut: (i) Memperkenalkan Sejarah Islam kepada guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. (tetapi tidak termasuk dalam sukatan pelajaran) (ii) Melibatkan diri dalam penyediaan Penyata Razak pada tahun 1955. (iii) Menjadi ahli jawatankuasa penasihat dalam menyiapkan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960: (iv) Mewujudkan Sijil rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). (v) Menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia (vi) Sebab itu sekolah aminuddin baki adalah sekolah hebat kerena aminuddin baki menubuhkan lembaga peperiksaan.

**STRATEGI DAN DASAR PERJUANGAN**

Strategi & Dasar Perjuangan 2009 - 2012

25 DASAR & STRATEGI

1. Hala tuju perjuangan adalah berdasarkan kepada tiga perkara berikut:

i. GPMS memperjuangkan Melayu di atas dasar Non-Partisan

ii. GPMS gedung melahirkan pemimpin negara

iii. GPMS di peringkat cawangan adalah tunggak perjuangan ini yang akan diperkasakan.

Universiti Utara Malaysia

2. Cogan kata yang memperlihatkan kelantangan dan keberanian GPMS ialah:
GPMS SINGA PERJUANGAN BANGSA

3. Sebuah Panel Pemikir yang akan memberi idea dan pandangan terhadap fungsi GPMS ditubuhkan khusus dan dianggotai oleh pencinta perjuangan ini yang berumur di atas 40 tahun.

4. GPMS akan memberi fokus utama terhadap pelbagai isu pendidikan yang berkaitan pelajar Melayu melalui kaedah konsultatif dan perbincangan dengan pihak kerajaan. Disasarkan sekurang-kurangnya membincangkan 10 isu setahun sebagai penanda aras.

5. Melantik 6 orang AMT tambahan mengikut komposisi negeri dan 10 orang Pegawai Khas Presiden yang terdiri daripada penggerak muda yang berpotensi bagi membantu Presiden melaksanakan dasar dan strategi ini.

6. Perlembagaan GPMS akan dipinda dengan segera mengikut kehendak ahli dan kepentingan semasa.

7. Menetapkan tempat dan pengerusi Persidangan Agung GPMS untuk tahun 2010, 2011 dan 2012 bagi melancarkan perlaksanaannya dan persediaannya dapat dilakukan dengan lebih awal.

8. Melaksanakan semua usul-usul dalam PAT sebelum ini yang tertunggak beserta usul-usul yang terkini.

9. Biro-biro yang ditubuhkan di dalam GPMS mestilah pelbagai dan terkini menjurus kepada pendidikan.

10. Menginstitusikan jawatan Penaung GPMS kepada Perdana Menteri Malaysia, Ketua Penasihat GPMS kepada Timbalan Perdana Menteri dan panel penasihat mestilah terdiri daripada mantan Presiden GPMS yang masih hidup sebagai penghormatan besar kepada mereka.

11. Dasar media yang telus dan terkawal dengan mandat yang jelas kepada Presiden dan Setiausaha Agung bagi isu di peringkat pusat. Pengerusi negeri dan YDP Cawangan boleh bercakap tentang isu setempat manakala semua ahli yang melaksanakan program boleh mempromosi program di media dengan sebebas-bebasnya.

12. GPMS hanya akan mengeluarkan kenyataan akhbar dan membincangkan isu-isu yang



Universiti Utara Malaysia

relevan dengan perjuangannya dan mengelakkan diri terutamanya dalam isu yang berkaitan serta berbaur politik bagi mengekalkan matlamat penubuhan GPMS.

13. GPMS akan menubuhkan GPMS Holdings Sdn. Bhd. dan Tabung Amanah Pelajar 1Malaysia untuk mendapatkan dana bagi membiayai pentadbiran dan aktiviti. Memeterai beberapa Memorandum Persefahaman dan Perjanjian yang dapat memberi manfaat kepada GPMS dan pelajar Melayu amnya.

14. Program Kad Keahlian GPMS akan diperkemaskan segera dan mensasarkan 50,000 keahlian baharu pada setiap tahun 2010, 2011 dan 2012.

15. Menjadikan Ibu Pejabat GPMS Kebangsaan dan Pejabat GPMS Negeri di seluruh negara sebagai Pusat Khidmat Pendidikan Pelajar Melayu.

16. GPMS Negeri dibenarkan bekerjasama dengan kerajaan negeri masing-masing tanpa mengira parti demi kepentingan pelajar Melayu.

17. GPMS akan mengadakan pelbagai kunjungan hormat bertemu pemimpin dan pencinta perjuangan Melayu demi mendapatkan ilmu serta pandangan yang bermanfaat.
18. Menggalakkan lawatan ilmiah ke luar negara bagi mendapatkan idea dan pengalaman baru. Di samping itu dapat mengadakan perbincangan dengan pelajar Malaysia di sana untuk menerangkan isu-isu semasa.

Universiti Utara Malaysia

19. Program Sembang Intelektual / Kunjungan Hormat bersama tokoh dalam formulasi Strategi Melayu akan diperbanyakkan.

20. Berusaha mendapatkan Pingat Kebesaran dari YDPA untuk bekas-bekas Presiden dan Setiausaha Agung GPMS yang masih hidup sebagai tanda penghargaan terhadap jasa perjuangan mereka

21. GPMS akan memperkasa modul dan melahirkan penceramah yang mahir dalam motivasi yang berfokus kepada 5 aspek iaitu:
(i) Motivasi dan Teknik Belajar berkesan,
(ii) Motivasi Kepimpinan,
(iii) Motivasi dan Petua Menghadapi Peperiksaan
(iv) Motivasi Sukan

(v) Motivasi Keusahawanan.

22. Menerbitkan pelbagai buku yang berkaitan pendidikan (10 buah buku sebagai penanda aras).

23. GPMS menggalakkan pemimpin-pemimpinnya menggembangkan bakat kepimpinan di dalam Majlis Belia Daerah / Kawasan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Malaysia. Manakala, GPMS di semua IPT digalakkan untuk menyertai Pilihanraya Kampus masing-masing untuk membuktikan keberkesanan Sistem Latihan Perkaderan dan Kepimpinan GPMS.

24. Menonjolkan ikon Pelajar Melayu sebagai model kehebatan yang boleh dicontohi dengan kerjasama pelbagai agensi terutamanya dengan Program Permata Pintar.

25. GPMS akan membantu pelajar yang telah tamat peperiksaan utama di sekolah untuk melanjutkan Pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan kaedah dan strategi yang tersendiri.

Universiti Utara Malaysia

ARKIB : 16/08/2013

**Transformasi perjuangan GPMS: Esok lebih baik...**

Oleh Jais Abdul Karim

SYUKUR ke hadrat Allah SWT kerana GPMS mampu mengharungi segala onak dan duri perjuangan untuk terus kekal relevan pada hari ini. Walaupun telah berhijrah dari Akta Pertubuhan ke Akta 668 - Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007, kepimpinan muda GPMS dari seluruh tanah air yang berumur di bawah 40 tahun terus berusaha keras bagi mencapai objektif penubuhannya.

Sejak mengambil alih tampok kepimpinan GPMS pada November 2009, generasi ini dengan sokongan jitu dari pihak kerajaan dan pelbagai institusi swasta telah melaksanakan hampir 500 program yang memberi manfaat kepada hampir 2 juta pelajar di seluruh negara. Segala laporan aktiviti ini didokumentasikan di dalam Majalah Suara GPMS 2010, 2011 & 2012.

Idealisme yang dibawa oleh Perdana Menteri dipandang serius oleh GPMS dan dijadikan tema sambutan tahun ini. Tema ini kami hayati dan sentiasa dikupas dalam pelbagai acara dan berfokus kepada lingkungan yang berkaitan dengan perjuangan GPMS pada masa hadapan. Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Himpunan Jutaan Belia 2012, menggariskan lima ciri belia yang negara boleh bergantung pada masa hadapan, iaitu mereka yang cintakan keamanan, beradab, berhemah mulia, tertib dan menghormati undang-undang yang berupaya

menjamin “hari ini lebih baik berbanding hari esok’. Belia perlu tahu menilai “yang mana kaca dan yang mana permata" dalam aspek memilih kerajaan. Belia juga perlu belajar menggunakan kuasa memilih itu dengan penuh kematangan dan bijaksana.

Justeru, kami telah menggariskan semula dasar dan strategi GPMS yang mantap bagi mengharungi musim 2012-2015 yang pasti akan lebih mencabar. Setiap pemimpin GPMS ditegaskan tentang keperluan untuk memahami segala dasar dan strategi itu bagi memastikan perjuangan GPMS dibawa dalam landasan yang betul dan selaras dengan matlamat penubuhannya pada 1948.

Perjuangan GPMS dalam konteks perjuangan belia di Malaysia sudah melalui tempoh yang cukup panjang. Dalam tempoh tersebut, GPMS telah melahirkan ramai pemimpin belia negara. Hari ini boleh dikatakan bekas pemimpin GPMS sangat hebat sehingga mampu menjadi Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi. GPMS adalah merupakan markas membina kematangan sebagai seorang pemimpin membina idealisme perjuangan.

Pembinaan intelektualisme juga diberi perhatian yang serius. GPMS harus melahirkan cendekiawan hebat dengan keunggulan intelektual agar kita dapat menyediakan profesional Melayu. Tun Mahathir Mohamad, menggariskan sembilan cabaran Wawasan 2020. Wawasan ini adalah sesuatu yang futuristik, ambitious dan berpandangan jauh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pula menyediakan permaidani ke arah Wawasan 2020 menerusi Konsep 1Malaysia. Oleh itu, pimpinan GPMS harus bersedia memahami konsep tersebut secara jelas dan sentiasa berusaha memperkasakan GPMS.

Pemimpin GPMS harus mampu membina empayar kehebatan dalam membawa gelombang kepada perjuangan belia di negara ini. GPMS mesti dilihat berani, garang dan tegas dalam soal perjuangan belia di negara ini. GPMS tidak rela melihat perjuangan belia di negara ini diperlekehkan oleh pihak-pihak tertentu sehingga belia pada hari ini dilihat tidak bermaya dan lesu.

Kita tidak mahu melihat pergerakan belia di negara ini berkubur di negara ini. GPMS sudah melihat banyak isyarat bahawa pihak-pihak tertentu sedang merancang untuk menutup mata, mengunci mulut dan mengikat tangan pemimpin belia agar tidak terlalu radikal dan idealis dalam perjuangan belia.

Pada hari ini kita boleh melihat dan membaca pelbagai tulisan dan perbuatan yang menghina bangsa Melayu dan Agama Islam semakin berleluasa. Kita tidak boleh berdiam diri dalam soal yang berkaitan dengan maruah orang Melayu.

Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin GPMS diseru untuk bijak daripada segi penulisan dan kemahiran berhujah untuk berhadapan dengan golongan ini. Mereka mengunakan media baharu untuk menzahirkan propaganda dan provokasi. Laporan polis tidak mampu menghentikan tindakan mereka ini kerana media baharu ini seluas lautan yang sukar dikawal.

Universiti Utara Malaysia

Perkembangan politik semasa menuntut kita menilai semula arah dan pendekatan perjuangan GPMS.

Marilah kita meninjau tentang pelbagai kemungkinan yang boleh menimpa masa depan pendidikan anak-anak orang Melayu, masa hadapan negara dan nasib bangsa Melayu. Apakah kita menyuarakan fikiran, perasaan, aspirasi dan hasrat orang Melayu? Apakah kita pasti GPMS akan tetap menjadi harapan kepada orang Melayu?

Soalan-soalan ini dilontarkan kerana kita dipertanggungjawabkan mendokong perjuangan. Kitalah generasi yang akan meneruskan wadah perjuangan berinti-patikan Islam, bagi bangsa Melayu dan negara tercinta. Sebagai pertubuhan belia teras kepada bangsa Melayu dan kaum Bumiputera, GPMS perlu terus memahami idealisme dan aspirasi generasi semasa.

Hala tuju agenda pendidikan akan dijadikan teras utama perjuangan GPMS dalam pembinaan masyarakat Melayu cemerlang. Inilah yang kita sentiasa pegang agar GPMS terus membela dan memartabatkan pendidikan anak-anak Melayu. Kita tidak boleh berkompromasi dalam isu-isu berkaitan ini.

GPMS bukan sekadar membina idealis belia di negara ini malah sedang membina 'Tamadun Islam'. Program pendidikan untuk melahirkan ramai cerdik pandai dan teknokrat Melayu adalah program pembangunan ummah untuk memberikan kekuatan kepada Islam.

GPMS bukan askar upahan untuk sesiapa dalam arus ketika ini. GPMS harus bijak mendepani masa hadapan tanpa kita terlalu mengikut arahan pihak-pihak tertentu. GPMS mempunyai agenda yang ingin kita laksanakan bukan dihambat dengan acuan pihak luar. Kita mahu melihat GPMS sebuah pertubuhan yang berfungsi bukannya satu pertubuhan 'remote control'.

Kita pasti mengimpikan GPMS menjadi sebuah gerakan yang mengamalkan falsafah perjuangan dan budaya pergerakan belia hebat. Kita mengimpikan sebuah gerakan yang mengerti dan memahami politik nilai dan makna. Kita mengimpikan agar gerakan kita adalah gerakan transformatif. Kita pasti mengimpikan agar GPMS menjadi nadi dalam pergerakan belia di negara ini.

GPMS harus menjadi satu pertubuhan belia yang melahirkan pemimpin negara pada masa akan datang dalam usia yang muda. Dalam usia muda David Cameron menjadi Perdana Menteri (Britain) pada usia 45 tahun, Barack Obama menjadi Presiden Amerika Syarikat pada usia 47 tahun dan bekas Presiden Rusia dan Dmitry Medvedev menjadi presiden pada usia 45 tahun.

GPMS menyediakan platform dan barisan pemimpinnya semua harus mengunakan platform ini sebaik mungkin untuk melatih daya kepimpinan dan ketokohan kepimpinan kita semua.

Pada tahun 2008 daripada 27.7 juta penduduk sebanyak 11.26 juta atau 40.6% adalah belia. Manakala pada tahun 2010, jumlah belia adalah sebanyak 11.65 juta atau 40.2%. Ini membuktikan bahawa golongan belia adalah penentu landskap politik dan masa depan negara.

Universiti Utara Malaysia

Justeru, GPMS harus mempersiapkan diri dalam memastikan ahli-ahli GPMS mendapat manfaat daripada perkembangan ini.

Ramai pihak termasuk ahli-ahli politik sentiasa mendampingi golongan muda dalam meraih sokongan undi atau penyertaan dalam pelbagai program. Namun demikian, saya berpesan agar kita tidak menjadi seperti buih-buih di lautan; bilangannya banyak, tetapi amat lemah.

Ahli GPMS harus bijak dan sentiasa berfikir untuk kebaikan orang lain. Pepatah Cina mengatakan “daripada mengutuk kegelapan lebih baik ambil sebatang lilin untuk dinyalakan". Daripada menyalahkan keadaan, adalah lebih baik kita melakukan sesuatu untuk memperbaiki keadaan. GPMS adalah penyambung amanah yang diturunkan oleh tokoh-tokoh terdahulu.

Cabaran pemimpin belia GPMS pada hari ini adalah kita harus membuktikan kepimpinan belia di bawah 40 tahun mampu membawa bahtera GPMS dengan penuh cemerlang. Biarpun kita terpaksa dilambung ombak, ditiup oleh angin yang kuat dan kepayahan yang sukar namun kita harus bersemangat untuk mengharunginya.

GPMS harus menjadi “setitik air yang boleh membelah batu bukan kerana derasnya tetapi dengan kekerapannya menitik". Perjuangan ibarat pepohon yang merimbun. Akan hilang serinya apabila dedaunnya berguguran. Tanamlah benih perjuangan kita pada hari ini dengan baik agar ia mampu menjadi pohon bangsa yang merimbun pada masa hadapan.

GPMS akan terus radikal dan idealis dalam perjuangannya dengan cara penuh berhemah dan matang. Kata orang “biar lebur binasa, selangkah berpantang surut" maknanya GPMS berani dan pantang menyerah kalah. Marilah kita bersungguh-sungguh bekerja untuk perjuangan belia di negara ini bak “belayar sampai ke pulau, berjalan sampai ke batas".

Universiti Utara Malaysia

Akhirnya, saya selaku Presiden GPMS berikrar dan berjanji bahawa; Sesungguhnya kami akan terus berusaha dan lantang dalam mempertahankan agenda yang terpahat kukuh sejak tahun 1948, akan kami teruskan. ‘Maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu berada dalam tangan kami’ adalah azimat kita selamanya.

PENULIS ialah Presiden GPMS Ke-22 (Penggal 2009-2015)

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130816/re_06/Transformasi-perjuangan-GPMS-Esok-lebih-baik#ixzz36rCGtjpy

© Utusan Melayu (M) Bhd

**PERINGATAN PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN KALI 56 (2010)**
**GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG**

**TARIKH : 17- 18 DISEMBER 2010**
**TEMPAT : DEWAN ASTANA, KOLEJ TUNKU CANCELOR, UTM SKUDAI.**

**KEHADIRAN AHLI MAJLIS TERTINGGI :**

1. SDR HASANUL AMIR B. ABDUL HALIM : PENGERUSI TETAP
2. SDR TAJUL AZMIR B. HAJI MUSTAPA : TIMBALAN PENGERUSI TETAP
3. SDR JAIS B. ABDUL KARIM : PRESIDEN
4. SDR ROSDI B. AMIR : TIMBALAN PRESIDEN
5. SDR EZARUDDIN B. ABDUL RAHMAN : NAIB PRESIDEN
6. SDR HISHAMUDDIN B. ABDUL RAHMAN : NAIB PRESIDEN
7. SDRI RAFIDAH BT MOHD ARIFFIN : KETUA SEKRETARIAT (HEW)
8. SDR ZAMBRI B. MOHD ISA : SETIAUSAHA AGUNG
9. SDR MOHD MARWAN B. ABU KASIM : PEN SETIAUSAHA AGUNG
10. TUAN HAJI ANNAS B. HAJI AHMAD : BENDAHARI AGUNG
11. SDR ISMADEE ASMARA B. ISHAK : EXCO
12. SDR MOHD ALIFF ANAS B. MD NOOR : EXCO
13. SDR KHAIRUL ADHA B. MADZLAN : EXCO
14. SDR MOHD REDZUAN B. MOHAMED YUSOFF : EXCO
15. SDR DR. HAZZAINI B. HASHIM : EXCO
16. SDR AZHAM B. ABARA AHMAD : EXCO
17. SDR MASRUL AMIR B. SAID @ AMIR : EXCO
18. SDR ABDUL FADHLI ZIL IKRAM B. DZULKIFLY : EXCO
19. SDR MOHD ZAIN B. ABU : EXCO
20. SDR MOHD FAUZI B. ZULKIFLY : EXCO
21. SDR MOHD FIRDAUS B. JAMALUDIN : SETIAUSAHA KERJA

Universiti Utara Malaysia

**Tidak Hadir dengan maaf:**

1. SDR HASNUL FAIRUZ B. HUSHIN AMRI : NAIB PRESIDEN
2. YBHG. DATO HAJI IRMOHIZAM B. IBRAHIM : KETUA PENERANGAN

**Kehadiran Perwakilan Negeri, Cawangan dan Cawangan Khas:**

| No. | Negeri | Nama Perwakilan | No.Kad Pengenalan | Cawangan/ Cawangan Khas |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 1. Mohd Hafiz b. Muhammad Nasir | 840113-01-5295 | Wakil Negeri |
| | | 2. Norshazwan b. Abd Rashid | 800829-11-5463 | Wakil Negeri |
| | | 3. Mohd Ariffin b. Hakim | 881013-01-6187 | Wakil Negeri |
| | | 4. Mohd Ramzi b. Ramli | 840113-01-5295 | Wakil Negeri |
| | | 5. Mohd Aminuramin b. | 861028-23-6029 | Kota Jaya |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Suhaimi | | |
| | | 6. Mohd Azhar b. Che Ishak | 910617-03-5071 | Kota Jaya |
| | | 7. Ismail b. Suhaidi | 910522-12-6237 | Bakri |
| | | 8. Khairul Nizam b. Mohd Sopery | 890103-04-5103 | Batu Pahat |
| | | 9. Nor Idayu bt. Aminin | 880208-10-5126 | Batu Pahat |
| | | 10. Hairul Nurasyikin bt. Haron | 790722-01-6282 | Cha'ah |
| | | 11. Mohd Izuan b. Basri | 850801-08-5405 | Endau |
| | | 12. Mohd Fitri b. Zabidi | 880402-05-5541 | Johor Bahru |
| | | 13. Mohd Haziq b. Al Amir Mohd | 911112-01-6267 | Johor Lama |
| | | 14. Rashed b. Amtenar | 910608-15-5063 | Kempas |
| | | 15. Erma Shafikah bt. A.Aziz | 910618-01-6112 | Labis |
| | | 16. Erma Shakillah bt. A.Aziz | 910618-01-6104 | Labis |
| | | 17. Nur Azwani bt Mohd Nazir | 910116-01-6300 | Machap |
| | | 18. Shahrul Akmal b. Johari | 910304-01-5977 | Mahkota |
| | | 19. Mohd Redzuan b. Mohd Senin | 860222-04-5109 | Mersing |
| | | 20. Syazwan Hilmi b. Subari | 910915-01-6709 | Pagoh |
| | | 21. Nur Khalidah bt. Khalit | 910823-01-5936 | Parit Raja |
| | | 22. Mohd Ikhwan b. Ahmad | 841029-02-5719 | Pasir Gudang |
| | | ~~23. Mohd Hafiz b. Sedek~~ | ~~860107-23-6487~~ | ~~Pasir Gudang~~ |
| | | 24. Shaelhalid Md Yusof | 800322-01-6001 | Penggaram |
| | | 25. Nurmala bt. Sulaiman | 911012-01-5830 | Pontian |
| | | 26. Nur Azizah bt. Samat | 911006-01-6060 | Sedili |
| | | 27. Nurul Saadah bt. Abu Hassan | 910515-01-5432 | Segamat |
| | | 28. Affandi b. Omar | 870314-23-5371 | Semerah |
| | | 29. Fazwa bt. Ahmad | 880602-23-5500 | Skudai |
| | | 30. Zaidi b. Hassan | 720408-01-5181 | Skudai |
| | | 31. Norilyana bt. Adham | 910603-01-5520 | Sri Gading |
| | | 32. Noorhaidah bt. Abd. Razak | 910329-01-5842 | Sri Muar |
| | | 33. Fadzli b. Mazlan | 890321-01-5797 | Sri Pulai |
| | | 34. Mohd Amirul Amin b. Shahrol | 911114-01-5487 | Sungai Abong |
| | | 35. Faridatun Nadia bt. Hamir Shah | 911007-01-6118 | Tanjung Puteri |
| | | 36. Nadia Faraheen bt. Roslan | 911224-01-6368 | Tenggaroh |
| | | 37. Norashikin bt. Hashim | 741201-01-6569 | Sungai Tiram |
| | | 38. Muhammad Azuan b. Misnan | 910904-01-5591 | Yong Peng |
| 2 | Kedah | 1. Shamsul Bahar b. Abd Rani | 760821-02-5419 | Alor Setar |
| | | 2. Salihuddin b. Lahamin | 740209-02-5051 | Alor Setar |
| | | 3. Mohd Hazimin b. | 810329-02-5161 | Alor Setar |

Universiti Utara Malaysia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Jamaludin | | |
| | | 4. Murain Ahmad | 760919-02-5361 | Sik |
| | | 5. Mohd Khairul Anas b. Abdullah | 940907-02-5311 | Sik |
| | | 6. Mohamad Arif b. Rahmad | 940305-02-5891 | Sik |
| 3 | Melaka | 1. Mohd Marwan b. Abu Kasim | 780906-04-5185 | Negeri |
| | | 2. Mohd Zulhijrah b. Sabtu | 791103-04-5425 | Negeri |
| | | 3. Azrul b. Aziz | 831002-10-5365 | Negeri |
| | | 4. Ramzul Ikhlas b. Alias | 800122-04-5203 | Negeri |
| | | 5. Erdzuan b. Jamaluddin | 781015-04-5143 | Negeri |
| | | 6. Ahmed Akmal b. Abdull | 870924-43-5645 | Alor Gajah |
| | | 7. Shahrin b. Omar | 860105-01-6165 | Alor Gajah |
| | | 8. Jamadel | | Alor Gajah |
| | | 9. Afiq Mubasyyir b. Amran | 881115-56-5453 | Ayer Keroh |
| | | 10. Muhamad Nurbazlan b. Haji Alias | 870813-04-5265 | Ayer Keroh |
| | | 11. Mohd Amerull b. Ismail | 861009-13-5177 | Ayer Keroh |
| | | 12. Nor Azman b. Ishak | 720512-10-6757 | Bandar Melaka |
| | | 13. Mohd Hazwan b. Zulkefly | 861001-43-5239 | Bandar Melaka |
| | | 14. Fadhullah b. Hassan | | Bandar Melaka |
| | | 15. Meor Hassan b. Haji Mat Ali | 810710-04-5233 | Bukit Katil |
| | | 16. Azli Izwan b. Abu Samah | 791029-04-5215 | Bukit Katil |
| | | 17. Mohd Ibrahim b. Rahmat | 870104-01-5047 | Bukit Katil |
| | | 18. Mohd Saufi b. Yatim | 890505-06-6097 | Jasin |
| | | 19. Mohamad Afiq b. Rehat | 910314-01-6965 | Jasin |
| | | 20. Nuramalina bt. Rahman | 910405-03-5248 | Jasin |
| 4 | Negeri Sembilan | 1. Mohd Khusairy b. Haron | 860715-52-5709 | Negeri |
| | | 2. Asri Abu Zarin | 820124-05-5163 | Negeri |
| | | 3. Muhammad Irfan b. Abd Razak | 870208-05-5465 | Negeri |
| 5 | Pahang | 1. Wan Emril Nizam b. Wan Embong | 780109-06-5757 | Negeri |
| | | 2. Nasrul Isyam b. Abdul Hamid | 780118-06-5847 | Negeri |
| | | 3. Azrul Khairi b. Muhamad | 800211-06-5424 | Negeri |
| | | 4. Shahnul Hisyam b. Sabri | 770825-06-5943 | Negeri |
| | | 5. Muhammad Fikri b. Anuar | 890521-14-5043 | Negeri |
| | | 6. Mohd Khairul b. Raduan | 890326-06-5179 | Lurah Bilut |
| | | 7. Zainul Arifin b. Mohd Akhir | 890521-04-5245 | Lurah Bilut |
| | | 8. Nurhanani bt. Azhar | 900307-11-5472 | Lurah Bilut |
| | | 9. Mohd Haidir Anuar b. Zubir | 851010-14-6165 | Bentong |
| | | 10. Mohd Hanafi b. Azhar | 860717-46-5015 | Bentong |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 11. Ahmad Syafiqh b. Naseem | 891213-06-5433 | Bentong |
| | | 12. Ahmad Ramzi b. Jamaludin | 840601-06-5611 | Kuantan |
| | | 13. Zul Fadzli b. Shamsudin | 840321-06-5449 | Kuantan |
| | | 14. Muhammad Firdaus b. Ibrahim | 840615-06-5495 | Kuantan |
| | | 15. Muhammad Fitri b. Abdul Rahman | 900419-06-5801 | Rompin |
| | | 16. Muhammad Hafiq b. Mohd Dee | 900224-06-5975 | Rompin |
| | | 17. Ikhwan Mursyeedi b. Ramlan | 900126-06-5461 | Rompin |
| | | 18. Mohd Amir b. Adi | 810522-04-5041 | Paya Besar |
| | | 19. Mohd Isharizal b. Mohd Sahak | 800707-06-5381 | Paya Besar |
| | | 20. Kamarulazman b. Kassim | 840202-06-5315 | Paya Besar |
| | | 21. Arwisiati bt. Salleh | 790223-06-5354 | Pekan |
| | | 22. Norkhrul Anuar b. Anuar | 740718-06-5641 | Pekan |
| 6 | Perak | 1. Saifuddin b. Shahrul Puadi | 871115-08-6347 | Bagan Datok |
| | | 2. Mohd Faizal b. Zulkifly | 870702-43-5455 | Bagan Datok |
| | | 3. Meor Mohamad Fidzuan b. Meor | 871112-08-5357 | Bagan Datok |
| | | 4. Roslan b. Zainal Abidin | 690905-08-5899 | Teluk Intan |
| | | 5. Fatimah bt. Hussin | 670113-02-5056 | Teluk Intan |
| | | 6. Mohd Noor Ezzamie Mohd Nordin | 830113-08-5821 | Teluk Intan |
| 7 | Selangor | 1. Azrizan b. Abdul Aziz | 840413-10-5145 | Gombak |
| 8 | Terengganu | 1. Ahmad Izani b. Abd Ghani | 800409-11-5221 | Negeri |
| | | 2. Wan Abdul Ghani b. Wan Yusof | 740408-11-5367 | Negeri |
| | | 3. Mohd Izham b. Ahmad | 850308-11-5981 | Negeri |
| | | 4. Ahmad Shahrul Nizam b. Abd Ghani | 841204-11-5173 | Negeri |
| | | 5. Mohd Izham b. Ahmad | 850308-11-5981 | Kemaman |
| | | 6. Aras b. Andy Fiheery | 880606-49-6089 | Kemaman |
| | | 7. Muhammad Syahir b. Ismail | 890403-11-5329 | Kemaman |
| | | 8. Masrul Amir b. Said @ Mahadi | 781002-11-5157 | Kuala Nerus |
| | | 9. Muhamad Jassrif b. Said | 811003-11-5161 | Kuala Nerus |
| | | 10. Rosley b. Hashim | 700121-11-5435 | Kuala Nerus |
| | | 11. Tg Mohd Nazari Tg Ngah | 711104-11-5103 | H.Terengganu |
| | | 12. Mohd Razali Ismail | 830722-11-5153 | H.Terengganu |
| 9 | Wilayah Persekutuan | 1. Ziahul Ashraf b. Syed Sultan | 790616-07-5617 | Negeri |
| | | 2. Nor Rouzlyn bt. Zulkefli | 821105-10-6038 | Negeri |

Universiti Utara Malaysia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Abdul Wahab b. Mohamad Annuar | 741101-06-5179 | Negeri |
| | | 4. Ahmad Nawawi b. Abdul Rahman | 701011-10-6145 | Negeri |
| | | 5. Nurul Hirani bt. Md Yusof | 810925-14-5274 | Negeri |
| | | 6. Muhammad Shafiee b. Mohamad Yazid | 890222-14-5625 | Bandar Tun Razak |
| | | 7. Megat Mohd Farid b. Zolkarnain | 890603-14-5629 | Bandar Tun Razak |
| | | 8. Muhammad Alwi b. Zulkefli | 900510-01-5995 | Bandar Tun Razak |
| | | 9. Muhammad Fa'ez b. Md Ahyar | 870910-23-5247 | Batu |
| | | 10. Muhammad Fauzi b. Markanah | 880226-10-5525 | Batu |
| | | 11. Rezduan b. Razali | 830323-14-6403 | Batu |
| | | 12. Asrima bt. Punaib | 871107-01-5338 | Bukit Bintang |
| | | 13. Nor Hashimah bt. Abd Rahman | 900714-04-5096 | Bukit Bintang |
| | | 14. Nurul Ain Bt. Mahat | 900410-03-6202 | Bukit Bintang |
| | | 15. Siti Zanariah bt. Samson Pazi | 900905-01-6618 | Cheras |
| | | 16. Tuan Norafizan bt. Tuan Ismail | 880609-03-6042 | Cheras |
| | | 17. Siti Nurfarehan bt. Shamsul Kamar | 900324-14-6502 | Cheras |
| | | 18. Azila Aziz | 820403-11-5616 | Kepong |
Saudara Zambri bin Mohd Isa selaku Setiausaha Agung mewakili Saudara Haji Annas bin Ahmad, Bendahari Agung telah membentangkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 30 November 2011 yang telah disahkan oleh 'Charted Accountant' Encik Nor Azman Mohd. Laporan ini dicadangkan untuk disahkan oleh Saudara Hazrul Akbar, GPMS Negeri Selangor dan disokong oleh Saudara Mohd Ashraf, GPMS Negeri Kedah.

**1.11 Tamat Sidang I**
Pengerusi Tetap menangguhkan sidang I selepas semua pembentangan selesai dijalankan. Sidang II dimulakan dengan menjemput Saudara Jais bin Abdul Karim, Presiden untuk memulakan sidang Ucapan Dasar Presiden.

**SIDANG II**

**2.1 Ucapan Dasar Presiden**
(rujuk Lampiran Majalah Suara GPMS 2011, mukasurat 10 hingga 30)

- Selesai sahaja Saudara Jais Abdul Karim menyampaikan Ucapan Dasar Presiden, Sidang II ditangguhkan pada jam 11.00 malam dan disambung pada 11 Disember 2011 jam 9 pagi. (Pada 10 Disember 2011, Sabtu, Seminar Pemikiran Najib Razak dari Nazrah Generasi Muda)

**2.2 Membahas Ucapan Dasar Presiden**
Saudara Timbalan Pengerusi Tetap mempengerusikan persidangan meminta setiap negeri untuk menghantar wakil bagi membahas Ucapan Dasar Presiden yang telah dibentangkan pada hari pertama persidangan.

i) **GPMS Kedah (Saudara Shamsul Bahar bin Abdul Rani)** – Beliau mengalu-alukan para perwakilan dan mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Pengerusi Tetap. Beliau menyatakan bahawa teks Ucapan Dasar Presiden harus dijadikan panduan oleh semua aktivis GPMS. Selain itu, beliau menggesa agar tarikh peperiksaan umum seperti SPM, STPM dan STAM diubah kerana fenomena alam menyebabkan peperiksaan besar tidak sesuai diadakan pada hujung tahun. Beliau mencadangkan agar pelajar yang tercicir untuk diserap di institusi kemahiran agar mereka boleh menyambung ke peringkat lebih tinggi. Menyeru kepada semua ahli GPMS untuk menghayati slogan "GPMS Singa Perjuangan Bangsa" agar GPMS perlu kekal relevan untuk menyuarakan suara perjuangan bangsa tercinta.

ii) **GPMS Kelantan (Saudara Nik Saiful Adli)** – beliau menyatakan bahawa perwakilan daripada Kelantan tertarik dengan isu pelajar yang tidak mendapat sijil SPM kerana tidak

lulus Bahasa Melayu, bagi beliau perkara itu bukan harus menjadi pengukur utama yang perlu dinilai tetapi kemahiran. Beliau berpendapat bahawa pelajar harus diberi peluang untuk mendapat kemahiran. Selain itu, beliau merasakan bahawa Malaysia akan terancam dengan Pemansuhan ISA, sehubungan itu beliau mencadangkan agar GPMS menggesa kerajaan untuk memberikan penjelasan atau jaminan bahawa negara akan berada dalam keadaan aman sekalipun ISA dimansuhkan. Beliau juga membahas tentang isu Pemansuhan Akta 15 (penglibatan pelajar dalam politik) dan menyatakan bahawa politik merupakan satu proses mematangkan selain menyerahkan tanggungjawab kepada golongan muda. Beliau menyokong ucapan Saudara Presiden bahawa pelajar bergiat dalam politik tetapi tidak melupakan pelajaran. Selain itu, Deklarasi PAT 57 iaitu 10 Rukun Sedar Pelajar dan 10 Rukun Graduan Melayu harus dijadikan realiti agar menjadi panduan untuk pelajar Melayu terus maju ke hadapan. Beliau menyarankan agar GPMS menjalinkan hubungan baik dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan institusi pendidikan.

iii) **GPMS Negeri Sembilan (Saudara Mohd Faiz bin Rahmat)** – beliau menyatakan sokongan dengan ucapan Dasar Presiden menggunakan "Transformasi Minda Pelajar Melayu Melalui Strategi Samudera Biru" dan berterima kasih kepada GPMS kerana memberi peluang kepada institusi pelajaran selain itu usahasama antara GPMS dan institusi pelajaran harus dipertingkatkan demi menaikkan taraf pendidikan anak Melayu. Beliau turut menyarankan agar GPMS menjalinkan kerjasama dengan pendidik dan bakal pendidik dalam program eksklusif Insan Guru.

iv) **GPMS Melaka (Saudara Mohd Zudhijri Sabtu)** – GPMS Negeri Melaka menyokong penuh Ucapan Dasar Presiden dalam pelbagai isu terutamanya isu melibatkan pendidikan. Beliau menyatakan bahawa GPMS harus sentiasa memartabatkan anak bangsa melalui ilmu pengetahuan. Selain itu, mengenai isu Novel Interlok, isu tersebut tidak harus dipolitikkan kerana kebenaran harus diterima dan kelemahan sesuatu bangsa harus dijadikan titik tolak untuk terus maju. Beliau turut membahas mengenai isu pelajar sekolah agama yang tidak dibenarkan memasuki MRSM. Pelajar tersebut harus diberikan peluang sama seperti pelajar lain kerana keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Beliau turut menyatakan sokongan terhadap isu bahawa pelajar SPM yang gagal mendapat sijil SPM kerana gagal Bahasa Melayu perlu diberikan peluang untuk mendapat pendidikan kemahiran vokasional. Sokongan terhadap isu pinjaman PTPTN yang harus ditukar kepada biasiswa turut mendapat perhatian GPMS Negeri Melaka kerana akan mendorong dan membantu anak Melayu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Universiti Utara Malaysia

v) **GPMS Pulau Pinang (Saudara Mahazan bin Mat Isa)** – menyatakan sokongan terhadap Ucapan Dasar Presiden yang bertepatan dengan temanya. Beliau menyatakan bahawa mahasiswa, guru dan semua aktivis GPMS merupakan tonggak dan penyumbang besar kepada perjuangan GPMS. Selain itu, masing-masing perlulah terlibat secara langsung memikul tanggungjawab demi memajukan anak bangsa.

vi) **GPMS Terengganu (Saudara Mohd Izham bin Ahmad)** – mengalu-alukan kehadiran perwakilan dan mengucapkan tahniah kepada Saudara Jais di atas Ucapan Dasar Presiden. Memuji dan melahirkan perasaan gembira kerana kewangan GPMS

Kebangsaan kembali kukuh walaupun diterajui oleh golongan belia. Selain itu, program-program GPMS yang telah dijalankan sangat memberi kesan yang positif dan menggelarnya sebagai "super premium". Namun begitu, beliau melahirkan rasa dukacita di atas masalah keahlian di Terengganu dan Pusat kerana keahlian yang diterima semasa program Skuad Jelajah Motivasi dijalankan tidak sampai ke cawangan yang sepatutnya menerima ahli tersebut. Beliau memohon agar sistem keahlian diperkemaskan selain berkemungkinan jawatankuasa khas keahlian ditubuhkan. Beliau turut mencadangkan agar ahli GPMS menjadi ahli Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). GPMS perlu memperkasakan ilmu dan mobiliti yang dimiliki terus kepadsa pelajar-pelajar Melayu termasuklah guru-guru pendidik. Beliau turut mencadangkan agar GPMS mendesak kerajaan menangani masalah sosial dalam negara yang semakin meruncing sehingga melibatkan budak bawah umur.

vii) **GPMS Wilayah Persekutuan (Saudara Megat Mohamed Taufiq bin Megat Ahmad Zainuri)** – beliau menyuarakan pendapat bahawa kepimpinan muda diperlukan dalam GPMS untuk memperhebatkan lagi GPMS. Strategi dan Dasar Perjuangan iaitu GPMS gedung melahirkan pimpinan muda telah berjaya direalisasikan. Beliau turut membahas tentang 10 Rukun Graduan Melayu adalah lengkap untuk dijadikan bekalan oleh graduan untuk menjadi nakhoda pelayaran mereka ke arah kejayaan. Beliau telah merumuskan 5 sikap buruk graduan yang tidak harus dilakukan demi kejayaan bangsa Melayu iaitu:

- Tiada perancangan; graduan masih kabur dengan arah tuju mereka
- Mudah berpuas hati; kecemerlangan tidak akan datang bergolek tanpa usaha. Graduan perlu mengasak diri dalam pelbagai bidang untuk mencari kunci kejayaan.
- Kurang membaca; graduan tidak mengamalkan budaya membaca seperti yang diamalkan oleh golongan belia di negara lain.
- Jumud; dihimpit kejumudan fikiran (hanya berfikir untuk bekerja berdasarkan apa yang dipelajari sahaja). Graduan perlu mengamalkan konsep belajar sepanjang hayat dan tidak menyekat kebolehan diri (terokai pelbagai bidang)
- Kehilangan keyakinan diri; graduan kurang keyakinan diri terhadap apa yang mereka miliki dalam bidang kerjaya. Graduan perlu melakukan penjenamaan semula dengan melihat dan mencari potensi diri.

Beliau menyarankan semua perwakilan untuk menilai dan meyokong deklarasi yang dibuat agar pemantapan dapat dilakukan.

viii) **GPMS Pahang (Saudara Zulfadli bin Samsudin)** – beliau memohon peruntukan yang lebih kepada GPMS Negeri dan Cawangan agar lebih banyak program dapat dijalankan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan. Beliau turut menegaskan hak-hak pelajar Melayu harus dipertegakkan dan dipertahankan disamping memperjuangkan ideologi-ideologi yang bernas untuk membangunkan anak bangsa.

ix) **GPMS Perak (Saudara Zulhaidi bin Mohamed)** – menyeru agar semua aktivis GPMS berpegang pada prinsip "kmai dengar, kami patuh dan kami ambil tindakan" dan menyokong sepenuhnya Ucapan Dasar Presiden selain menganggap orang bawahan perlu melakukan kerja. GPMS Negeri perlu aktif sepanjang masa tetapi bukan hangat pada musim persidangan sahaja dan perlu bekerja dengan ikhlas. Beliau turut menegur sikap segelintir ahli dan aktivis agar tidak tuding-menuding antara satu

Universiti Utara Malaysia

sama lain sebaliknya sama-sama berganding memperbetulkan kesalahan dan berbalik pada perjuangan asal GPMS.

x) **Cawangan Khas UUM (Saudara Nor Azmi bin Adnan)** – menyokong penuh Ucapan Dasar Presiden dan Deklarasi PAT 57 yang telah dipersetujui oleh semua perwakilan. Semangat keMelayuan semakin pudar malahan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelaan semakin berkurangan yang berbeza dengan bangsa lain yang sentiasa komited dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan mereka. Sedangkan pelajar Melayu lebih kepada 3K iaitu "katil", "kuliah" dan "kafe". Deklarasi PAT 57 sangat berguna tetapi harus digiatkan lagi usaha dalam menyemai dalam jiwa pelajar.

**Pengerusi Jawatankuasa Kecil Usul**

- Puan Rafidah bt Mohd Arifin, Naib Presiden (HEW) selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Usul membentangkan usul-usul yang diterima daripada pihak GPMS Negeri:
  - Subjek Sejarah diwajibkan lulus dalam SPM; subjek harus di ajar sejak sekolah rendah lagi dan harus digubal untuk lebih sesuai mengikut peringkat umur.
  - LGBT ( Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual); kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap golongan tersebut.
  - PTPTN; desak kerajaan untuk mengkaji semula cara pembayaran balik.
  - Memperkasa tulisan Jawi dan Bahasa Melayu
  - Hak-hak pelajar Melayu dijamin.
- Puan Rafidah memohon cadangan dan sokongan daripada perwakilan untuk menerima usul di atas tersebut.
- Saudara Ahmad Yaakob Nazri, GPMS Cawangan Sungai Pinang mencadangkan agar usul diluluskan tanpa bahas dan akan dibincangkan oleh Majlis Tertinggi Kebangsaan. Saudara Mohd Shafiq Abdullah, GPMS Negeri Sembilan menyokong cadangan tersebut.

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Pengerusi Tetap**

- Lima (5) usul yang diterima daripada GPMS Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Kedah, usul diterima tanpa bahas dan sokongan penuh diterima daripada perwakilan untuk usul tersebut dibincangkan oleh Majlis Tertinggi.

**5.1 Sidang IV: Memilih Tempat Persidangan Agung Akan Datang & Ucapan Penangguhan**

Sidang IV dimulakan dengan memilih tempat untuk mengadakan Persidangan Agung Tahunan pada tahun hadapan. Pengerusi Tetap memohon cadangan daripada perwakilan yang hadir dan menyatakan bahawa pemilihan ini bergantung pada keperluan dan keutamaan negeri-negeri yang tidak pernah mengadakan PAT.

Saudara Wan Abdul Hamid mencadangkan Negeri Pulau Pinang, Saudara Mohd Farhan Abu Talib mencadangkan Negeri Perak, Saudara Mohd Fadli mencadangkan Negeri Pahang, Saudara Mohd Izham mencadangkan Negeri Terengganu dan Saudara Shamsul Bahar mencadangkan Negeri Kedah.

Pengerusi Tetap membuka undian kepada perwakilan bagi memilih tempat PAT tahun hadapan dan keputusan undian adalah seperti berikut:

- Negeri Pulau Pinang 67 undi
- Negeri Perak (UPSI) 49 undi
- Negeri Pahang 10 undi
- Negeri Kedah 20 undi
- Negeri Terengganu 85 undi

Pengerusi Tetap memutuskan bahawa PAT kali ke 58 akan diadakan di Terengganu berdasarkan keputusan undian yang memihak Negeri Terengganu.

i) **GPMS Perlis: Saudara Nor Halmey bin Hamid**

- Jiwa Melayu yang kuat dan agama yang kuat harus menjadi teras untuk mempertahankan negara.
- GPMS perlu kembali menjadi nombor 1 sebagai NGO pendidikan tertua di negara.
- Mohon kepada pejuang-pejuang GPMS untuk meninggalkan jasa demi mempertahankan asas Melayu, memiliki bangunan sendiri dan meneruskan perjuangan yang telah terlakar dalam sejarah negara.
- Tahniah dan terima kasih kepada semua jawatankuasa PAT yang terlibat.

ii) **GPMS Kedah: Saudara Mohd Hairi Hamidon**

- Menyarankan agar Melayu menjadi bangsa yang progesif selaras dengan Wawasan 2020.
- GPMS harus lebih peka dalam setiap aspek yang diusulkan.
- Memperkasakan pendidikan; jika ada ilmu, ekonomi dapat ditingkatkan.

iii) **GPMS Pulau Pinang: Saudara Ahmad Yaakob bin Nazri**

- Tahniah atas persidangan pada tahun ini.
- Membandingkan program-program yang telah dijalankan di setiap cawangan bagi memperkasakan lagi cawangan tersebut agar bergiat lebih aktif demi kemajuan pelajar Melayu
- Setiap cawangan harus sentiasa menjemput MT dari peringkat kebangsaan agar informasi dan maklumat berguna dapat disampaikan hingga ke akar umbi.
- GPMS merupakan satu medan untuk anak-anak Melayu menyerlahkan potensi mereka agar mereka tidak terjerumus ke perkara-perkara yang akan menjejaskan masa depan mereka.
- Kursus pengurusan organisasi harus dilaksanakan di setiap cawangan untuk memantapkan lagi GPMS.
- Berharap dapat bertemu lagi di PAT pada tahun hadapan di Terengganu.

iv) **GPMS Kelantan: Saudara Ahmad Fakruddin**

- Mengucapkan tahniah kepada GPMS Pusat dan sukarelawan yang telah menjayakan PAT pada kali ini.
- Memohon tunjuk ajar dan bantuan dari segi kewangan dan perhatian untuk GPMS Kelantan naik semula.
- Tahniah kepada semua perwakilan.

v) **GPMS Melaka: Saudara Zulhijri bin Samsul**

- Penghargaan buat kepimpinan tertinggi GPMS Pusat kerana telah berjaya menaikkan nama GPMS sehingga lebih dikenali oleh masyarakat sekarang.

- Menyokong sepenuhnya program-program yang dilaksanakan oleh GPMS Pusat.
- Penghayatan terhadapa slogan "GPMS Singa Perjuangan Bangsa".
- Sokongan kepada Saudara Presiden, pemimpin lain harus mencontohi Presiden.
- Tahniah kepada GPMS Terengganu yang akan menjadi tuan rumah PAT tahun hadapan.

vi) **Cawangan Khas: Saudara Mohd Eizaaz bin Mohd Rizuan, UIAM**

- Mengucapkan terima kasih kerana telah memilih UIAM sebagai tuan rumah PAT kali ke 57.
- Pemilihan tersebut telah menaikkan semula nama GPMS €awangan Khas UIAM dan GPMS KIA yang telah merudum prestasinya sebelum ini.
- Menganggap tanggungjawab yang diberikan merupakan amanah daripada Allah SWT dan melaksanakan dengan penuh dedikasi.
- Menyifatkan bahawa kepercayaan terhadap pemimpin adalah paling penting.
- Mengucapkan terima kasih pada perwakilan yang hadir dan memohon maaf jika terdapat kekurangan sepanjang PAT tersebut berlangsung.

vii) **GPMS Perak: Saudara Zulhaidi Mohamed**

- Tahniah buat jawatankuasa PAT yang bertungkus lumus menjayakan PAT kali ini.
- Mewakili sidang perwakilan memohon maaf jika sepanjang PAT kali tersebut, banyak perkara-perkara yang tidak menyenangkan telah dilakukan oleh perwakilan.
- Melahirkan rasa gembira kerana PAT telah mengeratkan silaturahim antara perwakilan dari seluruh cawangan di seluruh negara di samping melahirkan idea-idea baru dan berguna untuk anak bangsa.
- Kerjasama yang erat perlu ada dalam membantu Cawangan Khas membuat program demi melahirkan pemimpin sejak dari universiti lagi.
- Produk GPMS iaitu Skim Tuisyen Online GPMS dengan kerjasama Score A, Cawangan Khas harus mempromosikan skim tersebut dan menjadikannya aktiviti cawangan.
- Berperanan dalam membantu kesejahteraan negara dengan menjadi pengundi yang bijak dalam menentukan halatuju anak Melayu.
- Menjadi pemangkin kepada kejayaan dasar-dasar negara.
- Berharap agar orang GPMS berjuang di atas landasan yang betul dan jelas demi kejayaan bangsa yang tercinta dan mengangkat martabat GPMS.

viii) **GPMS Pahang: Saudara Mohd Suhaimi bin Othman**

- Keikhlasan diperlukan dalam berjuang demi anak bangsa
- Pentingnya ukhwah antara orang-orang GPMS bagi menghayati perjuangan orang lama demi kelangsungan bangsa tercinta.
- Memohon agar sumbangan dana dapat diberikan kepada setiap cawangan yang aktif bagi membolehkan program-program pendidikan dan kepimpinan dapat dijalankan.
- Tahniah dan terima kasih kepada perwakilan yang hadir dan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa PAT yang menjayakan persidangan pada kali tersebut.

ix) **GPMS Negeri Sembilan: Mohd Shafiq bin Abdullah**

- Mengucapkan terima kasih kepada YDP GPMS Cawangan Khas UIAM dan jawatankuasanya kerana menyediakan tempat persidangan yang terbaik.

Universiti Utara Malaysia

- Penghargaan buat Saudara Presiden dan barisan kepimpinan tertinggi GPMS Pusat dan menyuarakan sokongan yang padu untuk GPMS Pusat.
- GPMS perlu diperkasakan oleh GPMS Cawangan Khas kerana digolongi oleh mahasiswa yang kaya dengan idea-idea baru.
- Memohon GPMS Pusat untuk membantu GPMS Negeri Sembilan dalam melaksanakan program terutamanya di institusi perguruan.

x) **Saudara Ismadee Asmara bin Ishak (AMT & Pengerusi GPMS Negeri Selangor)**

- Mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan untuk menerajui GPMS Selangor.
- GPMS Selangor akan bermula dari bawah semula kerana penstrukturan semula organisasi dari akar umbi.
- Memuji kepimpinan Saudara Presiden yang banyak berkorban tenaga dan masa demi meneruskan perjuangan GPMS sehingga ahli-ahli biasa boleh menghubungi Presiden bila-bila masa jika terdapat sebarang permasalahan yang timbul.
- Tahniah kerana terbitnya Majalah Suara GPMS buat kali kedua dan komitmen tinggi diperlukan untuk mempublisitikannya kerana mengandungi laporan-laporan dari setiap cawangan.
- Tahniah kepada SUA kerana menjalankan program-program di peringkat kebangsaan dan selaku Pengerusi PAT 57.
- Terima kasih pada perwakilan dan tetamu yang hadir ke PAT kali ini.

xi) **Saudari Ida Harlina binti Ikhwan Nasir (Pengerusi GPMS Wilayah Persekutuan)**

- Menggunakan pendekatan BELIA (YOUTH=young,opportunity,useful,time,happy).
- Pulihkan semangat yang hilang demi kejayaan bangsa.
- Tahniah kepada perwakilan yang hadir dan terima kasih kepada jawatankuasa PAT yang bertungkus lumus menjayakan PAT 57.

xii) **Saudara Mohd Fazreen Ismadi bin Fauzi (YDP GPMS Cawangan Khas KIA)**

- Tahniah kepada semua yang terlibat dalam PAT dan terima kasih pada perwakilan yang hadir.
- Kembalikan semangat juang mahasiswa.
- Ikhlaskan diri, sabarkan hati dalam menempuh perjuangan yang tidak pernah selesai.

Universiti Utara Malaysia

xiii) **Saudara Masrul Amir bin Said @ Amir (AMT)**

- Mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan PAT dan tahniah kepada barisan kepimpinan tertinggi GPMS Pusat yang sentiasa berjuang demi GPMS.
- Menyeru kepada semua perwakilan untuk mendukung perjuangan anak bangsa.
- Perjuangan pendidikan harus selari dengan perjuangan ekonomi Melayu.
- Mengucapkan selamat datang ke Terengganu untuk persidangan pada tahun hadapan.

xiv) **Saudara Hasnul Fairuz bin Hushin Amri (Naib Presiden & Pengerusi GPMS Perak)**

- Mengucapkan penghargaan secara peribadi kepada Saudara Mohd Firdaus Jamaludin (SUK), Saudari Nur Ainun Awang Jati (PSUK) dan Saudari Nor Ain Azmee (Pegawai Program) serta staf ibu pejabat yang banyak membantu beliau

serta rakan-rakan lain dan telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dari awal tahun sehingga hujung tahun 2011.

- Menganggap orang GPMS bukan yang terbaik tapi berusaha ke arah itu.
- Sentiasa menggunakan jalinan strategik dalam membuat program pendidikan dan kepimpinan.
- Membuang sifat mazmumah dalam persatuan dan mentransformasi ke arah kebaikan.
- Mengenai Parlimen Belia, perwakilan yang berminat boleh mendaftar secara 'online'.
- Cipta program yang terbaik untuk melahirkan pemimpin dari akar umbi.

**xv) Saudara Hishamuddin bin Abdul Rahman (Naib Presiden)**

- GPMS menyediakan platform yang semakin baik untuk ahlinya.
- Menetapkan GPMS sentiasa dalam hati.
- Meneruskan agenda dalam mendidik pelajar Tingkatan Enam lebih dahulu sebelum golongan mahasiswa.
- Memohon agar ahli-ahli GPMS memenuhi kerusi-kerusi Parlimen Belia.
- Mengenai IPG, GPMS harus memperjuangkan pendirian.
- Memegang kuat istilah "biarlah dunia tidak mengenaliku tetapi mengenali GPMS.
- Mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa PAT di atas kelancaran sepanjang persidangan berlangsung.

**xvi) Saudara Rosdi bin Amir (Timbalan Presiden&Pengerusi Negeri GPMS Johor)**

- Menyatakan bahawa kata-kata tentang belia muda tidak mampu mempimpin berjaya dipadamkan dengan kejayaan-kejayaan yang diraih setakat ini.
- Harus menjadikan GPMS sebagai "centre of influence and movement for nation".
- Membincangkan tentang kemajuan bangsa Melayu
- Tidak menganggap GPMS sebagai kelab sosial.
- Mengenangkan tentang nasib pelajar Melayu yang semakin terjerus ke perkara yang akan merugikan masa depan mereka, GPMS harus bertindak.
- Sentiasa memfokuskan bahawa GPMS merupakan pewaris.

Universiti Utara Malaysia

**xvii) Tuan Haji Zainal Abidin (Panel Pemikir GPMS/Veteran GPMS)**

- GPMS harus melaksanakan satu program besar yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga ribu peserta agar masyarakat mengenali GPMS lebih meluas.
- Mengenai PRU 13, GPMS harus bergabung dengan badan NGO lain untuk menarik belia supaya mengundi pada pilihanraya akan datang untuk menyelamatkan kuasa orang Melayu.
- Memperkasakan martabat tulisan jawi supaya tidak hilang di mamah zaman.
- GPMS harus mempunyai bangunan sendiri sebagai identiti GPMS semakin kukuh.
- Logo GPMS seperti 'sticker' harus dilekatkan di kenderaan orang GPMS bagi mempromosikan lagi GPMS kepada masyarakat luar.
- Sentiasa sayang pada GPMS.

**xviii) Saudara Jais Bin Abdul Karim (Presiden)**

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan PAT pada kali 57 tahun 2011 terutamanya Pengerusi Persidangan, Saudara Zamri Mohd

Isa, Setiausaha Agung, tuan rumah iaitu GPMS Cawangan Khas UIAM, kakitangan ibu pejabat GPMS terdiri daripada Saudara Mohd Firdaus Jamaludin, SUK, Saudari Nur Ainun Awang Jati, PSUK, Saudari Nor Ain Azmee, Pegawai Program, Saudara Muhammad Jafizan Jaapar, Penolong Pegawai Program, dan seluruh ahli jawatankuasa PAT daripada GPMS Cawangan Khas UIAM dan KIA. Tahniah kepada perwakilan daripada seluruh negara yang hadir ke PAT pada kali tersebut. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada tetamu-tetamu khas yang hadir terutamanya Y.A.B. Dato' Dr. Diraja Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak, ahli Panel Pemikir, dan penaja-penaja yang sentiasa bersama secara aktif dalam program-program anjuran GPMS.

Beliau mengulas tentang isu kewangan yang ditimbulkan oleh perwakilan, beliau memohon kepada orang-orang GPMS harus mempunyai kesedaran dalam mengorbankan duit sendiri demi kejayaan GPMS. Beliau turut mengalami kesukaran namun begitu dengan sokongan kuat daripada AMT dan ahli GPMS yang memahami, beliau dapat meneruskan perjuangan GPMS.

Mengenai isu tanah, GPMS masih berusaha untuk mendapatkan tanah Banglo GPMS daripada pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) walaupun masih tidak mendapat sebarang maklum balas daripada pihak KTMB. Beliau sedang berusaha untuk mendapatkan dana yang besar daripada pihak YAB PM dan berjanji akan memberikan dana kepada negeri-negeri GPMS secara sama rata. Bagi GPMS Negeri yang lambat mengadakan mesyuarat agung negeri, peruntukan yang dijanjikan tidak dapat diberikan.

Beliau turut memuji akan keberanian GPMS Cawangan Khas UIA dan KIA yang mengubah tanggapan beliau sebelum ini tentang zaman kejatuhan cawangan tersebut dengan menaikkan semula nama cawangan dengan program-program yang semakin memberangsangkan sepanjang tahun 2011. Selain itu, terdapat beberapa lantikan baru iaitu Saudara Nik Saiful Adli sebagai Pengerusi GPMS Negeri Kelantan menggantikan Puan Rafidah Ariffin dan Saudara Megat Mohamed Taufiq bin Ahmad Zainuri dilantik semula sebagai AMT setelah kembali dari melanjutkan pelajaran di UK.

Beliau turut menyuarakan hasrat untuk menyelesaikan masalah tentang penubuhan GPMS di IPG seluruh Malaysia. Mengenai Majalah Suara GPMS Edisi ke 2 tahun 2011, majalah tersebut akan dihantar kepada agensi kerajaan dan swasta sebagai bukti GPMS Negeri dan Cawangan yang aktif melaksanakan program. PAT akan datang akan diadakan di Terengganu dan GPMS Negeri Terengganu akan menjadi tuan rumah dan beliau menjemput semua perwakilan untuk hadir ke PAT akan datang.

Beliau mengulas tentang PRU 13 yang dijangka pada bila-bila masa pada tahun 2012, beliau memohon agar cawangan-cawangan membuat program untuk menarik belia-belia mendafar menjadi pengundi pada pilihanraya akan datang. Beliau turut menyuarakan perasaan dukacita beranggapan bahawa prestasi GPMS tidak terlalu memuaskan.

Selain itu, beliau mempelawa kepada semua GPMS Negeri, Cawangan dan Cawangan Khas yang ingin membuat program, boleh mengadakan di Institut GPMS Perak di Batu Gajah Perak dengan penginapan dan makanan akan ditanggung oleh ibu pejabat namun Cawangan hanya perlu menanggung dari segi penginapan sahaja.

Universiti Utara Malaysia

xix) **Saudara Hasanul Amir Bin Abdul Halim (Pengerusi Tetap)**
Saudara Pengerusi Tetap mengucapkan terima kasih kepada semua wakil yang telah memberikan ucapan penangguhan. Selain itu, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan yang hadir selama dua hari berturut-turut demi perjuangan dan cintakan GPMS. Seterusnya, beliau mengumumkan PAT kali ke-58 akan datang akan diadakan di negeri Terengganu pada pertengahan tahun 2012 di bawah pengelolaan Saudara Ahmad Izani Abdul Ghani.

6 **Persidangan ditangguhkan kira-kira jam 1.00 tengahari.**

Disediakan oleh:

**(ZAMBRI BIN MOHD ISA)**
Setiausaha Agung
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

Disahkan oleh:

**(JAIS BIN ABDUL KARIM)**
Presiden
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

Universiti Utara Malaysia

**PERINGATAN PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN KALI KE-58 (2012)**
**GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG**

**TARIKH : 29-30 JUN & 1 JULAI 2012**
**TEMPAT : DEWAN SYED JALALUDDIN, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**KEHADIRAN AHLI MAJLIS TERTINGGI :**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | SDR HASANUL AMIR B. ABDUL HALIM | : | PENGERUSI TETAP |
| 2. | SDR JAIS B. ABDUL KARIM | : | PRESIDEN |
| 3. | SDR ROSDI B. AMIR | : | TIMBALAN PRESIDEN |
| 4. | SDR HASNUL FAIRUZ B. HUSHIN AMRI | : | NAIB PRESIDEN |
| 5. | SDR EZARUDDIN B. ABDUL RAHMAN | : | NAIB PRESIDEN |
| 6. | SDR HISHAMUDDIN B. ABDUL RAHMAN | : | NAIB PRESIDEN |
| 7. | SDRI RAFIDAH BT MOHD ARIFFIN | : | KETUA SEKRETARIAT (HEW) |
| 8. | SDR ZAMBRI B. MOHD ISA | : | SETIAUSAHA AGONG |
| 9. | SDR MOHD MARWAN B. ABU KASIM | : | PEN SETIAUSAHA AGONG |
| 10. | TUAN HAJI ANNAS B. AHMAD | : | BENDAHARI AGONG |
| 11. | YBHG. DATO' HAJI IRMOHIZAM B. IBRAHIM | : | KETUA PENERANGAN |
| 12. | SDR ISMADEE ASMARA B. ISHAK | : | AMT |
| 13. | SDR MOHD ALIFF ANAS B. MD NOOR | : | AMT |
| 14. | SDR KHAIRUL ADHA B. MADZLAN | : | AMT |
| 15. | SDR MOHD REDZUAN B. MOHAMED YUSOFF | : | AMT |
| 16. | SDR AZHAM B. ABARA AHMAD | : | AMT |
| 17. | SDR MASRUL AMIR B. SAID @ AMIR | : | AMT |
| 18. | SDR MOHD FAUZI B. ZULKIFLY | : | AMT |
| 19. | SDR HAIDIR ANUAR B. ZUBIR | : | AMT |
| 20. | YBHG. DATO' DR HAZAINI B. HASHIM | : | AMT |
| 21. | SDR MEGAT MOHAMED TAUFIQ B.MEGAT A | : | AMT |

**KEHADIRAN KAKITANGAN IBU PEJABAT**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | SDR MOHD FIRDAUS B. JAMALUDIN | : | SETIAUSAHA KERJA |
| 25. | SDRI NUR AINUN BT AWANG JATI | : | PEN SETIAUSAHA KERJA |
| 26. | SDRI NOR AIN BT AZMEE | : | PEGAWAI PROGRAM |
| 27. | SDR MUHAMMAD JAFIZAN B JAAPAR | : | PEN PEGAWAI PROGRAM |

**Tidak Hadir dengan maaf:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | SDR TAJUL AZMIR B. MUSTAPA | : | TIMBALAN PENGERUSI TETAP |
| 2. | SDR MOHD ZAIN B. ABU | : | AMT |

**Kehadiran Perwakilan Negeri, Cawangan dan Cawangan Khas:**
*rujuk Lampiran 1.

UUM Universiti Utara Malaysia

**SIDANG I**

**1.1 Ucapan Aluan Pengerusi Tetap Persidangan**

Saudara Hasanul Amir Abdul Halim, Pengerusi Tetap yang mempengerusikan persidangan mengalu-alukan kedatangan para perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan GPMS Kali ke-58 tahun 2012.

**1.2 Bacaan Mukaddimah GPMS dan Do'a**

Saudara Mohd Faizal Zulkifly mengetuai bacaan Mukadimah GPMS manakala Mohd Salleh Tugimin mengimamkan bacaan doa pembukaan PAT.

**1.3 Kata-kata Aluan Pengerusi PAT 58**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong GPMS Kebangsaan memberikan kata-kata aluan kepada Ahli Majlis Tertinggi GPMS Kebangsaan, tetamu jemputan dan semua perwakilan yang hadir. Beliau melahirkan perasaan syukur kerana semua perwakilan dari seluruh negara telah tiba di tempat persidangan dengan selamat dan mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan. Selain itu, Saudara Zambri menerangkan aturcara sepanjang persidangan tersebut berlangsung selama 3 hari 2 malam dan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan sepanjang PAT.

Beliau turut menerangkan bahawa PAT pada kali ini merupakan persidangan pemilihan tampuk kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan bagi sesi 2012/2015. Hanya dua jawatan sahaja yang terdapat pertandingan iaitu Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi. Terdapat lima (5) orang calon Naib Presiden iaitu Ahmad Yakqub Nazri (Sungai Pinang, Pulau Pinang), Hishamuddin Abdul Rahman (Kuantan, Pahang), Irmohizam Ibrahim (Klang, Selangor), Mohd Alif Anas Md Noor (Bukit Mertajam, Pulau Pinang) dan Mohd Marwan Abu Kasim (Ayer Keroh, Melaka). Para perwakilan hanya boleh memilih tiga (3) sahaja daripada lima (5) calon Naib Presiden yang bertanding.

Bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi, terdapat sepuluh (10) orang calon yang bertanding iaitu Amir Siddiq Adnan (Teluk Intan, Perak), Ekma Faroza Kamarudin (Wilayah Persekutuan), Khairul Adha Madzlan (Batu, Wilayah Persekutuan), Khairul Nizam Mohd Sopery (Seremban, Negeri Sembilan), Mohd Adri Adha Mohamad (Bukit Gantang, Perak), Mohd Faizal Zulkifly (UniKL IPROM), Mohd Izham Ahmad (Kemaman, Terengganu), Ramzul Iklas Alias (Ayer Keroh, Melaka) dan Rezduan Razali (Ampang, Selangor). Antara sepuluh (10) orang calon yang bertanding, para perwakilan hanya boleh memilih enam (6) orang sahaja untuk diundi.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap, Saudara Hasanul Amir Abdul Halim (Pulau Pinang), Timbalan Pengerusi Tetap, Saudara Mohd Hazimin Jamaluddin (Kedah), Presiden, Saudara Jais Abdul Karim (Wilayah Persekutuan), dan Timbalan Presiden, Saudara Ezaruddin Abd Rahman (Wilayah Persekutuan) telah menang tanpa pertandingan.

**1.4 Menerima dan Mengesahkan Korum PAT 58**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong menyatakan bahawa seramai 584 perwakilan yang hadir termasuk AMT Kebangsaan dan menyatakan bahawa mengikut Perlembagaan GPMS, korum mencukupi untuk meneruskan persidangan.

Universiti Utara Malaysia

Saudara Pengerusi Tetap menjemput perwakilan untuk menerima dan mengesahkan jumlah kehadiran perwakilan PAT 58. Saudara Meor Fidzuan Ramli, GPMS Cawangan Batu Gajah, Perak mencadangkan agar menerima dan mengesahkan korum PAT 58 dan telah disokong oleh Saudara Mohd Salleh Sidek, GPMS Cawangan Sepang, Selangor dan disahkan secara sebulat suara oleh para perwakilan yang hadir.

**1.5 Perlantikan Jawatankuasa Kecil Pilihanraya**

Saudara Mohd Ali, GPMS Cawangan Sungai Petani mencadangkan Saudara Shamsul Bahar Abdul Rani, Pengerusi GPMS Negeri Kedah sebagai pengerusi Jawatankuasa Kecil Pilihanraya. Cadangan diterima sebulat suara. Saudara Shamsul Bahar Abdul Rani mencadangkan agar Ahli Jawatankuasa Kecil Pilihanraya terdiri daripada wakil GPMS Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Kelantan. Cadangan diterima sebulat suara.

**1.6 Perlantikan Jawatankuasa Kecil Tauliah**

Saudara Mohd Shafiq, GPMS Negeri Sembilan mencadangkan Saudari Nurrul Huda Mohd Ghazali, GPMS Pulau Pinang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Tauliah. Cadangan diterima sebulat suara. Saudari Nurrul Huda Mohd Ghazali mencadangkan Ahli Jawatankuasa Kecil Tauliah terdiri daripada GPMS Negeri Sembilan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan. Cadangan diterima sebulat suara.

**1.7 Perlantikan Jawatankuasa Kecil Usul**

Saudara Ahmad Yakqub Nari, GPMS Pulau Pinang mencadangkan Saudari Ida Harlina Ikhwan Nasir, Pengerusi GPMS Wilayah Persekutuan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Usul. Cadangan diterima sebulat suara. Saudari Ida Harlina Ikhwan Nasir mencadangkan Ahli Jawatankuasa Kecil Pemandu terdiri daripada GPMS Negeri Sembilan, Johor dan Kedah. Cadangan diterima sebulat suara.

**1.8 Menerima Minit Mesyuarat PAT 57**

Saudara Zambri bin Mohd Isa selaku Setiausaha Agong membentangkan minit mesyuarat PAT yang ke-57 yang lalu dan memohon untuk diluluskan. Minit mesyuarat ini telah dicadang untuk diterima oleh Saudara Zambri Mohd Isa SUA dan disokong oleh Saudara Ramzul Iklas Alias, GPMS Ayer Keroh Melaka. Cadangan diterima sebulat suara.

Universiti Utara Malaysia

**1.9 Menerima dan Mengesahkan Laporan Aktiviti Tahunan**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong menyatakan bahawa laporan aktiviti tahunan GPMS Kebangsaan, Negeri dan Cawangan telah dimasukkan di dalam CD dan memohon agar laporan tersebut digunapakai dan diterima sebagai laporan aktiviti tahunan. Cadangan diterima sebulat suara.

**1.10 Membentang dan Menerima Laporan Kewangan Tahunan**

Saudara Haji Annas bin Ahmad, Bendahari Agung telah membentangkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Mei 2011 yang telah disahkan oleh 'Charted Accountant' Encik Nor Azman Mohd. Laporan ini dicadangkan untuk disahkan oleh Saudara Mohd Eizaaz, GPMS Wilayah Persekutuan dan disokong oleh Saudara Mohd Ashraf Mustaqim, GPMS Cawangan Khas UniSEL Shah Alam dan dipersetujui sebulat suara oleh semua perwakilan yang hadir.

*Saudara Zambri Mohd Isa selaku SUA dan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Ahli Majlis Tertinggi GPMS Kebangsaan sesi 2012/2015 menasihatkan semua pihak yang bertanding pada

pemilihan kali ini supaya berkempen secara sihat. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang mengganggu-gugat nama baik GPMS atau membuat kesalahan jenayah semasa dalam pilihanraya berlangsung, pihak tersebut akan diambil tindakan yang tegas dan pencalonan beliau akan ditolak serta-merta.

**1.11 Tamat Sidang I**

Pengerusi Tetap menangguhkan sidang I selepas semua pembentangan selesai dijalankan. Sidang II dimulakan dengan menjemput Saudara Jais bin Abdul Karim, Presiden untuk memulakan sidang Ucapan Dasar Presiden.

**SIDANG II**

**2.1 Ucapan Dasar Presiden**

(rujuk Buku Ucapan Dasar Presiden)

- Selesai sahaja Saudara Jais Abdul Karim menyampaikan Ucapan Dasar Presiden, Sidang II ditangguhkan pada jam 6.15 petang dan persidangan diteruskan dengan pembentangan Laporan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Persidangan.

**Jawatankuasa Kecil Usul**

Saudari Ida Harlina Ikhwan Nasir selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Usul telah melantik empat (4) orang wakil di bawah jawatankuasa beliau iaitu Mohd Faiz Mohd Rafeek (Pulau Pinang), Rita Kamal (Negeri Sembilan), Mohd Hazimuddin (UiTM Machang) dan Awal Abdullah (UiTM Permatang Pauh).

**Jawatankuasa Kecil Tauliah**

Saudari Nurul Huda Mohd Ghazali selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Tauliah melantik lima (5) orang wakil di bawah jawatankuasa beliau iaitu Mohd Helmi Hamdah (Kedah), Mohd Rihizat, Mohd Hafiz Mohd Nasir (Wilayah Persekutuan), Mohd Shafiq Abdullah (Negeri Sembilan) dan Nurul Ismah Ghazali.

**Jawatankuasa Kecil Pilihanraya**

Saudara Shamsul Bahar Abdul Rani selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pilihanraya telah melantik Saudara Rosdi Amir sebagai ex-officio dan beberapa wakil negeri yang telah dipilih sebelum ini iaitu Saudara Nik Saiful Adli Burhan (Kelantan), Shareyah Sulaiman (WP), Mohd Faiz (Pulau Pinang) dan Ismadee Asmara Ishak (Selangor). Beliau turut menerangkan bahawa proses pilihanraya akan dimulakan dengan GPMS Negeri, Cawangan, Cawangan Khas dan Ahli Majlis Tertinggi.

**Jawatankuasa Kecil Pemandu**

Saudara Mohd Ruhaifi selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pemandu menyatakan bahawa pindaan aturcara berdasarkan tentatif Persidangan Agung Tahunan Kali Ke-58, Ceramah Melayu & Masa Depan Pendidikan diawalkan pada 29 Jun (Jumaat, 9 malam). Proses pengenalan calon-calon Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi juga turut diadakan selepas ceramah tersebut yang telah disampaikan oleh Ybhg. Dato' Abdul Raof, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

### 3.1 Sidang III: Pemilihan AMT sesi 2012/2015

Pengerusi Tetap menyatakan bahawa semua perwakilan yang layak mengundi dikehendaki berada bersama-sama perwakilan GPMS Negeri dan bersedia dengan kad pengenalan masing-masing sebelum memasuki dewan membuang undi. Beliau juga telah mengumumkan calon-calon bagi jawatan yang dipertandingkan dan bagi jawatan Naib Presiden terdapat lima (5) orang calon iaitu Saudara Ahmad Yakqub Nazri (Pulau Pinang), Saudara Hishamuddin Abdul Rahman (Pahang), Ybhg Dato' Irmohizam Ibrahim (Wilayah Persekutuan), Saudara Mohd Alif Anas Md Noor (Pulau Pinang) dan Saudara Mohd Marwan Abu Kasim (Melaka). Bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi, terdapat sebelas (10) calon yang bertanding iaitu Amir Siddiq Adnan (Teluk Intan, Perak), Ekma Faroza Kamarudin (Wilayah Persekutuan), Khairul Adha Madzlan (Batu, Wilayah Persekutuan), Khairul Nizam Mohd Sopery (Seremban, Negeri Sembilan), Mohd Adri Adha Mohamad (Bukit Gantang, Perak), Mohd Faizal Zulkifly (UniKL IPROM), Mohd Izham Ahmad (Kemaman, Terengganu), Ramzul Iklas Alias (Ayer Keroh, Melaka) dan Rezduan Razali (Ampang, Selangor).

Pengerusi Tetap mengingatkan kepada semua perwakilan untuk mengundi hanya tiga (3) calon bagi jawatan Naib Presiden dan bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi hanya tanda enam (6) calon sahaja. Beliau menjemput Saudara Shamsul Bahar Abd Rani, Pengerusi Negeri Kedah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya untuk menerangkan prosedur-prosedur membuang undi kepada semua perwakilan yang layak untuk mengundi.

#### 3.1.1 Prosedur Pilihanraya

Saudara Shamsul Bahar Abd Rani selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya menerangkan beberapa prosedur yang perlu diikuti oleh semua perwakilan yang layak untuk mengundi. Sebelum itu, beliau membentangkan bahawa seramai lima ratus (500) orang perwakilan **layak** untuk membuang undi berdasarkan Borang Tauliah yang diberikan oleh setiap GPMS Negeri dan beliau menegaskan bahawa perwakilan hanya boleh membuang undi jika membawa kad pengenalan bersama bagi mengesahkan nama perwakilan tersebut sama dengan perwakilan yang membuang undi.

Beliau turut menunjukkan contoh untuk menanda borang undi yang mengikut spesifikasi yang betul bagi mengelakkan undi tersebut rosak. Para perwakilan yang membuang undi juga dilarang sama sekali untuk membuat bising semasa berada di dalam dewan pengundian. Borang undi juga hanya dibenarkan ditanda menggunakan pensel 2B yang disediakan di atas meja menanda undi. Kertas undi tersebut juga dilarang sama sekali untuk dibawa keluar daripada dewan pengundian bagi mengelakkan pertikaian berlaku.

Beliau memohon kepada calon-calon yang bertanding supaya menghantar wakil calon untuk berada bersama di dalam dewan pengundian bagi memantau proses membuang undi. Borang wakil calon hendak diserahkan kepada Saudari Nur Ainun Awang Jati bagi membuat pendaftaran terlebih dahulu wakil tersebut untuk mendahului proses membuang undi. Beliau turut mengingatkan kepada wakil-wakil calon untuk berada di dalam dewan pengundian sepanjang proses membuang undi sehingga proses pengiraan undi.

Beliau bersama-sama ahli jawatankuasa beliau telah membawa sepuluh (10) peti undi ke dalam dewan persidangan untuk diperiksa dan dikunci di hadapan semua perwakilan bagi mengelakkan pertikaian berlaku di kemudian hari. Selepas proses mengunci peti undi dilakukan, semua peti undi tersebut dibawa ke dewan pengundian. Selesai menerangkan prosedur pilihanraya, Saudara Shamsul

Universiti Utara Malaysia

Bahar Abd Rani menyerahkan kembali sidang kepada Pengerusi Tetap. Pengerusi Tetap menjemput Saudara Jais Abdul Karim, Presiden untuk membubarkan terlebih dahulu Ahli Majlis Tertinggi sesi 2009/2012 sebelum proses membuang undi dijalankan.

### 3.1.2 Pembubaran AMT sesi 2009/2012

Saudara Jais Abdul Karim, Presiden GPMS sesi 2009/2012 dengan lafaz Basmallah membubarkan Ahli Majlis Tertinggi sesi 2009/2012 diikuti tepukan tangan tanda sokongan daripada semua perwakilan yang hadir. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua AMT yang penggal yang lepas yang telah bekerja keras bersama beliau sepanjang tiga (3) tahun bersama kepimpinan tertinggi GPMS. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua calon yang bertanding dan bakal-bakal pemegang tampuk kepimpinan tertinggi GPMS bagi sesi akan datang. Saudara Hasanul Amir Abdul Halim dipilih untuk menjadi Pengerusi Tetap sementara bagi memperlicinkan lagi perjalanan proses membuang undi.

### 3.1.3 Proses Membuang Undi

Proses membuang undi didahului oleh wakil-wakil calon diikuti oleh ahli jawatankuasa pilihanraya bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas mereka dan memantau perjalanan pemilihan. Selepas itu, Pengerusi Tetap Sementara menjemput mantan Presiden dan AMT sesi 2009/2012 untuk membuang undi sebelum beliau menjemput para perwakilan yang layak membuang undi mengikut bilangan perwakilan negeri yang sedikit, kemudian jumlah perwakilan negeri yang terbanyak. Bermula dengan perwakilan daripada Negeri Sembilan, diikuti Negeri Melaka, Selangor, Perak, Wilayah Persekutuan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah dan diakhiri oleh Pulau Pinang. Sepanjang proses pembuangan undi dijalankan, tiada sebarang permasalahan timbul sama ada sebelum atau selepas membuang undi.

### 3.1.4 Proses Pengiraan Undi

Setelah proses membuang undi selama hampir empat (4) jam, semua peti undi disimpan untuk proses pengiraan undi. Semasa proses membuang undi dijalankan, semua wakil calon dan petugas pilihanraya tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan dewan sehingga proses mengira undi selesai dijalankan. Proses pengiraan undi diketuai oleh Pengerusi Pilihanraya iaitu Saudara Shamsul Bahar yang diselia oleh Saudara Rosdi Amir, Pengerusi Negeri Johor.

Proses pengiraan undi dimulakan dengan pengiraan undi bagi jawatan AMT dengan satu demi satu kotak undi dibuka dan dikira satu persatu. Proses ini melibatkan seorang pembaca undi dan lima sepuluh orang pencatat undi bagi setiap calon. Wakil calon juga dilibatkan bersama bagi mengelakkan ketirisan berlaku. Proses ini berjalan selama hampir tiga jam dan semua kertas undi yang telah dikira diasingkan dan keputusan telah diserahkan kepada Pengerusi Pilihanraya untuk disimpan sebelum pengumuman.

Proses pengiraan undi bagi jawatan Naib Presiden dimulakan selesai sahaja proses pengiraan undi bagi jawatan AMT. Proses ini melibatkan seorang pembaca undi bagi setiap kotak undi dan lima orang pencatat undi bagi setiap calon yang bertanding dan wakil calon turut terlibat dalam mencatat undi bagi mengelakkan ketirisan berlaku. Proses ini telah mengambil masa selama tiga jam dan semua kertas undi yang telah dikira diasingkan dan keputusan telah diserahkan kepada Pengerusi Pilihanraya untuk disimpan sebelum pengumuman.

Universiti Utara Malaysia

### 3.1.4 Pengumuman Keputusan Pemilihan

Tepat jam 12.30 tengah malam pada 1 Julai 2012, semua perwakilan dan calon yang bertanding bagi jawatan Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi berkumpul di Dewan Pilihanraya. Saudara Shamsul Bahar menyatakan bahawa bagi jawatan AMT, seramai sepuluh orang calon yang bertanding merebut enam kekosongan jawatan, kertas undi yang dibuang oleh perwakilan adalah sebanyak 500, kertas undi yang diterima adalah sebanyak 474 dan undi rosak adalah sebanyak 26. Bagi jawatan Naib Presiden, seramai lima orang calon yang bertanding merebut tiga kekosongan jawatan, kertas undi yang dibuang oleh perwakilan adalah sebanyak 500, kertas undi yang diterima adalah sebanyak 487 dan undi rosak adalah sebanyak 13. Beliau turut memberi pesanan kepada semua perwakilan untuk lebih peka dalam menanda kertas undi agar undi tersebut tidak rosak dan tidak harus diamalkan bagi pilihanraya umum akan datang bagi mengelakkan bangsa Melayu tidak mundur dan terus maju ke hadapan setanding bangsa-bangsa lain di negara ini. Sesudah itu, beliau menyerahkan keputusan penuh pemilihan kepada Pengerusi Tetap sementara yang dilantik oleh perwakilan iaitu Saudara Hasanul Amir.

Saudara Hasanul Amir memulakan pengumuman bagi jawatan kanan terlebih dahulu yang telah menang tanpa bertanding iaitu jawatan Pengerusi Tetap; Saudara Hasanul Amir Abdul Halim, Timbalan Pengerusi Tetap; Mohd Hazimin Jamaludin, Presiden; Jais Abdul Karim, Timbalan Presiden; Ezaruddin Abd Rahman dan beliau menjemput semua penama tersebut untuk naik ke atas pentas. Beliau memulakan pengumuman keputusan pemilihan bagi jawatan AMT terlebih dahulu dan beliau meminta semua perwakilan untuk merujuk kepada skrin di hadapan yang memaparkan keputusan penuh bagi jawatan AMT. Berikut merupakan keputusan penuh pemilihan bagi jawatan AMT:

Universiti Utara Malaysia

| No. | Calon | Jumlah Undi |
|---|---|---|
| **1** | **Khairul Adha Madzlan** | **434** |
| 2 | **Nor Ain Azmee** | **392** |
| **3** | **Mohd Faizal Zulkifly** | **383** |
| 4 | **Ramzul Iklas Alias** | **369** |
| **5** | **Mohd Izham Ahmad** | **365** |
| **6** | **Ekma Faroza Kamarudin** | **364** |
| 7 | Khairul Nizam Mohd Sopery | 179 |
| 8 | Amir Siddiq Adnan | 145 |
| 9 | Mohd Adri Adha Mohamad | 133 |
| 10 | Rezduan Razali | 75 |

Saudara Hasanul Amir menjemput Saudara Khairul Adha, Sdri Nor Ain, Saudara Mohd Faizal, Saudara Ramzul Iklas, Saudara Mohd Izham dan Saudara Ekma Faroza naik ke atas pentas untuk dilantik menjadi AMT GPMS bagi sesi 2012/2015. Beliau meneruskan majlis dengan mengumumkan keputusan pemilihan bagi jawatan Naib Presiden. Berikut merupakan keputusan penuh pemilihan bagi jawatan Naib Presiden:

| No. | Calon | Jumlah Undi |
|---|---|---|
| 1 | **Mohd Alif Anas Md Noor** | **426** |
| 2 | **Irmohizam Ibrahim** | **392** |
| 3 | **Hishamuddin Abdul Rahman** | **301** |
| 4 | Mohd Marwan Abu Kasim | 203 |
| 5 | Ahmad Yakqub Nazri | 141 |

Saudara Hasanul Amir menjemput Saudara Mohd Alif Anas, Saudara Dato Irmohizam dan Saudara Hishamuddin naik ke atas pentas untuk dilantik secara rasmi untuk memegang jawatan Naib Presiden GPMS bagi sesi 2012/2015. Beliau menjemput Saudara Jais Abdul Karim selaku Presiden untuk mengumumkan beberapa lagi jawatan kanan yang tidak dipertandingkan dan dipilih berdasarkan kuasa mutlak Presiden. Beliau mengumumkan bagi jawatan Ketua Sekretariat Wanita merangkap Naib Presiden dikekalkan kepada Sdri Rafidah Mohd Ariffin, jawatan Setiausaha Agong dikekalkan kepada Saudara Zambri Mohd Isa, jawatan Penolong Setiausaha Agong disandang oleh Saudara Khairul Adha Madzlan (AMT) dan bagi jawatan Bendahari Agong, beliau melantik Saudara Shahrizal Man Harun menggantikan Saudara Haji Annas Ahmad.

Beliau turut mengumumkan tiga penama bagi mengisi enam lagi kekosongan jawatan AMT lantikan Presiden iaitu Saudara Khairul Nizam Mohd Sopery, Saudara Johari Johar Mod Yusoff dan Saudara Mohd Ashraf Mustaqim. Beliau akan mengumumkan tiga lagi penama bagi mengisi kekosongan tersebut setelah berbincang dengan kepimpinan kanan terlebih dahulu. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Saf Kepimpinan Tertinggi GPMS Kebangsaan yang baru dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua mantan-mantan AMT penggal yang lepas yang banyak membantu menaikkan nama GPMS dalam memperjuangkan agenda Melayu. Beliau menyerahkan kembali persidangan kepada Pengerusi Tetap.

Pengerusi Tetap menjemput Saudara Mohd Ruhaifi, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu untuk menyatakan agenda persidangan seterusnya. Saudara Mohd Ruhaifi menyatakan bahawa Sidang III iaitu Pemilihan AMT sesi 2012/2015 ditamatkan tepat jam 1 pagi. Sidang IV iaitu membahas Ucapan Dasar Presiden dan Pembentangan Usul disambung pada jam 8 pagi di Dewan Persidangan.

**SIDANG IV**

**4.1 Membahas Ucapan Dasar Presiden dan Pembentangan Usul**

Pengerusi Tetap memulakan Sidang IV dengan menjemput perwakilan untuk membahas Ucapan Dasar Presiden yang disampaikan pada Sidang II.

i. **Saudara Megat Mohamed Taufiq Megat Ahmad Zainuri (GPMS WP)** mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan baru GPMS dan berharap agar barisan baru tersebut akan terus memperjuangkan agenda tersirat dan tersurat GPMS. Beliau juga turut menyatakan rasa terima kasih beliau kepada mantan AMT penggal sebelum ini yang banyak membawa transformasi GPMS kepada yang lebih baik. Beliau mengucapkan syabas kepada GPMS Kebangsaan dan GPMS Negeri Terengganu yang berjaya menganjurkan Persidangan

pada kali ini namun begitu beliau melahirkan rasa kecewa apabila terdapat GPMS Negeri menghantar perwakilan yang ramai tetapi bukan ahli Cawangan dalam negeri tersebut dan terdapat segelintir perwakilan tersebut masih belum mendaftar sebagai ahli. Beliau menyarankan agar PAT akan datang hanya dihadiri oleh ahli GPMS sahaja kerana PAT adalah milik GPMS.

ii. **Saudara Mohd Faizal Abdul Rahman (GPMS Perak)** mengucapkan tahniah kepada semua kepimpinan baru GPMS dan terima kasih kepada semua mantan kepimpinan lama. Beliau mengulas mengenai Ucapan Dasar Presiden yang sangat berinformasi dan berguna untuk semua perwakilan mengaplikasikannya dalam mendukung Prinsip 4 SEDAR GPMS. Beliau melahirkan penghargaan kepada AMT dan jawatankuasa yang terlibat dalam semua program-program pendidikan anjuran GPMS Kebangsaan dan berharap agar semangat juang itu diteruskan kelak. Beliau turut mengulas pandangan perwakilan sebelum ini yang menyatakan bahawa PAT hanya untuk Ahli GPMS sahaja. Beliau menyatakan bahawa PAT adalah tempat melahirkan rasa cinta seseorang itu kepada GPMS dan seterusnya menarik individu tersebut menjadi ahli GPMS. Ini adalah kerana beliau merupakan individu tersebut yang kenal dan jatuh cinta kepada GPMS semasa pertama kali menghadiri di PAT walaupun masih belum bergelar ahli pada ketika itu. Beliau berharap agar pada masa akan datang, GPMS Negeri dan Cawangan boleh hadir lebih ramai lagi bagi menarik belia menjadi ahli GPMS.

iii. **Saudara Noorizal bin Zakaria (GPMS Perlis)** mengucapkan jutaan tahniah kepada kepimpinan baru yang masih diterajui oleh Saudara Jais Abdul Karim sebagai Presiden dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan kepimpinan lama yang telah banyak menabur bakti kepada perjuangan GPMS. Beliau mewakili GPMS Negeri Perlis mengusulkan supaya mengkaji semula syarat kemasukan ke Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN). GPMS menyedari bahawa kekuatan belia merupakan aset penting kepada pembentukan negara yang mana juga sebagai penentu hala tuju masa akan datang dan mampu melestarikan hari esok. GPMS Negeri beliau menginsafi bahawa terdapat kekurangan untuk belia memasuki IKBN dan seolah-olah hak mereka dinafikan kerana IKBN hanya diberi kepada mereka yang ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Maka itu, GPMS Negeri Perlis mengusulkan agar GPMS Kebangsaan mendesak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) agar mengkaji semula syarat-syarat kemasukan belia ke IKBN.

Universiti Utara Malaysia

iv. **Saudara Muhammad Eizaaz bin Mohamad Ridzuan (GPMS Wilayah Persekutuan)** melahirkan ucapan tahniah kepada semua barisan kepimpinan baru dan berharap agar perjuangan GPMS masih diteruskan berlandaskan prinsip 4 SEDAR GPMS. Beliau mewakili GPMS Negeri WP ingin mengusulkan untuk GPMS mewujudkan "Training Center" di setiap Cawangan. GPMS menyedari bahawa mahasiswa khususnya dari Cawangan Khas mempunyai minat yang mendalam untuk mendidik anak bangsa. Selaras dengan perkara 9 dalam Dasar Perjuangan GPMS 2012/2015 yang disebut oleh Presiden dalam Ucapan Dasar Presiden agar "Training Center" diwujudkan di setiap negeri sebagai pusat latihan dalam melahirkan belia yang mempunyai kemahiran "hardskil", "softskill", "interpersonal", "intrapersonal" yang tinggi dan boleh pasar "irresistible". Selain itu, beliau turut menggesa agar disediakan sijil khas yang diiktiraf kepada mereka yang layak dan berjaya dalam program ini, sekaligus berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat, khususnya anak bangsa Melayu.

v. **Saudara Ahmad Zulhilmi bin Mokhtar (GPMS Kelantan)** mengucapkan selamat berjuang kepada barisan kepimpinan baru dan memberi tabik hormat kepada barisan kepimpinan lama yang banyak menyumbang bakti kepada perjuangan GPMS. Beliau mewakili GPMS Negeri

Kelantan mengusulkan mengenai percambahan IPTS yang tidak berkualiti. GPMS menyedari bahawa masalah percambahan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang tidak berkualiti ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan' tetapi tidak menjanjikan pendidikan yang berkualiti, malah membebankan mahasiswa dengan kos yuran yang tinggi. Justeru itu, GPMS hendaklah mendesak pihak berwajib untuk meneliti semula kadar yuran, kebolehpasaran graduan, kebajikan pelajar dan kualiti kursus yang dihasilkan oleh IPTS tersebut.

vi. **Saudara Johari Johar bin Mod Yusoff (GPMS Cawangan Khas)** mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan baru yang telah diberi amanah oleh semua perwakilan yang hadir untuk menerajui GPMS bagi sesi 2012/2015. Beliau mewakili GPMS Cawangan Khas mengusulkan agar mewujudkan pengkalan data pelajar. Menyedari era transformasi yang kian pesat membangun, GPMS menginsafi bahawa kemunduran di alam pengetahuan dan betapa pentingnya pendidikan pada hari ini. Apa yang dilihat sehingga hari ini, hanya lepasan SPM yang berminat sahaja menyambung pengajian ke IPTA/S. Maka itu diusulkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mewujudkan sebuah pengkalan data selaras dengan teknologi pada masa kini. Ini perlu agar pihak kerajaan dapat memantau pergerakan mereka ini supaya transformasi pendidikan negara dapat bergerak seiring dalam menjayakan matlamat yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri.

**Sidang V**

**5.1 Ucapan Penangguhan & Memilih Tempat Persidangan Agung Akan Datang**

Sidang V dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi Tetap kepada semua perwakilan yang masih setia berada di PAT sehingga hari yang terakhir. Persidangan diteruskan dengan menjemput semua kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan, wakil GPMS Negeri dan Cawangan Khas untuk menyampaikan ucapan penangguhan.

**i) Saudara Ekma Faroza bin Kamarudin (AMT)**

- Mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua perwakilan yang hadir terutamanya Presiden dan Timbalan Presiden yang memberikan kepercayaan kepada beliau untuk memegang jawatan sebagai AMT GPMS bagi sesi 2012/2015.
- Berjanji akan membawa transformasi yang lebih baik kepada GPMS sebaik sahaja diberi amanah tersebut.

Universiti Utara Malaysia

**ii) Saudara Khairul Adha bin Madzlan (AMT)**

- Mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan yang mengundi dan memberi kepercayaan kepada beliau untuk terus berada dalam barisan AMT GPMS bagi penggal 2012/2015.
- Akan meneruskan agenda beliau dalam isu perkaderan bagi menambah ahli-ahli baru GPMS untuk menjadi pelapis bagi perjuangan akan datang.
- Modul perkaderan yang sedia ada tiada masalah jika terus digunapakai bagi melatih ahli-ahli baru.
- Menyeru kepada semua ahli GPMS untuk sama-sama bekerja menggerakkan GPMS dari akar umbi ke peringkat kebangsaan.

iii) **Saudara Mohd Faizal bin Zulkifly (AMT)**

- Mengucapkan jutaan terima kasih kepada perwakilan yang memberi kepercayaan kepada beliau terutamanya Puan Julaila Samsudin yang banyak memberikan tunjuk ajar kepada beliau semasa menjadi Pegawai Khas Presiden (PKP) sehingga diangkat menjadi AMT.
- Mengharapkan sokongan dan tunjuk ajar daripada semua untuk menggalas amanah yang diberikan oleh perwakilan kepada beliau dalam menjalankan tanggungjawab memperjuangkan agenda GPMS.

iv) **Saudara Ahmad Izham bin Ahmad (AMT)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi dan para perwakilan yang hadir dan memberikan penghargaan terima kasih kepada perwakilan yang telah mengundi beliau.
- GPMS banyak mengajar beliau tentang kehidupan, memimpin dan dipimpin, 'public speaking', mengendalikan program pendidikan, memberikan ceramah kepada pelajar-pelajar.
- GPMS tidak sama seperti persatuan lain yang lebih mementingkan jawatan tetapi GPMS lebih kepada persaudaraan dan semangat memperjuangkan hak keistimewaan dan pendidikan orang Melayu lebih diutamakan.

v) **Saudara Ismadee Asmara bin Ishak (Pengerusi Negeri Selangor)**

- Mengalu-alukan semua perwakilan yang masih setia dengan perjuangan GPMS.
- Memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas yang sentiasa memastikan kelancaran perjalanan PAT.
- Menyeru semua ahli GPMS menerapkan semangat cintakan GPMS selamanya.

vi) **Puan Ida Harlina binti Ikhwan Nasir (Pengerusi Negeri Wilayah Persekutuan)**

- Mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua kepimpinan tertinggi GPMS dan para perwakilan yang hadir ke PAT pada kali tersebut.
- Pendidikan dan kemahiran harus diterapkan dalam diri setiap ahli GPMS terutamanya mahasiswa agar tidak ketinggalan.
- GPMS adalah imej Melayu, imej agama Islam, dan imej negara yang harus dijaga oleh semua ahli GPMS.

vii) **Saudara Shamsul Bahar bin Abd Rani (Pengerusi Negeri Kedah)**

- Mengalu-alukan semua perwakilan yang hadir.
- Mengucapkan penghargaan kepada Puan Ida Harlina yang banyak membawa suara anak muda diketengahkan untuk perhatian masyarakat.
- Tahniah kepada kepimpinan GPMS Negeri Terengganu yang berjaya menganjurkan PAT 58 dan semua petugas terutamanya daripada Cawangan Khas yang banyak membantu kepada kejayaan tersebut.
- Pesanan kepada kepimpinan baru supaya menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh perwakilan dan amanah tersebut tidak harus dipandang enteng.

Universiti Utara Malaysia

viii) **Saudara Ahmad Hussin bin Mohd Chozin (Wakil Pengerusi Negeri Perlis)**

- Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat di atas penganjuran PAT 58 dengan jayanya.
- Berbangga menjadi ahli GPMS kerana GPMS adalah satu platform yang terbaik untuk mahasiswa menambah pengetahuan dalam kepimpinan dan 'public speaking'.
- Memohon persetujuan daripada Presiden dan semua perwakilan untuk memilih GPMS Negeri Perlis untuk menjadi tuan rumah untuk persidangan akan datang ekoran PAT tidak pernah diadakan di Perlis.

ix) **Saudara Azham bin Abara Ahmad (Pengerusi Negeri Sembilan)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi dan semua perwakilan yang hadir.
- Berbangga dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga GPMS.
- PAT adalah perkampungan untuk semua ahli GPMS dan pada persidangan yang dahulu, PAT yang mempunyai dua perkampungan iaitu perkampungan perwakilan dan perkampungan pemerhati. Perkampungan pemerhati lebih kepada aktiviti debat dan berhujah.
- GPMS Negeri Sembilan menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada PAT akan datang.
- Mengucapkan terima kasih kepada Presiden yang menawarkan beliau sebagai Pengerusi Negeri setelah beliau menamatkan perkhidmatan beliau sebagai AMT sesi 2009/2012.
- Penghargaan kepada GPMS Negeri Terengganu dan semua petugas-petugas yang terlibat dalam penganjuran persidangan pada kali tersebut.

x) **Saudara Mohamad Muzaidee bin Mohamad Ali (Pengerusi Negeri Pulau Pinang)**

- Mengalu-alukan semua perwakilan yang hadir dan tahniah kepada semua kepimpinan baru GPMS.
- Ucapan terima kasih kepada mantan Pengerusi Negeri sebelum ini, Puan Nurrul Huda Ghazali yang banyak memberi tunjuk ajar kepada beliau.
- Tahniah dan syabas kepada Pengerusi Negeri Terengganu dan semua petugas-petugas terutamanya Saudari Nur Ainun Awang Jati, Penolong Setiausaha Kerja GPMS Kebangsaan, yang sentiasa bekerja kuat dalam memastikan kelancaran persidangan.
- Pujian diberikan kepada Presiden yang mampu dan sentiasa berpandangan jauh demi memastikan perjuangan GPMS diteruskan.

Universiti Utara Malaysia

xi) **Saudara Mohd Salleh bin Tugimin (wakil Cawangan Khas UIA)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi GPMS dan semua perwakilan yang hadir.
- Setinggi-tinggi penghargaan untuk semua perwakilan yang telah menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi yang bijak yang telah memilih barisan kepimpinan baru yang lebih muda dan lebih hebat untuk memimpin GPMS di peringkat kebangsaan.
- Kebimbangan mengenai masih terdapat kekurangan kemudahan pendidikan untuk pelajar-pelajar di kawasan luar bandar yang tidak diambil perhatian secara khusus.
- Pendidikan kerohanian juga harus diterapkan seiringan pendidikan kepimpinan yang sering dilaksanakan oleh GPMS.
- Modul-modul untuk program pendidikan seperti Skuad Jelajah Motivasi harus diselitkan walaupun hanya sedikit mengenai kerohanian dan keagamaan.

- Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada GPMS Negeri Terengganu dan petugas PAT yang mempersembahkan PAT yang terbaik untuk semua perwakilan.

xii) **Saudara Wan Mohd Afiq bin Wan (Wakil Pengerusi Negeri Pahang)**

- Mengalu-alukan semua barisan kepimpinan tertinggi GPMS dan para perwakilan yang hadir.
- GPMS Negeri Pahang telah diberi kepercayaan oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab mengenai Projek Lynas di Pahang untuk mengetuai badan-badan NGO menyokong projek tersebut.
- Ucapan terima kasih kepada GPMS Negeri Terengganu yang telah menyediakan kemudahan yang terbaik untuk semua perwakilan semasa persidangan berlangsung.
- Berharap agar semua kepimpinan yang baru dapat menjalankan amanah yang diberikan demi nama baik GPMS.

xiii) **Saudara Muhamad Luqman bin Mohamad (wakil GPMS Cawangan Khas UiTM Dungun)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi dan semua perwakilan yang hadir.
- Berbangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh para perwakilan.
- Memohon tunjuk ajar dan perhatian daripada GPMS Negeri dan Kebangsaan kepada GPMS Cawangan Khas UiTM Dungun yang baru sahaja dihidupkan semula.

xiv) **Saudara Mohd Ashraf bin Mustaqim (wakil GPMS Cawangan Khas UniSEL)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi GPMS dan para perwakilan yang hadir terutamanya sahabat-sahabat daripada Cawangan Khas yang masih setia menanti sehingga penghujung persidangan.
- Akan menjalankan tanggungjawab sebagai AMT lantikan yang diamanahkan untuk menggerakkan Biro Siswa.
- Cawangan Khas merupakan tunjang kepada GPMS kerana pengasas-pengasas GPMS merupakan golongan mahasiswa semasa penubuhannya. Semangat tersebut harus diteruskan oleh golongan mahasiswa sekarang, menerapkan semangat cintakan GPMS dalam diri setiap ahli.

xv) **Saudara Mohd Faizal bin Ahmad (wakil GPMS Medan-Bersekutu)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi GPMS dan para perwakilan yang hadir.
- Tahniah dan syabas kepada tuan rumah dan petugas PAT yang bekerja keras dalam memastikan kelancaran perjalanan PAT.
- Berharap akan diadakan satu majlis dialog antara kepimpinan tertinggi GPMS bersama pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Medan bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.
- Penghargaan kepada Saudara Hishamuddin yang banyak membantu dan membawa delegasi beliau ke PAT.

UUM Universiti Utara Malaysia

**xvi) Saudara Ahmad Anuwari Arham bin Mohd Rafii (wakil GPMS Cawangan Khas IIC)**

- Mengalu-alukan kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan dan para perwakilan yang hadir.
- Berbangga apabila semua mantan-mantan GPMS Cawangan Khas IIC masih terus menabur bakti di peringkat kebangsaan demi rasa cinta kepada GPMS.
- Ucapan terima kasih kepada GPMS Negeri Terengganu yang menyediakan kemudahan yang terbaik untuk keselesaan para perwakilan.
- Berharap agar semua Cawangan Khas sentiasa menjadi tulang belakang kepada GPMS Kebangsaan dan Negeri untuk memantapkan lagi organisasi GPMS demi Prinsip 4 SEDAR.

**xvii) Saudara Ahmad Izani bin Abd Ghani (Pengerusi Negeri Terengganu)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan GPMS Kebangsaan dan para perwakilan yang bersemangat untuk hadir ke PAT di Terengganu.
- Ucapan penghargaan terima kasih kepada Saudara Syed Anuar (Mantan Timbalan Presiden GPMS 2006/2009) yang membuka laluan kepada beliau untuk menerajui GPMS Negeri Terengganu.
- Memohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan sepanjang persidangan tersebut berlangsung di UMT.
- Sentiasa menyediakan kesediaan GPMS Negeri Terengganu untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan akan datang jika diberi peluang.

**xviii) Saudara Hishamuddin bin Abdul Rahman (Naib Presiden)**

- Mengalu-alukan kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan dan para perwakilan yang hadir.
- Mengucapkan tahniah kepada para perwakilan yang masih setia menanti persidangan hingga ke penghujung.
- Melahirkan kebanggaan dan pujian kepada Presiden yang terus berjuang demi kecintaan kepada bangsa dan GPMS.
- Mengucapkan jutaan terima kasih kepada GPMS Negeri Terengganu yang telah menyediakan kemudahan tempat tinggal, makan dan fasiliti yang terbaik untuk semua perwakilan.
- Berharap agar para perwakilan mencontohi Tuan Haji Abdul Shukor Ghafor dan Puan Hajjah Jasmin Baharom (Panel Pemikir GPMS) yang begitu komited dalam perjuangan mereka demi bangsa tercinta dan GPMS.
- Jutaan terima kasih kepada para perwakilan yang mengundi dan masih memerlukan khidmat beliau sebagai Naib Presiden bagi penggal yang baru.

**xix) Saudara Mohd Alif Anas bin Md Noor (Naib Presiden)**

- Mengalu-alukan kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan, semua Pengerusi Negeri dan para perwakilan yang hadir.
- Setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan beliau yang bertungkus lumus dan sentiasa memberikan sokongan untuk mengangkat beliau sebagai Naib Presiden dan berjanji akan menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan dengan kesungguhan yang tinggi.

Universiti Utara Malaysia

- ➢ Agenda untuk memperkasakan cawangan khas di IPTA akan diteruskan sejajar dengan usaha yang dilakukan oleh pengasas sebelum ini, Allahyarham Aminuddin Baki.
- ➢ Mengucapkan selamat berjuang kepada semua ahli GPMS demi perjuangan yang belum selesai.

**xx) Saudara Ezaruddin bin Abd Rahman (Timbalan Presiden)**

- ➢ Mengalu-alukan barisan kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan sesi 2012/2015, semua Pengerusi Negeri dan para perwakilan yang hadir.
- ➢ Mengucapkan tahniah kepada Naib Presiden dan AMT yang telah menang pemilihan sebelum ini dan mengucapkan terima kasih kerana memilih beliau sebagai Timbalan Presiden.
- ➢ Menyeru semua kepimpinan tertinggi yang baru bersama-sama bekerja dan terus memperjuangkan Prinsip 4 SEDAR dan Strategi & Hala Tuju GPMS 2012/2015.
- ➢ Berharap GPMS akan terus gemilang dan terus menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

**xxi) Saudara Jais Bin Abdul Karim (Presiden)**

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan PAT pada kali 58 tahun 2012 terutamanya Pengerusi Persidangan merangkap Tuan Rumah, Saudara Ahmad Izani Abd Ghani, Pengerusi Negeri Terengganu, kakitangan ibu pejabat GPMS terdiri daripada Saudara Mohd Firdaus Jamaludin, SUK, Saudari Nur Ainun Awang Jati, PSUK, Saudari Nor Ain Azmee, Pegawai Program, Saudara Muhammad Jafizan Jaapar, Penolong Pegawai Program, juga Saudara Rosdi Amir, Mantan Timbalan Presiden merangkap Pengerusi Negeri Johor dan seluruh ahli jawatankuasa PAT daripada GPMS Cawangan Khas UiTM Dungun. Tahniah kepada perwakilan daripada seluruh negara yang hadir ke PAT pada kali tersebut. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Naib Presiden dan AMT yang telah menang semasa pemilihan jawatan tersebut pada malam sebelumnya. Ucapan tahniah dan terima kasih turut dizahirkan kepada Perasmi Persidangan Pembukaan YB Dato Dr Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Perasmi Persidangan Penutup iaitu YB Tan Sri Abu Zahar bin Ujang, Yang Dipertua Dewan Negara, semua ahli Panel Pemikir (APP) yang telah meluangkan masa hadir ke PAT, wakil-wakil penaja yang sentiasa komited membantu GPMS, dan wartawan-wartawan yang hadir memberikan liputan sepanjang persidangan berlangsung.

Beliau mengumumkan bahawa bagi jawatan AMT dilantik yang terdapat tiga lagi kekosongan akan diisi oleh Saudara Mohd Haidir Anuar bin Zubir dan dua lagi kekosongan akan diumumkan dalam masa terdekat. Beliau menyatakan bahawa sepanjang penggal pertama beliau memegang jawatan sebagai Presiden GPMS, beliau telah melantik sebuah jawatankuasa APP seramai 30 orang. APP tersebut terdiri daripada di kalangan mantan-mantan pejuang GPMS sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan dan individu-individu yang mempunyai rasa cinta kepada pendidikan dan bangsa Melayu. APP yang sentiasa komited kepada GPMS adalah Tuan Haji Abdul Shukor Ghafor dan Puan Hajah Jasmin Baharom, beliau melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua APP dan sentiasa mengingati pesanan Tuan Haji Abdul Shukor iaitu sentiasa mengawal perasaan marah dan sentiasa berada dalam keadaan tenang walau apapun masalah yang mendatang.

Beliau menyatakan bahawa sikap 'mendesak' akan terus dijadikan darah daging beliau bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk terus berbakti kepada GPMS demi kelangsungan perjuangan yang tidak pernah selesai. Beliau ingin memastikan semua Cawangan dan Cawangan Khas akan terus 'hidup' dan lebih banyak melaksanakan program-program pendidikan dan kepimpinan demi melahirkan pemimpin muda yang berkaliber. Dalam Ucapan Dasar Presiden telah termaktub dengan jelas bahawa beberapa orang ahli GPMS telah terpilih sebagai Ahli Parlimen Belia (Percubaan) dan beliau telah merangka beberapa strategi yang harus dilaksanakan oleh AMT-AMT muda GPMS.

Mengenai Kad Keahlian GPMS, beliau telah melantik Saudara Azham Abara Ahmad, Pengerusi Negeri Sembilan dan jawatankuasa beliau untuk menyelesaikan perkara tersebut yang sejak dahulu tidak pernah selesai. Masalah Kad Keahlian akan menjadi matlamat beliau kini untuk direalisasikan demi menarik lebih ramai mahasiswa dan pelajar menjadi ahli GPMS. Namun begitu, komitmen dan sokongan daripada semua pihak diperlukan.

Beliau menyatakan rasa terkilan dan sedih apabila GPMS seolah-olah tidak berperanan lagi apabila statistik yang ditunjukkan oleh Ybhg. Dato Abdul Raof Hussin semasa pembentangan beliau pada hari sebelumnya yang menyatakan pencapaian pelajar-pelajar Melayu semakin merosot dan fakta-fakta tersebut semakin hari semakin ketara. GPMS harus bertindak, harus menghayati Prinsip 4 SEDAR dan tidak pernah leka lagi dalam mempertahankan dan memperjuangkan pendidikan anak Melayu supaya Melayu tidak lagi mundur dan diperlekeh oleh bangsa-bangsa lain di negara ini.

GPMS bukan sebuah pertubuhan yang biasa tetapi GPMS adalah pertubuhan perjuangan dan beliau telah menyatakan dengan tegas bahawa kelmarin, semalam adalah pengalaman tetapi pada esok hari dan hari mendatang adalah satu perjuangan. Dalam GPMS, pemimpin datang dan pergi tetapi perjuangan GPMS harus kekal abadi. Beliau menyatakan hasrat beliau iaitu GPMS Negeri Perlis harus membuat sejarah kerana buat pertama kalinya GPMS Negeri Perlis akan menjadi tuan rumah bagi persidangan pada tahun hadapan dan beliau memohon sokongan daripada semua perwakilan dan semua perwakilan menyokong cadangan beliau tersebut.

Harapan beliau supaya GPMS akan terus maju, berjuang dan terus menganjurkan program-program pendidikan seperti Skuad Jelajah Motivasi dan Duta Akademik GPMS pada masa akan datang demi anak bangsa yang tercinta. Beliau menyeru agar semua bekerja bersama-sama beliau bagi merealisasikan Strategi dan Hala Tuju GPMS dan terus menghayati Prinsip 4 SEDAR, BELAJAR TERUS BELAJAR.

**xxii) Saudara Hasanul Amir Bin Abdul Halim (Pengerusi Tetap)**

Saudara Pengerusi Tetap mengucapkan terima kasih kepada semua wakil yang telah memberikan ucapan penangguhan. Selain itu, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan yang hadir selama tiga hari berturut-turut demi perjuangan dan cintakan GPMS. Seterusnya, beliau mengumumkan PAT kali ke-59 akan datang akan diadakan di negeri Perlis pada pertengahan tahun 2013 di bawah pengelolaan Saudara Norhalmey bin Hamdah, Pengerusi Negeri Perlis.

**6 Persidangan ditangguhkan kira-kira jam 3.00 petang pada 1 Julai 2012.**

Disediakan oleh:

**(ZAMBRI BIN MOHD ISA)**
Setiausaha Agong
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

Disahkan oleh:

**(JAIS BIN ABDUL KARIM)**
Presiden
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

UUM
Universiti Utara Malaysia

**PERINGATAN PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN KALI KE-59 (2013)**
**GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG**

**TARIKH : 22 HINGGA 23 NOVEMBER 2013**
**TEMPAT : DEWAN KULIAH UTAMA, POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PERLIS.**

**KEHADIRAN AHLI MAJLIS TERTINGGI :**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | SDR HASANUL AMIR B. ABDUL HALIM | : | PENGERUSI TETAP |
| 2. | SDR MOHD HAZIMIN B. JAMALUDIN | : | TIMBALAN PENGERUSI TETAP |
| 3. | SDR JAIS B. ABDUL KARIM | : | PRESIDEN |
| 4. | SDR EZARUDDIN B. ABDUL RAHMAN | : | TIMBALAN PRESIDEN |
| 5. | SDR MOHD ALIF ANAS B. MD NOOR | : | NAIB PRESIDEN |
| 6. | YB DATO' IRMOHIZAM B. IBRAHIM | : | NAIB PRESIDEN |
| 7. | SDR ZAMBRI B. MOHD ISA | : | SETIAUSAHA AGONG |
| 8. | SDR MOHD SALLEH B. TUGIMIN | : | PEN SETIAUSAHA AGONG |
| 9. | SDR SHAHRIZAL B. MAN HARUN | : | BENDAHARI AGONG |
| 10. | SDR KHAIRUL NIZAM B. MOHD SOPERY | : | KETUA PENERANGAN |
| 11. | SDRI NOR AIN BT. AZMEE | : | AMT |
| 12. | SDR MOHD FAIZAL B. ZULKIFLY | : | AMT |
| 13. | SDR RAMZUL IKLAS B. ALIAS | : | AMT |
| 14. | TUAN HAJI EKMA FAROZA B. KAMARUDIN | : | AMT |
| 15. | SDR MOHD REDZUAN B. MOHAMED YUSOFF | : | AMT |
| 16. | SDR JOHARI JOHAR B. MOD YUSUF | : | AMT |
| 17. | SDR MOHD FIRDAUS B. JAMALUDIN | : | AMT |
| 18. | SDR MUHD FAZREEN ISMADI B. FAUZI | : | AMT |

**KEHADIRAN KAKITANGAN IBU PEJABAT**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19. | SDRI NUR AINUN BT. AWANG JATI | : | SETIAUSAHA KERJA |
| 20. | SDR MUHAMMAD JAFIZAN B JAAPAR | : | PEMBANTU TADBIR |
| 21. | SDR MOHD ABU AL-GHIDA B JAMALUDDIN | : | KETUA SUKARELAWAN |

**Tidak Hadir dengan maaf:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | TUAN HAJI HISHAMUDDIN B. ABDUL RAHMAN | : | NAIB PRESIDEN |
| 2. | SDRI RAFIDAH BT. MOHD ARIFIN | : | NAIB PRESIDEN (HEW) |
| 3. | SDR KHAIRUL ADHA B. MADZLAN | : | AMT |
| 4. | SDR MOHD FAIDHAN B. ISTIAQ AHMAD | : | AMT |
| 5. | SDR HAIDHIR ANUAR B. ZUBIR | : | AMT |

**Kehadiran Perwakilan Negeri, Cawangan dan Cawangan Khas:**
*rujuk Lampiran 1.

UUM Universiti Utara Malaysia

SIDANG I

**1.1 Ucapan Aluan Pengerusi Tetap Persidangan**
Saudara Hasanul Amir Abdul Halim, Pengerusi Tetap yang mempengerusikan persidangan mengalu-alukan kedatangan para perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan GPMS Kali ke-59 tahun 2013.

**1.2 Bacaan Mukaddimah GPMS dan Do'a**
Saudara Muhd Fazreen Ismadi bin Fauzi mengetuai bacaan Mukadimah GPMS manakala Sdr Azdy Mohd Arshad mengimamkan bacaan doa pembukaan PAT.

**1.3 Kata-kata Aluan Pengerusi PAT 59**
Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong GPMS Kebangsaan memberikan kata-kata aluan kepada Ahli Majlis Tertinggi GPMS Kebangsaan, tetamu jemputan dan semua perwakilan yang hadir. Beliau melahirkan perasaan syukur kerana semua perwakilan dari seluruh negara telah tiba di tempat persidangan dengan selamat dan mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan. Selain itu, Saudara Zambri menerangkan aturcara sepanjang persidangan tersebut berlangsung selama 3 hari 2 malam dan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan sepanjang PAT.

**1.4 Menerima dan Mengesahkan Korum PAT 59**
Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong menyatakan bahawa setakat jam 2 petang hari tersebut, seramai 240 perwakilan yang hadir termasuk AMT Kebangsaan dan menyatakan bahawa mengikut Perlembagaan GPMS, korum mencukupi untuk meneruskan persidangan.

Saudara Pengerusi Tetap menjemput perwakilan untuk menerima dan mengesahkan jumlah kehadiran perwakilan PAT 59. Sdr Salehudin bin Hamid, GPMS Negeri Pulau Pinang mencadangkan agar menerima dan mengesahkan korum PAT 59 dan telah disokong oleh Saudara Salihuddin bin Lahamin, GPMS Negeri Kedah dan disahkan secara sebulat suara oleh para perwakilan yang hadir.

**1.5 Perlantikan Jawatankuasa Kecil Tauliah / Pemandu / Usul**
Saudara Mohd Faizal Zulkifly, AMT mencadangkan untuk Jawatankuasa Kecil Tauliah dipengerusikan oleh GPMS Negeri Kedah, Jawatankuasa Kecil Pemandu dipengerusikan oleh GPMS Perlis dan Jawatankuasa Kecil Usul dipengerusikan oleh GPMS Negeri Johor. Saudara Ahmad Yakqub Nazri, GPMS Pulau Pinang menyokong cadangan tersebut dan diterima sebulat suara oleh semua perwakilan yang hadir.

**1.6 Menerima Minit Mesyuarat PAT 58**
Saudara Zambri bin Mohd Isa selaku Setiausaha Agong membentangkan minit mesyuarat PAT yang ke-58 yang lalu dan memohon untuk diluluskan. Minit mesyuarat ini telah dicadang untuk diterima oleh Saudara Zambri Mohd Isa SUA dan disokong oleh Saudara Ramzul Iklas Alias, GPMS Ayer Keroh Melaka. Cadangan diterima sebulat suara.

**1.7 Menerima dan Mengesahkan Laporan Aktiviti Tahunan**
Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong menyatakan bahawa laporan aktiviti tahunan GPMS Kebangsaan, Negeri dan Cawangan seperti tahun-tahun sebelumnya, dibukukan dalam Majalah Suara GPMS, sedang dalam proses pembikinan dan bakal diterbitkan pada awal Januari

Universiti Utara Malaysia

2014. Beliau memohon cadangan daripada perwakilan untuk menerima laporan aktiviti tahunan. Semua perwakilan setuju sebulat suara menerima laporan aktiviti tahunan.

**1.8 Membentang dan Menerima Laporan Kewangan Tahunan**

Saudara Shahrizal Man Harun, Bendahari Agung membentangkan laporan kewangan bermula Julai 2012, iaitu selepas PAT Kali Ke-58, sehingga Oktober 2013 dan memohon semua perwakilan merujuk lampiran yang diberikan. Beliau memohon cadangan daripada perwakilan untuk menerima laporan kewangan tahunan. Saudara Mohd Farhan, GPMS Cawangan Khas Kolej Islam Antarabangsa mencadang untuk menerima laporan tersebut dan disokong sebulat suara oleh semua perwakilan.

**1.9 Tamat Sidang I**

Pengerusi Tetap menangguhkan sidang I selepas semua pembentangan selesai dijalankan. Sidang II dimulakan dengan menjemput Saudara Jais bin Abdul Karim, Presiden untuk memulakan sidang Ucapan Dasar Presiden.

**SIDANG II**

**2.1 Ucapan Dasar Presiden**

(rujuk lampiran Ucapan Dasar Presiden)

- Selesai sahaja Saudara Jais Abdul Karim menyampaikan Ucapan Dasar Presiden, Sidang II ditangguhkan pada jam 4.00 petang dan persidangan diteruskan dengan Seminar Tenaga Penggerak Asas BTN.

2.2 Pembentangan Jawatankuasa Persidangan. Sidang 2 diteruskan pada 23 November 2013, jam 2.30 petang, sebaik sahaja selesai Majlis Perasmian Penutup oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Kassim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

**Jawatankuasa Kecil Tauliah**

Saudara Salihuddin Lahamin (Setiausaha GPMS Negeri Kedah), Pengerusi jawatankuasa membentangkan bahawa, setakat jam 6 petang 22 November 2013, seramai 268 orang perwakilan termasuk AMT telah berdaftar bagi menghadiri PAT Kali Ke-59. Tiada pendaftaran baru yang diterima pada hari kedua persidangan.

**Jawatankuasa Kecil Pemandu**

Saudara Nor Halmey Hamdah (Pengerusi GPMS Negeri Perlis), Pengerusi jawatankuasa menerangkan aturcara penuh Sidang 2 dan Sidang 3, dan berharap agar perbahasan dapat dipercepatkan agar persidangan dapat diselesaikan pada hari tersebut.

**Jawatankuasa Kecil Usul**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agong melaporkan bahawa Pusat tidak menerima sebarang usul daripada mana-mana GPMS Negeri mahupun Cawangan dan Cawangan Khas.

**SIDANG III**

**4.1 Membahas Ucapan Dasar Presiden**

Pengerusi Tetap memulakan Sidang III dengan menjemput perwakilan untuk membahas Ucapan Dasar Presiden yang disampaikan pada Sidang II.

i. **Saudara Ahmad Yakqub Nazri, GPMS Negeri Pulau Pinang**

- mengucapkan syabas dan tahniah kepada Saudara Presiden dan semua kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan diatas komitmen yang diberikan bagi menaikkan nama baik GPMS di mata masyarakat dengan penganjuran aktiviti-aktiviti dan program-program pendidikan seluruh negara.
- membahas berkenaan Perkara 5 dalam Ucapan Dasar Presiden iaitu berkenaan pengundi Cina dan pengundi kaum muda yang menentukan kepada kemenangan dan kekalahan UMNO. Beliau menyarankan agar pihak UMNO memainkan peranan lebih proaktif selain GPMS harus membantu dari segi penyaluran maklumat berkenaan perkara tersebut.
- Mencadangkan agar mewujudkan koperasi GPMS bagi menjana pendapatan.

ii. **Saudara Aisamuddin, GPMS Negeri Perlis**

- Mengucapkan terima kasih kepada GPMS Kebangsaan atas kepercayaan diberikan kepada GPMS Negeri untuk menjadi tuan rumah PAT kali tersebut.
- Beliau turut menyarankan agar semua perwakilan semangat pejuang pendidikan bangsa Melayu seharusnya dibangkitkan bermula PAT kali tersebut.

iii. **Saudara Lokman, GPMS Negeri Kedah**

- Beliau memberikan kata-kata aluan kepada semua perwakilan yang hadir
- Beliau menyampaikan perasaan dukacita dan kekecewaan beliau berkenaan kehadiran perwakilan.
- Menyarankan agar memperkasakan agenda Melayu dengan lebih giat lagi
- Turut berharap agar kepimpinan tertinggi kini lebih mesra dan 'ringan mulut' untuk menyapa perwakilan yang hadir semasa persidangan atau program-program GPMS
- Beliau turut menegaskan agar sifat kekeluargaan GPMS perlu ditekankan pada PAT akan datang
- Menyokong sepenuhnya Ucapan Dasar Presiden.

iv. **Saudara Fikri bin Firdaus, GPMS Negeri Sembilan**

- Mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang untuk membahaskan Ucapan Dasar Presiden
- Berkenaan perutusan kepada UMNO, beliau bersetuju agar diedarkan semasa PAU kelak
- Memperkasakan subjek alternatif di sekolah kebangsaan
- Pendekatan perlu diambil bagi melahirkan perubahan dan idea-idea bernas
- Program yang eklusif mengikut peringkat umur

v. **Saudara Mohd Shafiq Ruhaizad, GPMS Wilayah Persekutuan**

- Mengucapkan tahniah kepada GPMS Kebangsaan dan seluruh perwakilan yang hadir PAT pada kali ini
- Berkenaan Perkara 5 Ucapan Dasar Presiden, perlu diambil kira tentang kesan kepada orang Melayu
- GPMS perlu lebih kepada pendidikan dan pelajar-pelajar Melayu
- GPMS merupakan NGO pendidikan yang kuat namun perlu diperkasakan semula dari akar umbi
- Beliau menyokong agar Perkara 5 tersebut diedarkan semasa PAT akan datang

Universiti Utara Malaysia

vi. **Saudara Mohd Farihin Hassan, GPMS Negeri Johor**
- Mengucapkan tahniah di atas penganjuran persidangan kali tersebut
- Syabas dan tahniah kepada Saudara Presiden di atas ucapan yang mantap dan penuh bermaklumat
- Beliau mewakili Pengerusi Negeri yang tidak dapat hadir menyokong sepenuhnya Ucapan Dasar Presiden

vii. **Saudara Mohd Salleh Sidek, GPMS Negeri Selangor**
- Beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada GPMS Kebangsaan dan GPMS Negeri Perlis di atas penganjuran PAT Kali Ke-59
- Berkenaan Perkara 5, beliau mengulas bahawasanya YAB Perdana Menteri terlalu mendekati kaum Cina sehingga hampir mengabaikan kaum Melayu
- Beliau menyarankan agar tuntutan dan kemahuan kaum Cina tidak dilayan dan diabaikan

viii. **Saudara Meor Fidzuan Ramli, GPMS Negeri Perak**
- Beliau mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Saudara Presiden yang sentiasa berjuang demi kelangsungan GPMS di samping kepimpinan Presiden
- Beliau mewakili Pengerusi GPMS Negeri yang tidak dapat hadir, sentiasa menyokong semua keputusan yang dibuat oleh kepimpinan tertinggi kebangsaan.

ix. **Saudara Wan Mohd Azam Wan Rosdy, GPMS Negeri Pahang**
- Ucapan tahniah dan syabas di atas penganjuran persidangan pada kali ini
- Beliau menyarankan agar GPMS Kebangsaan terus mendesak pihak berwajib berkenaan peruntukan kewangan Melayu Islam
- Beliau menyokong cadangan berkenaan edaran Perkara 5 Ucapan Dasar Presiden semasa PAU nanti

x. **Saudara Mohd Amin Abd Rani, GPMS Cawangan Khas UUM**
- Tahniah di atas kejayaan Saudara Presiden menunjangi kepimpinan GPMS Kebangsaan yang sentiasa didokong oleh cawangan-cawangan di peringkat negeri.
- Berkenaan Ucapan Dasar Presiden, beliau mengulas tentang peluang pekerjaan yang terhad dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu kini.
- Beliau turut menyokong agar Perkara 5 Ucapan Dasar Presiden dapat diedarkan pada PAU akan datang.

xi. **Saudara Mohd Hanafi Nordin, GPMS Cawangan Medan, Indonesia**
- Mengucapkan terima kasih atas jemputan wakil daripada GPMS Medan ke PAT pada kali tersebut.
- Beliau mencadangkan agar beberapa lagi cawangan GPMS dapat dibuka di Indonesia.
- Beliau turut mencadangkan agar GPMS Cawangan Medan diberikan peluang untuk menganjurkan PAT pada akan datang.

- Pengerusi Tetap mencadangkan agar Sidang IV dapat diteruskan dan ucapan yang disampaikan dapat diringkaskan bagi membolehkan persidangan dapat ditangguhkan dengan lebih awal.

Universiti Utara Malaysia

**Sidang IV**

**5.1 Ucapan Penangguhan & Memilih Tempat Persidangan Agung Akan Datang**

Sidang V dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi Tetap kepada semua perwakilan yang masih setia berada di PAT sehingga hari yang terakhir. Persidangan diteruskan dengan menjemput semua kepimpinan tertinggi GPMS Kebangsaan, wakil GPMS Negeri dan Cawangan Khas untuk menyampaikan ucapan penangguhan.

i) **Saudara Megat Mohamed Taufiq Megat Ahmad Zainuri (Pengerusi Negeri WP)**
- Ucapan tahniah kepada semua perwakilan dan GPMS Kebangsaan
- berharap agar GPMS Kebangsaan dapat mendesak pihak yang berwajib agar menggubal undang-undang bagi melarang kanak-kanak di bawah umur bekerja ketika masih bersekolah.
- Beliau menyokong 21 prinsip jitu Melayu Hebat.

ii) **Saudara Wan Emril Nizam Wan Embong (Pengerusi Negeri Pahang)**
- Mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua perwakilan yang setia sehingga ke akhir persidangan
- Mencadangkan agar persidangan akan datang diadakan di Pahang
- Menyeru semua kepimpinan tertinggi GPMS bersama-sama akar umbi bangkit dengan lebih kuat untuk terus berjuang demi kelangsungan anak Melayu

iii) **Saudara Kama Kaharmarzuki Kamarudin (Pengerusi Negeri Sembilan)**
- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi dan para perwakilan yang hadir
- Mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau dalam menerajui GPMS Negeri Sembilan
- Menyarankan agar semua ahli GPMS yang telah cukup umur supaya mendaftar sebagai pemilih dalam menjadi penentu nasib bangsa di tanah air
- Beliau menyokong penuh kepimpinan Saudara Presiden dan saf kepimpinan beliau

iv) **Saudara Shahrizal Man Harun (Bendahari Agong/Wakil GPMS Negeri Selangor)**
- Mengalu-alukan semua perwakilan yang masih setia dengan perjuangan GPMS
- Berharap agar GPMS mendesak supaya matapelajaran Sejarah dijadikan subjek wajib lulus
- Menyarankan agar guru-guru baru diberikan alternatif untuk penempatan tempat mengajar

v) **Saudara Shamsul Bahar Abd Rani (Pengerusi Negeri Kedah)**
- Mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua kepimpinan tertinggi GPMS dan para perwakilan yang hadir ke PAT pada kali tersebut
- Mengucapkan terima kasih atas pemilihan GPMS Negeri Kedah menerima Anugerah Aminudin Baki dan berjanji akan lebih giat memperjuangkan agenda GPMS
- Saranan asal sekolah-sekolah harus dibantu dari segi memberikan motivasi dan bantuan pembelajaran tambahan seperti kelas tuisyen percuma
- GPMS juga tidak harus melaksanakan proses Islaminasi dalam memperjuangkan bangsa

vi) **Saudara Muhammad Eizaaz Muhammad Ridzuan (PKP)**
- Mengalu-alukan semua perwakilan yang hadir

Universiti Utara Malaysia

- Mengucapkan terima kasih kepada Saudara Presiden dan Saudara Bendahari Agong yang banyak membantu beliau dan Saudara Mohd Adib Anas menjadi peserta ke program antarabangsa anjuran MBM dan KBS di New York
- Beliau berkongsi pengalaman semasa mengikuti program tersebut di New York:
  - Telah bertemu dengan seorang rakyat Israel yang merupakan bekas askar di negara tersebut.
  - Individu tersebut sama sekali tidak bersetuju dengan kerajaan negara beliau yang menjalankan dasar Israel yang sangat kejam ke atas negara Palestin dan beliau bercita-cita untuk menjelajah ke seluruh dunia termasuk Malaysia untuk berkongsi pengalaman beliau. Namun terbantut kerana kebanyakan negara Islam tidak membenarkan sebarang kemasukan rakyat Israel ke negara tersebut.
  - Individu tersebut mencadangkan agar Saudara Muhammad Eizaaz dapat membantu beliau untuk memasuki Malaysia bagi membolehkan beliau berkongsi pengalaman beliau sepanjang menjadi askar rejim Israel.
  - Saudara Muhammad Eizaaz turut berharap agar lebih ramai penyertaan daripada ahli-ahli GPMS ke program-program antarabangsa kelak demi mendapatkan pengalaman yang menakjubkan sepanjang program tersebut.

vii) **Saudara Mohamed Muzaidee Mohamed Ali (Pengerusi Negeri Pulau Pinang)**

- Tahniah dan syabas kepada semua perwakilan yang hadir ke persidangan yang diadakan jauh di Utara Semenanjung.
- Berharap perjuangan dulu tetap diteruskan demi kelangsungan bangsa Melayu di tanah air tercinta
- Beliau berharap agar semua yang diimpikan dan dihajati menjadi kenyataan supaya anak-anak Melayu tidak merempat di bumi sendiri.

viii) **Saudara Ramzul Iklas Alias (AMT)**

- Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat di atas penganjuran PAT 59 dengan jayanya.
- Berbangga menjadi ahli GPMS kerana GPMS adalah satu platform yang terbaik untuk mahasiswa menambah pengetahuan dalam kepimpinan dan 'public speaking'.
- Sentiasa menyokong dan bersama-sama Saudara Presiden menjalankan agenda GPMS.

ix) **Saudara Nor Halmey Hamdah (Pengerusi Negeri Perlis)**

- Mengalu-alukan semua kepimpinan tertinggi serta semua perwakilan yang hadir dan memohon maaf sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan sepanjang persidangan berlangsung di bawah pantauan beliau selaku tuan rumah
- Beliau ingin mengulas tentang ucapan penangguhan Saudara Muhammad Eizaaz berkenaan membawa masuk rakyat rejim Israel ke Malaysia, beliau menentang sekeras-kerasnya sekiranya cadangan tersebut disokong dan dibantu oleh GPMS.
- Tiada kompromi dalam agama dan beliau berharap agar isu tersebut tidak pernah disebut lagi dalam mana-mana program GPMS.

x) **Saudara Jais Bin Abdul Karim (Presiden)**

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan PAT pada kali 59 tahun 2013 terutamanya Pengerusi Persidangan, Saudara Zambri Mohd Isa (Setiausaha Agong), Saudara Nor Halmey Hamdah selaku tuan rumah, kakitangan

Universiti Utara Malaysia

ibu pejabat GPMS terdiri daripada Saudari Nur Ainun Awang Jati dan Saudara Muhammad Jafizan dan seluruh ahli jawatankuasa PAT. Tahniah kepada perwakilan daripada seluruh negara yang hadir ke PAT pada kali tersebut. Beliau turut mengumumkan bahawa persidangan agung akan datang iaitu tahun 2014 akan diadakan di Pahang dengan GPMS Negeri Pahang akan menjadi tuan rumah. Diikuti GPMS Negeri Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah bagi persidangan agung tahun 2015 yang bakal diadakan di Pulau Pinang.

Beliau mengulas tentang cadangan bagi menubuhkan koperasi GPMS di setiap cawangan seluruh negara, adalah cadangan yang baik dan bersetuju sepenuhnya agar cadangan tersebut dapat direalisasikan pada tahun hadapan. Berkenaan Perkara 5 dalam teks Ucapan Dasar Presiden yang disampaikan oleh beliau semasa Sidang 2 dan telah dibahas oleh para perwakilan, beliau dan pasukan beliau akan mengedarkan lampiran tersebut semasa Persidangan Agung UMNO pada minggu hadapan, setelah dipersetujui oleh semua perwakilan. Beliau berharap agar UMNO akan terus mempertahankan Islam dan Melayu di bumi bertuah ini.

Beliau menyatakan kekecewaan beliau kepada segelintir perwakilan termasuk beberapa orang AMT yang kurang memberikan kerjasama dalam menghadiri Seminar Tenaga Penggerak Asas BTN yang diadakan sebelum itu. Beliau berharap agar pada masa akan datang, semua ahli GPMS harus lebih peka dan bertanggungjawab dalam melaksanakan sebarang aktiviti dan program yang melibatkan pihak luar terutamanya pihak penaja.

Beliau turut mengulas berkenaan sifat kekeluargaan GPMS yang kian pudar, seperti yang disampaikan oleh perwakilan daripada GPMS Negeri Kedah, tentang AMT yang kini kurang mesra dengan perwakilan yang hadir ke persidangan. Beliau beranggapan bahawa AMT terlepas pandang perkara tersebut dan tidak semua AMT yang bersifat sedemikian. Beliau mencadangkan agar semasa berakhirnya persidangan tersebut, semua AMT akan beratur di atas pentas dan semua perwakilan akan naik ke pentas untuk saling bersalaman dan bertegur sapa demi mengeratkan kembali jalinan kekeluargaan GPMS.

Beliau menyatakan rasa terkilan dan sedih apabila ada sebilangan ahli GPMS yang telah mengikuti program antarabangsa di luar negara, sekembalinya ke Malaysia, sama seperti kacang lupakan kulit. Individu tersebut didapati kurang memberikan masa dan tenaga dalam program-program GPMS seolah-olah GPMS bukan dalam tahap yang sepatutnya mereka masuki. Perkara tersebut sedikit sebanyak menjadi darah dalam daging beliau dan berharap agar mana-mana ahli GPMS yang berjaya untuk pergi ke program antarabangsa dapat memberikan kerjasama dan berkongsi pengalaman dengan adik-adik di sekolah rendah mahupun menengah.

Berkenaan peruntukan daripada Pusat, beliau memaklumkan bahawa Pusat tidak pernah menolak untuk memberikan sumbangan dari segi kewangan mahupun barang-barang sekiranya dimohon oleh Cawangan atau GPMS Negeri. Beliau mengingatkan bahawa permohonan haruslah mengikut format iaitu menghantar memo sama ada melalui faksmili atau emel kepada beliau atau staf ibu pejabat.

Beliau turut mengulas tentang ahli GPMS Cawangan Khas yang telah tamat belajar di institusi masing-masing, masih boleh berkhidmat dengan GPMS cawangan mahupun

Universiti Utara Malaysia

GPMS Negeri atau GPMS Kebangsaan. Memberi khidmat dan komitmen dalam perjuangan pendidikan dan agenda Melayu sentiasa diperlukan demi kelangsungan Islam dan Melayu. BELAJAR TERUS BELAJAR.

xi) **Saudara Hasanul Amir Bin Abdul Halim (Pengerusi Tetap)**
Saudara Pengerusi Tetap mengucapkan terima kasih kepada semua wakil yang telah memberikan ucapan penangguhan. Selain itu, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan yang hadir selama dua hari berturut-turut demi perjuangan dan cintakan GPMS. Seterusnya, beliau mengumumkan PAT kali ke-60 akan datang akan diadakan di negeri Pahang pada tarikh yang akan diumumkan kemudian melalui notis.

**6 Persidangan ditangguhkan dengan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kira-kira jam 6.00 petang pada 23 November 2013.**

Disediakan oleh:

**(ZAMBRI BIN MOHD ISA)**
Setiausaha Agong
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

Disahkan oleh:

**(JAIS BIN ABDUL KARIM)**
Presiden
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

UUM
Universiti Utara Malaysia

**PERINGATAN PERSIDANGAN AGUNG TAHUNAN KALI KE-60 (2014)**
**GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG**

**TARIKH : 5 HINGGA 7 DISEMBER 2014**
**TEMPAT : DEWAN BESAR SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN HAJI AHMAD SHAH, PEKAN, PAHANG.**

**KEHADIRAN AHLI MAJLIS TERTINGGI :**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | SDR HASANUL AMIR B. ABDUL HALIM | : | PENGERUSI TETAP |
| 2. | SDR MOHD HAZIMIN B. JAMALUDIN | : | TIMBALAN PENGERUSI TETAP |
| 3. | SDR JAIS B. ABDUL KARIM | : | PRESIDEN |
| 4. | SDR EZARUDDIN B. ABDUL RAHMAN | : | TIMBALAN PRESIDEN |
| 5. | SDR HAJI HISHAMUDDIN B. ABD RAHMAN | : | NAIB PRESIDEN |
| 6. | SDRI RAFIDAH BT. MOHD ARIFIN | : | NAIB PRESIDEN (HEW) |
| 7. | SDR ZAMBRI B. MOHD ISA | : | SETIAUSAHA AGUNG |
| 8. | SDR MOHD SALLEH B. TUGIMIN | : | PEN SETIAUSAHA AGUNG |
| 9. | SDR MUHAMMAD EIZAAZ B. M.REDZUAN | : | BENDAHARI AGUNG |
| 10. | SDR KHAIRUL ADHA B. MADZLAN | : | AMT |
| 11. | SDRI NOR AIN BT. AZMEE | : | AMT |
| 12. | SDR MOHD FAIZAL B. ZULKIFLY | : | AMT |
| 13. | SDR RAMZUL IKLAS B. ALIAS | : | AMT |
| 14. | TUAN HAJI EKMA FAROZA B. KAMARUDIN | : | AMT |
| 15. | SDR MOHD REDZUAN B. MOHAMED YUSOFF | : | AMT |
| 16. | SDR MOHD FAIDHAN B. ISTIAQ AHMAD | : | AMT |
| 17. | SDR MOHD FIRDAUS B. JAMALUDIN | : | AMT |
| 18. | SDR MUHD FAZREEN ISMADI B. FAUZI | : | AMT |

**KEHADIRAN KAKITANGAN IBU PEJABAT**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19. | SDRI NUR AINUN BT. AWANG JATI | : | SETIAUSAHA KERJA |
| 20. | SDR MUHAMMAD JAFIZAN B JAAPAR | : | PEMBANTU TADBIR |

**Tidak Hadir dengan maaf:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | SDR MOHD ALIF ANAS B. MD NOOR | : | NAIB PRESIDEN |
| 2. | YB DATO' HAJI IRMOHIZAM B. IBRAHIM | : | NAIB PRESIDEN |
| 3. | SDR MOHD ADIB ANAS B. MD NOOR | : | KETUA PENERANGAN |
| 4. | SDR KHAIRUL ADHA B. MADZLAN | : | AMT |

**Kehadiran Perwakilan Negeri, Cawangan dan Cawangan Khas:**
*rujuk Lampiran 1.

**SIDANG I**



Universiti Utara Malaysia

**1.1 Ucapan Aluan Pengerusi Tetap Persidangan**

Saudara Hasanul Amir Abdul Halim, Pengerusi Tetap yang mempengerusikan persidangan mengalu-alukan kedatangan para perwakilan ke Persidangan Agung Tahunan GPMS Kali ke-60 tahun 2014.

**1.2 Bacaan Mukaddimah GPMS dan Do'a**

Saudara Mohd Hafizul mengetuai bacaan Mukadimah GPMS manakala Sdr Azdy Mohd Arshad mengimamkan bacaan doa pembukaan PAT.

**1.3 Kata-kata Aluan Pengerusi PAT 60**

Saudari Arwisiati Mohd Salleh, Naib Pengerusi (HEW) GPMS Negeri Pahang mewakili Saudara Wan Emril Nizam bin Wan Embong, Pengerusi GPMS Negeri juga merupakan Pengerusi PAT 60 memberikan kata-kata aluan kepada Ahli Majlis Tertinggi GPMS Kebangsaan, tetamu jemputan dan semua perwakilan. Beliau melahirkan perasaan syukur kerana semua perwakilan dari seluruh negara telah tiba di tempat persidangan dengan selamat dan mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan. Selain itu, Saudari Arwisiati menerangkan aturcara sepanjang persidangan tersebut berlangsung selama 3 hari 2 malam, kedudukan setiap lokasi persidangan, dewan makan dan penginapan dan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan sepanjang PAT.

**1.4 Menerima dan Mengesahkan Korum PAT 60**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agung menyatakan bahawa setakat jam 6 petang hari tersebut, seramai 328 perwakilan yang hadir termasuk AMT Kebangsaan dan menyatakan bahawa mengikut Perlembagaan GPMS, korum mencukupi untuk meneruskan persidangan.

Saudara Pengerusi Tetap menjemput perwakilan untuk menerima dan mengesahkan jumlah kehadiran perwakilan PAT 60. Saudara Mohd Faizal Zulkifly, AMT mencadangkan agar menerima dan mengesahkan korum PAT 60 dan telah disokong sebulat suara oleh para perwakilan yang hadir.

**1.5 Perlantikan Jawatankuasa Kecil Tauliah / Pemandu / Usul**

Saudara Khairul Adha Madzlan, AMT mencadangkan untuk Jawatankuasa Kecil Tauliah dipengerusikan oleh GPMS Negeri Melaka, Jawatankuasa Kecil Pemandu dipengerusikan oleh GPMS Pahang dan Jawatankuasa Kecil Usul dipengerusikan oleh GPMS Negeri Perlis. Saudara Ahmad Yakqub Nazri, GPMS Pulau Pinang menyokong cadangan tersebut dan diterima sebulat suara oleh semua perwakilan yang hadir.

**1.6 Menerima Minit Mesyuarat PAT 59**

Saudara Zambri bin Mohd Isa selaku Setiausaha Agung membentangkan minit mesyuarat PAT yang ke-59 yang lalu dan memohon untuk diluluskan. Minit mesyuarat ini telah dicadang untuk diterima oleh Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agung dan disokong sebulat suara oleh semua perwakilan yang hadir.

**1.7 Menerima dan Mengesahkan Laporan Aktiviti Tahunan**

Saudara Zambri Mohd Isa, Setiausaha Agung menyatakan bahawa laporan aktiviti tahunan GPMS Kebangsaan, Negeri dan Cawangan seperti tahun-tahun sebelumnya, dibukukan dalam Majalah Suara GPMS 2014, sedang dalam proses pembikinan dan bakal diterbitkan pada awal

Universiti Utara Malaysia

Mac 2015. Beliau memohon cadangan daripada perwakilan untuk menerima laporan aktiviti tahunan. Semua perwakilan setuju sebulat suara menerima laporan aktiviti tahunan.

**1.8 Membentang dan Menerima Laporan Kewangan Tahunan**

Saudara Muhammad Eizaaz bin Muhammad Redzuan, Bendahari Agung membentangkan laporan kewangan bermula Januari 2014, sehingga Oktober 2014 dan memohon semua perwakilan merujuk lampiran yang diberikan. Beliau memohon cadangan daripada perwakilan untuk menerima laporan kewangan tahunan. Saudara Muhammad Fauzi Markanah, GPMS Wilayah Persekutuan mencadang untuk menerima laporan tersebut dan disokong sebulat suara oleh semua perwakilan.

**1.9 Tamat Sidang I**

Pengerusi Tetap menangguhkan sidang I selepas semua pembentangan selesai dijalankan. Sidang II dimulakan dengan menjemput Saudara Jais bin Abdul Karim, Presiden untuk memulakan sidang Ucapan Dasar Presiden.

**SIDANG II**

**2.1 Ucapan Dasar Presiden**

(rujuk lampiran Ucapan Dasar Presiden)

- Selesai sahaja Saudara Jais Abdul Karim menyampaikan Ucapan Dasar Presiden, Sidang II ditangguhkan pada jam 10.30 malam.

2.2 Membahas Ucapan Dasar Presiden. Sidang 2 diteruskan pada 6 Disember 2014, jam 4 petang, sebaik sahaja selesai Majlis Perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II.

2.3 **Saudara Fikree Zulkifli, GPMS Cawangan Khas:**

- ➢ Tahniah kepada Presiden dan saf kepimpinan GPMS Kebangsaan di atas penganjuran pelbagai program di peringkat kebangsaan.
